KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
*Ministry of Defence Malaysia*



# LAPORAN TAHUNAN | 2009
Annual Report

# KANDUNGAN
## *content*


| | | |
|---|---|---|
| **PERUTUSAN** | | ***MESSAGES*** |
| Menteri Pertahanan Malaysia | 4 | *Minister of Defence Malaysia* |
| Ketua Setiausaha | 7 | *Secretary General* |
| Panglima Angkatan Tentera | 10 | *Chief of Armed Forces* |
| **MAKLUMAT KORPORAT** | | ***CORPORATE INFORMATION*** |
| Carta Organisasi | 14 | *Organisational Chart* |
| Mengenali Kementerian Pertahanan | 16 | *About the Ministry of Defence* |
| Visi | 16 | *Vision* |
| Misi | 16 | *Mission* |
| Objektif | 16 | *Objective* |
| Piagam Pelanggan | 16 | *Client's Charter* |
| **PRESTASI KEMENTERIAN** | | ***MINISTRY'S PERFORMANCE*** |
| Prestasi Bajet | 17 | *Budget Performance* |
| Bahagian Perolehan | 25 | *Procurement Division* |
| Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 29 | *Human Resources Management Division* |
| Bahagian Pengurusan Maklumat | 35 | *Information Management Division* |
| Bahagian Pembangunan | 43 | *Development Division* |
| Bahagian Pentadbiran | 47 | *Administration Division* |
| Bahagian Undang-undang | 55 | *Legal Division* |
| Jabatan Ketua Hakim Peguam | 59 | *Department of Justice Council* |
| Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) | 65 | *Malaysian Armed Forces Veteran Affairs Department* |
| Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) | 79 | *National Service Training Department* |
| Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) | 93 | *Science and Technology Research Institute of Defence* |
| Depot Simpanan Pertahanan | 97 | *Defence Reserve Depot* |
| Kementerian Pertahanan Cawangan Sabah & Sarawak | 107 | *Sabah & Sarawak MINDEF* |
| Sekretariat Majlis Angkatan Tentera (SMAT) | 113 | *Secretariat of Armed Forces Council* |
| Unit Komunikasi Korporat | 117 | *Corporate Communications Unit* |
| Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) | 125 | *Ex-Armed Forces Affairs Corporation* |
| **PRESTASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA** | 131 | ***MALAYSIAN ARMED FORCES PERFORMANCE*** |
| Tentera Darat Malaysia | 148 | *Malaysian Army* |
| Tentera Laut Diraja Malaysia | 165 | *Royal Malaysian Navy* |
| Tentera Udara Diraja Malaysia | 172 | *Royal Malaysian Air Force* |
| Markas Angkatan Bersama | 181 | *Joint Task Forces* |
| **PUSPANITA, BAKAT & KAKEP** | 187 | ***PUSPANITA, BAKAT & KAKEP*** |
| **DIARI** | 203 | ***DIARY*** |




# PERUTUSAN
## MESSAGES



# MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA
## *Minister of Defence Malaysia*

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh dan salam 1 Malaysia.**

Alhamdullilah, tahniah dan terima kasih diucapkan kepada seluruh warga Kementerian Pertahanan, sektor awam dan tentera yang telah berjaya melaksanakan agenda Kementerian Pertahanan dengan begitu baik sepanjang tahun 2009.

Tahniah diucapkan atas kejayaan menerbitkan buku Laporan Tahunan Kementerian Pertahanan 2009 ini.

Sesungguhnya kerajaan sentiasa komited untuk terus meningkatkan keupayaan institusi pertahanan Negara yang meliputi peningkatan teknologi peralatan dan kelengkapan serta kualiti modal insan supaya kementerian terus berdaya saing dan dihormati. Apabila YAB Perdana Menteri mengambil alih tampuk pemerintahan Negara pada 3 April yang lepas, Perdana Menteri telah memperkenalkan paradigma baru dalam aspek prestasi dan penyampaian perkhidmatan awam iaitu pemantauan prestasi dan pencapaian Jemaah Menteri berpaksikan atas 'Petunjuk Prestasi Utama' ataupun lebih dikenali sebagai (Key Performance Indicators – KPI). Semua Kementerian wajib mengenalpasti NKRA atau lebih dikenali sebagai Ministry National Key Area. Ia berkaitan prestasi pencapaian Kementerian akan dinilai berteraskan kepada NKRA tersebut. Saya percaya dengan adanya sistem ini, akan lebih memantapkan struktur dan proses pentadbiran dalam usaha memastikan kesiagaan barisan pertahanan Negara.

Seperti yang ditekankan, untuk mencapai KPI, Kementerian memerlukan pegawai awam dan ATM yang mempunyai keseimbangan di antara kecerdasan

***Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh and salam 1 Malaysia.***

*Alhamdulillah, congratulations and thank you to all members of the Ministry of Defence, public sector and the army who have succeeded in implementing the agenda of the Ministry very well throughout the year 2009.*

*Congratulations on the success in publishing the Ministry of Defence Annual Report 2009.*

*In reality, the government is always committed to continuously enhance the National Defence institution, which includes upgrading the technology of equipments and tools and the quality of its human capital so that the ministry will continue being competitive and respected. When the YAB Prime Minister took over the National leadership on the 3rd of April last year, the Prime Minister introduced a new paradigm in the public service performance and delivery aspects, which were performance monitoring, and the achievements of the 'Cabinet Ministers' based on the Key Performance Indicators (KPI). It is compulsory for all Ministries to identify the NKRA or better known as the Ministry National Key Area. It is related to the achievement performance of the Ministry which will be assessed based on the NKRA. I believe that the existence of this system will strengthen the structure and process of the administration in its effort to ensure that the National Defence is always ready to face any challenges.*

*As emphasized, in order to achieve the KPI, the Ministry needs public officers and the MAF that are balanced in terms of intellectual, emotional and spiritual intelligence which*

intelektual, emosional dan spiritual yang sekaligus akan memberikan kesan langsung atas prestasi kerja yang lebih produktif dan bermutu. ESQ merupakan perintis latihan yang mengasah elemen spiritual, emosi dan intelektual seseorang. ESQ adalah suatu inovasi terkini yang bertujuan untuk membangkitkan dimensi spiritual manusia.

*together, will lead to direct effect on a more productive and quality work performance. ESQ is the forerunner training, which sharpens the spiritual, emotional and intellectual elements of a person. ESQ is the latest innovation with a purpose of arousing humans spiritual dimension.*

Kerajaan melalui Kementerian Pertahanan juga sentiasa komited menjaga kebajikan warga ATM dengan mengumumkan beberapa inisiatif serta mengkaji semula elaun warga ATM dan elaun veteran ATM. Kenaikan elaun khasnya kepada penerima pingat keberanian adalah merupakan satu manifestasi pengiktirafan dan keprihatinan kerajaan terhadap jasa, pengorbanan dan komitmen jitu mereka dalam memelihara keamanan, ketenteraman awam dalam mempertahankan kedaulatan negara.

*The government, through the Ministry of Defence is also always committed to look after the welfare of the MAF members by announcing various initiatives and reviewing the allowances for the MAF members and MAF veterans. Allowance increments especially for the bravery medal recipients are a manifestation of government acknowledgment and concern over their loyal services, sacrifices and solid commitments in maintaining peace among the public and defending the sovereignty of the nation.*

Kementerian Pertahanan telah berjaya menjayakan Pameran LIMA 2009 yang telah diadakan di Langkawi, Kedah mulai 1 hingga 5 Disember 2009. Penganjuran Program tersebut secara langsung telah mempromosikan Kementerian Pertahanan di samping itu, pameran tersebut juga turut memperkasakan ekonomi dan imej Negara di arena antarabangsa.

*The Ministry of Defence had successfully conducted the LIMA Exhibition 2009, which was held in Langkawi, Kedah from 1st to 5th December 2009. Organizing the Program has directly promoted the Ministry of Defence and besides, the exhibition has also strengthened the economy and image of the Nation in the international arena.*

Kementerian Pertahanan juga telah berjaya memperolehi Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S. Sesungguhnya kejayaan ini telah meningkatkan nilai tambah kepada pembudayaan budaya kerja berprestasi tinggi di Kementerian Pertahanan.

*The Ministry of Defence also succeeded in obtaining the Quality Environmental Practices 5S Certificate. Surely this success has increased the added value to the high performance of the working culture in the Ministry of Defence.*

Selain dari itu, penerimaan dan pengoperasian kapal selam pertama Negara 'KD Tunku Abdul Rahman' sebagai aset terkini Negara merupakan satu kebanggaan kepada kita semua. Aset strategik ini bertujuan untuk menyempurnakan keupayaan pertahanan Negara dalam usaha memantapkan Angkatan Tentera Malaysia sebagai angkatan yang seimbang, kredibel dan berwibawa.

*Apart from that, the acceptance and operations of the Nation's first submarine 'KD Tunku Abdul Rahman' as the Nation's latest asset has become our pride. The purpose of this strategic asset is to enhance the capability of the National Defence in an effort to strengthen the Malaysian Armed Forces towards becoming a force which is balanced, credible and respectable.*

Dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam, saya yakin melalui penekanan terhadap aspek peningkatan kualiti, integriti dan saling bekerjasama, dapat meningkatkan keupayaan ATM melalui proses transformasi dengan perolehan aset berasaskan teknologi terkini di samping pembangunan modal insan yang berkualiti untuk membentuk perkhidmatan awam bertaraf dunia.

*With the government's effort to improve the quality of public service, I am confident that by emphasizing on aspects of quality and integrity enhancement and cooperation, the capability of the Malaysian Armed Forces will also be upgraded through a transformation process by procuring latest technology based assets in addition to quality human capital development to become a world class public service.*

Saya yakin dengan adanya warga kerja yang dedikasi, komited terhadap kerjaya, amanah terhadap tanggungjawab di samping memiliki sasaran kerja yang jelas, maka hasrat untuk merealisasikan dan menjayakan konsep HANRUH akan menjadi satu kenyataan yang dapat dicapai. Usaha gigih khasnya dalam penubuhan pasukan Askar Wataniah di setiap kawasan Parlimen akan menambah bilangan keanggotaan Askar Wataniah di seluruh Negara. Usaha ini memerlukan komitmen yang jitu dari ahli–ahli Parlimen dan pemimpin masyarakat setempat bagi merialisasikan hasrat kerajaan untuk mencapai keanggotaan Askar Wartaniah di paras yang diperlukan. Dalam konteks ini, keupayaan Askar Wartaniah harus dipertingkatkan dalam semua bidang agar dapat memainkan peranan sekali gus menjadikan ATM memiliki tahap kesiapsiagaan yang tinggi, dihormati serta menjadikan keselamatan rakyat dan Negara lebih terjamin.

*I'm sure with the existence of personnel who are dedicated, committed to their careers, and trustworthy towards their responsibilities apart from having a clear work target, the intention to realize and make the HANRUH concept a success will become a reality that can be achieved. The hard work that has been put in especially in establishing this effort requires solid commitment from members of Parliament and community leaders to realize the government's intention to achieve the required level of the Reserve Army membership. In this context, the capability of the Reserve Army has to be upgraded in all fields so that they can play their roles and thus ensure that the MAF is at a high level of alertness, respectable and therefore ensure the safety of the Nation and its people.*

Saya percaya penerbitan Laporan Tahunan ini boleh menjadi sumber informasi yang dapat memaparkan pencapaian pelbagai program, aktiviti dan kejayaan Kementerian dengan lebih tepat kepada rakyat. Ini membolehkan masyarakat mendapat gambaran sebenar serta menilai akan peranan, tanggungjawab dan usaha–usaha Kementerian Pertahanan dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang demi kepentingan Negara.

*I believe that the publication of this Annual Report can be a source of information which describes the achievements of various programs, activities and the success of the Ministry more accurately to the people. It enables the people to get a true picture and evaluate the roles and responsibilities and efforts put in by the Ministry of Defence in providing excellent service for the sake of the National interest.*

Akhir sekali, saya ingin menyeru kepada semua warga Kementerian Pertahanan dan ATM agar terus mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan kerjasama yang telah wujud selama ini demi mencapai hasrat murni demi bangsa, agama dan Negara.

*Lastly, I would like to call on all members of the Ministry of Defence and the Malaysian Armed Forces to continue upgrading the quality of service and cooperation that have existed all this while to fulfill our aspiration for the sake of race, religion and the Nation.*

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh

*Thank you. Wabillahi taufik walhidayah Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh*

**DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI**
Menteri Pertahanan Malaysia
*Minister of Defence, Malaysia*



## KETUA SETIAUSAHA PERTAHANAN MALAYSIA

## *Secretary General Ministry of Defence*

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Bismillahirrahmanirrahim,**
**Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh dan salam sejahtera.**

Segala puji–pujian bagi Allah S.W.T serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya jua kita dapat terus menyumbang ke arah memartabat dan memperkasakan Kementerian Pertahanan sejajar dengan Dasar Pertahanan Negara. Untuk kesekian kalinya, Laporan Tahunan Kementerian Pertahanan 2009 dapat direalisasikan penerbitannya. Laporan ini amat penting untuk dijadikan rujukan dan panduan dalam menilai pencapaian Kementerian Pertahanan sepanjang tahun 2009 dan seterusnya membuat penambahbaikan ke atas perkara–perkara yang perlu supaya segala program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lebih efisyen dan teratur.

Bagi menjana dan merealisasikan Objektif Dasar Pertahanan Negara, Bajet Pembangunan, di bawah Rancangan Malaysia ke–9 Kementerian Pertahanan telah diperuntukkan sebanyak RM13.1 billion bagi melaksanakan projek infrastruktur dan perolehan kelengkapan. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM 10.6 billion adalah merupakan peruntukan keseluruhan peruntukan Belanja Mengurus (OE). Manakala Belanja Pembangunan (DE) adalah sebanyak RM 2.3 billion. Prestasi Belanja Mengurus bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM 11.3 billion atau 106.21% daripada peruntukan yang disediakan. Adalah dinyatakan bahawa bagi Anggaran Belanja Mengurus tiada sebarang peruntukan tambahan akan dipertimbangkan dalam tahun 2010. Maka semua prorgram dan perkhidmatan hendaklah mengamalkan pengurusan kewangan yang berdisiplin dan berhemah. Ini bermakna segala perbelanjaan hendaklah berdasarkan kepada peraturan–peraturan yang telah ditetapkan dan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan. Perbelanjaan hendaklah dibuat secara berhemah, teliti, cekap dan

***Bismillahirrahmanirrahim,***
***Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh and a very good day to all***

*All praises for Allah S.W.T and blessings and peace upon our beloved Prophet Muhammad S.A.W. A million thanks to Allah S.W.T because with His consent we are able to keep on contributing towards strengthening and upgrading the Ministry of Defence in line with the National Defence Policy. For the umpteenth time, the publication of the 2009 Ministry of Defence Annual Report was successfully published. It is very important for this report to be used as a reference and guide in evaluating the achievements of the Ministry of Defence throughout 2009 and go on from there to make improvements on the implementation of the programs that have been planned efficiently and systematically.*

*In order to generate and fullfill the National Defence Policy Objective, the Development Budget, under the Ministry of Defence's 9th Malaysian Plan has allocated RM13.1 billion to implement the infrastructure project and procurement of equipments. Out of that amount, RM 10.6 billion made up the total allocation for Operating Expenditure (OE) whereas the Development Expenditure was RM 2.3 billion. The performance for Operating Expenditure for the year 2009 was RM 11.3 billion or 106.21% of the allocation. It was stated that for the Operating Expenditure Estimation, no additional allocation would be considered in 2010. Therefore, all programs and services must adopt and practice a disciplined and prudent financial management. It means that all expenditures must be based on the rules that have been set and not exceeded the approved allocation. Expenditures must be made prudently, carefully, efficiently and effectively also, it must be ensured that the expenditures provide a Value–For–Money returns to the Ministry of Defence so that the respective financial management is at a manageable and transparent level.*

berkesan serta memberikan pulangan Value–For–Money kepada Kementerian Pertahanan supaya pengurusan Kewangan masing–masing berada pada tahap terkawal dan telus.

Dengan jumlah peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan ini, wajarlah setiap pegawai dan penjawat awam memberikan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan semua program dan aktiviti yang telah diluluskan supaya mencapai matlamat dan sasarannya agar kebajikan dan hal ehwal Kementerian khususnya Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa terpelihara. Semua pihak tanpa mengira program dan perkhidmatan hendaklah mengamalkan pengurusan kewangan yang berdisiplin dan berhemah.

*With the allocation provided by the government, it would be most proper for every officer and public incumbent to be highly committed in implementing all approved programs and activities to achieve its goals and targets so that the welfare and affairs of the Ministry especially the Malaysian Army are always protected. All quarters, regardless of programs and service should adopt and practice disciplined and prudent financial management.*

Sehingga penghujung tahun 2009, prestasi perbelanjaan keseluruhan rancangan Malaysia Ke–9 bagi Kementerian Pertahanan adalah berjumlah RM 14.7 bilion iaitu 100.38% daripada keseluruhan siling yang diluluskan. Manakala dibawah Pakej Ransangan Ekonomi Pertama (PRE 1) pula, sejumlah 2,765 projek dari 2,833 projek telah siap dilakasnakan yang mana Kementerian Pertahanan telah membayar sejumlah RM236.24 juta atau 94.5 daripada RM250 juta wang yang telah diperuntukan. Manakala bagi Pakej Ransangan Ekonomi Kedua pula, kesemua 10 projek yang dirancang telah dikeluarkan surat setuju terima. Projek–projek ini melibatkan skop pengubahsuaian dan pembaikan kem.

*Up to the end of 2009, the expenditure performance for the whole of the 9th Malaysian Plan for the Ministry of Defence amounted to RM 14.7 billion, which was 100.38% of the total ceiling approved. Where as under the First Economic Stimulation Package (PRE 1), a total of 2,765 projects out of 2,833 projects have been completed whereby the Defence Ministry has paid RM236.24 million or 94.5% of the RM250 million allocated. As for the Second Economic Stimulation Package, all the 10 projects planned have had their acceptance agreement letters. These projects involve the ministry innovation and upgrading scope.*

Salah satu ukuran prestasi perkhidmatan yang baik ialah arahan pembayaran bil kepada kontraktor perlu dibuat dalam tempoh 14 hari. Kerajaan akan terus memantau perkembangan agensi berhubung pembayaran dalam tempoh tersebut bagi bil–bil yang sempurna dan berdokumen lengkap. Pihak Kementerian Pertahanan sentiasa memastikan aduan pelanggan terhadap permasalahan bayaran bil lewat dapat dibendung sepenuhnya kerana ia penting dalam membantu menjana pertumbuhan ekonomi negara.

*One of the appropriate yardsticks to gauge the service performance is the instruction to pay the bills to the contractors within a period of 14 days. The government will keep on monitoring the development of agencies in terms of payments within the time period for bills that are completed and attached with necessary documents. The Ministry of Defence always ensures that complaints from clients on the problems of delayed bill payments will be fully under control because it is important in generating the national economic growth.*

Kementerian Pertahanan telah dianugerahkan Persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S pada bulan November 2009 yang lalu. Dengan pengiktirafan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S yang diperolehi ini, sedikit sebanyak mampu menjana kecemerlangan Kementerian Pertahanan kearah menjadikan Kementerian Pertahanan sebagai sebuah Kementerian yang bertaraf 5 bintang. Tahun 2009, saya percaya semua warga Kementerian dan ATM telah berusaha untuk meningkatkan kerjasama dan melipat gandakan usaha dalam mencapai matlamat strategik Kementerian Pertahanan dan Negara.

*The Ministry of Defence was awarded the Certificate of Quality Environmental Practice 5S in November 2009. With the Quality Environmental Practices 5S obtained, it more or less able to generate excellence in the Ministry of Defence towards molding the Ministry into becoming a 5 star rated Ministry. In 2009, I believe that all members of the Ministry and the Malaysian Armed Forces have put in a lot of effort to enhance the cooperation and doubled the effort to achieve the strategic goals of the Ministry of Defence and the Nation.*

Dalam usaha mencapai prestasi dan impak yang tinggi melalui Pelan Pembangunan Nasional, Misi Nasional telah mengenal pasti lima teras utama. Kementerian

*In an effort to achieve a high performance and impact through the National Development Plan, the National Mission has identified five main cores. The Ministry of*

Pertahanan dan ATM akan terus berganding bahu melaksanakan aktiviti–aktiviti ke arah mencapai matlamat kesemua teras tersebut dengan menitik beratkan teras yang kedua dan kelima iaitu teras yang lebih signifikan dengan kedudukan kita dalam aspek keselamatan negara. Memperkasa belia melalui Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan mengukuhkan keupayaan Institusi dan pelaksanaan. Dengan melihat semula kedudukan kita dalam memusatkan usaha dan produktiviti ke arah pencapaian teras dan matlamat ini, sumbangan kita dalam merealisasikan hasrat misi nasional adalah lebih tinggi.

Dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan mutu Perkhidmatan Awam, aspek peningkatan kualiti dan intergriti pegawai dan kakitangan akan diberi penekanan sejajar dengan hasrat kerajaan untuk membentuk Perkhidmatan Awam bertaraf dunia. Kita tidak seharusnya berpuas hati dengan peningkatan prestasi kerja yang telah kita capai tetapi kita haruslah menanamkan sikap positif untuk terus meningkat dari masa ke semasa dan inilah cabaran sebagai warga Kementerian Pertahanan. Saya yakin dan percaya, dengan sistem pengurusan yang cekap dan kerjasama yang erat antara warga awam dan tentera, Kementerian Pertahanan akan terus menjadi sebuah organisasi yang disegani dan mengekalkan monopoli sebagai Kementerian berprofil tinggi.

Sememangnya pelbagai usaha berterusan sedang dilaksanakan oleh Kementerian dengan membuat penambahbaikan dan kajian semula berkaitan organisasi dan aspek pengurusan. Adalah diharapkan agar melalui penambahbaikan dan kajian semula ini, Kementerian dapat membina paradigma baru dalam memenuhi tuntutan semasa untuk memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti, cepat dan telus.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga Kementerian, awam dan tentera yang telah memberi komitmen yang tinggi dalam memastikan Kementerian Pertahanan terus cemerlang.

Sekian, Wassalam,

*Defence and the Malaysian Army will continue working hand in hand in implementing activities towards achieving the goals of all the cores by emphasizing the second and fifth cores which are more significant with our position in the national safety aspect. Strengthening the youth through the National Service Program (NSTP) and enhancing the ability of the Institution and implementation. By reviewing our position in focusing our effort and productivity towards achieving the core and goal, our contribution in realizing the intention of the National Mission is higher.*

*With the government's effort to upgrade the quality of Public Service, the quality and integrity aspects of the officers and staff will be emphasized in line with the government's intention to develop a world class Public Service. We should not be satisfied with the increased work performance that we have achieved but instead we should instill a positive attitude to keep on improving from time to time and this is the challenge we are facing as members of the Ministry of Defence. I am confident and I believe that, with an efficient management system and a close cooperation between the public and the army, the Ministry of Defence will continue to become a respectable organization and maintain its monopoly as a high profile Ministry.*

*The Ministry is implementing various and continuous efforts in upgrading and reviewing aspects related to organizational and management aspects. It is hoped that through the improvement and review, the Ministry will be able to develop a new paradigm in rising up current challenges in order to provide a higher quality, fast and transparent service.*

*Lastly, I would like to express my deepest appreciation to all members of the Ministry, the public and the army who have given their full commitment in ensuring that the Defence Ministry maintains its excellence.*

*Thank you, Wassalam,*



**DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH**
Ketua Setiausaha
***Secretary General***



## PANGLIMA ANGKATAN TENTERA
### *Chief of Armed Forces*

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana secara keseluruhannya, tahun 2009 menyaksikan kesinambungan perkembangan yang positif bagi ATM bukan sahaja dalam aspek pembangunan angkatan, bahkan keupayaannya menangani isu–isu keselamatan negara dan serantau. Walau pun krisis kewangan global yang melanda negara sepanjang tahun lalu merupakan faktor kekangan kepada agenda pembangunan ATM, namun ianya tetap diteruskan dengan berlandaskan konsep ‘perbelanjaan berhemah’. Ini dapat dilihat dengan penerimaan kapal selam pertama kita iaitu KD TUNKU ABDUL RAHMAN serta kumpulan terakhir kereta kebal PT–91 dan pesawai pejuang Sukhoi.

Di samping itu, ATM turut menyalurkan sejumlah besar peruntukan bagi memenuhi keperluan peningkatan keupayaan setiap cabang Perkhidmatan iaitu Darat, Laut dan Udara dalam pelbagai aspek baik sistem persenjataan dan teknologi, sumber manusia mahupun kebajikan dan kualiti hidup warganya menerusi pelan pembangunan keupayaan ATM yang dikenali sebagai Dimensi Keempat ATM ataupun Fourth Dimension Malaysian Armed Forces. Sesungguhnya kita harus bersyukur kerana beberapa projek besar umpamanya perasmian Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, penyiapan projek rumah keluarga dan baik–pulih kemtentera telah dapat direalisasikan. Justeru, ATM amatberterima kasih kepada Kerajaan Malaysia, terutamanya Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang begitu prihatin terhadap keperluan semasanya. Saya penuh yakin bahawa hasilnya akan memacu jentera pengoperasian ATM ke arah memberi khidmat lebih signifikan kepada negara dan rakyat.

Di persada antarabangsa, tahun 2009 menyaksikan pengukuhan imej ATM sebagai sebuah institusi pertahanan yang profesional dan kredibel. ini terbukti dengan kepercayaan untuk mempertingkatkan penyertaan pasukan pengaman di Lubnan yang membabitkan seramai 79 pegawai dan 669 anggota

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh and a very good day to all.*

*We are very thankful to Allah SWT because on the whole, 2009 reflects a continuation of positive development of MAF in not only developmental aspect but also in its capability to face and handle the national and regional security issues. Even though the global financial crisis that smothered the country through out last year was a stumbling block in the MAF development agenda, it was still continued based on the ‘prudent spending’ concept. This could be observed with the acceptance of our first submarine which was KD TUNKU ABDUL RAHMAN and the last group of PT–91 tanks and the Sukhoi jet fighter.*

*Beside that, the MAF also channeled a large allocation to meet the needs of every branch of the Service, namely Land, Sea and Airspace to upgrade its capability in various aspects whether in the weaponry and technological system, human resource or welfare and quality of life of its members through the MAF capability development plan which is known as the Fourth Dimension of Malaysian Armed Forces. Actually, we should be very grateful and thankful because several mega projects such as the official announcement of Tuanku Mizan Armed Forces Hospital, completion of family home project and repairs of the army camps were realized. Therefore, the MAF is very thankful to the Malaysian Government, especially the Yang Berhormat Minister of Defence who has been very concerned over current needs. I am fully confident that the outcome will drive the MAF operating machine towards providing more significant services to the nation and the people.*

*In the international stage, 2009 witnessed a reinforcement of MAF image as a professional and credible institution of Defence. This was proven by the trust in the MAF to increase the participation of the peace corp in Lubnan involving 79 officers and 669 MAF members and a civil officer. Beside that, MAF also plays a pro–active role in the natural disaster*

ATM serta seorang pegawai awam. Selain itu, ATM memainkan peranan yang pro–aktif dalam misi bantuan kemanusiaan dan menyelamat bencana alam di mana ia turut menghulurkan khidmat bantuan di Sumatera Barat. Saya berpuas hati kerana kejayaan ATM melaksanakan misi seperti itu menunjukkan bahawa ia sentiasa sedia untuk diaturgerakkan dalam apa jua keadaan dan bentuk krisis yang dihadapi.

Tidak ketinggalan, ATM turut serta menyahut seruan YAB Perdana Menteri dalam menjayakan konsep 1 Malaysia dengan memperkenalkan konsep 1 ATM. Selaras dengan itu, ATM telah menetapkan bidang keberhasilan utama atau key result areas yang akan menentukan outcome penting kepada organisasi yang didokong oleh petunjuk utama prestasi atau key performance indicators. Dalam konteks ini, saya bersyukur kerana pada tahun 2009, pihak penilai iaitu MAMPU telah menganugerahkan penarafan lima bintang kepada ATM atas prestasi dan pencapaian yang telah dipamerkan. Saya percaya bahawa pencapaian ini adalah hasil permuafakatan dan komitmen gigih antara KEMENTAH dan rakan–rakan dari kementerian dan agensi kerajaan yang lain bagi menjana *defence output* yang ditetapkan, dan oleh itu akan diperkemaskan lagi.

Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan setinggi–tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia, khususnya kepada YAB Perdana Menteri dan YB Menteri Pertahanan atas kepercayaan serta sokongan yang telah menyumbang kepada pencapaian memberangsangkan ATM sepanjang tahun 2009. Penghargaan yang sama turut saya tujukan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Kementerian–Kementerian lain, Kerajaan–Kerajaan Negeri, Polis Diraja Malaysia, media massa, serta semua pihak yang berkenaan atas sokongan jitu dan kerjasama erat yang diberikan. Sehubungan itu, adalah menjadi harapan saya agar momentum dan mutu kerjasama yang terjalin akan terus berkembang subur demi bersama–sama menyumbang ke arah memartabatkan integriti dan kekuatan pertahanan negara di bawah gagasan 1Malaysia dan 1ATM.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

*humanitarian and rescue aid mission where it extended its helping hand in West Sumatra. I am satisfied with the success of MAF in executing its mission as such because it goes to show that it is always ready to be deployed in any situation and crisis faced.*

*MAF also responded to the call by the YAB Prime Minister in embracing the 1Malaysia concept by introducing the 1 MAF concept. In line with that, the MAF has also identified the key result areas which will determine the significant outcomes for the organization that are shown by the key performance indicators. In this context, I am thankful that in 2009, the evaluation body that is MAMPU had awarded the five star rating to MAF for the performance and achievement shown. I believe that the achievement was the outcome stemmed from the cooperation and high commitment between MINDEF and friends from other ministries and government agencies to generate the defence output that had been determined, and therefore needs to be further streamlined.*

*I would like to take this opportunity, to express my deepest appreciation and gratitude to the Malaysian Government, especially to YAB Prime Minister and YB Minister of Defence for the trust and support which contributed to the MAF encouraging achievement through out 2009. I would also like to direct the same level of appreciation to the Chief Secretary of the Ministry of Defence, other Ministries, State Governments, Royal Police of Malaysia, mass media, and all relevant parties for the strong support and cooperation extended. In view of that, it is my hope that the momentum and the existing level of cooperation will continue to develop for the sake of togetherness in contributing towards upgrading the integrity and strength of the national defence while embracing the 1Malaysia and 1MAF concepts.*

*Thank you very much, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

"SENTIASA BERSEPADU"



**TAN SRI DATO' SRI AZIZAN ARIFFIN**
**Jeneral TUDM**
*RMAF General*
**Panglima Angkatan Tentera**
***Chief of Armed Forces***

# MAKLUMAT KORPORAT
## *CORPORATE INFORMATION*

# CARTA ORGANISASI
## *ORGANISATIONAL CHART*

Timbalan Menteri
*Deputy Minister*
YB DATUK DR ABDUL LATIFF BIN AHMAD

Ketua Setiusaha
*Secretary General*
DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH

Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan
*Deputy Secretary General Development*

- Bahagian Pembangunan
  *Development Division*
- Bahagian Perolehan
  *Procurement Division*
- Bahagian Industri Pertahanan
  *Defence Industry Division*
- Depot Simpanan Pertahanan
  *Defence Reserve Depot*
- *Malaysian Armed Forces Cataloging Authority (MAFCA)*

Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan
*Deputy Secretary General Management*

- Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
  *Human Resources Management Division*
- Bahagian Pengurusan Maklumat
  *Information Management Division*
- Bahagian Kewangan
  *Finance Division*
- Bahagian Akaun
  *Accounts Division*
- Bahagian Pentadbiran
  *Administration Division*
- Cawangan KEMENTAH Sarawak
  *Sarawak MINDEF*
- Cawangan KEMENTAH Sabah
  *Sabah MINDEF*

Menteri
*Minister*
YB DATO' SERI DR AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

Panglima Angkatan Tentera
*Chief of Armed Forces*
Y. BHG. JEN TAN SRI DATO' SRI AZIZAN ARIFIN TUDM

- Panglima Tentera Darat — *Chief of Army*
- Panglima Tentera Laut — *Chief of Navy*
- Panglima Tentera Udara — *Chief of Air Force*
- Panglima Markas Angkatan Bersama — *Chief of Staff Joint Force Headquarters*
- Ketua Staf Markas ATM — *Chief of Staff MAF Headquarters*
- Ketua Pengarah BSPP — *Director General of BSPP*

- Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera — *Ex-Armed Forces Affairs Corporation* (PERHEBAT)
- Inst. Penyeledikan Sains & Teknologi Pertahanan — *Science & Technology Research Institute of Defence* (STRIDE)
- Jabatan Latihan Khidmat Negara — *National Service Training Department* (JLKN)
- Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM — *Malaysian Armed Forces Veteran Affairs Department* (JHEV)
- Bahagian Audit Dalam Dan Siasatan Am — *Internal Audit And Public Investigation Division*
- Bahagian Dasar — *Policy Dvision*
- Bahagian Undang-Undang — *Legal Division*
- Jabatan Ketua Hakim — *Head of the Department of Justice Council*
- Unit Komunikasi Korporat — *Corporate Communications Unit*
- Pejabat Urusetia Majlis Angkatan Tentera — *Secretariat Office of Armed Forces Council*

## KEMENTERIAN PERTAHANAN SEPINTAS LALU

Kementerian Pertahanan dipimpin oleh Menteri Pertahanan dengan dibantu oleh seorang Timbalan Menteri. Organisasi Kementerian Pertahanan mengandungi dua perkhidmatan utama iaitu Perkhidmatan Awam dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Kementerian bertanggungjawab terhadap pelaksanaan Dasar Pertahanan Negara dan segala pengurusan hal ehwal pertahanan serta sumber–sumber yang disediakan kepada Angkatan Tentera (AT) untuk mempertahankan negara.

## *THE MINISTRY OF DEFENCE AT A GLANCE*

*The Ministry of Defence headed by the Minister of Defence who is assisted by a Deputy Minister, The Organisation of the Ministry of Defence consists of two services, namely the Civil Service and Armed Forces (MAF). The Ministry is responsible for the implementation of the National Defence Policy and the management of Defence, and the resources available for the Armed Forces (AF) to defend the country.*

## VISI

Menjadi sebuah organisasi pertahanan yang berwibawa bertaraf dunia berteraskan Dasar Pertahanan Negara.

## *VISION*

*To become a credible world class organization based on the National Defence Policy.*

## MISI

Memantapkan pengurusan pertahanan negara supaya kepentingan strategik, kedaulatan dan keutuhan negara terjamin.

## *MISSION*

*Strengthening the management of national defence to ensure strategic importance, national sovereignty and strength are secured.*

## OBJEKTIF

Mengurus pertahanan negara secara cekap dan berkesan.

## *OBJECTIVE*

*Managing national defence efficiently and effectively.*

## PIAGAM PELANGGAN

* Mengurus pertahanan negara dengan cekap dan berkesan supaya kepentingan strategik, kedaulatan dan keutuhan negarasentiasa terjamin.

* Melayani dengan penuh iltizam, segala keperluan Angkatan Tentera Malaysia dari segi pengurusan sistem persenjataan, sumber dan material, supaya ianya menjadi satu angkatan yang berkeupayaan tinggi, moden dan berwibawa.

* Memastikan layanan yang sempurna dan mesra diberi kepada semua pelanggan Kementerian Pertahanan.

## *CLIENT'S CHARTER*

* *Managing National Defence efficiently and effectively to ensure strategic interests, sovereignty and managing intergrity is always guaranteed.*

* *Serving with pride, all the requirements of the Armed Forces in the management of weapons systems, and material resources, so that it becomes a force with high capacity, modern and reliable.*

* *Ensuring courtesy and proper treatment to all Ministry of Defence clients.*

# PRESTASI BAJET
## *BUDGET PERFORMANCE*

## Pendahuluan / *Preface*

Bagi tahun 2009, Kementerian Pertahanan telah diperuntukkan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan sebanyak RM13,001,657,500. Daripada jumlah tersebut, peruntukan Belanja Mengurus Kementerian Pertahanan adalah sebanyak RM10,650,504,000 atau 6.91% daripada jumlah keseluruhan peruntukan Belanja Mengurus negara. Manakala Belanja Pembangunan adalah sebanyak RM2,351,153,500 atau 16.85% daripada jumlah siling peruntukan RMK–9 Kementerian Pertahanan pada tahun 2009. Pecahan peruntukan Kementerian Pertahanan bagi tahun 2009 mengikut Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan adalah seperti Carta 1.

*In 2009, the Ministry of Defencewas allocated with the Operating Expenditure and Development Expenditure totaling RM13,001,657,500. RM10,650,504,000 of this allocated amount, was for the Ministry's Operating Expenditure which represented 6.91% of the nation's total Operating Expenditure. The remaining balance of RM2,351,153,500 made up the Ministry's Development Expenditure or 16.85% of it's revised RMK–9 ceiling in 2009. The breakdown for the allocations accorded to the Ministry in 2009 is outlined in Chart 1.*




**Carta 1 : Pecahan Peruntukan Bajet Kementerian Pertahanan Bagi Tahun 2009**
***Chart 1 : Apportionment of the Ministry of Defence Budget Allocation for 2009***

### 2. ANGGARAN BELANJA MENGURUS

Peruntukan Belanja Mengurus Tahun 2009 Kementerian Pertahanan adalah sebanyak RM10,650,504,000. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM710,908,000 atau 7.22% berbanding peruntukan yang diperolehi pada tahun 2008 berjumlah RM9,939,596,000. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM4,257,328,300 atau 39.97% adalah merupakan peruntukan bagi Emolumen manakala sebanyak RM6,393,175,700 atau 60.03% adalah untuk peruntukan Bukan Emolumen.

### *2. ESTIMATED OPERATING EXPENDITURE*

*The allocation of the operating Expenditure for the Defence Ministry in 2009 was RM10,650,504,000, an increase of RM549, 501,700 or 7.22% compared to the allocation of RM9,939,596,000 received in 2008. Out of the total Operating Expenditure allocation, RM4,257,328,300 or 39.97% represented the provision forEmoluments, with the remaining RM6,393,175,700 or 60.03% consisting of Non – related Emoluments spending.*

#### 2.1 Agihan Peruntukan Belanja Mengurus Mengikut Dasar

Agihan peruntukan Belanja Mengurus mengikut Dasar dan perbandingan agihan bagi tahun 2008 dan 2009 adalah seperti di Jadual 1 dan Carta 2.

#### *2.1 Distribution of Operating Expenditure By Policy*

*Distribution of allocations within Operating Expenditure according to policy and a comparison between 2008 and 2009 is shown in Table 1 and Chart 2.*

| DASAR<br>*POLICY* | TAHUN / *YEAR*<br>2008 (RM) | TAHUN / *YEAR*<br>2009 (RM) | PERBEZAAN<br>*VARIATION* | % |
|---|---|---|---|---|
| Dasar Sedia Ada<br>*Existing Policy* | 7,938,965,428 | 8,656,630,275 | 717,664,847 | **9.04** |
| Dasar Baru<br>*New Policy* | 1,340,939,848 | 622,436,260 | (718,503,588) | **(53.58)** |
| One–Off | 659,690,724 | 1,371,437,465 | 711,746,741 | **107.89** |
| Luar Negara<br>*Oversea* | 50,617,748 | 50,000,000 | (617,748) | **(1.22)** |
| Projek<br>*Project* | 609,072,976 | 1,321,437,465 | 712,364,489 | **116.96** |
| **Jumlah**<br>*Total* | **9,939,596,000** | **10,650,504,000** | **710,908,000** | **7.15** |

**Jadual 1 : Agihan Peruntukan Belanja Mengurus Tahun 2008 dan 2009 Mengikut Dasar**
***Table 1 : Distribution of the Operating Expenditure in 2008 and 2009 – By Policy***




**Carta 2 : Perbandingan Agihan Peruntukan Belanja Mengurus Tahun 2008 dan 2009 Mengikut Dasar**
***Chart 2 : Comparison of the Operating Expenditure Distribution in 2008 and 2009 – By Policy***

## 2.2 Agihan Peruntukan Belanja Mengurus Mengikut Jenis Perbelanjaan

Agihan peruntukan Belanja Mengurus mengikut Jenis Perbelanjaan dan perbandingan agihan bagi tahun 2008 dan 2009 adalah seperti di Jadual 2 dan Carta 3.

## *2.2 Distribution of Operating Expenditure By Expense Type*

*Distribution of allocations within Operating Expenditure according to expenses type and comparison between 2008 and 2009 as illustrated in Table 2 and Chart 3.*

| DASAR *POLICY* | TAHUN / *YEAR* 2008 (RM) | TAHUN / *YEAR* 2009 (RM) | PERBEZAAN *VARIATION* | % |
|---|---|---|---|---|
| Emolumen ***Emolument*** | 4,224,412,270 | 4,257,328,300 | **32,916,030** | **0.78** |
| Perkhidmatan & Bekalan ***Services & Supplies*** | 4,927,592,983 | 5,298,830,690 | **371,237,707** | **7.53** |
| Aset / ***Asset*** | 728,557,366 | 1,027,164,050 | **298,606,684** | **40.99** |
| Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap ***Funding & Fixed Charges*** | 58,729,381 | 66,966,960 | **8,237,579** | **14.03** |
| Perbelanjaan –Perbelanjaan Lain ***Other Expenses*** | 304,000 | 214,000 | **(90,000)** | **29.61)** |
| Jumlah / ***Total*** | 9,939,596,000 | 10,650,504,000 | **710,908,000** | **7.15** |

**Jadual 2 : Agihan Peruntukan Belanja Mengurus Tahun 2008 dan 2009 Mengikut Jenis Perbelanjaan**
***Table 2 : Distribution of the Operating Expenditure in 2008 and 2009 – By Expense Type***




**Carta 3 : Perbandingan Agihan Peruntukan Belanja Mengurus Tahun 2008 dan 2009 Mengikut Dasar**
***Chart 3 : Comparison of the Operating Expenditure Distribution in 2008 and 2009 – By Policy***

## 2.3 Agihan Peruntukan Belanja Mengurus Mengikut Program

## *2.3 Distribution of Operating Expenditure By Program*

Peruntukan Belanja Mengurus tahun 2009 sebanyak RM10,650,504,000 telah diagihkan kepada enam (6) **Program iaitu Program Pentadbiran Pertahanan, Program Bantuan Bersama, Program Pertahanan Darat, Program Pertahanan Maritim, Program Pertahanan Ruang Udara dan Program Latihan Khidmat Negara.** Jadual 3 dan Carta 4 menunjukkan agihan peruntukan Belanja Mengurus mengikut Program.

*The Operating Expenditure of RM10,650,504,000 received in 2009 was distributed across six (6) Programs, namely the **Program Pentadbiran Pertahanan, Program Bantuan Bersama, Program Pertahanan Darat, Program Pertahanan Maritim, Program Pertahanan Ruang Udara and Program Jab. Latihan Khidmat Negara**. Table 3 and Chart 4 exhibit the allocation and comparison on the amount received by Program in 2008 and 2009..*

| DASAR<br>*POLICY* | TAHUN / *YEAR*<br>2008 (RM) | TAHUN / *YEAR*<br>2009 (RM) | PERBEZAAN<br>*VARIATION* | % |
|---|---|---|---|---|
| **Pentadbiran Pertahanan**<br>*Defence Administration* | 459,491,140 | 409,369,745 | (50,121,395) | **(10.91)** |
| **Bantuan Bersama** / *Mutual Aid* | 833,878,364 | 910,604,055 | 76,725,691 | **9.20** |
| **Pertahanan Darat** / *Army Defence* | 4,330,662,135 | 4,771,822,300 | 441,160,165 | **10.19** |
| **Pertahanan Maritim** / *Maritime Defence* | 1,529,230,718 | 1,767,608,900 | 238,378,182 | **15.59** |
| **Pertahanan Ruang Udara**<br>*Air Space Defence* | 2,107,384,931 | 2,146,417,000 | 39,032,069 | **1.85** |
| **Jab. Latihan Khidmat Negara**<br>*National Service Training Department* | 678,948,712 | 644,682,000 | (34,266,712) | **(5.05)** |
| **Jumlah** / *Total* | **9,939,596,000** | **10,650,504,000** | **710,908,000** | **7.15** |

Jadual 3 : Agihan Peruntukan Belanja Mengurus Tahun 2008 dan 2009 Mengikut Jenis Program
*Table 3 : Distribution of the Operating Expenditure in 2008 and 2009 – By Program Type*




**Carta 4 : Perbandingan Agihan Peruntukan Belanja Mengurus Tahun 2008 dan 2009 Mengikut Program**
***Chart 4 : Comparison of the Operating Expenditure Distribution in 2008 and 2009 – By Program***

## 3. PRESTASI BELANJA MENGURUS

## *3. OPERATING EXPENDITURE PERFORMANCE*

Prestasi Belanja Mengurus Kementerian sehingga 31 Disember 2009 (AKB) berdasarkan Laporan Jabatan Akauntan Negara (Laporan A499) adalah sebanyak RM11,311,436,642.30 atau 106.21% daripada peruntukan yang disediakan.

*Based on the Accountant's General Report (A499 Report) the Ministry's Operating Expenditure performance up to December 31, 2009 (closing of Payables Account (AKB)) is RM11,311,436,642.30 or 106.21% of the allocated amount.*

### 3.1 Prestasi Perbelanjaan Belanja Mengurus Mengikut Dasar

Prestasi perbelanjaan dan perbandingan peruntukan dan perbelanjaan Belanja Mengurus mengikut Dasar bagi tahun 2009 adalah seperti di Jadual 4 dan Carta 5.

### *3.1 Operating Expenditure Performance By Policy*

*Performance of Operating Expenditure according to policy and comparison between the allocation and expenses incurred in 2009 is shown in Table 4 and Chart 5.*

| DASAR *POLICY* | TAHUN 2009 (RM) *YEAR 2009 (RM)* |
|---|---|
| Dasar Sedia Ada *Existing Policy* | 9,341,904,232.51 |
| Dasar Baru *New Policy* | 622,032,565.20 |
| One–Off: *One–off:* | 1,347,499,844.59 |
| Luar Negara *Oversea* | 40,790,025.57 |
| Projek *Project* | 1,306,709,819.02 |
| Jumlah *Total* | **11,311,436,642.30** |

**Jadual 4 : Prestasi Perbelanjaan Belanja Mengurus Tahun 2009 Mengikut Dasar**
***Table 4 : Performance of Operating Expenditure in 2009 – By Policy***




**Carta 5 : Perbandingan Peruntukan dan Perbelanjaan Belanja Mengurus Tahun 2009**
***Chart 5 : Comparison of the Operating Expenditure Allocation and Expenses Incurred in 2009 – By Policy***

### 3.2 Prestasi Perbelanjaan Belanja Mengurus Mengikut Jenis Perbelanjaan

Prestasi perbelanjaan dan perbandingan peruntukan dan perbelanjaan Belanja Mengurus mengikut Jenis Perbelanjaan bagi tahun 2009 adalah seperti di Jadual 5 dan Carta 6.

### *3.2 Operating Expenditure Performance By Expense Type*

*Performance of Operating Expenditure according to expense type and comparison between the allocation and expenditure incurred in 2009 is illustrated in Table 5 and Chart 6.*

| JENIS PERBELANJAAN<br>*EXPENSE TYPE* | TAHUN 2009 (RM)<br>*YEAR 2009 (RM)* |
|---|---|
| Emolumen<br>*Emolument* | 4,831,456,170.14 |
| Perkhidmatan & Bekalan<br>*Services & Supplies* | 5,395,796,374.41 |
| Aset<br>*Asset* | 1,018,126,922.05 |
| Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap<br>*Funding & Fixed Charges* | 65,862,506.73 |
| Perbelanjaan–Perbelanjaan Lain<br>*Other Expenses* | 194,668.97 |
| Jumlah<br>*Total* | **11,311,436,642.30** |

**Jadual 5 : Prestasi Perbelanjaan Belanja Mengurus Tahun 2009 Mengikut Jenis Perbelanjaan**
*Table 4 : Performance of Operating Expenditure in 2009 – By Policy*




**Carta 6 : Perbandingan Peruntukan dan Perbelanjaan Belanja Mengurus Tahun 2009 Mengikut Jenis Perbelanjaan**
*Chart 6 : Comparison of the Operating Expenditure Allocation and Expenses Incurred in 2009 – By Expense Type*

### 3.3 Prestasi Perbelanjaan Belanja Mengurus Mengikut Program

Prestasi perbelanjaan dan perbandingan peruntukan dan perbelanjaan Belanja Mengurus mengikut Program bagi tahun 2009 adalah seperti di Jadual 6 dan Carta 7.

### *3.3 Operating Expenditure Performance By Program*

*Performance of Operating Expenditure according to Program and comparison between the allocation and expenditure incurred in 2009 is exhibited in Table 6 and Chart 7.*

| PROGRAM<br>*PROGRAM* | PERUNTUKAN TAHUN 2009 (RM)<br>*ALLOCATION YEAR 2009 (RM)* | PERBELANJAANTAHUN 2009 (RM)<br>*EXPENDITURE YEAR 2009 (RM)* |
|---|---|---|
| Pentadbiran Pertahanan<br>*Defence Administration* | 405,369,745 | 405,369,745 |
| Bantuan Bersama<br>*Mutual Aid* | 902,604,055 | 902,604,055 |
| Pertahanan Darat<br>*Army Defence* | 4,763,822,300 | 4,763,822,300 |
| Pertahanan Maritim<br>*Maritime Defence* | 1,757,608,900 | 1,757,608,900 |
| Pertahanan Ruang Udara<br>*Airspace Defence* | 2,126,417,000 | 2,126,417,000 |
| Jab. Latihan Khidmat Negara<br>*National Service Training Dept* | 644,682,000 | 644,682,000 |
| Tugas Luar Negara<br>*one–off (Oversea)* | 50,000,000 | 50,000,000 |
| Jumlah / ***Total*** | **10,650,504,000** | **10,650,504,000** |

**Jadual 6 : Prestasi Perbelanjaan Belanja Mengurus Tahun 2009 Berakhir 31 Disember 2009 (AKB) Mengikut Program**
*Table 6 : Performance of Operating Expenditure in 2009 – By Program*




**Carta 7 : Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Belanja Mengurus Tahun 2009 Berakhir 31 Disember 2009 (AKB) Mengikut Program**
*Chart 7 : Comparison of the Operating Expenditure Allocation and Expenses Incurred in 2009 – By Program*

## 3.4 Perbandingan Peruntukan dan Perbelanjaan Belanja Mengurus Bagi Tempoh Empat (4) Mulai Tahun 2006 Hingga 2009

## *3.4 Comparison of Operating Expenditure Allocation and Expenditure Incurred For 4–Year Period Between 2006 Through 2009*

Perbelanjaan Belanja Mengurus bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM11,311,436,642.30 (106.21%) daripada peruntukan yang diterima sebanyak RM10,650,504,000. Perbandingan prestasi perbelanjaan bagi tempoh empat (4) tahun mulai tahun 2006 hingga 2009 adalah seperti di Carta 8.

*Operating Expenditure performance for 2009 was RM11,311,436,642.30 (106.21%) of the allocated amount of RM10,650,504,000. A comparison of the expenditure incurred in the 4–year period between 2006 through 2009 is outlined in Chart 8.*




**Carta 8 : Perbandingan Peruntukan dan Perbelanjaan Belanja Mengurus Tahun 2009**
*Chart 8 : Comparison of the Operating Expenditure Allocation and Expenses Incurred in 2009 – By Policy*

# BAHAGIAN PEROLEHAN
*PROCUREMENT DIVISION*

## PEROLEHAN KELENGKAPAN DAN PENINGKATAN KEUPAYAAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

## *PROCUREMENT OF EQUIPMENTS AND CAPABILITY UPGRADING OF MALAYSIAN ARMED FORCES*

Misi Kementerian Pertahanan adalah untuk memastikan kedaulatan, keutuhan, kepentingan dan hak strategik negara sentiasa terpelihara selaras dengan hasrat untuk mewujudkan rantau yang aman dan makmur. Bagi merealisasikan misi ini dengan jayanya, Bahagian Perolehan telah bertanggungjawab untuk melaksanakan perolehan bagi kelengkapan–kelengkapan yang meliputi pelbagai aspek peningkatan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), memodenisasikan ATM dan memastikan kesiapsiagaan ATM pada setiap masa. Di bawah Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK–9), Kementerian Pertahanan telah memperolehi peruntukan yang tinggi bagi melengkapkan dan meningkatkan keupayaan keperluan semasa ATM. Jumlah peruntukan kewangan yang telah diterima oleh Kementerian Pertahanan untuk tujuan perolehan kelengkapan, perkhidmatan dan keperluan ATM bagi tahun 2009 adalah seperti berikut :

*The Ministry of Defence mission is to ensure the national sovereignty, strength, interests and strategic rights are always preserved in line with the desire to ensure a peaceful and prosperous region. To successfully achieve the mission, the Procurement Department is responsible in implementing procurements of equipments which include various aspects of capability upgrading of Malaysian Armed Forces, modernizing the Armed Forces and ensuring MAF readiness at all time. Under the 9th Malaysian Plan, the Ministry of Defence had secured a large amount of allocation to complete and upgrade MAF's capability to meet its current needs. The total financial allocation received by the Ministry of Defence for the purpose of procurement of equipments, services and necessities of MAF for 2009 is as follows:*




**Jumlah Peruntukan Belanja Membangun (DE) Tahun 2009 (RM)**
***Total Provision Expense Building (DE) Year 2009 (RM)***

Berikut adalah maklumat prestasi perbelanjaan bagi perolehan kelengkapan sepanjang tahun 2009 :

*The following is the information on expenditure performance for procurement of equipment through out 2009:*

| Perkhidmatan *Services* | Jumlah Peruntukan *Total Provisions* (RM) | Jumlah Perbelanjaan *Total Expenditure* (RM) | Peratus Belanja *Percentage Of Expenses* (%) | Baki Peruntukan *Provisions Balance* (RM) |
|---|---|---|---|---|
| Tentera Darat *Army* | 404,947,669 | 404,934,281 | 99.99 | 13,388 |
| Tentera Laut *Navy* | 796,234,779 | 791,178,310 | 99.36 | 5,056,469 |
| Tentera Udara *Air Force* | 648,927,638 | 594,531,260 | 91.62 | 54,396,378 |
| Markas ATM *MAF Headquarters* | 46,515,582 | 46,390,689 | 99.73 | 124,893 |
| **Jumlah** *Total* | **1,896,625,668** | **1,837,034,540** | **97.68** | **59,591,128** |

**Kelengkapan Tentera Darat (TD)**

Sepanjang tahun 2009, Tentera Darat telah diperuntukkan sebanyak RM404 juta bagi memulakan 33 kontrak baru yang turut merangkumi perolehan Mortar 120mm di samping melaksanakan pembayaran kemajuan projek–projek terdahulu. Projek–projek yang dilaksanakan adalah untuk menyahut misi Kementerian Pertahanan memodenisasikan Angkatan Tentera Malaysia.

***Equipments For The Army***

*Throughout 2009, the Army was given an allocation of RM404 million to get the ball rolling for 33 new contracts, which included the procurement of 120 mm Mortar apart from settling the progress payments for previous projects. The projects were implemented as a response to the mission of the Ministry of Defence to modernize the Malaysian Armed Forces.*

**Kelengkapan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)**

Bagi tahun 2009 TLDM telah diperuntukkan sebanyak RM796 juta untuk membiayai perolehan kelengkapan laut. Peruntukan ini adalah bagi memulakan 1 projek baru iaitu Ship Life Extension Programme (SLEP) dan juga bagi pembayaran kemajuan kontrak yang sedang dalam pelaksanaan. Prestasi perbelanjaan bagi sepanjang tahun 2009 adalah 99.36% dan bayaran berperingkat bagi perolehan kelengkapan laut ini akan diteruskan pada tahun 2010.

***Equipments For The Royal Malaysian Navy (RMN)***

*For 2009 RM796 million was allocated to RMN to fund the procurement of sea equipments. The allocationwas to start off a new project which is Ship Life Extension Programme (SLEP) and also to pay for the contract progress payment which is in the process of implementation. The performance expenditure for the whole 2009 was 99.36% and the payment made in stages for the procurement of the sea equipments will be continued in 2010.*

**Kelengkapan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)**

Jumlah peruntukan pembangunan yang telah diperolehi oleh TUDM sepanjang tahun 2009 adalah berjumlah RM648 juta. Jumlah peruntukan ini digunakan bagi membiayai pembayaran kemajuan projek–projek yang sedang berjalan. Prestasi perbelanjaan sehingga Disember 2009 adalah pada tahap 91.62%.

***Equipments For The Royal Malaysian Air Force (RMAF)***

*The total allocation for development, which was received by RMAF throughout 2009, amounted to RM648 million. The total allocation was used to fund the progress payments for the projects being implemented. Expenditure performance up to December 2009 was at 91.62%.*

**Markas ATM**

Peruntukan yang diluluskan bagi Markas ATM bagi tahun 2009 adalah RM46 juta. Sehingga Disember 2009, sebanyak RM46,390,689 telah dibelanjakan bagi membiayai pembayaran kemajuan 8 projek utama Markas ATM.

***MAF Headquarters***

*Allocation approved for MAF Headquarters for 2009 was RM 46 million. Up to December 2009, a total of RM46,390,689 was spent to finance progress payments for 8 major projects for MAF Headquarters.*

**Peningkatan Kemudahan dan Kebajikan**

Kementerian Pertahanan telah mengambil langkah proaktif dalam mempertingkatkan kemudahan dan kebajikan anggota ATM. Ianya merangkumi perbelanjaan pakaian dan aksesori, dobi dan jahitan, perubatan dan peralatan rawatan. Ringkasan kedudukan jumlah keseluruhan perolehan yang dilasanakan oleh Bahagian Perolehan sepanjang tahun 2009 adalah seperti berikut :

***Facilities and Welfare Upgrading***

*The Ministry of Defence has taken a pro–active step in upgrading the facilities and welfare of MAF members. It includes expenses for clothes and accessories, laundry and sewing, medical andtreatment equipments. A summary of all procurements implemented by the Procurement Department through out 2009 is as follows:*

| Bil<br>*No* | Jenis Perkhidmatan<br>*Type of Service* | Jumlah Kontrak<br>*Total Of Contracts* |
|---|---|---|
| 1 | Perkhidmatan Dobi dan Jahitan<br>*Laundry and Sewing Service* | 25 |
| 2 | Perkhidmatan Membaiki But dan Kasut Kawad ATM<br>*MAF Marching Boot and Shoe Repair Service* | 2 |
| 3 | Perkhidmatan Pakej Penginapan, Sajian, Peralatan dan Pengangkutan<br>*Accommodation, Food Catering, Equipments and Transportation Package Service* | 13 |
| 4 | Perkhidmatan Logistik ATM<br>*MAF Logistics Services* | 19 |
| 5 | Perkhidmatan Kantin ATM<br>*MAF Canteen Services* | 23 |
| 6 | Perkhidmatan Pengangkutan Membersih Tong Sampah dan Sisa Klinikal<br>*Service for Transportation for Cleaning Up of Garbage Dump and Clinical Wastes* | 6 |
| 7 | Rangsum 2<br>*Ration 2* | 48 |

# BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

*HUMAN RESOURCES MANAGEMENT DIVISION*

## PENDAHULUAN

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), sebagai bahagian yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan pembangunan sumber manusia, sentiasa peka terhadap sebarang perubahan persekitaran. Isu–isu seperti perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang pesat serta peningkatan ekspektasi stakeholders dan pelanggan yang semakin berpengetahuan memerlukan perkhidmatan awam yang cekap, berkualiti dan berintegriti.

## *INTRODUCTION*

*Human Resources Management Division (HRMD), tasked with the management and development of the human resource, is always alert of the changing in the environment. Issues such as rapid development of information & communication technology (ICT) and increasing expectations from the stakeholders and the customers requires, public delivery that are efficient, quality and integrity.*

## PEMBANGUNAN ORGANISASI

### Pemantapan Perjawatan

Dalam usaha untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan KEMENTAH, sebanyak sembilan (9) Kertas Cadangan Perjawatan (KCP) telah dimajukan ke agensi pusat. Dari jumlah itu, sebanyak dua (2) KCP telah diluluskan yang melibatkan 446 perjawatan seperti di jadual berikut:

## *ORGANIZATION DEVELOPMENT*

### *Staffing Consolidation*

*In an effort to enhance the effectiveness and efficiency of MinDef, nine (9) proposal papers on employment has been sent to the Central Agency. Of these, 2 proposals involving the creation of 446 post has been approved as described in the table below:*

| No / *Num* | Sektor / *Sector* | Jumlah / *Total* |
|---|---|---|
| 1. | Awam / *Civilian* | 4 |
| 2. | Angkatan Tentera / *Armed Forces* | 442 |
| | Jumlah / **Total** | **446** |

### Naziran

Pada tahun 2009, lawatan naziran telah dilaksanakan di 7 formasi tentera yang merangkumi ketiga–tiga perkhidmatan. Lawatan ini bertujuan untuk menyemak perjawatan di formasi berkenaan. Selain daripada itu, lawatan ini juga bertujuan untuk menyemak pematuhan kepada dasar dan peraturan yang berkuat kuasa dan pemahamannya oleh kakitangan bawahan. Isu–isu berkaitan kebajikan warga kerja juga dibangkitkan dan dibincangkan dalam lawatan naziran ini.

### *Inspection*

*A total of 7 military base locations that comprises of the 3 services, were inspected in 2009. The purpose of these visits is to check on the establishment and also to ensure that current policies and regulations are being enforce accordingly and were presented clearly to the subordinate staff. Issues related to staff welfare were also discussed during those visits.*

## MORAL DAN KEBAJIKAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)

Dalam tahun 2009, BPSM telah mengkaji dan mengemukakan kepada Agensi Pusat permohonan elaun–elaun seperti berikut:–

1. Cadangan mewujudkan Bayaran Insentif Angkatan Tentera Malaysia (ATM).
2. Cadangan Menaikkan Kadar Elaun Tugas Panggilan Pegawai Perubatan dan Pergigian Yang Bertugas Di Hospital Angkatan Tentera Malaysia (ATM).
3. Cadangan Mewujudkan Elaun Kenangan Bagi Penerima Pingat Jasa Perkasa Persekutuan, Pingat Tentera Udara dan Kepujian Perutusan Keberanian.
4. Cadangan Mewujudkan Bayaran Insentif Juruteknik Pesawat Angkatan Tentera Malaysia (ATM).
5. Cadangan Menaikkan Kadar Saguhati Tahunan dan Pemberian Pakar Bagi Pegawai dan Anggota Sukarela Angkatan Tentera Malaysia (ATM).
6. Cadangan Mewujudkan Elaun Kenangan Pingat 'Military Cross' dan Pingat 'George Cross'.

BPSM juga menguruskan pembayaran sagu hati Tabung

## *MORALE AND WELFARE OF MALAYSIAN ARMED FORCES (MAF)*

*In 2009, HRMD had reviewed and fowarded to the Central Agencies the allowances applications as follows:–*

1. *Proposal to formulate MAF Incentive.*
2. *Proposal to increase on–Call Allowance for MAF Medical and Dentist officers at MAF Hospitals.*
3. *Proposal to grant Remembrance Allowance to recipient of Pingat Jasa Persekutuan, Pingat Tentera Udara and Kepujian Perutusan Keberanian.*
4. *Proposal to initiate incentive for MAF Aircraft Technician.*
5. *Proposal to increase Annual Bounty and Specialist Grant for MAF Volunteer Forces.*
6. *Proposal to grant Remembrance Allowance to recipient of Military Cross and George Cross.*

*HRMD also manages the National Heroes and Defence Trust*

Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) kepada anggota ATM yang ditimpa bencana. Bagi tahun 2009, sebanyak RM243,870.00 telah diluluskan pembayaran yang melibatkan 31 kes.

*Fund (TAPPN) for the welfare of MAF officers whom are or injured in the line of duty. In 2009, a total of RM243,870.00 was approved for payment involving 31 cases.*

BPSM turut bertanggungjawab menguruskan Biasiswa Pra–Perkhidmatan ATM bagi bidang pengajian perubatan, pergigian dan farmasi. Sehingga kini terdapat seramai 221 orang pelajar tajaan sedang mengikuti pengajian di dalam dan luar Negara.

*HRMD also responsible in managing the Malaysian Armed Forces Pre–Service scholarship for medical, dentistry and pharmacy students. Currently, there are about 221 sponsored students studying in local and overseas universities.*

## PERKHIDMATAN SEKTOR AWAM

## *CIVILIAN SECTOR SERVICE*

### Pengisian Warga Kerja Awam

Dalam tahun 2009, sebanyak 634 pengisian jawatan telah diluluskan oleh Kementerian untuk pengambilan pegawai dan kakitangan awam baru. Pengambilan baru ini melibatkan 39 jawatan bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional, 388 jawatan bagi kakitangan Kumpulan Sokongan I dan 207 jawatan bagi kakitangan Kumpulan Sokongan II. Sehingga 31 Disember 2009, pengisian warga kerja awam KEMENTAH adalah sebanyak 85%, seperti yang telah ditetapkan oleh pengurusan KEMENTAH.

### *Filling of Civillian Staff*

*In 2009, a total of 634 posts have been approved by the Ministry to be fill in by new appointments. These appointments include 39 posts for Management & Professional Group, 388 for Support Group I and 207 for Support Group II. As of 31 December 2009, total filling for the civilian staffs are 85%, as per targeted by the MinDef's management.*

### Pusingan Kerja

Dalam usaha memperluaskan pengalaman kerja di samping untuk meningkatkan produktiviti, BPSM telah melaksanakan pusingan kerja pegawai dan kakitangan. Bagi tahun 2009, seramai 972 orang pegawai dan kakitangan telah terlibat dalam pusingan kerja yang dilaksanakan.

### *Job Rotation*

*HRMD has conducted job rotations in order to expand work experiences, and to increase productivity. In 2009, a total of 972 staff from all level were involved in these exercises.*

### Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)

Prestasi pengemaskinian data HRMIS telah dijadikan KPI kepada Ketua Setiausaha (KSU) di setiap kementerian dengan beban markah sebanyak 5%. Pengiraan KPI HRMIS dan pencapaian MinDef pada 31 Disember 2009 adalah seperti berikut:

### *Human Resource Management Information System (HRMIS)*

*HRMIS data updating performance has been made as one of the KPI for the Secretary–General (KSU) of every ministry with total marks of 5%. The assesment of the KPI and MinDef's achievement as of 31 December 2009 is as tabled below:*

| **Kriteria / *Criteria*** | **Kayu Ukur Markah Penuh** ***Full Score*** | **Pencapaian** ***Achievement*** | **Markah** ***Score*** |
|---|---|---|---|
| Penganjuran Mesyuarat Peringkat Kementerian *Organizing Meeting at the Ministry's Level* (20%) | **1 x Mesyuarat Pemandu** **2 x Mesyuarat Pelaksana** *1 x Steering Meeting* *2 x Implementation Meeting* | **Berjaya Dianjur** *Successfully Organized* | 1 |
| Rekod Peribadi / *Personal Records* (40%) | **95% dikemaskini /** *updated* | **97.49%** | 2 |
| Profil Perkhidmatan / *Service Profile* (40%) | **95% dikemaskini /** *updated* | **94.34%** | 1 |

Dalam usaha memperluaskan pengetahuan mengenai sistem pengunaan HRMIS, sebanyak 4 jenis kursus telah dianjurkan khas bagi penjawat awam di Sektor Awam KEMENTAH. Seramai 95 orang pentadbir & pengguna HRMIS di Jabatan/Bahagian telah menghadiri kursus berkenaan.

*In an effort to increase the knowledge on the implemention of the HRMIS system, 4 courses have been conducted specially for the civillian staff. 95 administrators & users of HRMIS from Department / Division of MinDef has attended the courses.*

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN PENJAWAT AWAM

## *CIVILLIAN STAFF HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT*




Pembangunan Modal Insan merupakan aspek penting dalam pengurusan sumber manusia sesebuah organisasi. Pelaburan modal insan melalui program latihan/kursus dalam perkhidmatan bagi melahirkan modal insan yang kompeten dan bertaraf dunia memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Bagi tahun 2009 sejumlah RM3,275,655.00 diperuntukkan bagi membiayai 249 siri program latihan/ kursus dalam negara yang melibatkan seramai 8,256 warga awam. Selain daripada itu, sejumlah RM1,137,036.00 pula telah diperuntukkan bagi melaksanakan Kursus Jangka Pendek Luar Negara dengan melibatkan seramai 22 pegawai awam melalui 11 siri kursus. Pecahan agihan perbelanjaan latihan mengikut jenis kursus adalah seperti di carta berikut:

*Human capital development is one of the main focus area in any human resource management of an organization. Investment in human capital development programs is essential for the Ministry in nurturing and developing world class knowledged–worker (k–worker). For 2009, a total of RM3,275,655.00 has been allocated for internal programs through 249 series of programs, that involves 8,256 civilian staff in the Ministry. Another RM1,137,036.00 is allocated for Executive Overseas Education Programs through 11 series of programs and 22 senior officers. The breakdown of the allocations are as follow:*




### Pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)

BPSM telah menganjurkan 2 sesi peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi Kumpulan Bukan Gunasama MinDef Tahun 2009. Sebanyak tujuh (7) panel penilaian mengikut skim perkhidmatan telah ditubuhkan dan sebanyak 69 jawatan tertutup dari Pengurusan dan Profesional (P&P), Sokongan I dan Sokongan II telah menduduki PTK tahun 2009. Kaedah pelaksanaan PTK bagi kedua–dua sesi adalah berbeza kerana penyelarasan mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 19 Tahun 2008 yang telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengenai penambahabaikan pelaksanaan PTK. Perbandingan keputusan keseluruhan bagi kedua–dua sesi adalah seperti di carta berikut:

### *Competency Level Assesment Implementation (PTK)*

*HRMD has conducted 2 sessions of Competency Assesment Level (PTK) exams for the MinDef Closed Service Scheme. A total of seven (7) assesment panels were established according to the service schemes for the 69 closed posts from Management & Professional Group, Support Group I and Support Group II in MinDef. The 2 sessions have different execution methods in accordance with the introduction of the Service Circular Letter No. 19 Year 2009 by the Public Service Department (PSD) on the improvement of the PTK execution. The result of both sessions are as per chart below:*




**PENGURUSAN PSIKOLOGI**

Selaras dengan hasrat kerajaan yang mengutamakan pembangunan modal insan, aspek psikologi dan kaunseling telah diterapkan dalam pengurusan sumber manusia. Melalui pendekatan sedemikian, faktor manusia sebagai modal insan dapat diperkasakan ke tahap yang optimum. Berlanjutan dari itu, Cawangan Pengurusan Psikologi (CPPsi) telah ditubuhkan di BPSM berkuat kuasa mulai 1 Julai 2009. Sebanyak 16 siri kursus yang berbentuk pembangunan, pencegahan dan pemulihan telah di laksanakan dalam tahun 2009. Selain daripada itu, sesi–sesi rundingcara individu, berkumpulan dan cara lain juga telah dilaksanakan seperti jadual berikut:

***PSYCHOLOGY MANAGEMENT***

*In accordance with the government expectation in development of human capital, the psychology and counseling aspect has been applied in human resource management. With this approach, the human capital can be strengthened to the optimum. The Psychology Management Branch (CPPsi) was established on 1 July 2009. A total of 16 courses on development, prevention and recovery has been conducted. Other than that, CPPsi also conducted consultation sessions for individual and groups. The detail of the sessions is as tabled below:*

| Sesi *Session* | Kaunseling Individu ***Individual counselling*** | **Kaunseling Kelompok** ***Group counselling*** | **Telefon/SMS** ***Telephone/SMS*** | **Telefon/SMS** ***Telephone/SMS*** | **Konsultansi** ***Consultation*** |
|---|---|---|---|---|---|
| Bilangan Sesi *Session number* | 300 Sesi / *Sessions* (150 orang / *people*) | 80 Sesi / *Sessions* (36 Kelompok / *Group*) | **500 (T) 1,200(S)** | **500 (T) 1,200(S)** | **10 Kali / *Times*** |
| Jumlah Jam Sesi *Total Session Hours* | (1 Sesi / *Sessions* = 45 minit / *minutes*) 225 Jam / *hours* | 1 Sesi = 1 Jam / *hour*) 60 Jam / *hours* | | | |

**PENCAPAIAN**

Tahun 2009 juga adalah merupakan sebagai tahun kecemerlangan bagi BPSM. Antaranya, BPSM telah memperbaharui Sijil MS ISO 9001:2000 dan akan menaik taraf sijil berkenaan ke MS ISO 9001:2008 pada tahun 2010. BPSM juga secara langsung terlibat dalam menjayakan persijilan Amalan Persekitaran Pejabat

***ACHIEVEMENT***

*2009 can be considered as a successful year for HRMD. One of the succesful achievement is the recertification of MS ISO 9001:2000 certificate, that will be upgraded to MS ISO 9001:2008 in 2010. HRMD also cooperated and actively participated in helping MinDef to get the Quality office Environment 5'S' certificate. HRMD has also won the*

Berkualiti 5'S' yang diperolehi oleh MinDef pada bulan November 2009. Selain daripada itu, BPSM juga telah berjaya memenangi Anugerah Kualiti Menteri Pertahanan – Kategori Pengurusan Sumber Manusia. Kejayaan–kejayaan ini merupakan bukti komitmen BPSM ke arah pemberian perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan dan stakeholder.

*Minister of Defence Quality Award – Human Resource Management Category. All these successes are testimony to HRMD commitments in providing quality service to its customers and stakeholders.*

BPSM juga telah dipertanggungjawabkan untuk mengkoordinasikan urusan pendaftaran awal untuk pegawai dan kakitangan awam MinDef bagi tujuan penubuhan Pasukan Askar Wataniah (AW) MinDef. Kumpulan Pertama AW yang dilancarkan pada 26 Jun 2009 oleh YB Menteri Pertahanan mempunyai 34 warga BPSM daripada 100 anggota. Ini menunjukkan komitmen BPSM dalam menjayakan arahan pihak atasan.

*HRMD has been tasked to coordinate early registration process for officers & support staff in establishing the MinDef Territorial Army (AW). The first AW group, that was aunched by the Minister of Defence on the 26 June 2009, has 34 members from HRMD from a total of 100 members. This shows the commitment of HRMD inachieving top management directions.*





Sekitar Pelancaran Askar Wataniah (MINDEF)
*Launching of The Reseved Army at Ministry of Defence*

# BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

*INFORMATION MANAGEMENT DIVISION*

Pembangunan ICT di Kementerian Pertahanan telah memperlihatkan satu kemajuan yang begitu pesat dan menggalakkan. Bahagian Pengurusan Maklumat secara berterusan telah memanfaatkan kecanggihan dan prestasi ICT dalam meningkatkan kecekapan dan produktiviti Kementerian di samping menyahut cabaran dan komited dalam melaksanakan beberapa program bagi meningkatkan pembudayaan ICT di Kementerian Pertahanan. Selaras dengan objektif utama Bahagian ini untuk mengadakan kemudahan ICT kepada Kementerian maka sepanjang tahun 2009 ini berbagai-bagai projek dan program telah dilaksanakan dan dikategorikan seperti berikut:

*ICT development at the Ministry of Defence has shown an encouraging and rapid progress. The Department of Information Management has continuously taken advantage of the sophistication and potentials of ICT in enhancing the efficiency and productivity of the Ministry apart from taking the challenge and being committed in implementing various programmes to speed up the process of making ICT a culture at the Ministry of Defence. In line with the main objective of this Department is to provide ICT facilities to the Ministry, throughout 2009, various projects and programmes were implemented and categorized as follows:*

- Pelan Strategik ICT Yang Komprehensif
- Pembudayaan ICT Dalam Penyampaian Perkhidmatan
- Pemantapan Dan Kesiapsiagaan ICT
- Khidmat Runding Dan Sokongan Teknikal
- Budaya Kualiti Tinggi Teras Perkhidmatan

- *Comprehensive ICT Strategic Plan*
- *Internalization of ICT In Service Delivery*
- *Enhancement And Readiness of ICT*
- *Consultancy Service And Technical Support*
- *High Quality Culture Is The Core of Service*

## PELAN STRATEGIK ICT YANG KOMPREHENSIF

## *COMPREHENSIVE ICT STRATEGIC PLAN*

Beberapa perkara telah dirancang dan dijalankan di bawah Pelan Strategik ICT yang komprehensif iaitu :

*Several items were planned and carried out under the comprehensive ICT Strategic Plan which are:*

i. **Pelaksanaan ISP MINDEF (2004–2010)**
Pelan ini telah disediakan dan mula dilaksanakan semenjak awal tahun 2004 untuk menyelaras pembangunan ICT perkhidmatan tentera dan awam di MINDEF. Pengkajian semula (review) dan pengemaskinian pelan ISP MINDEF ini selaras dengan ISP Perkhidmatan Awam telah dilaksanakan pada hujung tahun 2008. ISP MINDEF juga dikemaskinikan berdasarkan kemajuan pelaksanaan projek–projek ICT serta perkembangan bidang ini di peringkat Kementerian semenjak pelan ini mula dilaksanakan.

*i. Implementation of ISP MINDEF (2004–2010)*
*This plan was prepared and began to be implemented since early 2004 to coordinate the ICT development for the army and civil at MINDEF. The reviewing and updating of ISP MINDEF which is in line with the Civil Service ISP, was implemented at the end of 2008. MINDEF ISP was also updated based on the progress of ICT projects and development in this area at Ministry level since the plan was implemented.*

Antara perkara yang telah dilaksanakan di bawah ISP MINDEF (2004–2010) ini adalah :

*Among the items implemented under the ISP MINDEF (2004–2010) are:*

a. Stor Bestari
b. HRMIS Awam di ATM
c. POC EIS
d. Penyediaan infrastruktur Network Convergence
e. Template KMS
f. Perolehan ICT
g. Draf Dasar Keselamatan ICT MINDEF versi 3

*a. Smart Store*
*b. Public HRMIS at MAF*
*c. POC EIS*
*d. Network Convergence infrastructure preparation*
*e. KMS Template*
*f. ICT Procurement*
*g. MINDEF ICT Security Policy Draft version 3*

## PEMBUDAYAAN ICT DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
## *INTERNALIZATION OF ICT IN SERVICE DELIVERY*




Antara sistem aplikasi yang telah dibangunkan yang boleh dicapai melalui portal MINDEF
*Among the application system developed that can be accessed through MINDEF portal*

### i. Pembangunan Dan Pelaksanaan Sistem Aplikasi

Pembangunan dan pelaksanaan sistem aplikasi ini meliputi 12 buah sistem baru dan 36 buah sistem sedia ada, termasuk aplikasi EG.Sistem–sistem yang telah siap dibangunkan adalah :

**a. eTender**
Sistem eTender iaitu sistem yang memudahkan pelanggan iaitu penender dan kontraktor mencapai maklumat tender serta menyemak status tender yang disertai. Maklumat mengenai iklan tender, status tender dan senarai tawaran harga akan dipaparkan di portal Kementerian Pertahanan. Sistem ini telah digunakan sepenuhnya mulai Disember 2009.

**b. eLatihan**
Sistem eLatihan dibangunkan untuk mengurus dan memantau rekod kursus yang telah disertai oleh kakitangan MINDEF dan telah digunakan sejak 2008 lagi. Ia membantu pihak pengurusan di dalam menjana laporan-laporan yang diminta oleh pihak JPA. Ia digunapakai oleh semua jabatan/ bahagian awam di MINDEF untuk memudahkan pihak BPSM memantau perjalanan kursus di MINDEF.

**c. AIMS**
Accountability Index Monitoring System (AIMS) adalah satu sistem yang dibangunkan untuk membantu Kementerian Pertahanan memantau dan menilai prestasi pengurusan kewangan di setiap PTJ/Pusat Kos. Sistem ini membolehkan pihak Badan Audit Dalam dan Siasatan Am (BADSA) menjalankan pengauditan pengurusan kewangan secara online di 106 PTJ dan 538 Pusat Kos. AIMS mula diimplementasikan pada September 2009 oleh pihak BADSA dan mempunyai lima (5) fungsi utama iaitu fungsi menjawab soalan, fungsi pengesahan jawapan, fungsi pemarkahan, fungsi star–rating, dan fungsi pemantauan.

Selain itu tujuan utama AIMS dilaksanakan adalah untuk menjimatkan kos pengauditan, masa kerja dan tenaga kerja, meningkatkan tahap pengauditan serta dapat menghasilkan satu inovasi yang kos penghasilannya boleh digunapakai oleh semua organisasi yang melaksanakan pengauditan. Inovasi ini juga membolehkan pengauditan yang tidak dapat dilaksanakan ke atas auditi disebabkan kekangan masa dan sumber manusia yang terhad mampu dilaksanakan dan hubungan antara BADSA dengan Auditi tidak terputus.

Sistem AIMS dapat membantu pihak pengurusan tertinggi MINDEF memantau tahap pematuhan pengurusan kewangan di PTJ secara online di samping memberikan impak positif dalam pengurusan kewangan Kementerian. Ini kerana kelemahan kawalan dalaman di dalam Pengurusan Kewangan boleh membuka kepada ruang–ruang penyelewengan dan perlanggaran peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Oleh itu dengan AIMS pengurusan kewangan tersebut dapat dipantau setiap masa dan secara berterusan.

**d. eAduan**
eAduan adalah satu sistem yang dibangunkan untuk memudahkan pemantauan dan kemasukan aduan–aduan baru. Ia digunakan oleh Sel Pengurusan Aduan, Unit Komunikasi Korporat.

**e. eRecruitment**
Sistem ini menguruskan pengambilan kakitangan awam untuk berkhidmat di Kementerian Pertahanan. Modul–modul dalam sistem ini adalah maklumat pemohon, temuduga, laporan serta surat tawaran.

### *i. Development And Implementation of Application System*

*The development and implementation of this application system included 12 new systems and 36 existing systems, including EG application. Systems that have been fully developed are:*

***a. eTender***
*The eTender system is a system that facilitates clients who are the tenderer and contractors to access tender information and check on the status of the tender that they participated. The information on the tender advertisement, tender status and the list of offer prices will be displayed in the Ministry of Defence portal. The system was fully utilized starting from December 2009.*

***b. eLatihan***
*The eLatihan system was developed to manage and monitor the record of courses attended by MINDEF staff and it has been used since 2008. It helps the management in generating reports requested by JPA. It is used by all public departments / branches at MINDEF to make it easier for HRMD to monitor the way the courses are carried out at MINDEF.*

***c. AIMS***
*Accountability Index Monitoring System (AIMS) is a system which was developed to assist the Ministry of Defence to monitor and evaluate the performance of financial management at every PTJ/Cost Centre. This system enables the Internal Auditing and General Investigation Body to carry out online financial management auditing at 106 PTJs and 538 Cost Centres. AIMS was first implemented in September 2009 by BADSA with five (5) main functions namely answering questions, verification of answers, marking, star–rating and monitoring.*

*Apart from that, the main purposes for AIMS to be implemented were to save auditing costs, working time and work force, improve auditing quality and able to come up with an innovation that can be used by all organizations that carry out auditing. This innovation also makes it possible for auditing that could not be performed on auditees due to time constraint and limited human resource to be implemented and the ties between BADSA and the Auditee will still go on.*

*The AIMS system helps MINDEF top management to monitor the level of adherence to the financial management at PTJ online, besides giving a positive impact on financial management of the Ministry. This is because the weakness of internal control in Financial Management could give rise to betrayal and breaking of financial regulations that are in effect. Therefore, with the use of AIMS the financial management can be continuously monitored at all time.*

***d. eAduan***
*eAduan is a system developed to facilitate monitoring and entering of new complaints. It is used by the Management Complaints Cell,Corporate Communication Unit.*

***e. eRecruitment***
*This system manages recruitment of civil staff to serve in the Ministry of Defence. The modules in this system are information on applicants, interviews, reports and offer letters.*

**f. e–Bajet**
Sistem e–Bajet digunakan di Bahagian Kewangan iaitu di Cawangan Belanjawan (CB) dan Cawangan Urusan Bil (CUB) serta enam (6) Program di Kementerian Pertahanan untuk memantauan peruntukan Program & PTJ. Sistem ini akan menggantikan Sistem Kewangan Bersepadu (SISKEW) yang melibatkan modul kewangan iaitu Modul Belanjawan dan Modul Bayaran. Melalui sistem e–Bajet, CB dapat memperoleh maklumat terkini kedudukan kewangan setiap program secara online dan membantu dalam penyediaan laporan prestasi Anggaran Belanja Mengurus mengikut masa yang ditetapkan. CB juga dapat menyediakan buku B60 dengan lebih sistematik dan cekap. Sistem ini dilaksanakan pada tahun 2009 dalam persekitaran MINDEF*Net dengan reka bentuk client server berasaskan web.

***f. e–Bajet***
*The e–Bajet system is used by the Financial Department which is at the Budget Branch (CB) and Bill Administration Branch (CUB) and six (6) Programmes at Ministry of Defence for Programme allocation monitoring & PTJ. This system will replace the Integrated Financial System involving financial modules which are Budget Module and Payment Module. Through the e–Bajet system, CB is able to obtain current information of current financial standing of each programme online and helps in the preparation of performance report for Managing Expenditure Estimate according to the specified time. CB is also able to prepare the B60 book more systematically and efficiently. This system was implemented in 2009 in the MINDEF*Net environment with the web–based client server design.*

**g. e–Payment**
e–Payment merupakan satu kemudahan kepada pelanggan atau kakitangan Kementerian Pertahanan untuk membuat bayaran bil atau tanpa bil secara online. e–Payment menyediakan kemudahan bayaran secara online melalui kemudahan MEPS FPX dan kad kredit MasterCard dan Visa.

***g. e–Payment***
*e–Payment is a facility for clients or staff of the Ministry of Defence to make online bill or non–bill payment. e–Payment provides the convenience of online payment through MEPS FPX and MasterCard and Visa credit card facilities.*

**h. LIMA**
Sistem ini menyimpan dan mengintegrasikan maklumat–maklumat berkaitan dengan pameran LIMA termasuk maklumat berkaitan tetamu, petugas, atur cara dan lawatan bagi memudahkan capaian kepada data oleh semua petugas yang terlibat.

***h. LIMA***
*This system stores and integrates information regarding LIMA exhibition including information related to guests, officers in charge, programmes and visitation to facilitate access to data for all officers in charge involved.*

**i. SP2U**
Sistem Pemantauan Projek Utama (SP2U) digunakan untuk membantu pihak pengurusan menyemak status projek–projek utama Kementerian dengan mudah dan cepat menggunakan PDA.

***i. SP2U***
*The Main Project Monitoring System (SP2U) is used to help the management to check on the status of Ministry main projects easily and quickly by using PDAs.*

j. **Bank Soalan – knowledge management**
Sistem Bank Soalan merupakan sistem yang dibangunkan untuk membantu Cawangan Peperiksaan dan Kompetensi untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) terutamanya berhubung dengan penyimpanan soalan–soalan PTK. Soalan–soalan yang telah digubal dapat disimpan dan selamat, lebih sistematik dan risiko kehilangan maklumat serta masalah–masalah dalam penyediaan kertas–kertas soalan dapat diatasi. Selain itu juga, sistem ini akan melengkapkan Sistem Pengurusan Peperiksaan yang sedia ada dan seterusnya membantu mempercepatkan proses pelaksanaan peperiksaan PTK.

***j. Question Bank – knowledge management***
*The Question Bank system is a system developed to assist the Examination and Competency Division to be more efficient in the management of Competency Level Assessment Examination (PTK) especially those related to the storage of PTK questions. Questions that have been set can be stored safely, more systematically and the risk of lost of information and problems in preparation of question papers can be overcome. Beside that, the system will complete the existing Examination Management System and thus, help to expedite the PTK implementation process.*

**k. Pengurusan Meja Bantuan**
Sistem Pengurusan Meja Bantuan BPM merupakan satu sistem pengurusan aduan berasaskan web yang mempunyai pelbagai fungsi. Fungsi utama sistem merangkumi pendaftaran aduan, fungsi laporan, statistik dan fungsi emel. Fungsi pendaftaran aduan membenarkan petugas di Meja Bantuan membuat pendaftaran ke atas aduan yang diterima. Fungsi laporan dan statistik pula membantu pegawai untuk melihat laporan dan statistik ke atas aduan yang telah diterima, diselesaikan dan belum diselesaikan. Manakala, fungsi emel pula membenarkan semua aduan yang didaftarkan ke dalam sistem diemelkan secara automatik ke pegawai yang bertanggungjawab agar aduan yang didaftarkan dapat diselesaikan dalam tempoh 3 hari (bagi aduan yang tidak melibatkan kontraktor) dan 7 hari (bagi aduan yang melibatkan kontraktor) seperti yang telah ditetapkan dalam Piagam Pelanggan BPM. Sistem ini dapat membantu BPM untuk membuat pemantauan dan penyelarasan ke atas semua aduan daripada pelanggan BPM.

***k. Help Desk Management***
*The BPM Help Desk Management System is a multi-functional web–based complaint management system. The main function of the system includes complaint registration, report, statistics and email functions. The complaint registration function enables the officer in charge at the Help Desk to register the complaints received. The report and statistics function helps the officer to access the report and statistics on the complaints received that have been settled and unsettled. Whereas, the email function enables all complaints registered in the system to be automatically emailed to the officers responsible so that the registered complaints can be settled within 3 days (for complaints which do not involve contractors) and 7 days (for complaints involving contractors) as specified in the BPM Client Charter. The system can help BPM to monitor and coordinate all complaints from BPM clients.*

**ii. Latihan pengguna**
Bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan penggunaan sistem–sistem di atas, sebanyak 52 sesi latihan pengguna telah diadakan sepanjang tahun 2009. Ini meliputi 11 sistem aplikasi yang melibatkan seramai 319 orang peserta.

*ii. User Training*
*To ensure the smoothness and effectiveness of the systems used, 52 training sessions for users were organized throughout 2009. It involved 11 application systems and 319 participants.*

## PEMANTAPAN DAN KESIAPSIAGAAN ICT

## *ICT REINFORCEMENT AND READINESS*

**1. Perkhidmatan rangkaian yang berkesan**

*1. Effective network service*

a. Peningkatan Jalur Lebar (bandwidth) Daripada 4Mbps Kepada 8Mbps

Pada November 2009 MINDEF melalui Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) mempunyai satu talian suwa (leased line) menggunakan infrastuktur Telekom Malaysia dan langganan ISP daripada Jaring dengan kapasiti 4 Mbps. BPM telah mempertingkatkan talian suwa kepada kapasiti 8 Mbps pada Disember 2009 bagi menampung keperluan pengguna rangkaian LAN Internet seramai 3000 orang dan pengguna rangkaian LAN Aplikasi seramai 2000 orang. Ia bagi menggelakkan berlakunya kesesakan trafik apabila pengguna mengakses Internet pada masa yang sama dan sebagai persediaan bagi pelaksanaan Rangkaian Bersepadu MINDEF.

*a. Upgrading of Bandwith From 4Mbps To 8Mbps*

*In November 2009 MINDEF through the Department of Information Management (BPM) had a leased line using the Telekom Malaysia infrastructure and ISP subscription from Jaring with a capacity of 4 Mbps. BPM has upgraded its leased line to a capacity of 8 Mbps in December 2009 to meet the needs of 3000 Internet LAN network users and 2000 LAN application network users. This is to prevent traffic congestion when the users access Internet simultaneously and as a preparation for the implementation of MINDEF Integrated Network.*

b. Kemudahan Internet Kepada PTA Briged

Pejabat Tadbir Awam (PTA) di pasukan / unit ATM telah dibekalkan dengan kemudahan talian Streamyx bermula pada tahun 2007. Sebanyak 252 lokasi PTA telah dibekalkan dengan talianStreamyx. Tujuan pemasangan ini adalah untuk memberi kemudahan kepada pegawai / kakitangan awam di PTA untuk membuat capaian ke atas maklumat yang berkaitan dengan bidang tugas, jadual peperiksaan, pekeliling–pekeliling kerajaan dan capaian kepada aplikasi–aplikasi online. Pelaksanaan perkhidmatan ini melibatkan dua jenis kos iaitu kos pemasangan (One Off) sebanyak RM125,000.00 dan kos bulanan sebanyak RM148.00 bagi setiap lokasi. Kos pemasangan dan kos bagi bulan pertama dibiayai oleh BPM manakala kos bulanan berikutnya ditanggung oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing–masing.

*b. Internet Facility For The PTA Brigade*

*The Public Administration office (PTA) at MAF team/unit was provided with Streamyx line facility in 2007. 252 PTA locations were provided with the Streamyx line. The purpose of this installation was to provide facilities for the public officers / staff at PTA to access information which is relevant to their duties, examination schedules, government circulars and access to online applications. The implementation of this service involved two types of costs, namely the installation cost (one off) of RM125,000.00 and monthly cost of RM148.00 for each location. The installation cost and the first month cost are financed by the BPM and the rest of the monthly costs are funded by their respective Pusat Tanggungjawab (PTJ).*

c. Infrastuktur Rangkaian Di MINDEF Wangsa Maju

Infrastruktur rangkaian di MINDEF Wangsa Maju telah siap sepenuhnya pada Oktober 2009.Terdapat sebanyak empat (4) jenis rangkaian yang telah beroperasi di MINDEF Wangsa Maju iaitu Rangkaian Leased Line 2.0 Mbps Jaring, Streamyx, EG*net dan MINDEF*net. Pengguna infrastruktur rangkaian ini adalah seramai 550 orang dan boleh mencapai sistem internet dan aplikasi sepenuhnya. Perincian jenis rangkaian di setiap lokasi di MINDEF Wangsa Maju adalah seperti berikut :

*c. Network Infrastructure At MINDEF Wangsa Maju*

*The network infrastructure at MINDEF Wangsa Maju was fully completed in October 2009. There are four (4) types of networks that are already operated at MINDEF Wangsa Maju which are 2.0 Mbps Leased Line Network, Jaring, Streamyx, EG*net and MINDEF*net. The number of users of this network infrastructure is 550 and able to access the internet and application system fully. The details of the types of network at each location at MINDEF Wangsa Maju are as follows:*

| Jabatan / Bahagian *Department / Division* | Jenis Rangkaian / *Network Type* | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Leased Line 2.0 Mbps Jaring | Streamyx | EG*net | MINDEF*net |
| JLKN / *NTSD* | √ | - | √ | √ |
| MAFCA | √ | - | √ | √ |
| Pejabat Menteri / *Minister's Office* | √ | - | √ | √ |
| BIP | √ | - | √ | √ |
| BADSA | - | √ | √ | √ |
| Cawangan Latihan BPSM *BPSM Training Branch* | - | √ | √ | √ |
| Cawangan Peperiksaan BPSM *BPSM Examination Branch* | - | √ | √ | √ |

### 2. Pemantapan Sistem E–mel MINDEF

Sistem E–mel Ms Exchange telah beroperasi bagi menggantikan Sistem Skyjump mulai 25 Nov 2009. Penggantian sistem ini adalah bagi memenuhi keperluan pengurusan atasan MINDEF dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. Pada masa ini terdapat sebanyak 3600 akaun e–mel. Perkhidmatan e–mel ini digunakan oleh Bahagian Awam dan Perkhidmatan Tentera yang terdiri daripada Markas Angkatan Tentera Malaysia (MATM), Markas Angkatan Bersama (MAB), Tentera Darat Diraja Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Antara ciri–ciri yang terdapat pada sistem ini adalah :–

a. Calendar Sharing
b. Synchronization e–mel ke smart phone (Blackberry, iPhone, Nokia)
c. Boleh dicapai di mana–mana sahaja –desktop (Outlook), web (Outlook Web Access) atau Mobile (Smart phone/PDA)
d. Keselamatan yang tinggi daripada sebarang bentuk pencerobohan (Security – Digital Certificate, https/MAPI)

### 3. Pelaksanaan Projek Server Consolidation

Projek Server Consolidation dilaksanakan pada Mac 2009. Projek ini adalah merupakan konsolidasi sistem aplikasi yang ditempatkan dalam beberapa bilangan server fizikal yang banyak kepada bilangan server fizikal yang kecil untuk mengoptimakan penggunaan infrastruktur dan mengurangkan kos operasi. Ini akan menjadi penempatan server lebih tersusun serta dapat menjimatkan sumber elektrik dan ruang Pusat Data BPM. Setiap sistem aplikasi tidak terhad kepada kuantiti processor di mana processor resources adalah dinamik dan boleh dikongsi di antara sistem aplikasi lain. Senggaraan ke atas server akan lebih mudah dilaksanakan dengan penempatan ke semua server di dalam blade chasis.

Pelaksanaan backup secara berpusat (centralized backup) juga dapat mempertingkatkan operasi dan memudahkan pengurusan backup keatas sistem–sistem aplikasi. Pada masa ini terdapat 13 sistem telah ditempatkan di fizikal blade manakala 23 sistem lagi telah ditempatkan secara virtual di dalam empat (4) blade yang lain.

## BUDAYA KUALITI TINGGI TERAS PERKHIDMATAN

### i. Latihan Kompetensi Teras BPM



Sekitar Kursus Asas PTM F41
*Vicinity of PTM F41 Basic Course*

### *2. Improvement of MINDEF's E-Mail System*

*Ms Exchange E–mail system has been operated to replace the Skyjump System on 25 November 2009. The replacement of this system is to fulfill the needs of MINDEF top management to upgrade the service delivery system. There are now 3600 email accounts. The email service is used by the Army Service and Public Division which consists of the Headquarter of Malaysian Armed Forces, Headquarters of Joint Forces, Malaysian Royal Army, Malaysian Royal Navy and Malaysian Royal Air Force. Among the functions of the system are:*

*a. Calendar Sharing*
*b. Synchronization email to smart phone (Blackberry, iPhone, Nokia)*
*c. Can be accessed from anywhere–desktop (Outlook), web (Outlook Web Access) or Mobile (Smart phone/PDA)*
*d. High security from any form of intrusion (Security – Digital Certificate, https/MAPI)*

### *3. Implementation of Server Consolidation Project*

*Server Consolidation project was implemented in Mac 2009. This project is a consolidation of application system installed in reduced number of high–performance servers in order to optimize infrastructure utilization and to reduce operating costs. This will result in a more systematic server placement and savings of electricity and space in the BPM Data Centre. Each application system is not limited to processor quantity where the processor resources are dynamic and can be shared among other application systems. Maintenance of servers will be easier to be carried out with the placement of all servers in the blade chasis.*

*Implementation of centralized backup will also improve operations and facilitate backup management on the application systems. At present, there are 13 systems that are placed at the physical blade and another 23 systems are virtually placed in four (4) other blades.*

## *HIGH QUALITY CULTURE IS THE CORE OF SERVICE*

### *i. BPM Core Competency Training*



Sekitar Program Mentor–Mentee
*Vicinity of Mentor–Mentee Programme*

BPM amat menekankan kualiti latihan pegawai–pegawainya. Oleh itu, BPM telah mengambil pendekatan strategik dan inovatif dalam pelaksanaan penyampaian latihan dengan menggunakan pendekatan latihan yang pelbagai. Ini meliputi kursus–kursus anjuran Kementerian – BPSM, kursus anjuran JPA, kursus anjuran INTAN, kursus anjuran pihak swasta dan kursus–kursus di bawah kontrak. BPM juga menganjurkan pelbagai program seperti program Mentor–Mentee, sesi technology update, bengkel asas PTM F41 dan sebagainya.

*BPM puts a lot of emphasis on the quality of training of its officers. Therefore, BPM has taken a strategic and innovative approach in implementing training delivery by using various training approaches. This includes courses organized by the Ministry–BPSM, a course organized by JPA, courses organized by INTAN, courses organized by private organization and courses under contracts. BPM also organized various programmes such as Mentor–Mentee programme, technology update session, PTM F41 basic workshop and so on.*

Pada tahun 2009, BPM telah mencapai sasaran mengadakan 8 hari latihan kompetensi teras BPM kepada pegawai–pegawainya dengan purata hari kehadiran kursus bagi setiap pegawai adalah 11.9 hari, iaitu pencapaian 100%.

*In 2009, BPM has achieved its target of organizing 8 days BPM core competency training for its officers with an average course attendance for each officer of 11.9 days, which came up to 100%.*

### ii. Persijilan MS ISO 9001:2008

### *ii. Certification of MS ISO 9001:2008*

Dalam penyediaan untuk mendapatkan persijilan MS ISO 9001:2008, BPM telah melaksanakan pelbagai usaha demi merealisasikan sijil tersebut. Di antara aktiviti yang telah dijalankan adalah mengadakan Bengkel Dokumentasi MS ISO 9001:2008, Bengkel Kesedaran ISO MS ISO 9001:2008 dan Bengkel Audit Dalaman MS ISO 9001:2008.

*In preparing to obtain the MS ISO 9001:2008 certification, BPM has implemented various efforts to gain the certification. Among the activities carried out were organizing MS ISO 9001:2008 Documentation Workshop, MS ISO 9001:2008 Awareness Workshop and MS ISO 9001:2008 Internal Auditing Workshop.*

17 dokumen terlibat dalam usaha untuk mendapatkan persijilan MS ISO 9001:2008 adalah :

*17 documents involved in the effort to obtain MS ISO 9001:2008 certification are :*

a. Manual Kualiti

b. Prosedur Dokumen (Wajib)
   i. Prosedur Kawalan Dokumen
   ii. Prosedur Kawalan Rekod
   iii. Prosedur Audit Dalaman
   iv. Prosedur Tindakan pembetulan
   v. Prosedur Tindakan pencegahan
   vi. Prosedur Kawalan Produk/Perkhidmatan Yang Tidak Memenuhi Keperluan

c. Prosedur Dokumen (Sokongan)
   i. Prosedur Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan
   ii. Prosedur Perolehan
   iii. Prosedur Pengendalian Maklum balas Pelanggan
   iv. Prosedur Pengendalian Latihan

d. Prosedur Dokumen (Operasi)
   i. Prosedur Pengurusan Aset ICT
   ii. Prosedur Pengurusan Meja Bantuan
   iii. Prosedur Pembangunan Dan Pelaksanaan Sistem Aplikasi
   iv. Prosedur Pengurusan Perkhidmatan E–mel
   v. Prosedur Pengurusan Perkhidmatan Internet
   vi. Prosedur Backup & Recovery

*a. Quality Manual*

*b. Document Procedure (Compulsory)*
   *i. Document Control Procedure*
   *ii. Record Control Procedure*
   *iii. Internal Auditing Procedure*
   *iv. Correctional Action Procedure*
   *v. Prevention Procedure*
   *vi. Product/Service That Do Not Meet The Requirements Control Procedure*

*c. Document Procedure (Support)*
   *i. Management Review Meeting Procedure*
   *ii. Procurement Procedure*
   *iii. Customer Feedback Handling Procedure*
   *iv. Training Handling Procedure*

*d. Document Procedure (Operations)*
   *i. ICT Asset Management Procedure*
   *ii. Help Desk Management Procedure*
   *iii. Application System Development And Implementation Procedure*
   *iv. Email Service Management Procedure*
   *v. Internet Service Management Procedure*
   *vi. Backup & Recovery Procedure*

### iii. Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK)

### *iii. Work Quality Enhancement Group (KMK)*

Accountability Index Monitoring System atau AIMS telah mendapat tempat kedua di Konvensyen KMK Peringkat Wilayah Persekutuan kategori teknikal. Ia adalah satu inovasi yang belum wujud di mana–mana jabatan kerajaan, iaitu melakukan pengauditan terhadap akaun–akaun PTJ dan pusan bayaran secara maya. Idea yang baik ini boleh dijadikan sebagai satu benchmark kepada jabatan–jabatan yang lain. Ia merupakan satu koloberasi yang erat antara dua bahagian – BPM dan BADSA. Ia telah dibangunkan oleh Cik Norshamsita binti Saad dan Cik Norhayati binti Abdullah.

*Accountability Index Monitoring System or AIMS won the second place at the KMK Convention at Federal Territory Level for technical category. It was an innovation that had not existed in any government department, that is conducting auditing of PTJ accounts and payment centres virtually. It's a good idea because it can become a benchmark for other departments. It was a close collaboration between two divisions – BPM and BADSA. It was developed by Cik Norshamsita binti Saad and Cik Norhayati binti Abdullah.*

**Web Portal Kementerian Pertahanan**
*Ministry of Defence Malaysia Website*






Thumb created by MarkosWeb.com

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN

## *DEVELOPMENT DIVISION*

## PENDAHULUAN

- Cawangan Pembangunan telah ditubuhkan di Kementerian Pertahanan pada 1 Mac 1978 dan diletakkan di bawah Bahagian Kewangan.
- Selaras dengan perkembangan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Cawangan Pembangunan Kementerian Pertahanan telah dinaiktaraf kepada Bahagian Pembangunan.

## *INTRODUCTION*

- *The Development Branch was formed at the Ministry of Defence on 1 March 1978 and was placed under the Finance Division .*
- *In line with the expansion of the Malaysian Armed Forces (MAF), the Development Branch of the Ministry of Defence was upgraded and was named Development Division.*

## OBJEKTIF

- Objektif Bahagian Pembangunan ialah untuk merancang, melaksana, menyelaras, memantau dan membuat penilaian keberkesanan pelaksanaan projek–projek pembangunan di bawah Kementerian Pertahanan.

## *OBJECTIVE*

- *The objective of the Development Division is to plan, implement, coordinate, monitor and conduct assessment on implementation's effectiveness of development projects owned by the Ministry of Defence.*

## FUNGSI

- Fungsi Bahagian Pembangunan ialah:
  - o Merancang program–program pembangunan infrastruktur Kementerian Pertahanan selaras dengan Dasar Pertahanan Negara;
  - o Menyelaras penyediaan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Kementerian Pertahanan;
  - o Menyediakan anggaran belanjawan pembangunan;
  - o Merancang, menyelaras, melaksana dan memantau projek–projek infrastruktur yang diluluskan supaya selaras dengan skop serta mengikut jadual pelaksanaan; dan
  - o Menilai keberkesanan projek–projek pembangunan.

## *FUNCTIONS*

- *The functions of the Development Division are as follows :*
  - *o To plan the infrastructure development programs for the Ministry of Defence as outlined by the National Defence Policy;*
  - *o To coordinate the preparation of the Ministry of Defence's Five Year Development Plan;*
  - *o To prepare estimation for development budget;*
  - *o To plan, coordinate, implement and monitor approved infrastructure projects so that they are well - aligned with the scope and in accordance with the implementation schedule; and*
  - *o To assess the development project's effectiveness*

## ORGANISASI

- Bahagian Pembangunan diketuai oleh Setiausaha Bahagian dan mempunyai 10 unit yang berperanan untuk melaksanakan fungsi–fungsi dan misi Bahagian Pembangunan. Unit–unit berkenaan ialah:
  - o Unit Projek Darat, Laut, Udara, Perumahan dan Awam / 3 Khidmat adalah bertanggungjawab kepada pelaksaanaan projek–projek yang meliputi perlantikan agensi pelaksana, pengurusan tender dan pengawasan projek;
  - o Unit Pengurusan Tanah bertanggungjawab menyelaras dan menentukan keperluan tanah oleh semua unit bagi projek masing–masing, disamping menguruskan hal–hal seperti bayaran pampasan, pajakan, penyewaan dan pewartaan kawasan;
  - o Unit Teknikal bertanggungjawab memberi perkhidmatan dan nasihat profesional serta menyelia projek–projek khas yang tidak diseliakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Jabatanarah Perumahan dan Pembangunan (JP&P), Kementerian Pertahanan;

## *ORGANISATION*

- *The Development Division is headed by the Division Secretary and had 10 units under its jurisdiction to execute defined functions critical to the division and the mission of the Development Division. These respective units are as follows:–*
  - *o The Land, Sea, Air, Housing and Public/3 Services Unit are responsible in executing projects encompassing the implementation of agent appointment, tender management and project supervision;*
  - *o The Land Management Unit is responsible in coordinating and determining land requirements by all respective units while managing other related issues such as compensation disbursements, leasing, rentals and land gazette.*
  - *o The Technical Unit is responsible in providing technical services, professional consultation services and to supervise special projects that do not come under the supervision jurisdiction of the Public Works Department (JKR) or the Department of Housing and Development (JP&P) of the Ministry of Defence.*

- Unit Sekretariat, Penyelidikan dan Pembangunan bertanggungjawab untuk mengesan kemajuan projek–projek infrastruktur pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan di bawah Rancangan Lima Tahun. Unit ini juga bertanggungjawab ke atas perkhidmatan sokongan seperti menyediakan khidmat keurusetiaan, pentadbiran kakitangan dan pengurusan maklumat dan data;

- Unit Belanjawan bertanggungjawab menyedia dan mengawal anggaran belanjawan tahunan pembangunan dan rancangan pembangunan lima tahun; dan

- Unit Pengurusan Kewangan bertanggungjawab menguruskan pembayaran bagi projek–projek pembangunan iaitu projek–projek pembinaan dan kelengkapan ATM dan Awam. Unit ini juga menguruskan semakan tuntutan bagi tugas rasmi / kursus dalam dan luar negeri pegawai / kakitangan Angkatan Tentera dan Awam yang di pertanggungjawabkan di bawah Peruntukan Pembangunan (DE).

- Menilai keberkesanan projek–projek pembangunan.

- *The Secretariat, Research and Development Unit is responsible in keeping track of the development progress of all infrastructure projects and executed under the Five Year Plan. This Unit is also responsible in providing support services such as secretariat services, personnel administration and management of information and data;*

- *The Budget Unit is responsible in preparing and controlling annual development budget estimation and the five year development plan; and*

- *The Financial Management Unit is responsible in managing payments for development projects namely construction projects and equipments for the MAF and civil servants. This Unit is also responsible in managing claim review for official duties / domestic and overseas courses for officers / staff of the Military and Public accountable under the Development Expenditure (DE).*

- *To assess development project's effectiveness*

## BELANJA PEMBANGUNAN (DE)

Peruntukan Pembangunan Kementerian Pertahanan bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM 2,364,629,600.00. Dari segi prestasi perbelanjaan, Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM2,300,210,622.11 iaitu 97.28%. Agihan Peruntukan Pembangunan bagi Infra dan Kelengkapan tahun 2009 adalah seperti di Carta 1.

## *DEVELOPMENT EXPENDITURE (DE)*

*The Development allocation for the Ministry of Defence for 2009 totaled RM 2,364,629,600.00. From the perspective of expenditure performance, the Ministry spent a total of RM2,300,210,622.11 representing 97.28%. Chart 1 describes the Development allocation Distribution on Infrastructure and Equipment for 2009.*




**Carta 1 : Prestasi Perbelanjaan Pembangunan (DE) Infra dan Kelengkapan Tahun 2009**
***Chart 1 : Development Expenditure Performance on Infrastructure and Equipment for 2009***

## PRESTASI BELANJA PEMBANGUNAN (DE) (INFRA DAN KELENGKAPAN)

Jumlah asal peruntukan Pembangunan (DE) bagi tahun 2009 ialah sebanyak RM2,364,629,600.00. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM430,236,937.16 telah dibelanjakan untuk Infra, manakala RM1,869,973,684.95 telah dibelanjakan untuk Kelengkapan. Jumlah Perbelanjaan Pembangunan (DE) keseluruhan untuk Infra dan Kelengkapan Kementerian Pertahanan adalah sebanyak RM2,300,210,622.11 (97.28%).

## *DEVELOPMENT EXPENDITURE PERFORMANCE ON INFRASTRUCTURE AND EQUIPMENTS*

*The initial allocation for Development Expenditure (DE) allocation for 2009 was RM2,364,629,600.00. From this total, RM430,236,937.16 was spent on infrastructure, while RM1,869,973,684.95 was spent on equipments. Total overall Development Expenditure for Infrastructure and Equipments of the Ministry of Defence was RM2,300,210,622.11 (97.28%).*

Bagi projek Perumahan, peruntukan disediakan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan adalah sebanyak RM110,000,000.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM 96,765,162.16 ataupun 87.97% telah dapat dibelanjakan di sepanjang tahun 2009. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Kementerian mengikut perkhidmatan untuk tahun 2009 adalah seperti di Jadual 2.

*As for Housing projects, the total allocation provided under the Prime Minister's Department totaled RM110,000,000.00 out of RM96,765,162.16 or 87.97% was spent throughout 2009. The Ministry's Development Expenditure according to services for 2009 is described in Table 2.*

| Projek / *Project* | Jumlah Peruntukan Asal / *Total Original Provisions* (RM) | Jumlah Perbelanjaan / *Total Expenditure* (RM) | | | % |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Infra / *Infra* | Kelengkapan / *Equipment* | Jumlah / *Total* | |
| Darat / *Army* | 525,293,199.00 | 118,459,728.78 | 404,934,281.89 | **523,394,010.67** | **99.64** |
| Laut / *Navy* | 1,013,561,080.00 | 203,072,488.30 | 791,684,087.09 | **994,756,575.39** | **98.14** |
| Udara / *Air Force* | 667,777,716.00 | 18,120,286.28 | 612,524,701.86 | **630,644,988.14** | **94.44** |
| Awam / 3 Khidmat *Civil / 3 Service* | 141,329,239.00 | 90,584,433.80 | 46,390,689.70 | **136,975,123.50** | **96.92** |
| Stride | 16,668,366.00 | – | 14,439,924.41 | **14,439,924.41** | **86.63** |
| **Jumlah / *Total*** | **2,364,629,600.00** | **30,236,937.16** | **869,973,684.95** | **300,210,622.11** | **97.28** |
| ***Perumahan / *Housing*** | 110,000,000.00 | 96,765,162.16 | – | **96,765,162.16** | **87.97** |

**Jadual 2 : Prestasi Perbelanjaan Pembangunan (DE) Infra dan Kelengkapan mengikut Perkhidmatan**
***Table 2 : Development Expenditure (DE) Performance on Infrastructure and Equipments according to Services***

* Peruntukan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM)
**Allocation under the Prime Minister's Department (PMD)*

Secara keseluruhannya, peruntukan di bawah RMKe–9 adalah sebanyak RM2,474,629,620.00. Sehingga 31 Disember 2009, Kementerian Pertahanan telah membuat perbelanjaan sebanyak RM2,396,975,784.27 atau 96.86% dari peruntukan yang disediakan.

*Overall, the provision under the RMKe–9 was RM2,474,629,620.00. As of December 31 2009, Ministry of Defence has made expenditures RM2,396,975,784.27 or 96.86% of allocation provided.*

Selain itu, dari segi prestasi fizikal projek infra, sebanyak 99 projek telah dirancang untuk dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, 74 projek telah berjaya dilaksanakan dimana sebanyak 39 projek telah siap. Prestasi Fizikal Projek Infra untuk tahun 2009 adalah seperti di Jadual 3.

*In addition, 99 infrastructure physical projects were planned to be implemented out of 74 projects were successfully implemented whereby 39 projects were completed. The Infrastructure Physical Projects Performance is described in Table 3.*

| Unit Projek / *Project Unit* | Sasaran / *Target* | | | | Pencapaian / *Results* | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Siap / *Finish* | 40% | 80% | Jumlah / *Total* | Siap / *Finish* | 40% | 80% | Jumlah / *Total* |
| Darat / *Army* | 10 | 8 | 13 | **31** | 7 | 6 | 14 | **27** |
| Laut / *Navy* | 3 | 2 | 5 | **10** | 2 | 0 | 1 | **3** |
| Udara / *Air Force* | 10 | 1 | 3 | **14** | 7 | 0 | 5 | **12** |
| Awam / 3 Khidmat *Civil / 3 Service* | 9 | 4 | 4 | **17** | 13 | 4 | 2 | **19** |
| Perumahan* / *Housing* | 11 | 10 | 6 | **27** | 10 | 1 | 2 | **13** |
| **Jumlah / *Total*** | 43 | 25 | 31 | **99** | 39 | 11 | 24 | **74** |

**Jadual 3: Prestasi Fizikal Projek Infra Tahun 2009**
***Table 3 : Infrastructure Projects Physical Performance for 2009***

# BAHAGIAN PENTADBIRAN
*ADMINISTRATION DIVISION*

## CAWANGAN BELANJAWAN DAN KEWANGAN

**a. Prestasi Belanja Mengurus Tahun 2009 Bagi Program Pentadbiran Pertahanan**

Program bagi Program Pentadbiran Pertahanan telah menerima peruntukan sebanyak RM 441,994,100 pada tahun 2009 Sehingga tamat tempoh AKB, prestasi perbelanjaan telah mencapai sehingga 93.8%.

**b. Prestasi Belanja Mengurus Tahun 2009 Bagi PTJ Bahagian Pentadbiran**

PTJ Bahagian Pentadbiran telah menerima peruntukan sebanyak RM 40,968,800 pada tahun 2009. Sehingga tamat tempoh AKB, prestasi perbelanjaan telah mencapai sehingga 94%. Peruntukan bagi Bahagian Pentadbiran merangkumi aktiviti seperti pembayaran utiliti, kerja–kerja senggaraan dan harta modal di Wisma Pertahanan. Selain itu, PTJ Bahagian Pentadbiran juga menampung aktiviti di bawah pejabat Anggota Pentadbiran, Bahagian Dasar, Unit Komunikasi Korporat, Pejabat Hakim Peguam dan Bahagian Undang–Undang.

**Pelaksanaan Program Amalan Persekitaran Berkualiti (5S)**

Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) merupakan satu sistem penyelenggaraan yang dikenalpasti dalam usaha mengurangkan pembaziran dan mengoptimumkan produktiviti melalui kaedah penyelenggaraan tempat kerja yang teratur.

2. Amalan 5S merupakan akronim kepada lima proses dalam Bahasa Jepun iaitu Seiri(Sisih), Seiton(Susun) Seiso(Sapu), Seiketsu(Seragam) dan Shitsuke (Sentiasa Amal) telah diperkenalkan oleh negara Jepun sejak tahun lapan puluhan lagi. Ia memberikan garis panduan dalam merancang, membersih, membangun dan mengekalkan produktiviti sesuatu organisasi pada tahap yang konsisten. Dalam ertikata lain, Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) adalah merupakan asas kepada peningkatan produktiviti dan kualiti.

3. Antara objektif 5S adalah seperti berikut:–

- Mewujudkan satu konsep untuk menghasilkan persekitaran berkualiti secara sistematik dan praktikal.
- Menjadikan tempat kerja lebih teratur dan selesa sepanjang masa.
- Membolehkan kerja lebih produktif, cekap, selamat dan menjimatkan kos.
- Melatih pekerja lebih bertanggungjawab dan berbudaya kualiti.

4. Semasa Penilaian Sistem Star Rating (SSR) oleh pihak MAMPU ke Kementerian Pertahanan pada 14–17 Julai 2008, antara saranannya ialah agar kementerian melaksanakan Amalan Persekitaran Berkualiti (5S).

5. Pihak Pengurusan Tertinggi telah mengarahkan Unit Inovasi agar mengadakan satu Bengkel Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) untuk semua "Q Managers' dan Fasilitators di Bahagian–Bahagian Awam di kementerian sebagai persediaan pegawai–pegawai untuk menggembleng tenaga ke arah pencapaian persijilan 5S serta menyahut cabaran pihak MAMPU. Bengkel tersebut telah diadakan pada bulan November 2008.

## *BUDGET AND FINANCE BRANCH*

***a. Performance of Operation Expenditure For The Year 2009 For The Defence Administration Programme***

*Programmer for the Defence Administration Program received an allocation of RM441,994,100 in 2009. Up to the end of AKB period, the performance of expenditure had* ***reached up to 93.8%.***

***b. Performance of Operation Expenditure In The Year 2009 For The Administration Department PTJ***

*The Administration Department PTJ received an allocation of RM 40,968,800 in 2009. Up to the end of AKB period, the performance of expenditure had reached up to 94%. Allocation for the Administration Department includes activities such as utility payments, maintenance work and capital assets at the Defence Building. Apart from that, the Administration Department PTJ also supports activities conducted under the offices of Administrative Members, Corporate Communication Unit, Judge Advocate and the Legal Department.*

***Implementation Practices For Quality Environment (5S) Programme***

*Practices For Quality Environment (5S) is a maintenance system, which has been identified as an effort to reduce wastage and optimize productivity through a systematic work place maintenance procedure.*

*2. The 5S practices is an acronym for 5 processes in Japanese which are Seiri(Sisih), Seiton(Susun), Seiso(Sapu), Seiketsu (Seragam) dan Shitsuke (Sentiasa Amal) had been introduced by Japan since the eighties. It provides a guideline in planning, cleansing, developing and maintaining productivity of an organization at a consistent level. In other words, the Practices for Quality Environment (5S) are a basis to the improvment of productivity and quality.*

*3. Among the 5S objectives are as follows:*

- *To create a concept to produce a quality environment systematically and practically.*
- *To make our work place more orderly and comfortable all the time.*
- *To facilitate our work to be more productive, efficient, safe and cost saving.*
- *To train workers to be more responsible with a quality work culture.*

*4. During the Evaluation of the Star Rating Systems by MAMPU to the Ministry of Defence on 14–17 July 2008, some of the recommendations include the implementation of the Quality Environment Practices (5S).*

*5. The Top Management has instructed the Innovation Unit to organize a Quality Environment Practices 5S Workshop for all "Q Managers' and Facilitators at Public Departments in the ministry as a preparation for the officers to put together their efforts towards achieving the 5S certification and to take–up the MAMPU challenge.The workshop was conducted in November 2008.*

6. Pada awal tahun 2009, semua Jabatan/Bahagian telah diarah supaya melaksanakan program 5S ini untuk meningkatkan proses penyampaian perkhidmatan masing–masing di samping menjadikan Kementerian Pertahanan sebagai satu organisasi cemerlang. Pengurusan Tertinggi telah menetapkan agar satu (1) sijil 5S untuk satu (1) kementerian, manakala Jabatan–Jabatan di bawah naungan kementerian adalah dibenarkan mengadakan program 5S masing–masing.

*6. In the early 2009, all Departments / Divisions were instructed to implement the 5S program in order to improve service delivery processes of respective Departments / Divisions as well as establishing the Ministry of Defence as an excellent organization. The Top Management has already decided that one (1) 5S certificate for (1) ministry, while the Departments under the patronage of the ministry are allowed to organize their own 5S programmes.*

7. Sehubungan dengan itu, satu Kertas Konsep bagi Program Pelaksanaan Persijilan Program 5S Kementerian telah diangkat untuk kelulusan Y.Bhg Dato Sri' Ketua Setiausaha. Kertas Konsep tersebut telah dilulus dan ditandatangani beliau pada 13 Januari 2009.

*7. Hence, a Concept Paper for the Implementation of Ministry's 5S Programme Certification was forwarded for the approval of Y.Bhg Dato Sri' Secretary General. The Concept Paper was approved and signed by him on 13 January 2009.*

8. Dengan komitmen padu dari pengurusan tertinggi kementerian serta kerjasama secara total dari setiap warga kementerian maka Kementerian Pertahanan telah memperolehi sijil Amalan Persekitaran Berkualiti 5S) pada 10 November 2009 dengan jayanya. Kejayaan memperolehi sijil tersebut merupakan satu kejayaan yang boleh dibanggakan hasil daripada komitmen semua warga kementerian.

*8. With the ministry's solid commitment, especially by the top management and total cooperation from every member of the ministry, the Ministry of Defence successfully obtained the Quality Environment Practices (5S) Certificate on 10 November 2009. The triumph in obtaining the certificate was an achievement to be proud of all parties and this is a result of undivided commitment from them.*

9. Kronologi Program Persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) Kementerian Pertahanan adalah seperti di Jadual 1 :–

*9. The chronology of the Ministry of Defence's Certification of Quality Environment Practices (5S) Programme is as depicted in Table 1 :–*

| TARIKH<br>*DATE* | AKTIVITI<br>*ACTIVITIES* |
|---|---|
| Julai / *July* 2008 | Tim Penilaian SSR MAMPU menyarankan agar kementerian melaksanakan Amalan Persekitaran Berkualiti (5S)<br>*The Evaluation Team from SSR MAMPU suggested that the ministry implement Quality Environment Practices (5S)* |
| Nov / *Nov* 2008 | Bengkel Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) untuk "Q Managers"/Fasilitators telah diadakan.<br>*Workshop on Quality Environment Practices (5S) for "Q Managers"/Facilitators was conducted.* |
| Jan / *Jan* 2009 | Kertas Konsep Pelaksanaan Program Persijilan 5S telah diangkat kepada YBhg Dato Sri KSU. Telah diluluskan pada 13 Januari.<br>*The Concept Paper for Implementation of 5S Certification Programme was forwarded to YBhg Dato Sri Secretary General and approved on 13 January.* |
| Feb / *Feb* 2009 | Jawatankuasa Pemandu 5S telah ditubuhkan. Pengerusi – YBhg Dato TKSU (U) dan Ahli–Ahli terdiri daripada SUB/Ketua Bahagian .<br>*Steering Committee For 5S was established. Chairman – YBhg Dato Deputy Secretary General (U) and Members consisting of SUB/Head of Divisions.*<br><br>J/Kuasa Audit/J/Kuasa Latihan dan J/Kuasa Promosi juga telah ditubuhkan.<br>*Audit Committee/Training Committee and Promotion Committee were also formed.* |
| Mac / *March* 2009 | Bengkel Amalan 5S untuk pegawai–pegawai kanan kementerian telah diadakan.<br>*Workshop on 5S Practices for the ministry's senior officers.*<br><br>Tiga (3) siri Taklimat Kesedaran Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) untuk semua pegawai dan warga kementerian di Wisma Pertahanan/persekitaran Kuala Lumpur telah diadakan<br>*Three (3) series of Quality Environment Practices (5S) Awareness Briefing for all officers and staff of the ministry at Wisma Pertahanan/Kuala Lumpur were conducted.* |
| April / *April* 2009 | Pelancaran Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) telah dirasmikan oleh YBhg Dato Sri KSU pada 30 April.<br>*The launching of Quality Environment Practices (5S) was officiated by YBhg Dato Sri KSU on 30 April.*<br><br>YBhg TKSU (U) & TKSU (P) turut hadir bersama pegawai–pegawai kanan dan warga kementerian.<br>*YBhg Deputy Secretary General (M) & Deputy Secretary General (D) were present along with the senior officers and staff of the ministry.* |

| TARIKH<br>*DATE* | AKTIVITI<br>*ACTIVITIES* |
|---|---|
| Mei /Jun / *May/June* 2009 | Pelaksanaan aktiviti S Pertama –SISIH dan S ke 2 (SUSUN)<br>*Implementation of the First S Activity – SISIH and Second S (SUSUN)* |
| Julai / *July* 2009 | Bengkel Juruaudit Dalaman telah diadakan.<br>*Internal Auditor Workshop was conducted.*<br><br>Lawatan Penandaarasan ke Majlis Perbandaran Melaka telah diadakan.<br>*Benchmarking visit to Majlis Perbandaran Melaka was organized.* |
| Ogos / *August* 2009<br><br><br><br>Sep / *Sept* 2009 | Pelaksanaan aktiviti S Ke 3 –SAPU<br>*Implementation of the Third S activity – SAPU*<br><br>Pengauditan Dalaman Siri 1 antara Bahagian telah diadakan pada 20–21 Ogos.<br>*Internal Auditing Series 1 among the Department was carried out on 20–21 August.*<br><br>Pelaksanaan aktiviti S Ke 4 – Seragam dan S ke 5–Sentiasa Amal<br>*Implementation of 4th S activity – Uniform and 5th S – Always Practise* |
| Okt / *Oct* 2009 | Pengauditan Dalaman Siri 2 antara Bahagian telah diadakan pada 4,7 & 8 Sep.<br>*Internal Auditing Series 2 among Departments was carried out on 4, 7 & 8 Sept.*<br><br>Lawatan Konsultan ke Bahagian–Bahagian Awam di Wisma Pertahanan.<br>*Consultant visit to Public Departments at Wisma Pertahanan.*<br><br>Pengauditan Dalaman Siri 3 antara Bahagian telah diadakan pada 2,5 & 6 Okt.<br>*Internal Auditing Series 3 among Departments was carried out on 2, 5 & 6 Oct.*<br><br>Lawatan Konsultan ke Bahagian–Bahagian Awam di Wisma Pertahanan.<br>*Consultants visit to Public Departments at Wisma Pertahanan.*<br><br>Pra Pengauditan telah dilaksanakan oleh MPC pada 22 Okt.<br>*Pre Auditing was implemented by MPC on 22 Oct.* |
| Nov / *Nov* 2009 | Pengauditan 5S oleh MPC telah diadakan pada 10 Nov.<br>*5S Auditing by MPC was carried out on 10 Nov.*<br><br>Memperolehi Persijilan 5S untuk satu (1) kementerian.<br>*Obtained 5S Certification for one (1) ministry.* |
| Jan / *Jan* 2010 | Penyampaian Sijil Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) oleh Ketua Pengarah MPC kepada Y.Bhg Dato Sri KSU pada 5 Jan semasa perhimpunan bulanan MinDef.<br>*Presentation of Quality Environment Practices (5S) Certificate by MPC Director General to Y.Bhg Dato Sri KSU on 5 Jan in MinDef monthly assembly.* |

## PENGURUSAN PARLIMEN

### Dewan Rakyat

Tahun 2009 adalah merupakan persidangan Penggal Kedua Parlimen Kedua Belas. Sebanyak 88 Pertanyaan Jawab Lisan dan 40 Pertanyaan Jawab Bukan Lisan telah diajukan kepada Kementerian Pertahanan. Butiran adalah seperti berikut:

## *PARLIAMENT MANAGEMENT*

### *House of Representatives (Dewan Rakyat)*

*2009 was the 12th Parliament Second Term conference. A total of 88 Questions With Oral Answers and 40 Questions With Non–Oral Answers were forwarded to Ministry of Defence. The details are as follows:*

**Mesyuarat Pertama / *First Meeting***

Tarikh / *Date* : **16 Feb hingga 25 Mac 2009** / *16 Feb to 25 Match 2009*
Pertanyaan / *Enquiries* :

- Jawab Lisan / *Oral Answer* : 22
- Bukan Jawab Lisan / *Non-Oral Answer* : 14
- Pecahan Mengikut Jabatan/ Bahagian / *Fractions by Department / Division* :




**Mesyuarat Kedua / *Second Meeting***

Tarikh / *Date* : **15 Jun hingga 02 Julai 2009** / *15 June to 02 July 2009*
Pertanyaan / *Enquiries* :

- Jawab Lisan / *Oral Answer* : 35
- Bukan Jawab Lisan / *Non-Oral Answer* : 13
- Pecahan Mengikut Jabatan/ Bahagian / *Fractions by Department / Division* :



**Mesyuarat Ketiga /** ***Third Meeting***

Tarikh / *Date* : **19 Okt hingga 17 Dis 2009 /** *19 Oct to 17 Dec 2009*
Pertanyaan / *Enquiries* :

- Jawab Lisan / *Oral Answer* : 31
- Bukan Jawab Lisan / *Non-Oral Answer* : 13
- Pecahan Mengikut Jabatan/ Bahagian / *Fractions by Department / Division* :




MK ATM / *MK MAF*
BHG DASAR *POLICY DPT*
BHG PEMBANGUNAN *DEVELOPMENT DPT*
BHG PEROLEHAN *PROCUREMENT DPT*
JLKN / *NSTD*
BIP
JHEV / *VAD*
TF 2010

## DEWAN NEGARA

Sebanyak 25 Pertanyaan Jawab Lisan dan 03 Pertanyaan Jawab Bukan Lisan telah diajukan kepada Kementerian Pertahanan. Butiran adalah seperti berikut:

## *SENATE (DEWAN NEGARA)*

*A total of 25 Questions With Oral Answers and 3 Question With Non–Oral Answers were forwarded to Ministry of Defence. The details are as follows:*

**Mesyuarat Pertama /** ***First Meeting***

Tarikh / *Date* : 30 Mac hingga 08 Apr 2009 / *30 March to 08 Apr 2009*
Pertanyaan / *Enquiries* :

- Jawab Lisan / *Oral Answer* : 10
- Bukan Jawab Lisan / *Non-Oral Answer* : -
- Pecahan Mengikut Jabatan/ Bahagian / *Fractions by Department / Division* :




MK ATM / *MK MAF*
JLKN / *NSTD*
BHG PEROLEHAN *PROCUREMENT DPT*

**Mesyuarat Kedua / *Second Meeting***

Tarikh / *Date* : **06 Julai hingga 09 Julai 2009 /** *06 July to 09 July 2009*
Pertanyaan / *Enquiries* :

- Jawab Lisan / *Oral Answer* : 08
- Bukan Jawab Lisan / *Non-Oral Answer* : 02
- Pecahan Mengikut Jabatan/ Bahagian / *Fractions by Department / Division* :




**Mesyuarat Ketiga / *Third Meeting***

Tarikh / *Date* : **09 Dis hingga 22 Dis 2009 /** *09 Dec to 22 Dec 2009*
Pertanyaan / *Enquiries* :

- Jawab Lisan / *Oral Answer* : 07
- Bukan Jawab Lisan / *Non-Oral Answer* : 01
- Pecahan Mengikut Jabatan/ Bahagian / *Fractions by Department / Division* :



**Program 5S Kementerian Pertahanan**
*Ministry of Defence 5S programme*









# BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

*LEGAL DIVISION*

| Bil<br>*Num* | Program/ Aktiviti/ Projek<br>*Programs / Activities / Projects* | Kuantiti / Kualiti<br>*Quantity / Quality* | Pencapaian<br>*Achievements* |
|---|---|---|---|
| 1. | **Penyediaan 'Template' Perjanjian**<br>***Agreement Template Preparation*** | Menyediakan 'template' perjanjian untuk kontrak-kontrak berkala di Kementerian Pertahanan.<br>*Providing 'template' of agreement for contract periodically in the Ministry of Defence.* | Penyediaan 'template' perjanjian sedang dalam proses untuk dimuktamadkan setelah mengambilkira pandangan dan maklumbalas pihak pengguna<br>*Template agreement is in the process to be finalized.* |
| 2. | **Semakan Kontrak**<br>***Revised Contract***<br><br>**a. Perjanjian Perolehan**<br>***Procurement Agreement***<br>**b. Perjanjian Projek Pembangunan**<br>***Project Development Agreement***<br>**c. Memorandum Persefahaman Nasihat Undang-undang**<br>***Memorandum of Understanding*** | Menyemak dokumen kontrak yang dikemukakan oleh Bahagian-Bahagian dalam tempoh maksima 3 minggu dari tarikh dokumen kontrak yang sempurna diterima oleh Bahagian Undang-Undang.<br>*Reviewing contract documents submitted by other Divisions within maximum period of 3 weeks from the date of the contract documents properly accepted by the Legal Division.* | Kontrak Diterima = 457<br>*Contract Received*<br>Kontrak Diselesaikan = 415<br>*Contract Completed*<br>Tahap Penyelesaian = 90.80%<br>*Settlement Level*<br><br>Jumlah keseluruhan semakan yang diselesaikan (semakan pertama, kedua, ketiga) = 713<br>*Total of settled revision (first, second, third check) = 713* |
| 3. | **Nasihat Undang-undang**<br>***Legal Advice*** | Mengeluarkan nasihat/pandangan undang-undang secara bertulis mengenai isu-isu yang dikemukakan oleh Bahagian-Bahagian lain dalam Kementerian dalan tempoh 3 minggu dari tarikh surat yang diterima dari Bahagian berkenaan.<br>*Issuing advice / legal opinion in writing the issues submitted by other Divisions in the Ministry of Defence within 3 weeks from the date of the letter received from the Legal Division* | Jumlah Diterima = 113<br>*Total Received*<br>Diselesaikan = 103<br>*Completed*<br>Tahap Penyelesaian = 91.15%<br>*Settlement level* |
| 4. | **Litigasi**<br>***Litigation*** | Mengendalikan kes-kes sivil di Mahkamah dan memastikan kepentingan Kerajaan dan Kementerian sentiasa terjaga.<br>*Handling civil cases in court and ensure that the interest of the Government and the Ministry are guaranteed.* | 987 kes aktif<br>Jumlah Saman yang dikendalikan (pihak yang menuntut dan dituntut):<br>1. Kes Kemalangan = 26<br>2. Kes Sivil = 18<br>3. Kes Permohonan Jenayah = 4<br>5. Kes Semakan Jenayah = 1<br>6. Kes Biasiswa, Pinjaman Pelajaran dan Saman Penghutang Penghakiman = 2<br><br>*987 active cases Total Summons handled (the claimant and claimed):*<br>*1. Accident Cases = 26*<br>*2. Civil Cases = 18*<br>*3. Criminal Cases = 4*<br>*5. Criminal Cases Review = 1*<br>*6. Case Scholarship, Education Loan Debtors Summons and Judgments = 2* |
| 5. | **Gubalan**<br>***Amendment*** | Mengubal atau meminda Akta, Rang Undang-Undang atau Peraturan - Peraturan berkaitan Kementerian Pertahanan berdasarkan keperluan dan perubahan semasa.<br>*Amending the Act, the Bill or Regulations relating Ministry of Defence based on needs and current changes.* | Bagi tahun 2009 / *For 2009*:<br><br>1. Draf Warta Pakaian ATM<br>*Draft Gazette Apparel MAF*<br><br>2. Peraturan-Peraturan Tentera Darat Persekutuan (Gaji Dan Elaun) (Pindaan) 2009<br>- Telah disiar dalam warta P.U.(A) 349/2009<br>*Regulations of Federal Army (Salary, Retirement, Rewards and other provision) (Amendment) 2009*<br><br>3. Draf Perundangan Subsidiari mengenai Pasukan Sukarelawan di Bawah Akta Angkatan Tentera Malaysia 1972:<br>*Draft Subsidiary Legislation of the Volunteer of Malaysian Armed Forces:* |

| Bil<br>*Num* | Program/ Aktiviti/ Projek<br>*Programs / Activities / Projects* | Kuantiti / Kualiti<br>*Quantity / Quality* | Pencapaian<br>*Achievements* |
|---|---|---|---|
| | | | i) The Volunteer Forces (Pay Allowance) Rules 2009<br>ii) The Volunteer Forces (Terms and Conditions of Service 2009)<br>iii) The Volunteer Forces (Disability, Death and Other Benefits) Rules 2009<br><br>4. Perlantikan Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara Akta Latihan Khidmat Negara 2003 (Akta 628)<br>- Telah disiarkan dalam warta P.U.(B) 432/2008<br><br>*Appointment of Chairman of National service Training Council of Under National Service Training Act 2003*<br>*- Published in the gazette of P.U. (B) 432/2008*<br><br>5. Proklamasi oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Seksyen 3 Akta Latihan Khidmat Negara 2003 (Akta 628)<br>- Telah disiarkan dalam warta P.U.(A) 268/2009<br><br>*Proclamation by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong under Section 3 of the National Service Training Act 2003 (Act 628)*<br>*- published in the gazette of P.U. (A) 268/2009*<br><br>6. Perintah Latihan Khidmat Negara (Orang Yang Dikehendaki Menjalani Latihan Khidmat Negara) 2009<br>- Telah disiarkan dalam warta P.U.(A) 269/2009<br><br>*National Service Training (Person Required To Undergo National Service Training) Order 2009*<br>*- published in the gazette of P.U. (A) 269/2009*<br><br>7. Pemberitahuan Pengecualian di Bawah Seksyen 4 (1) (Tambahan Kategori Orang) yang dikecualikan) 2009<br>- Telah disiarkan dalam warta P.U.(B) 560/2009<br><br>*Notification of Exemption Under Section 4 (1) National Service Training Act 2003*<br>*- published in the gazette of P.U. (B) 560/2009*<br><br>8. Pemberitahuan Bentuk, Tempat dan Jangka Masa Latihan Khidmat Negara 2010<br>- Telah disiarkan dalam warta P.U. (B)576/2009<br><br>*Notification Nature, Place and Duration of National Service Training 2010*<br>*- published in the gazette of P.U. (B) 576/2009*<br><br>9. Pemberitahuan Bentuk, Tempat dan Jangka Masa Latihan Khidmat Negara 2009<br>- Telah disiarkan dalam warta P.U.(B) 575/2009<br><br>*Notification Nature, Place and Duration of National Service Training 2009*<br>*- published in the gazette of P.U. (B) 575/2009*<br><br>10. Penetapan Tarikh Kuatkuasa Akta Latihan Khidmat Negara<br>- Telah disiarkan dalam warta P.U. (B) 468/2009 |

| Bil<br>*Num* | Program/ Aktiviti/ Projek<br>*Programs / Activities / Projects* | Kuantiti / Kualiti<br>*Quantity / Quality* | Pencapaian<br>*Achievements* |
|---|---|---|---|
| | | | *Appointment Of Date Of Coming Into Operation National Service Training (Amendment) Act 2009*<br>*- published in the gazette of P.U. (B) 468/2009*<br><br>11. Peraturan Peraturan Latihan Khidmat Negara (Penangguhan Tanggungan) (Pindaan) 2010<br>- Telah disiarkan dalam warta P.U. (A) 26/2010<br><br>*National Service Training (Postponement Of Liability) (Amendment) Regulations 2010*<br>*- published in the gazette of P.U.(A) 26/2010* |
| 6 | **Mesyuarat Dan Rundingan**<br>***Meeting And Consultation*** | Menghadiri mesyuarat dan rundingan kontrak yang diadakan di Kementerian Pertahanan, Jabatan Peguam Negara dan Kementerian-Kementerian lain.<br>*Attending meetings and contract negotiations held at the Ministry of Defence, Department of the Attorney General and other ministries.* | **Jumlah / *Total* = 505** |
| 7 | **Persidangan Dewan Parlimen**<br>***Parliamentary Conference Hall*** | Menghadiri Persidangan di Dewan Parlimen dan Dewan Rakyat apabila diarahkan dan menyediakan laporan untuk Jabatan Peguam Negara.<br>*Attending the Conference in the House of Parliament and the House of Commons when directed and preparing reports for the Attorney General's Chambers.* | 02 Pegawai / *Officers* |

# JABATAN KETUA HAKIM PEGUAM
## DEPARTMENT OF JUSTICE COUNCIL

## PENDAHULUAN

1.1 Jabatan Ketua Hakim Peguam adalah salah satu bahagian yang diletakkan di bawah pentadbiran sektor Ketua Setiausaha dan merupakan bahagian pentadbiran yang terkecil di segi perjawatan.

1.2 Bahagian ini diketuai oleh seorang Ketua Hakim Peguam dan dibantu oleh seorang Hakim Peguam, seorang Pembantu Tadbir, seorang Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) dan seorang Pembantu Am Pejabat.

## VISI

2.1 Menjadi sebuah organisasi berwibawa dalam memberikan perkhidmatan perundangan kepada Angkatan Tentera Malaysia.

## MISI

3.1 Mengawal selia sistem perundangan ketenteraan untuk melaksanakan keadilan dengan cekap dan saksama selaras dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan dan undang–undang ketenteraan.

## FUNGSI

4.1 Menasihati Majlis Angkatan Tentera, pegawai pengesah dan pihak berkuasa kajian semula mengenai kesahan dapatan dan hukuman Mahkamah Tentera;

4.2 Menasihati Majlis Angkatan Tentera dan pegawai angkatan tentera mengenai apa–apa perkara lain yang dirujukkan kepadanya dari semasa ke semasa; dan

4.3 Melantik orang yang mempunyai pengalaman undang–undang untuk bertindak sebagai Hakim Peguam dalam Mahkamah Tentera.

## KETUA HAKIM PEGUAM

5.1 Jawatan Ketua Hakim Peguam adalah satu jawatan yang diwujudkan oleh Undang–Undang. Ketua Hakim Peguam adalah dilantik oleh Yang Di Pertuan Agong. Seksyen 150(1) Akta Angkatan Tentera 1972 memperuntukkan:

> **"150(1) Yang di–Pertuan Agong boleh melantik seseorang yang sesuai untuk melaksanakan bagi angkatan tentera fungsi yang boleh dijalankan oleh Ketua Hakim Peguam dengan sah di bawah Akta ini atau mana–mana undang–undang bertulis yang lain."**

5.2 Syarat perlantikan Ketua Hakim Peguam disebut dalam sub–seksyen (3):

> **"150(3) Orang yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah sama ada merupakan seorang anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan yang telah berkhidmat selama tidak kurang daripada lima tahun, atau seorang peguambela dan peguamcara yang telah menjalankan amalan selama tidak kurang daripada lima tahun, atau seorang yang berkelayakan mengikut pengertian Akta Profesion Undang–Undang 1976 (Akta 168), yang telah berkelayakan sedemikian selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun."**

## *INTRODUCTION*

*1.1 The Chief Judge Advocate Department is one of the departments under the administration of the Chief Secretary sector and is the smallest administrative department in terms of personnel.*

*1.2 This department is led by a Chief Judge Advocate and assisted by a Judge Advocate, an Administrative Assistant, an Administrative Assistant (Secretarial) and an office General Assistant.*

## *VISION*

*2.1 To become an organization that has the ability to provide legislative services to the Malaysian Armed Forces.*

## *MISSION*

*2.1 Controlling and administering the army legislative system to implement justice efficiently and fairly in line with the requirements of Federal Constitution and the laws of the army.*

## *FUNCTION*

*4.1 Advising the Council of the Armed Forces, authentication officer and review authorities on the authenticity of results and sentences by the Court Martial;*

*4.2 Advising the Council of the Armed Forces and the officers of the armed forces on any other issues referred to it from time to time; and*

*4.3 Appointing a person who has experience in laws to function as a Judge Advocate in the Court Martial.*

## *CHIEF JUDGE ADVOCATE*

*5.1 The Chief Judge Advocate Post is created by the Law.The Chief Judge Advocate is appointed by the Yang DiPertuan Agong. The Armed Forces Act 1972 Section 150(1) allocated:*

> ***"150(1) The Yang di–Pertuan Agong can appoint a person who is appropriate in implementing the functions assumed by the Chief Judge Advocate legally on behalf of the armed forces."***

*5.2 The conditions for the appointed of the Judge Advocate General are mentioned in the sub–section(3):*

> ***"150(3) A person appointed under subsection (1) must be either someone in the judicial and legislative service who has been in service for not less than five years, or a defence***

5.3 Majlis Angkatan Tentera dalam mesyuarat ke 354 pada 10.12.1996 telah mengesahkan tugas–tugas Ketua Hakim Peguam seperti berikut:

1. (a) Memberi khidmat nasihat undang–undang kepada Majlis Angkatan Tentera, pegawai pengesah dan pihak berkuasa ulangkaji tentang sahnya keputusan–keputusan dan hukuman–hukuman Mahkamah Tentera;

   (b) Semua pegawai pengesah dan pihak berkuasa ulangkaji adalah dikehendaki mendapatkan nasihat Ketua Hakim Peguam sebelum membuat apa–apa keputusan berhubung sahnya keputusan–keputusan dan hukuman–hukuman Mahkamah Tentera.

2. (a) Memberi khidmat nasihat undang–undang kepada Majlis Angkatan Tentera (MAT) dan pegawai–pegawai Angkatan Tentera tentang semua perkara sama ada berhubung dengan perundangan KEMENTAH atau bukan KEMENTAH yang bermaksud untuk makluman, pertimbangan atau keputusan Majlis Angkatan Tentera;

   (b) Memberi khidmat nasihat undang–undang yang dirujuk oleh pegawai–pegawai awam Kementerian atau pegawai–pegawai Angkatan Tentera berhubung Akta Angkatan Tentera 1972 dan perundangan–perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya; dan

   (c) Menghadiri dan memberi khidmat nasihat undang–undang kepada berikut:

      (i) Majlis Angkatan Tentera
      (ii) Jawatankuasa Penasihat Ketua Staf Jawatan Anggota
      (iii) Lembaga–lembaga yang ditubuhkan oleh Majlis Angkatan Tentera, termasuk:

         a. Lembaga yang ditubuhkan oleh Perintah Majlis Angkatan Tentera seperti PMAT 3/91:

            – Lembaga No. 1
            – Lembaga No. 2
            – Lembaga No. 3

         b. Apa–apa lembaga atau badan lain ditubuhkan oleh Majlis Angkatan Tentera:

      (iv) Jawatankuasa Tetap Syarat–Syarat Perkhidmatan (JKTSP);
      (v) Jawatankuasa Tetap Bersama; dan
      (vi) Lembaga Siasatan.

3. (a) Melantik orang–orang yang mempunyai pengalaman undang–undang untuk bertindak sebagai Hakim Peguam di Mahkamah Tentera; dan

   (b) Semua pihak berkuasa menyidang adalah dikehendaki mendapatkan nasihat Ketua

*5.3 The Armed Forces Council in the 354th meeting on 10.12.1996 has confirmed the duties of the Chief Judge Advocate as follows:*

*1. (a) To provide legal advice to the Armed Forces Council, validation officers and the review authorities review on the decisions and judgments of the Court Martial;*

*(b) All validation officers and the review authorities are required to get advice from the Chief Judge Advocate before making any decision regarding the validity of the Court Martial decisions and judgments.*

*2. (a) Provide legal advice to the Armed Forces Council (MAT) and the Army officers on all issues either regarding MINDEF or non MINDEF legislative which is meant for information, consideration or decision for the Armed Forces Council;*

*(b) Provide legal advice which is referred by the Ministry civil officers or Armed Forces officers regarding the Armed Forces Act 1972 and subsidiary legislative drawn up under it; and*

*(c) Attend and provide legal advice to the following parties:*

*(i) Armed Forces Council*
*(ii) Advisory Committee of staff client*
*(iii) The boards established by the Armed Forces Council include:*

*a. The board established by the Command of Armed Forces Council such as PMAT 3/91:*

*– Board No. 1*
*– Board No. 2*
*– Board No. 3*

*b. Any other board or body established by the Armed Forces Council:*

*(iv) Service Conditions Permanent Committee;*
*(v) Joint Permanent Committee; and*
*(vi) Investigation Board.*

*3. (a) Appoint people who have experience in law to function as a Judge Advocate at the Court Martial; and*

*(b) All authorities convening are required to get the advice from the Chief Judge Advocate whether or*

Hakim Peguam sama ada seseorang Hakim Peguam perlu hadir dalam sesuatu Mahkamah Tentera tertentu."

*not a Judge Advocate need to be present in a particular Court Martial."*

4. Mewakili Angkatan Tentera Malaysia di mesyuarat–mesyuarat berhubung dengan undang–undang yang melibatkan Angkatan Tentera Malaysia termasuk perkara–perkara yang ditetapkan dalam para 1–3.

*4. Represent the Malaysian Armed Forces in meetings regarding legal matters involving Malaysian Armed Forces including matters stipulated in paragraph 1–3.*

## HAKIM PEGUAM

## *JUDGE ADVOCATE*

6.1 Hakim Peguam dilantik oleh Ketua Hakim Peguam untuk menjalankan tugas di Mahkamah Tentera bagi ketiga–tiga perkhidmatan Darat, Laut dan Udara. Kehadiran Hakim Peguam adalah perlu untuk perbicaraan kes–kes yang melibatkan isu undang–undang yang rumit dan apabila tertuduh diwakili oleh peguambela.

*6.1 A Judge Advocate is appointed by the Chief Judge Advocate to implement duties in the Court Martial for the three services of Land, Sea and Air. The presence of the Judge Advocate is necessary for trials of cases involving complicated legal issues and when a defence attorney represents the defendant.*

6.2 Pada teorinya Hakim Peguam adalah seorang yang mempunyai kelayakan undang–undang yang dilantik oleh Ketua Hakim Peguam. Sekiranya Ketua Hakim Peguam gagal melantik Hakim Peguam, maka Hakim Peguam boleh dilantik oleh Pegawai Sidang. Bagaimanapun pada amalan sekarang Hakim Peguam adalah seorang pegawai undang–undang yang dipinjamkan dari Jabatan Peguam Negara. Tugas–tugas am seorang Hakim Peguam adalah diperuntukkan di bawah Kaedah 103, Kaedah–Kaedah Acara Angkatan Tentera (Mahkamah Tentera) 1976. Dengan kata lain Hakim Peguam adalah penasihat undang–undang kepada perbicaraan sesuatu kes di Mahkamah Tentera.

*6.2 Theoretically, a Judge Advocate is a person who has qualifications in legal matters appointed by the Chief Judge Advocate. If the Chief Judge Advocate fails to appoint a Judge Advocate, the Convention officer can appoint the Judge Advocate. Nevertheless, as practiced currently, a Judge Advocate is a legislative officer seconded from the Attorney General Chamber. The general duties of a Judge Advocate are allocated under the Armed Forces (Court–Martial) Rules of Procedure in 1976. In other words, the Judge Advocate is the legal adviser for a trial of a case at the Court Martial.*

6.3 Adalah matlamat Jabatan ini, agar kes–kes yang di daftar di Mahkamah Tentera dapat dibicarakan dan diselesaikan dalam tahun yang sama. Ini untuk mengelakkan tempoh had masa (limitation period) 3 tahun dan mengakibatkan berlaku ketidakadilan kepada tertuduh. Di bawah Kaedah–Kaedah Acara Angkatan Tentera (Mahkamah Tentera) 1976, seorang tentera yang dituduh di Mahkamah Tentera tidak boleh dijamin dan hendaklah dikenakan tahanan.

*6.3 It is the goal of this Department that the cases registered in the Court Martial can be tried and settled in the same year. This is to avoid the 3–year limitation period which leads to injustice to the defendant. Under the Armed Forces (Court–Martial) Rules of Procedure in 1976, a soldier accused in the Court Martial cannot be bailed and must be detained.*

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

## *ACTIVITIES AND ACHIEVEMENTS*

| Bil / *Num* | Aktiviti / *Activity* | Pencapaian / *Performance* |
|---|---|---|
| 1. | i) Mengeluarkan Sijil Lantikan Hakim Peguam.<br>*Issue Certificate of Appointment For Judge Advocate.*<br><br>ii) Menetapkan tarikh perbicaraan selepas berbincang dengan pihak berkuasa sidang pendakwa dan peguambela sidituduh.<br>*Fix the trial date after discussing with the prosecutor convention authority and the defendant defence attorney*<br><br>iii) Menyelesaikan perbicaraan kes tertangguh dari tahun lepas.<br>*Settle the trial of cases postponed from last year.* | i) Pelantikan Hakim Peguam<br>*Appointment of Judge Advocate* |

| Bulan *Month* | Jumlah Sijil *Total certificates* |
|---|---|
| Jan / *Jan* | 7 |
| Feb / *Feb* | 5 |
| Mac / *March* | - |
| April / *April* | - |
| Mei / *May* | 1 |
| Jun / *June* | 5 |
| Julai / *July* | 5 |
| Ogos / *August* | 4 |
| Sept / *Sept* | 2 |
| Okt / *Oct* | 1 |
| Nov / *Nov* | 3 |
| Dis / *Dec* | 4 |
| **Jumlah / *Total*** | 37 |

<table>
<tr><th>Bil / Num</th><th>Aktiviti / Activity</th><th>Pencapaian / Performance</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>
ii) Jumlah kes yang sudah disidangkan<br>Total cases which already assembled
<table>
<tr><th>Bulan<br>Month</th><th>Jumlah Kes<br>Total case</th></tr>
<tr><td>Jan / Jan</td><td>7</td></tr>
<tr><td>Feb / Feb</td><td>5</td></tr>
<tr><td>Mac / March</td><td>-</td></tr>
<tr><td>April / April</td><td>-</td></tr>
<tr><td>Mei / May</td><td>1</td></tr>
<tr><td>Jun / June</td><td>5</td></tr>
<tr><td>Julai / July</td><td>5</td></tr>
<tr><td>Ogos / August</td><td>4</td></tr>
<tr><td>Sept / Sept</td><td>2</td></tr>
<tr><td>Okt / Oct</td><td>1</td></tr>
<tr><td>Nov / Nov</td><td>3</td></tr>
<tr><td>Dis / Dec</td><td>4</td></tr>
<tr><td>Jumlah / Total</td><td>37</td></tr>
</table>
Kes yang belum selesai sehingga 31 Dis 2009<br>Case pending until Dec 31 2009<br><br>
Tahun / Year 2007 - 2 kes / case<br>
Tahun / Year 2008 - 12 kes / case<br>
Tahun / Year 2009 - 8 kes / case<br>
Jumlah / Total = 22 kes / case<br><br>
23 kes tahun 2009 dibicarakan dengan melantik Pegawai Tentera sebagai Hakim Peguam.<br>
23 cases in year 2009 claims trial by appointing Military Office as Judge Advocate.
</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Memberi nasihat undang-undang kepada Majlis Angkatan Tentera, pegawai-pegawai ATM, pegawai pengesah mengenai perkara undang-undang dan pihak berkuasa ulangkaji mengenai keesahan pependapat serta hukuman-hukuman Mahkamah Tentera dan kertas-kertas Lembaga yang diuruskan diluar mesyuarat.<br>Provides legal advice to the Armed Forces Council, MAF officers, validation officer on legal issues and review authorities on validity of opinions and judgments of the Court Martial and Board papers, which are managed outside of the meeting.</td><td>
a) Sebanyak 10 pandangan undang-undang diberi kepada MAT dan Pegawai-pegawai ATM.<br>A total of 10 legal opinions were given to the MAT and MAF Officers.<br><br>
b) Nasihat lisan diberi dengan segera dari masa ke semasa.<br>Oral advice is given promptly from time to time<br><br>
c) i) Isu-isu pandangan telah diselesaikan melalui mesyuarat Ketua Hakim Peguam dengan Sel Undang-Undang ATM yang diadakan sebanyak 4 kali dalam tahun 2009.<br>Opinion issues were settled through Chief Judge Advocate and MAF Legislative Cell meetings which were held 4 times in 2009.<br>
ii) Isu undang-undang juga dibincang dalam Seminar Pegawai Undang-Undang ATM yang diadakan pada 25 -29 Mei 2009 di The Legend Resort, Cherating, Kuantan, Pahang.<br>Legal issues were also discussed in the MAF Legal Officers Seminar held from 25-29 May 209 at The Legend Resort, Cherating, Kuantan, Pahang.
</td></tr>
</table>

| Bil / *Num* | Aktiviti / *Activity* | Pencapaian / *Performance* |
|---|---|---|
| 3. | Menghadiri perbicaraan Mahkamah Tentera sebagai Hakim Peguam yang dilantik di bawah Seksyen 150(4)(c) Akta Angkatan Tentera 1972<br>*Attending the Court Martial trials as a Judge Advocate appointed under Section 150(4)(c) Armed Forces Act 1972.* | Jumlah perbicaraan kes Mahkamah Tentera yang dihadiri oleh Hakim Peguam<br>*Total number of Court Martial case trials attended by the Judge Advocate*<br><br>Bulan / *Month* — Jumlah Kes / *Total case*<br>Jan / *Jan* — 6<br>Feb / *Feb* — 5<br>Mac / *March* — 11<br>April / *April* — 8<br>Mei / *May* — -<br>Jun / *June* — 7<br>Julai / *July* — 3<br>Ogos / *August* — 8<br>Sept / *Sept* — 6<br>Okt / *Oct* — 6<br>Nov / *Nov* — 6<br>Dis / *Dec* — 4<br>**Jumlah / *Total*** — 70 |
| 4. | Mengadakan mesyuarat Ketua Hakim Peguam dengan Sel Undang-Undang ATM untuk menyelesaikan isu-isu perundangan.<br>*Organized Chief Judge Advocate and MAF Legal Cell meetings to settle legal issues.* | Sebanyak 4 mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun 2009. Tarikh-tarikh pada :<br>*4 meetings were held through out 2009. Dates on :*<br><br>1) 22 Jan / *Jan* 2009<br>2) 11 Feb / *Feb* 2009<br>3) 23 Mac / *March* 2009<br>4) 17 &18 Ogos / *August* 2009 |

## ORGANISASI / *ORGANIZATION*

### STRUKTUR ORGANISASI JABATAN KETUA HAKIM PEGUAM
### *HEAD DEPARTMENT's ORGANISATIONAL STRUCTURE OF JUDGE ADVOCATE*



# JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM (JHEV)

## MALAYSIAN ARMED FORCES VETERAN AFFAIRS DEPARTMENT

1. SKIM– SKIM BANTUAN KEBAJIKAN

### 1.1 Bantuan Sara Hidup

Bantuan sara hidup adalah bantuan kewangan bulanan yang diberikan kepada Veteran ATM bagi meringankan beban sara hidup Veteran ATM dan tanggungan yang uzur, dhaif dan lain–lain berdasarkan kelayakan mengikut Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Kadar bantuan maksimum yang di beri kepada Veteran ATM adalah RM200.00 sebulan. Pada tahun 2009, seramai 3072 orang Veteran ATM, balu dan tanggungan telah diberikan bantuan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM3,598,190.00 atau 46.69% dari keseluruhan perbelanjaan di bawah skim kebajikan.

### 1.2 Bantuan Persekolahan

Bantuan persekolahan adalah bantuan yang diberi kepada Veteran ATM yang kurang berkemampuan untuk membiayai pelajaran anak–anak sama ada di peringkat sekolah rendah ataupun sekolah menengah mengikut kelayakan. Bantuan ini hanya layak untuk seorang anak bagi satu keluarga. Bagi tahun 2009, seramai 804 orang penerima skim ini berjumlah RM533,600.00 iaitu 6.92% dari keseluruhan perbelanjaan.

### 1.3 Bantuan Kemasukan Ke IPTA

Sebagai memberi galakan dan motivasi kepada anak–anak Veteran ATM, Jabatan juga menyediakan bantuan kewangan kepada anak–anak veteran ATM yang berjaya melanjutkan pelajaran sama ada di peringkat Diploma ataupun Ijazah Pertama mengikut kelayakan. Sebanyak RM3,232,000.00 telah diberikan kepada 3771 orang anak Veteran ATM. Bantuan ini juga diberi sebagai tanda pengucapan tahniah sekali gus membantu meringankan beban kewangan Veteran ATM ketika pendaftaran kemasukan. Bantuan di bawah kategori ini membawa peratusan sebanyak 41.94% dari keseluruhan perbelanjaan.

### 1.4 Bantuan Peralatan Pesakit

Peruntukan sebanyak RM219,653.00 telah diberikan kepada Veteran ATM, balu dan tanggungan yang memerlukan peralatan bantuan sokongan seperti kerusi roda, katil dan sebagainya. Di bawah skim ini sebanyak 172 orang Veteran ATM telah diberi bantuan iaitu sebanyak 2.85% dari jumlah keseluruhan perbelanjaan.

### 1.5 Bantuan Bencana Alam

Bantuan Bencana Alam diberikan kepada Veteran ATM yang mengalami kerosakan pada rumah milik sendiri akibat bencana alam seperti kebakaran, banjir dan lain–lain. Jabatan telah memperuntukkan sebanyak RM122,380.00 yang melibatkan 141 orang Veteran ATM iaitu sebanyak 1.59% dari jumlah keseluruhan perbelanjaan.

## 2. PENCEN

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) berperanan untuk mengurus dan memantau pembayaran Faedah Persaraan ATM kepada pegawai dan anggota ATM yang telah menamatkan perkhidmatan. Di samping itu juga, JHEV menguruskan serta memantau pembayaran Faedah Kematian kepada orang tanggungan pegawai dan anggota yang meninggal dunia semasa di dalam perkhidmatan atau selepas persaraan. Selain daripada itu, JHEV juga

## *1. WELFARE AID SCHEMES*

### *1.1 Life Aid Assistance*

*The life support aid is a monthly financial assistance provided for the Malaysian Armed Forces Veterans to relieve the burden of supporting their lives and dependents of those who are sick and weak, poor and so on based on qualifications according to the Poverty Income Level (PIL). Maximum aid provided for the MAF Veterans is RM200.00 a month. In 2009, 3072 MAF Veterans, widows and dependents were given aid involving RM3,598,190.00 or 46.69% of the total expenditure under the welfare scheme.*

### *1.2 Schooling Aid*

*Schooling aid is provided for the MAF Veterans who cannot afford to support their children's education whether at primary or secondary levels according to specified qualification criteria. This aid is only qualified for one child per family. In 2009, there were 804 recipients of this scheme involving a total of RM533,600.00 which was 6.92% of the total expenditure.*

### *1.3 Aid For Entrance To IPTA*

*As an encouragement and motivation to the children of the MAF Veterans, the Department also provides financial aid for children of the MAF Veterans who succeed in furthering their studies whether at Diploma or First Degree levels according to specified qualification criteria. A total of RM3,232,000.00 has been given to 3771 children of the MAF Veterans. This assistance is also given as a way to congratulate the children of the MAF Veterans and therefore help to lessen their financial burden during registration for entrance. Assistance under this category was equivalent to 41.94% of the total expenditure.*

### *1.4 Aid For Patient Equipments*

*An allocation of RM219,653.00 was given to the MAF Veterans, widows and dependents who are in need of supporting equipments such as wheelchairs, bed and so on. Under this scheme, 172 Veteran MAF Veterans have been given assistance, which came up to 2.85% of the total expenditure.*

### *1.5 Aid For Natural Disasters*

*The Natural Disaster Aid is provided for the MAF Veterans who sustained damages to their own homes as a result of natural disasters such as fire, floods and so on. The Department has allocated a total of RM122,380.00 involving 141 MAF Veterans which came up to 1.59% of the total expenditure.*

## *2. PENSION*

*Department of MAF Veteran Affairs (JHEV) is responsible in managing and monitoring the payments for MAF Pension Benefits to MAF officers and members who have ended their services. Besides that, JHEV also manages and monitors the payments of Death Benefits to the officer's dependents and members who passed away while they are in service or after retirement. Apart from that, JHEV also manages payments for medical claims to the pensionable and non–pensionable MAF*

menguruskan pembayaran balik tuntutan perubatan kepada Veteran ATM yang berpencen dan tidak berpencen serta orang tanggungan mereka yang layak.

*Veterans to their dependents who are qualified in accordance to specified criteria.*

### 2.1 Bayaran Faedah Persaraan

JHEV bertanggungjawab untuk menyediakan baucar bayaran faedah–faedah persaraan setelah menerima dokumen yang lengkap daripada Jabatan Arah Rekod dan Pencen (JRP) serta yang diterima dari waris Veteran ATM yang telah meninggal dunia. Selain daripada itu juga, JHEV menguruskan bayaran penyelarasan pencen kepada semua pesara ATM dan orang tanggungan yang layak mendapat kenaikan pencen mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

### *2.1 Retirement Benefit Payment*

*JHEV is responsible for preparing vouchers for retirement benefits after receiving complete documents from the Department of Records and Pensions Directions and from the heir of the MAF Veterans who have passed away. Besides that, JHEV manages payments for pension adjustments to all MAF retirees and the dependents that are qualified to get pension increments according to the dates stipulated by the government.*

| Bil / *Num* | Perkara / *Article* | Amaun / *Amount* (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Pencen / *Retired* | 1,103,784,959.16 |
| 2. | Ganjaran / *Rewards* | 200,754,101.87 |
| 3. | FGCR | 48,289,816.38 |
| 4. | ETPM | 2,532,650.18 |
| 5. | Ex-Gratia | 7,399,738.50 |
| | **JUMLAH / *TOTAL*** | **1,362,761,266.09** |

**Jadual 1 : Perbelanjaan Faedah Persaraan Tahun 2009**
***Table 1 : Expenditure For 2009 Retirement Benefits***

| Bil *Num* | Perkara / *Article* | Jumlah Penerima *Total Recipients* |
|---|---|---|
| 1. | Ganjaran Perkhidmatan / *Service Reward Leave* | 4472 |
| 2. | Faedah Gantian Cuti Rehat (FGCR) / *Alternate Benefit Leave* | 4358 |
| 3. | Elaun Tamat Perkhidmatan Mobilisasi (ETPM) / *End of Mobilisation Service Allowance (ETPM)* | 98 |
| 4. | Pencen dan Ganjaran Terbitan (Pegawai dan Anggota LLP meninggal dunia di dalam perkhidmatan) *Pension and Reward Issues (Officers and LLP Members who pass away while in service)* | 211 |
| 5. | Pindah Bayar Pencen Terbitan (Pesara Meninggal Dunia) *Derivative Pension Transfer Payment (Passed Away Retirees)* | 1000 |
| 6. | Pencen Hilang Upaya / Ganjaran Hilang Upaya *Lost Of Ability Pension / Reward of Disability* | 67 |
| 7. | Tuntutan Bayaran Balik Rawatan Perubatan / *Medical Reimbursement Claim* | 6834 |
| 8. | Ex-Gratia Bencana Kerja mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil 7/2001 *Working Ex-Gratia Hazard according to the Treasury Circular No. 7/2001* | 158 |
| 9. | Ex-Gratia Bencana Kerja mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil 13/1994 *Working Ex-Gratia Hazard according to the Treasury Circular No. 13/1994* | 166 |

**Jadual 2 : Jumlah penerima Faedah Persaraan bagi tahun 2009**
***Table 2 : Total number of recipients of Retirement Benefits for 2009***

## 2.2 Pembayaran Balik Tuntuan Perubatan

Selain daripada memproses pembayaran faedah persaraan, JHEV juga bertanggungjawab untuk menguruskan permohonan tuntutan bayaran balik rawatan perubatan untuk Veteran ATM berpencen dan tidak berpencen serta orang tanggungan mereka yang layak. Kos perbelanjaan keseluruhan dan jumlah penerima Tuntutan Perubatan bagi tahun 2009 adalah seperti di Jadual 3 dan Jadual 4.

## *2.2 Payment For Medical Claims*

*Apart from processing retirement benefit payments, JHEV is also responsible in managing application for medical treMAFent claims for the pensionable and non-pensionable MAF Veterans and qualified dependents. The overall cost and total number of recipients for the Medical Claims for 2009 are shown in Table 3 and Table 4.*

| Bil / *Num* | Perkara / *Article* | Bilangan Penerima / *Number of recipients* | Jumlah Perbelanjaan (RM) / *Total expenditure* |
|---|---|---|---|
| 1. | Haemodialisis / *Hemodialysis* | 484 | 16,059,980.88 |
| 2. | Ubat / *Medicine* | 700 | 1,615,360.01 |
| 3. | Ortopedik / *Orthopaedics* | 238 | 1,388,073.30 |
| 4. | Alat Pendengaran / *Hearing Tool* | 85 | 392,317.00 |
| 5. | Kanta Mata (IOL) / *Eye Lens* | 375 | 251,589.30 |
| 6. | IJN/ Kecemasan / *Emergency* | 82 | 298,289.51 |
| 7. | Oksigen Concentrator / *Oxygen concentrators* | 11 | 94,390.00 |
| | **JUMLAH / *TOTAL*** | **1975** | **20,100,000.00** |

**Jadual 3 : Jumlah perbelanjaan dan bilangan penerima Tuntuan Perubatan Bagi Veteran ATM Yang Berpencen Tahun 2009**
***Table 3 : Total expenditure and number of recipients of Medical Claim For MAF Veterans Who Are Pensionable In 2009***

| Bil / *Num* | Perkara / *Article* | Bilangan Penerima / *Number of recipients* | Jumlah Perbelanjaan (RM) / *Total expenditure* |
|---|---|---|---|
| 1. | Haemodialisis / *Hemodialysis* | 222 | 6,638,325.80 |
| 2. | Ubat / *Medicine* | 327 | 542,333.17 |
| 3. | Ortopedik / *Orthopaedics* | 82 | 499,281.00 |
| 4. | Alat Pendengaran / *Hearing Tool* | 32 | 122,389.00 |
| 5. | Kanta Mata (IOL) / *Eye Lens* | 132 | 89,733.50 |
| 6. | IJN/ Kecemasan / *Emergency* | 157 | 384,519.53 |
| 7. | Oksigen Concentrator / *Oxygen concentrators* | 8 | 48,418.00 |
| | **JUMLAH / *TOTAL*** | **960** | **8,325,000.00** |

**Jadual 4 : Jumlah perbelanjaan dan bilangan penerima Tuntuan Perubatan Bagi Veteran ATM Tidak Berpencen Tahun 2009**
***Table 4 : Total expenditure and number of recipients of Medical Claim For MAF Veterans Who Are Non-Pensionable In 2009***

## 2.3 Pembayaran Ex–Gratia Bencana Kerja Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil 7/2001 dan 13/1994

Pada tahun 2009, Kerajaan telah meluluskan pemanjangan Pekeliling Perbendaharaan Bil 7/2001 dan Bil 13/1994 iaitu Skim Ex–Gratia Bencana Kerja kepada anggota ATM yang mendapat kecederaan semasa di dalam perkhidmatan dan kecederaan itu hendaklah diperkaitkan dengan tugas/perkhidmatan. Pembayaran Ex–Gratia di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil 7/2001 mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2001 dan dibayar kepada pegawai dan anggota ATM serta pesara ATM yang mendapat bencana kerja/kecederaan (diperkaitkan tugas) pada atau selepas 1 Januari 2001.

Pembayaran Ex–Gratia di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil 13/1994 mula berkuatkuasa pada 20 Oktober 1994 dan dibayar kepada pegawai dan anggota ATM serta pesara ATM yang mendapat bencana kerja/kecederaan (diperkaitkan tugas) pada atau selepas 20 Oktober 1994 sehingga 31 Disember 2000. Bilangan penerima Ex–Gratia di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil 7/2001 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil 13/1994 bagi tahun 2009 adalah seperti di Jadual 2.

## *2.3 Ex–Gratia Work Hazard Payment According To Treasury Circulars No 7/2001 and 13/1994*

*In 2009, the Government has approved the extention of the Treasury Circulars No 7/2001 and No 13/1994 which are the Work Hazard Ex–Gratia Scheme to the MAF members who are injured while in service and the injury must be related to his duties/services. The Ex–Gratia payment under the Treasury Circular No 7/2001 was effective on 1 January 2001 and is paid to the officers and MAF members and MAF retirees who are faced work hazards/injuries (related to duties) on or after 1 January 2001.*

*The Ex–Gratia payment under the Treasury Circular No 13/1994 was effective on 20 October 1994 and was paid to the officers and MAF members and MAF retirees who faced work hazards/injuries (related to duties) on or after 20 October 1994 up to 31 December 2000. The number of Ex–Gratia recipients under the Treasury Circular No 7/2001 and Treasury Circular No 13/1994 for 2009 is as shown in Table 2.*

### 2.4 Penyelarasan Pencen

Berkuatkuasa 1 Januari 2009, Kerajaan telah meluluskan beberapa pindaan kepada peraturan pencen Angkatan Tentera Malaysia (ATM) iaitu:

2.4.1 Penyelarasan pencen bagi mereka yang berkhidmat melebihi 25 tahun bagi pesara pegawai dan melebihi 21 tahun bagi bekas anggota lain–lain pangkat (LLP). Mulai 1 Jan 2009 tempoh perkhidmatan maksimum yang diambilkira bagi tujuan pengiraan pencen adalah 30 tahun (360 bulan) bagi pegawai dan 3/5 dari gaji akhir bagi anggota LLP. JHEV telah melaksanakan bayaran amaun pencen baru mulai 1 Jan 2009 kepada mereka yang terlibat berjumlah 33,000 penerima.

2.4.2 Pemansuhan susutan Pencen Terbitan (PT) dan Pencen Orang Tanggungan (POT) sebanyak 30 % selepas 12 ½ tahun dari tarikh persaraan atau tarikh kematian di dalam perkhidmatan. JHEV telah menaikkan kadar PT / POT yang **telah disusutkan (70%) kepada kadar baru 100% mulai 1 Jan 2009 kepada mereka yang terlibat berjumlah 9,000 penerima.**

2.4.3 Bayaran Pencen Minimum kepada pesara dan penerima pencen yang mempunyai tempoh pekhidmatan diakui sekurang–kurangnya 21 tahun dinaikkan daripada RM280.00 sebulan kepada RM720.00 sebulan. JHEV telah menaikkan kadar pencen mereka yang terlibat berjumlah 4,200 penerima mulai 1 Jan 2009.

2.4.4 Pemansuhan syarat pemastautinan di dalam Peraturan Pencen berkuatkuasa 1 Januari 2008. Amaun pencen perkhidmatan bagi pesara yang bermastautin di luar negara telah diselaraskan mengikut Skim Gaji terkini (Pekeliling SSM 2007) dan JHEV telah membuat bayaran amaun pencen baru kepada 40 orang pesara mulai 1 Jan 2009. Bagi penerima Pencen Terbitan yang bermastautin di luar negara pula yang mana pencen mereka telah dihentikan, JHEV telah mula membayar pencen tersebut mulai 1 Jan 2009. Sehingga 31 Disember 2009 6 orang balu yang bermastautin di luar negara telah dibayar semula pencen mereka.

### *2.4 Pension Adjustment*

*Effective on 1 January 2009, the Government has approved a few amendments to the pension rules of the Malaysian Armed Forces (MAF) which are:*

*2.4.1 Pension adjustment for those who have been in service for more than 25 years for retired officer and more than 21 years for ex–member of the Armed Forces of other ranks. Starting from 1 January 2009, the maximum service period considered for the purpose of pension calculation is 30 years (360 months) for officers and 3/5 of the last salary for LLP members. JHEV has made payments for the new pension amount starting from 1 January 2009 to those involved which totaled to 33,000 recipients.*

*2.4.2 Abolishment of Pension Issues Depreciation (PT) and Pension For Dependents (POT) of 30% after 12 ½ year as from the retirement date or death date while in service. JHEV has increased the rates for PT/POT* ***which have been depreciated (70%) to the new rate which is 100% starting from 1 Jan 2009 to those involved which totaled to 9,000 recipients.***

*2.4.3 Minimum Pension payment to retirees and pension recipients whose service period is acknowledged to be at least 21 years is increased fromRM280.00 a month to RM720.00 a month. JHEV has increased the pension rate for those involved, which came up to 4,200 recipients starting from 1 Jan 2009.*

*2.4.4 Abolishment of conditions for residents in the Pension Rules Effective on 1 January 2008. The amount of service pension for retirees who reside in other countries has been adjusted according to the latest Salary Scheme (SSM Circular 2007) and JHEV has paid the new pension amount to 40 retirees starting from 1 Jan 2009. For the recipients of Pension Issues who reside in other countries and whose pensions have been stopped, JHEV has started to pay the pensions starting from 1 Jan 2009. Up to 31 December 2009 6 widows who reside in other countries have been repaid with their pension.*

## 3. PENEMPATAN KERJAYA VETERAN ATM

Pada tahun 2009, peluang pekerjaan yang ditawarkan melalui JHEV adalah sebanyak 610 kekosongan yang melibatkan 130 buah syarikat. Dari seramai 471 orang Veteran ATM telah dicalonkan untuk penjodohan pekerjaan, hanya 50 orang sahaja Veteran ATM telah berjaya ditempatkan bekerja di syarikat–syarikat berkenaan. Bakinya didapati Veteran ATM telah pun mempunyai pekerjaan lain yang lebih baik ataupun mereka tidak mahu berpindah dari tempat asalnya.

## 3. CAREER POSTING FOR MAF VETERANS

*In 2009, job opportunities offered through JHEV were 610 vacancies involving 130 companies. Out of 471 MAF Veterans who were nominated for job vacancies, only 50 MAF Veterans were successfully placed in the said companies. The rest of the MAF Veterans had either obtained better jobs or they were not willing to move from their original place of residence.*

## 4. PROMOSI

Sepanjang tahun 2009, JHEV telah melibatkan diri dalam ekspo, pameran, Majlis Dialog dan Kaunter Bergerak, serta program Hari Bersama Pelanggan yang telah dianjurkan oleh pihak–pihak yang berkaitan bagi mempromosikan JHEV kepada orang ramai.

### 4.1 Ekspo

JHEV telah sama–sama terlibat dalam Ekspo Kerjaya Bersama Angkatan Tentera Malaysia 2009 yang dianjurkan oleh Markas ATM.

## 4. PROMOTION

*Throughout 2009, JHEV was involved in expo, exhibition, Dialogue Sessions and Mobile Counters, and A Day With Clients programme, which were organized by the relevant parties to promote JHEV to the public.*

### *4.1 Expo*

*JHEV was also involved in the 2009 Career With Malaysian Armed Forces Expo which was organized by MAF Headquarters.*

| Bil / *Num* | Tempat / *Location* | Tarikh / *Date* |
|---|---|---|
| 1. | Dataran Merdeka , Kuala Lumpur | 18 – 21 Jun / *June* 2009 |
| 2. | Bagan Dato, Perak | 9 – 11 Oktober / *October* 2009 |
| 3. | Balik Pulau, Pulau Pinang | 19 – 20 Disember / *December* 2009 |

**Jadual 5 : Program Expo sepanjang tahun 2009**
***Table 5 : Expo Programme through out 2009***

### 4.2 Pameran

Jabatan ini juga telah menyertai sebanyak 11 kali pameran sempena Program Hari Bersama Pelanggan yang dihoskan oleh Bahagian atau Jabatan di Kementerian Pertahanan mengikut giliran pada minggu akhir setiap bulan dari Januari hingga November 2009. JHEV juga terlibat dengan Pameran Kerjaya anjuran Kementerian Pengajian Tinggi di PWTC dan Sunway Pyramid.

### 4.3 Majlis Dialog Ketua Pengarah Bersama Veteran ATM

Pada tahun 2009, Majlis Dialog Ketua Pengarah JHEV Bersama Veteran ATM telah diadakan sebanyak 16 kali. Antara 9 kali majlis tersebut telah membincangkan Deraf Akta Veteran ATM kepada Veteran ATM.

### *4.2 Exhibition*

*This department has also participated 11 times in the exhibition in conjunction with A Day With Clients Programme which was organized by the Department or Division in the Ministry of Defence according to a prepared schedule on the last week of every month from January to November 2009. JHEV was also involved in the Career Exhibition organized by the Ministry of Higher Education at PWTC and Sunway Pyramid.*

### *4.3 Dialogue Session Between Director General And MAF Veterans*

*In 2009, 16 Dialogue Sessions Between JHEV Director General And MAF Veterans were held. These sessions discussed MAF Veteran Act Draft with the MAF Veterans 9 times.*

| Bil *Num* | Perkara / *Article* | Tempat / *Location* | Tarikh / *Date* |
|---|---|---|---|
| 1. | Majlis Dialog Ketua Pengarah Bersama Veteran ATM Pulau Pinang<br>*Dialogue Session Between Director General And The Penang MAF Veterans* | Sunway Hotel, Seberang Jaya, Pulau Pinang | 19 Mac / *March* 2009 |
| 2. | Majlis Dialog Ketua Pengarah Bersama Veteran ATM Perak<br>*Dialogue Session Between Director General And The Perak MAF Veterans* | Taiping Golf Resort, Taiping, Perak | 3 April / *April* 2009 |
| 3. | Majlis Dialog Ketua Pengarah Bersama Veteran ATM Kedah<br>*Dialogue Session Between Director General And Kedah MAF Veterans* | Cinta Sayang Golf & Country Resort Sungai Petani, Kedah | 5 April / *April* 2009 |
| 4. | Majlis Dialog Ketua Pengarah Bersama Veteran ATM Johor<br>*Dialogue Session Between Director General And Johore MAF Veterans* | Hotel Landmark, Batu Pahat, Johor | 23 April / *April* 2009 |
| 5. | Majlis Dialog Ketua Pengarah Bersama Veteran ATM Sabah dan Penyampaian PJM serta Penyampaian Cek Bantuan Kebajikan<br>*Dialogue Session Between Director General And Sabah MAF Veterans And Presentation of PJM and Welfare Assistance Checks* | Hotel Le Meridien Kota Kinabalu, Sabah | 26 Mei / *May* 2009 |
| 6. | Majlis Dialog Ketua Pengarah Bersama Veteran ATM Perlis dan Penyampaian PJM serta Penyampaian Cek Skim Kebajikan dan Pendidikan JHEV<br>*Dialogue Session Between Director General And Perlis MAF Veterans And Presentation of PJM and Welfare And Education Assistance Checks* | Hotel Putra Brasmana, Kuala Perlis, Perlis | 13 Jun / *June* 2009 |
| 7. | Majlis Dialog Ketua Pengarah Bersama Veteran ATM serta Perbincangan Akta Veteran ATM sempena Perjumpaan Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia dengan Veteran Melaka<br>*Dialogue Session Between Director General And MAF Veterans And Discussion of MAF Veteran Act in conjunction with the Meeting Between Deputy Minister of Defence And Malacca Veterans* | Kompleks Falak Al Khawarizmi, Tanjung Bidara, Melaka | 16 Julai / *July* 2009 |

| Bil *Num* | Perkara / *Article* | Tempat / *Location* | Tarikh / *Date* |
|---|---|---|---|
| 8. | Majlis Dialog Ketua Pengarah Serta Perbincangan Akta Veteran ATM sempena Majlis Penyerahan Elaun Kepada Pahlawan Tanahair dan Sumbangan Kepada Pertubuhan Rumah Anak Yatim Kulim, Kedah<br>*Dialogue Session Between Director General And MAF Veterans And Discussion of MAF Veteran Act in conjunction with Allowance Presentation To The National Heroes Ceremony and Contributions To the Pertubuhan Rumah Anak Yatim Kulim, Kedah* | Pertubuhan Rumah Anak Yatim Kulim, Kedah | 10 Ogos / *August* 2009 |
| 9. | Majlis Penyampaian PJM Serta Perbincangan Akta Veteran ATM dan Majlis Dialog KP Bersama Veteran ATM Kuala Lumpur/ Selangor<br>*PJM Presentation Ceremony And Discussions on MAF Veterans Act and Dialogue Session Between DG And Kuala Lumpur/Selangor MAF Veterans* | Hotel Cititel Ekspress, Kuala Lumpur | 11 Ogos / *August* 2009 |
| 10. | Majlis Dialog Ketua Pengarah Serta Perbincangan Akta Veteran ATM Bersama Veteran ATM Kelantan<br>*Dialogue Session Between Director General And Discussions on MAF Veteran Act With Kelantan MAF Veterans* | Kelantan Trade Centre, Kota Bharu, Kelantan | 14 Ogos/ *August* 2009 |
| 11. | Majlis Dialog Ketua Pengarah Serta Perbincangan Akta Veteran ATM di Terengganu<br>*Dialogue Session With Director General And Discussions on MAF Veteran Act in Terengganu* | Bangunan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, Kuala Terengganu, Terengganu | 15 Ogos / *August* 2009 |
| 12. | Majlis Dialog Ketua Pengarah Serta Perbincangan Akta Veteran ATM Bersama Veteran ATM Sarawak<br>*Dialogue Session With Director General And Discussions on MAF Veteran Act With Sarawak MAF Veterans* | Bangunan SIPEC, Kuching, Sarawak | 18 Ogos / *August* 2009 |
| 13. | Majlis Dialog Ketua Pengarah Serta Perbincangan Akta Veteran ATM Bersama Veteran ATM Perak<br>*Dialogue Session With Director General And Discussions on MAF Veteran Act With Perak MAF Veterans* | Hotel Heritage, Ipoh, Perak | 20 Ogos / *August* 2009 |
| 14. | Majlis Dialog Ketua Pengarah Serta Perbincangan Akta Veteran ATM Bersama Veteran ATM Sabah<br>*Dialogue Session With Director General And Discussions on MAF Veteran Act With Sabah MAF Veterans* | Hotel Tang Dynasty, Kota Kinabalu, Sabah | 25 Ogos / *August* 2009 |
| 15. | Majlis Dialog Ketua Pengarah Bersama Veteran ATM Johor Serta Perbincangan Akta Veteran ATM<br>*Dialogue Session Between Director General And Johore MAF Veterans Discussions on MAF Veteran Act* | Hotel Seri Malaysia, Johor Bahru, Johor | 29 Ogos / *August* 2009 |
| 16. | Majlis Dialog Ketua Pengarah bersama Veteran ATM Labuan dan Penyampaian Pingat Jasa Malaysia (PJM) serta Penyampaian Cek Bantuan Sumbangan<br>*Dialogue Session Between Director General And Labuan MAF Veterans and Presentation of Pingat Jasa Malaysia (PJM) and Contribution Assistance Checks* | Hotel Grand Dorsett Labuan, Labuan | 23 Nov / *Nov* 2009 |

**Jadual 6 : Jadual Majlis Dialog Ketua Pengarah Bersama Veteran Sepanjang Tahun 2009**
***Table 6 : Schedule For Dialogue Sessions Between Director General And The Veterans Throughout 2009***

### 4.4 Kaunter Bergerak

Program Kaunter Bergerak mula beroperasi pada bulan Januari 2007. Antara objektif program ini ialah membolehkan orang ramai khususnya warga Veteran ATM serta keluarga mereka mendapat pendedahan tentang kewujudan JHEV serta maklumat yang lebih lengkap dan tepat terutamanya mengenai peranan dan

### *4.4 Mobile Counter*

*The Mobile Counter Programme started operating in January 2007. Among the objectives of this programme is to enable the public specifically the MAF Veterans and their families to be aware of the existence of JHEV and to have access to a complete and accurate information that is specially related to roles and services offered by JHEV. It*

perkhidmatan yang ditawarkan oleh JHEV. Ia juga sebagai satu usaha promosi dan mendekatkan hubungan JHEV dengan Warga Veteran ATM di serata tempat dan tidak hanya tertumpu di kawasan bandar sahaja. Ianya telah dilaksanakan serentak dengan program Dialog Bersama Pengarah JHEV Cawangan Negeri dan ia telah dijalankan sebanyak 42 kali di semua JHEV Cawangan Negeri.

*is also a promotional effort and to bring JHEV closer to the MAF Veterans in all places and not just focusing on the urban areas only. It was implemented simultaneously with the Dialogue Programmes With The Directors of The State Branch and it was implemented 42 times at all JHEV's State Branch.*

| Bil / *Num* | Tempat / *Venue* | | Tarikh / *Date* |
|---|---|---|---|
| 1. | **Johor** | Kota Tinggi<br>Batu Pahat<br>Mersing<br>Labis<br>Kluang | 11 Mac / *March* 2009<br>22 – 24 April / *April* 2009<br>30 – 31 Mei / *May* 2009<br>27 Jun / *June* 2009<br>05 – 06 Dis / *Dec* 2009 |
| 2. | **Melaka** | Alor Gajah<br>Air Panas<br>Sungai Udang | 31 Mac / *March* 2009<br>19 Mei / *May* 2009<br>21 Julai / *July* 2009 |
| 3. | **Negeri Sembilan** | Kuala Pilah | 23 Jun / *June* 2009 |
| 4. | **Selangor** | Ulu Bernam<br>Bukit Beruntung<br>Sungai Buloh<br>Ulu Langat | 19 Feb / *Feb* 2009<br>20 Jun / *June* 2009<br>16 Julai / *July* 2009<br>29 Nov / *Nov* 2009 |
| 5. | **Wilayah Persekutuan** | Kuala Lumpur | 11 Ogos / *August* 2009 |
| 6. | **Perak** | Bidor<br>Taiping<br>Pangkalan Hulu<br>Ulu Lawin<br>Teluk Intan | 25 – 26 Feb / *Feb* 2009<br>2 – 3 April / *April* 2009<br>1 – 2 Jun / *June* 2009<br>10 Okt / *Oct* 2009<br>23 – 24 Dis / *Dec* 2009 |
| 7. | **Kedah** | Kuala Nerang | 1 Ogos / *August* 2009 |
| 8. | **Perlis** | Kuala Perlis | 11 Jun / *June* 2009 |
| 9. | **Kelantan** | Gua Musang<br>Rantau Panjang<br>Manik Urai<br>Kota Bharu | 14 Mac / *March* 2009<br>30 – 31 Mei / *May* 2009<br>09 Julai / *July* 2009<br>14 Ogos / *August* 2009 |
| 10. | **Terengganu** | Kuala Terengganu<br>Kuala Nerus<br>Besut | 15 Jan / *Jan* 2009<br>1 – 2 Ogos / *August* 2009<br>1 – 2 Okt / *Oct* 2009 |
| 11. | **Pahang** | K.Trau Termeloh<br>Maran<br>Lipis<br>Benta | 5 Mac / *March* 2009<br>14 Mei / *May* 2009<br>19 Nov / *Nov* 2009<br>10 Dis / *Dec* 2009 |
| 12. | **Sabah** | Lahad Datu<br>Beaufort<br>Kota Belud<br>Tenom<br>Labuan<br>Tawau | 1 Mac / *March* 2009<br>18 – 19 April / *April* 2009<br>23 – 26 Mei / *May* 2009<br>25 Julai / *July* 2009<br>23 Nov / *Nov* 2009<br>05 Dis / *Dec* 2009 |
| 13. | **Sarawak** | Kuching<br>Saratok<br>Kota Samarahan/Asiajaya<br>Bau/Lundu<br>Bako<br>Sarakei<br>Sibu/Sibu Jaya | 26 – 30 Mac / *March* 2009<br>8 – 10 Mei / *May* 2009<br>5 – 7 Jun / *June* 2009<br>25 Julai / *July* 2009<br>27 Okt / *Oct* 2009<br>31 Okt / *Oct* 2009<br>3 – 4 Nov / *Nov* 2009 |

Jadual 7 : Program Kaunter Bergerak sepanjang tahun 2009
*Table 7 : The Mobile Counter Programme throughout the year 2009*

## 5. LATIHAN

Pada tahun 2009, JHEV telah membiayai perbelanjaan kursus yang tidak ditaja oleh PERHEBAT kepada ATM. Sebanyak 31 permohonan telah diterima daripada Veteran. 25 daripadanya telah diluluskan. Kos yang telah dibelanjakan ialah sebanyak RM9,350.00.

Kursus–kursus yang telah dibiayai adalah seperti berikut :–
- i. Kursus Kacang Soya
- ii. Kursus Basic Train The Trainer Programme
- iii. Kursus Safety and Health Officer
- iv. Kursus Kedai Dobi

## *5. TRAINING*

*In 2009, JHEV had funded training courses that were not sponsored by PERHEBAT. A total of 31 applications were received from the Veterans. 25 of them were approved. Expenditure for cost incurred was RM9,350.00.*

*The courses funded are as follows:*
- *i. Course on Soya Beans*
- *ii. Basic Train The Trainer Course Programme*
- *iii. Safety and Health officer Course*
- *iv. Course on Laundry Shop*

## 6. FORUM KHIDMAT NASIHAT

Pada tahun 2009, sebanyak 40 Forum Khidmat Nasihat telah diberi kepada bakal–bakal pesara di Formasi dan Unit–Unit di dalam Angkatan Tentera Malaysia di seluruh Malaysia. Seramai 3500 orang bakal pesara telah menyertai forum ini.

Penganjur bagi forum Khidmat Nasihat ini ialah Markas Perkhidmatan bersama dengan PERHEBAT. Ianya bertujuan untuk membantu bakal–bakal pesara membuat perancangan persaraan dan memberi sedikit sebanyak pengetahuan kepada bakal–bakal pesara mengenai peluang–peluang kerjaya.

## *6. ADVISORY AND CONSULTATIVE FORUM*

*In 2009, 40 Advisory and Consultative Forums were organized for the would–be retirees at the Formasi and Units in the Malaysian Armed Forces all over Malaysia. 3500 would–be retirees participated in the forum.*

*The organizer for the Advisory and Consultative forums is Markas Perkhidmatan along with PERHEBAT Its purpose is to assist the would be retirees to make retirement plan and to provide some knowledge for them on career opportunities.*

## 7. PROFILING TEST KEPADA BAKAL PESARA

Sepanjang tahun 2009, JHEV telah mengadakan Profiling Test kepada seramai 1353 bakal pesara dari ketiga–tiga perkhidmatan ATM. Ianya bertujuan kepada bakal–bakal pesara untuk membuat penilaian kendiri, komunikasi, pengurusan tekanan, kepelbagaian tempat kerja, pengurusan masa, penyelesaian pertikaian, pembinaan insan, latihan jualan dan latihan personaliti.

Profiling Test ini merupakan satu kaedah untuk menilai personaliti seseorang itu. Walaupun sistem ini tidak seratus peratus tepat tetapi sekurang–kurangnya mereka dapat mengetahui kekurangan diri sendiri yang perlu diperbaiki dan kelebihan yang ada untuk dimanfaatkan sepenuhnya. Secara keseluruhan ia dapat membantu bakal–bakal pesara membuat perancangan dan seterusnya menentukan hala tuju masing–masing selepas tamat perkhidmatan.

## *7. PROFILING TEST FOR THE WOULD BE RETIREES*

*Through out the year 2009, JHEV conducted Profiling Tests for 1353 would be retirees from the three MAF services. The purpose of the Profiling Test is for the would be retirees to be able to make self assessment, communicate, manage stress, aware of various working conditions, manage time, resolve conflicts, develop human capital, and undergo sales and personality training.*

*This Profiling Test is a way to evaluate a person's personality. Even though this system is not hundred percent accurate but at least they will be aware of their weaknesses that needed to be improve and strengths that can be fully exploited. on the whole it would help the would be retirees to make plans and then decide on what to do after their services end.*

## 8. PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

### 8.1 Seminar PROSPER (Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan)

Sepertimana tahun–tahun sebelumnya, JHEV telah bekerjasama dengan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) bagi menganjurkan Seminar PROSPER. Seminar ini disasarkan kepada Veteran ATM yang ingin memulakan perniagaan dalam bidang peruncitan dan mereka yang ingin menambahkan modal dalam bidang yang sama. Seminar ini telah dilaksanakan pada 11 hingga 12 Ogos 2009 bertempat di bangunan PUNB, Plaza Sentral, Kuala Lumpur. Seramai 20 orang usahawan Veteran ATM telah mengikuti seminar ini. Pemilihan peserta dibuat berdasarkan pencalonan daripada JHEV Cawangan Negeri. Usahawan Veteran ATM yang terlibat telah ditempatkan di dalam dewan kuliah

## *8. BUSINESS DEVELOPMENT*

### *8.1 PROSPER (Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan) Seminar*

*Just like the previous years, JHEV has worked together with the Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) in organizing the PROSPER Seminar. This seminar was targeted at the MAF Veterans who want to start a business in retailing and they would like to increase their capital in the same field. This seminar was held from 11 to 12 August 2009 at the PUNB building, Plaza Sentral, Kuala Lumpur. 20 MAF Veteran entrepreneurs attended this seminar. Selection of participants was based on nominations from State Branch of JHEV. MAF Veteran entrepreneurs involved were placed in the lecture hall along with other PUNB entrepreneurs from various different business backgrounds so that they could share their experiences, look for business*

bersama–sama dengan lain–lain usahawan PUNB yang mempunyai pelbagai latarbelakang perniagaan supaya mereka boleh berkongsi pengalaman, mencari rakan niaga dan berbincang bersama dengan pihak pembiaya secara terus. Pendekatan ini telah mendapat respon yang baik dari peserta dan fasilitator.

## 9. PENGUKUHAN DAN PENINGKATAN PERNIAGAAN

### 9.1 Seminar E–Perolehan

Untuk bergerak seiring dengan arus pembangunan dan kemajuan teknologi, JHEV tidak melupakan para Veteran ATM untuk bersama melayari arus pemodenan ini. Justeru, Seminar E–Perolehan adalah penting supaya mereka tahu bahawa setiap syarikat pembekal perlu berdaftar untuk menggunakan kemudahan ini bagi memastikan urusan perniagaan dengan agensi kerajaan akan menjadi mudah dan cepat. Pada tahun 2009, satu siri Seminar E–Perolehan telah dilaksanakan pada 3 hingga 4 Jun 2009 bertempat di Commerce Dot Com, Shah Alam, Selangor. Seramai 14 orang usahawan Veteran ATM telah menyertai seminar ini.

### 9.2 Program Pemantauan Usahawan

Program yang sedang dilaksanakan ini telah menampakkan hasil yang memberangsangkan. Lapan orang daripada keseluruhan jumlah 22 orang usahawan yang terlibat dalam program ini telah menyelesaikan proses dokumentasi untuk tuntutan geran yang kesemuanya bernilai RM312,212.00 dan hanya menunggu kelulusan daripada pihak SME Corp.

Manakala 3 lagi permohonan masih dalam penyediaan dokumen. Lain–lain peserta program ini yang belum membuat tuntutan geran kebanyakannya mempunyai masalah dari segi penyediaan dokumen yang agak rumit selain komitmen yang kurang dari peserta itu sendiri. Pada tahun 2009, sebanyak 6 sesi pemantauan telah dilaksanakan bersama–sama dengan pihak perunding yang telah dilantik untuk meninjau perkembangan perniagaan mereka disamping membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi termasuklah penyediaan keperluan dokumen untuk memohon pembiayaan.

*associates and discuss with the sponsors directly. This approach received positive response from the participants and facilitators.*

## *9. REINFORCEMENT AND UPGRADING OF BUSINESS*

### *9.1 E–Procurement Seminar*

*In order to move in sync with the rate of development and technological advancement, JHEV would not exclude the MAF Veterans to sail together in this flow of modernization. Therefore, E–Procurement Seminar is important to acknowledge every supply company that they needs to register before using this facility to ensure that their business interactions with the government agencies will be easy and fast. In 2009, a series of E–Procurement Seminar was organized from 3 to 4 June 2009 at Commerce Dot Com, Shah Alam, Selangor. 14 MAF Veteran entrepreneurs participated in this seminar.*

### *9.2 Entrepreneur Monitoring Programme*

*The programme that is being implemented has shown encouraging results. Eight out of 22 entrepreneurs involved in this programme have completed the documentation process for the grant claims which amounted to RM312,212.00 and just waiting for approval from the SME Corp. While 3 more application are still in the process of document preparation.*

*Other participants of the programme who have not made their grant claims mostly are facing problems in preparing the documents which are a bit complicated apart from lacking of commitment from the participants themselves. In 2009, 6 monitoring sessions were held along with the consultants who were appointed to observe their business development beside helping to resolve the problems including preparing items required in the documents toapply for funding.*



**Antara produk kraftangan yang dihasilkan oleh balu Veteran ATM**
***Handicraft products produced by the widows of MAF Veterans.***



**Projek pertanian milik Veteran ATM**
***Agriculture Projects owned by MAF Veterans***

### 9.3 Jaringan Usahawan

Kursus Jaringan Usahawan ini telah dilaksanakan pada 29 hingga 30 Oktober 2009 di Hotel AnCasa, Kuala Lumpur dengan melibatkan seramai 30 orang usahawan Veteran ATM yang menjalankan pelbagai jenis perniagaan. Melalui program ini mereka dapat berkongsi pengalaman dari pelbagai segi perniagaan disamping mewujudkan jaringan perniagaan yang baru dikalangan Veteran ATM. Mengikut perancangan awal, kursus ini mensasarkan seramai 100 peserta tetapi atas faktor kos dan kewangan semasa telah membataskan penyertaan kepada 30 orang sahaja.

### *9.3 Entrepreneur Network*

*This Entrepreneur Networking Course was held from 29 to 30 October 2009 at Hotel AnCasa, Kuala Lumpur involving 30 MAF Veteran entrepreneurs who are running various types of business. Through this programme they are able to share experience from various business aspects beside creating new business network among the MAF Veterans. According to the preliminary plan, this course targeted 100 participants but due to the current cost and financial factors the number of participants had to be limited to 30 only.*



**Peserta–peserta sedang mendengar taklimat dari fasilator pada Seminar Jaringan Usahawan yang diadakan di Hotel AnCasa, Kuala Lumpur**
*The participants are listening to the briefing by the facilitator at the Entrepreneur Networking Seminar which was held at the Hotel AnCase, Kuala Lumpur.*

### 9.4 Sokongan Perniagaan / Khidmat Nasihat

Secara amnya pada tahun 2009, terdapat seramai 334 orang Veteran ATM telah mendapatkan pelbagai khidmat sokongan yang disediakan di Bahagian Sosio-Ekonomi. Permohonan untuk mendapatkan permit teksi persendirian mencatat peratusan paling tinggi berbanding permohonan lain iaitu sebanyak 114 surat ataupun 35 %. Lain–lain pecahan surat sokongan dan perkhidmatan lain yang diberikan diterjemahkan dalam carta pai di bawah :

### *9.4 Business Support / Advisory and Consultation*

*Generally, in 2009, there were 334 MAF Veterans who received various support service provided by the Socio-Economic Department. Application for the private taxi permits registered the highest percentage compared to other applications, which was 114 letters or 35 %. Breakdown of other supporting letters and services provided is shown in the pie chart below:*




**Carta Pai 1 : Pecahan Peratusan Perkhidmatan Bagi Tahun 2009**
*Pie Chart 1 : Percentage Breakdown of Services for 2009*

### 9.5 Promosi / Galakan

Dalam usaha untuk mempromosikan produk usahawan Veteran ATM supaya dapat memasuki pasaran yang lebih luas dan dapat diterima baik oleh pengguna, Jabatan ini telah menyertai pelbagai ekspo dan karnival disamping memperkenalkan fungsi dan peranan JHEV kepada masyarakat umum. Pada awal tahun 2009, Jabatan ini telah menyertai Ekspo Gerak Usahawan Nasional yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 6 hingga 8 Februari 2009. Seramai 3

### *9.5 Promotion / Encouragement*

*In an effort to promote the MAF Veteran products so they can break into a wider market and accepted by the consumers, the Department has participated in various expos and carnivals apart from introducing the functions and roles of JHEV to the general public. In the early 2009, the Department participated in the National Entrepreneur Movement Expo which was held at Putra World Trade Centre (PWTC) from 6 to 8 February 2009. 3 entrepreneurs were involved in exhibiting their products in the expo.*

orang usahawan telah terlibat dalam mempamerkan produk mereka dalam ekspo tersebut. Penglibatan yang seterusnya adalah pada 6 hingga 13 Ogos 2009 di Hari Penternak, Petani dan Nelayan Kebangsaan yang diadakan di Melaka. Melalui pendedahan seperti ini, Veteran ATM boleh memperolehi pengetahuan dan pengalaman bagi meningkatkan mutu produk dan memperluaskan lagi jaringan perniagaan mereka.

*Subsequent participation was from 6 to 13, August 2009 on the National Breeder, Farmer and Fisherman Day, which was held in Malacca. Through an exposure like this, the MAF Veterans are able to obtain knowledge and experience to improve the quality of the products and widen their business network.*



**Booth' Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) di MITC, Melaka**
***The MAF Veteran Affairs Department (JHEV) Booth at MITC, Malacca.***





**Produk Veteran ATM yang dipamerkan pada Ekspo Hari Penternak, Petani dan Nelayan Kebangsaan 2009**
***The MAF Veteran products which were exhibited at the National Breeder, Farmer and Fisherman Day 2009***

## 10. YAYASAN VETERAN ATM

### 10.1 Khairat Kematian Sumbangan Yayasan Veteran ATM

Salah satu skim bantuan kebajikan Yayasan Veteran ATM ialah khairat kematian kepada Veteran ATM dan tanggungannya yang telah meninggal dunia. Sumbangan ini telah diberikan sejak tahun 2004 dengan kerjasama Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) dan JHEV Cawangan Negeri. Berikut ialah jadual penerima khairat kematian bagi tahun 2009 (mengikut kategori):

## *10. MAF VETERAN FOUNDATION*

### *10.1 Death Benefit (Khairat) Contributed By MAF Veteran Foundation*

*One of the MAF Veteran welfare assistance scheme is the death benefit to the MAF Veteran and his dependents who passed away. This contribution has been given away since 2004 with cooperation from Malaysian Ex–Army Society (PBTM) and State Branch JHEV. The following is the table showing the recipients of the death benefits for 2009 (according to categories):*

| Bil / *Num* | Kategori / *Category* | Jumlah / *Total* (Orang/*People*) |
|---|---|---|
| 1. | Veteran ATM / *MAF Veteran* | 1,291 |
| 2. | Isteri & Suami / *Wife & Husband* | 330 |
| 3. | Kanak-Kanak / *Children* | 58 |
| | **Jumlah / *Total*** | **1,679** |

**Jadual 8 : Jadual penerima khairat kematian bagi tahun 2009**
***TAble 8 : Table showing the recipients of death benefits for 2009***

### 10.2 Bantuan Persekolahan Yayasan Veteran ATM

Pada tahun 2009, Yayasan Veteran ATM melalui Jawatankuasa Kebajikan telah meluluskan pemberian bantuan bagi sesi persekolahan 2010 kepada anak–anak Veteran ATM yang layak di seluruh negeri dan bukan

### *10.2 MAF Veteran Foundation Schooling Assistance*

*In 2009, the MAF Veteran Foundation, through the Welfare Committee approved giving out assistance for 2010 schooling session to the children of MAF Veteran who were qualified in the whole state and they are not recipients*

penerima bantuan persekolahan di bawah Skim Bantuan Persekolahan JHEV. Bantuan pada kali ini adalah secara tunai sebanyak RM100 seorang. Berikut adalah jadual penerima bantuan persekolahan di setiap negeri:

*for schooling assistance under JHEV Schooling Assistance Scheme. The assistance this time was in the form of cash which was RM100 per person. The following is the table showing recipients of schooling assistance in every state:*

| Bil / *Num* | Negeri / *State* | Jumlah / *Total* (Orang / *People*) |
|---|---|---|
| 1. | Pahang | 126 |
| 2. | Selangor & WP Kuala Lumpur | 248 |
| 3. | Perak | 151 |
| 4. | Kelantan & Terengganu | 261 |
| 5. | Kedah, Perlis & Pulau Pinang | 150 |
| 6. | Johor | 172 |
| 7. | Negeri Sembilan & Melaka | 65 |
| 8. | Sabah | 43 |
| 9. | Sarawak | 293 |
| | **JUMLAH / *TOTAL*** | **1,509** |

**Jadual 9 : Jadual Penerima Bantuan Persekolahan di setiap negeri**
***Table 9: Table showing Recipients of Schooling Assistance in every state***

### 10.3 Sumbangan Perayaan Yayasan Veteran ATM

Pada tahun 2009, Yayasan Veteran ATM sekali lagi menyampaikan sumbangan kepada Veteran ATM serta keluarga sempena menyambut hari perayaan sebanyak RM500 seorang. Penerima yang layak menerima sumbangan ini terdiri daripada 6 kategori iaitu Veteran ATM berumur 70 tahun ke atas, Balu–Balu, Anak Yatim Veteran ATM, Veteran ATM Kurang Upaya (cedera semasa operasi), Veteran ATM di Rumah Orang Tua dan Veteran ATM Kurang Upaya (sakit) yang menerima bantuan sara hidup dan bantuan peralatan pesakit (kronik). Semua penerima adalah di bawah Skim Bantuan Kebajikan JHEV. Berikut adalah jadual penerima sumbangan perayaan di seluruh negeri:

### *10.3 Contribution For Festivals From MAF Veteran Foundation*

*In 2009, the MAF Veteran Foundation once again made a contribution to the MAF Veterans and families for the celebration of festival of RM500 per person. The recipients who were qualified to receive the contribution consisted of 6 categories which were MAF Veterans who were 70 years old and above, Widows, MAF Veteran Orphans, Disabled MAF Veterans (injured in action), MAF Veterans in the Foster Homes and Disabled MAF Veterans (sick) who receive live support assistance and patient assistance equipments (chronic). All recipients are under the JHEV Welfare Assistance Scheme. The following is the table showing the contributions for festivals in the whole state:*

| Bil / *Num* | Negeri / *State* | Jumlah / *Total* (Orang / *People*) |
|---|---|---|
| 1. | Pahang | 260 |
| 2. | Selangor & WP Kuala Lumpur | 435 |
| 3. | Perak | 549 |
| 4. | Kelantan & Terengganu | 244 |
| 5. | Kedah, Perlis & Pulau Pinang | 360 |
| 6. | Johor | 266 |
| 7. | Negeri Sembilan & Melaka | 441 |
| 8. | Sabah | 91 |
| 9. | Sarawak | 210 |
| | **JUMLAH / *TOTAL*** | **2,856** |

**Jadual 10 : Jadual Penerima sumbangan perayaan di seluruh negeri**
***Table 10: Recipient Table for festival contribution in the whole state***

### 10.4 Pusat Dialisis Yayasan Veteran ATM

Pada tahun 2009, sebuah lagi Pusat Dialisis Yayasan Veteran ATM (PD YVATM) telah dibuka di Sunway, Batu Caves bagi memberikan perkhidmatan rawatan dialisis kepada Veteran ATM khususnya dan pesara lain amnya yang tinggal di kawasan Gombak, Selayang, Ampang dan sekitar bandaraya Kuala Lumpur.

Bagi mencapai objektif syarikat iaitu menyediakan perkhidmatan 'kelas pertama' kepada Veteran ATM, PD YVATM telah menyediakan perkhidmatan nilai tambah yang terbaik bagi menjamin kepuasan dan keselesaan pesakit yang mendapatkan rawatan. Antara kemudahan yang ditawarkan ialah pengangkutan pergi dan balik bagi pesakit di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor, makanan semasa rawatan, dan ceramah keagamaan.

### *10.4 MAF Veteran Foundation Dialysis Centre*

*In 2009, another MAF Veteran Foundation Dialysis Centre (PD YVMAF) was opened in Sunway, Batu Caves to provide dialysis treatment service to specifically MAF Veterans and generally other retirees who live in Gombak, Selayang, Ampang and city of Kuala Lumpur.*

*In order to achieve the company's objective which is to provide a first class service to the MAF Veteran, the PD YVMAF is prepared to provide the best value added services to ensure satisfaction and comfort to the patients who seek treatments.*

Pusat dialisis ini dilengkapi dengan 7 buah mesin dialisis yang moden dan terkini yang mampu menampung sehingga 21 orang pesakit setiap hari. Pada masa sekarang PD YVATM mempunyai seramai 17 orang pesakit yang diuruskan oleh 3 orang kakitangan klinikal yang berpengalaman dalam bidang rawatan dialisis yang terdiri daripada 2 orang Staff Nurse dan 1 orang Pembantu Dialisis.

*Among the facilities provided are to and fro transportation for patients in Kuala Lumpur and Selangor areas, food while ontreatment, and religious talks.This dialysis center is equipped with 7 latest and modern dialysis machines which are able to support up to 21 patients every day. Currently, the PD YVMAF has 17 who are administered by 3 clinical staff who are experienced in dialysistreatments consisting of 2 Staff Nurses and 1 Dialysis Assistant.*

## 11. PORTAL RASMI JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM

Portal rasmi JHEV telah dilancarkan pada Januari 2010 bagi menggantikan laman web sedia ada. Portal ini berfungsi sebagai gerbang maklumat kepada Veteran ATM khususnya. Perkhidmatan–perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut:

i. Berita Semasa JHEV

ii. Semakan Online

a. Status Permohonan Skim Bantuan Sara Hidup

b. Status Permohonan Skim Bantuan Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

c. Status Permohonan Skim Bantuan Sekolah

d. Status Permohonan Skim Bantuan Bencana

e. Status Permohonan Skim Bantuan Peratan Pesakit

f. Semakan Penyelarasan Pencen

iii. Aplikasi Online
a. Aduan oleh Veteran ATM
b. e–Penyata Pencen

## *11. OFFICIAL PORTAL OF MAF VETERAN AFFAIRS DEPARTMENT*

*The JHEV official portal was launched in January 2010 to replace the existing website. This portal functions as an information gateway for specifically the MAF Veterans. The services provided are as follows:*

*i. JHEV Current News*

*ii. Online Checking*

*a. Application Status For Live Support Assistance Scheme*

*b. Application Status For Highest Education Institution (HEI) Assistance Scheme*

*c. Application Status For Schooling Assistance Scheme*

*d. Application Status For Disaster Assistance Scheme*

*e. Application Status For Patient Equipment Assistance Scheme*

*f. Checking of Pension Adjustment*

*iii. Online Application*
*a. Complaints by MAF Veterans*
*b. e–Statement Pension*

## 12. SISTEM MAKLUMAT VETERAN ATM (VETIS)

VETIS berperanan sebagai platform bagi penyimpanan maklumat–maklumat Veteran ATM di seluruh Malaysia. Maklumat–maklumat yang terdapat dalam sistem adalah seperti berikut:

i. Maklumat Peribadi dan Perkhidmatan Veteran ATM

ii. Maklumat Usahawan di kalangan Veteran ATM

iii. Penjodohan Pekerjaan

iv. Maklumat Permohonan Skim Bantuan Kebajikan

v. Statistik dan laporan Veteran ATM

## *12. INFORMATION SYSTEM FOR MAF VETERANS (VETIS)*

*VETIS functions as a platform for holding information on MAF Veterans all over Malaysia. The informations in the system are as follows:*

*i. Personal and Service Information of MAF Veterans*

*ii. Entrepreneur Information among MAF Veterans*

*iii. Matching of Jobs*

*iv. Information on Application For Welfare Assistance Scheme*

*v. Statistics and reports on MAF Veterans*

# JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA (JLKN)

*NATIONAL SERVICE TRAINING DEPARTMENT*

## Pelaksanan Program Kualiti

Program kualiti yang dilaksanakan oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) bagi meningkatkan nilai–nilai kualiti adalah seperti berikut:

## *Quality Programme Implementation*

*The quality programme which is implemented by the National Service Training Department (NSTD) in order to improve the quality values are as follows:*




YB Timbalan Menteri Pertahanan merasmikan Majlis Sambutan Hari Kualiti Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) 2009.
*YB Deputy Minister launched the Quality Day Celebration of the National Service Training Department (NSTD) 2009.*

**a. Sambutan Hari Kualiti JLKN**
***NSTD Quality Day Celebration***

1) Sambutan Hari Kualiti JLKN telah diadakan pada 5 November 2009 (Khamis) yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan.
*The NSTD Quality Day Celebration, which was held on 5 November 2009 (Thursday), was officiated by the Deputy Minister of Defence.*

2) Anugerah Pejabat Terbaik ke arah Persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S telah disampaikan pada hari tersebut. Bahagian terbaik ialah Bahagian Pengurusan Pelatih, Bahagian Pengurusan Prasarana dan Bahagian Khidmat Pengurusan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan.
*The Best office Award towards the Certification of Quality Environment Practices 5S was presented on that day. The best department was the Trainee Management Department, Infrastructure Management Department and Management Service Department, which was presented by the Deputy Minister of Defence.*

**b. Amalan Persekitaran Berkualiti 5S.**

1) Bagi mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan selamat untuk warga JLKN seperti yang disyorkan oleh pihak MAMPU, pihak pengurusan tertinggi memutuskan supaya JLKN mendapatkan persijilan 5S dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

2) Selaras dengan kehendak dan keperluan persijilan 5S, Jabatan Latihan Khidmat Negara telah mengadakan beberapa siri latihan 5S kepada semua warga JLKN.

3) Berkat kesungguhan dan komitmen semua warga JLKN, Persijilan 5S telah dianugerahkan kepada JLKN pada 31 Disember 2009 oleh pihak MPC.

***b. Quality Environment Practice 5S.***

*1) To ensure a conducive and safe working environment for members of NSTD as proposed by MAMPU, the top management has decided that NSTD should get the 5S certification from Malaysian Productivity Corporation (MPC).*

*2) In line with the requirements of 5S certification, the National Service Training Department has organized several series of 5S training for all NSTD members.*

*3) Due to the diligence and commitment of all parties at NSTD, the 5S Certification was awarded to NSTD on 31 December 2009 by the MPC.*

## Pengiktirafan

a. JLKN telah menerima Sijil Pengiktirafan bagi Perkhidmatan Menerusi Gerbang SMS Kerajaan 'Semakan Status Latihan Khidmat Negara Secara Online' pada 21 April 2009 sempena Majlis Pengiktirafan Bintang Agensi Sektor Awam anjuran MAMPU di PICC, Putrajaya.

b. Bahagian Kewangan dan Akaun JLKN juga telah menyertai Pertandingan Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan, Kementerian Pertahanan dan telah menerima Sijil Penyertaan.

c. Dato' Bandar Jerman telah mengadakan lawatan ke kem PLKN Semenyih sempena International Youth.

d. Indonesia telah mengambil Malaysia sebagai contoh dalam melaksanakan Program Khidmat Negara.

e. Mendapat penghargaan daripada Jabatan Penyiaran Malaysia bagi tahun 2008 dan 2009 sebagai pengiklan terbanyak di agensi media.

## *Acknowledgment*

*a. NSTD received the Certificate of Acknowledgment for the Service Through Government SMS Gateway 'online Checking For National Service Training Status' on 21 April 2009 in conjunction with the Acknowledgment of Public Sector Agency Star Ceremony hosted by MAMPU at PICC, Putrajaya.*

*b. The Finance and Account Department of NSTD also participated in the Ministry of Defence Financial Management Quality Award Competition and received a Certificate of Participation.*

*c. The Mayor of German visited the Semenyih NSTP camp in conjunction with International Youth.*

*d. Indonesia has modeled after Malaysia in implementing its National Service Programme.*

*e. Obtained an appreciation from Malaysian Broadcasting Department for 2008 and 2009 as the biggest advertiser in the media agency.*

**Pelaksanaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ)**

Mesyuarat MBJ berjaya diadakan 4 kali setahun (sebagaimana ketetapan Jabatan Perkhidmatan Awam) seperti berikut:–.

a. MBJ 1/2009 pada 16 Mac 2009
b. MBJ 2/2009 pada 22 Jun 2009
c. MBJ 3/2009 pada 11 Ogos 2009
d. MBJ 4/2009 pada 15 Disember 2009

**Program–Program Yang Diwujudkan Untuk Hubungan Harmoni**

Program–program yang telah dilaksanakan untuk mewujudkan hubungan golongan atasan dan bawahan adalah seperti berikut:

a. Hari Keluarga JLKN telah dilaksanakan pada 25 hingga 26 April 2009 di Everly Resort, Melaka.

b. Perhimpunan Bulanan diadakan pada setiap bulan.

***Implementation of the Ceremony With Department (MBJ)***

*The MBJ meetings were successfully organized 4 times a year (as stipulated by the Public Service Department) as follows:*

*a. MBJ 1/2009 on 16 March 2009*
*b. MBJ 2/2009 on 22 June 2009*
*c. MBJ 3/2009 on 11 August 2009*
*d. MBJ 4/2009 on 15 December 2009*

***Programmes Planned To Foster Harmonious Relationship***

*Programmes implemented to foster relationship between the upper and lower rungs as follows:*

*a. The NSTD Family Day was held from 25 to 26 April 2009 at Everly Resort, Malacca.*

*b. Monthly Assembly is held every month.*



Dato' Abdul Hadi b. Awang Kechil Ketua Pengarah JLKN sedang berucap sempena Perhimpunan Bulanan
*Dato' Abdul Hadi b. Awang Kechil, Head of Director NSTD was giving a speech during the Monthly Assembly*

c. Majlis Makan Durian bersama Dato' KP JLKN telah diadakan pada Jun 2009 di Taman Tasik Titiwangsa

d. Bacaan Yasin bersama Timbalan Menteri Pertahanan yang diadakan pada bulan Julai 2009 bertempat di Surau Aras 1, Bangunan Zetro.

e. Gotong–Royong Perdana bagi Amalan Persekitaran 5S telah diadakan pada 5 Jun 2009 .

*c. A Durian Eating Ceremony with the Dato' Head of Director NSTD was organized in June 2009 at Taman Tasik Titiwangsa.*

*d. Yasin Recitation with Deputy Minister of Defence conducted in July 2009 at Level 1 Surau, Zetro Building.*

*e. The Gotong Royong Perdana for the 5S Environmental Practice was held on 5 June 2009.*

**Membudayakan Program Peningkatan Ilmu**

Seiring dengan hasrat Jabatan yang sentiasa memberi peluang kepada warganya untuk meningkatkan pengetahuan mereka. Sebagai sebuah organisasi yang sentiasa memandang ke hadapan, Jabatan sentiasa mencari ruang melaksanakan program pembelajaran dan pendidikan berterusan, perkongsian nilai (shared value) dan kemahiran individu serta berpasukan yang dapat memacu JLKN ke arah organisasi berpengatahuan atau K–Organization.

Banyak peluang diberikan kepada warga JLKN untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan, sama ada secara formal atau tidak formal. Program–program peningkatan ilmu melalui kursus, seminar, bengkel dan pengajian akademik dilaksanakan secara berterusan.

Pelaksanaan kursus dilakukan secara sistematik melalui rancangan latihan tahunan yang merangkumi kursus kerjaya, kepakaran mahupun kursus sampingan. Pelaksanaan kursus ini dilaksanakan sama ada melalui Bahagian Sumber Manusia, JLKN atau Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Pertahanan.

***Making Knowledge Enhancement Programme A Culture***

*This work culture is implemented in line with the intention of the Department to consistently provide opportunities for its staff and officers to enhance their knowledge. As an organization that always looks into the future, the Department is always looking for opportunities to implement continuous learning and education programmes, shared values and team and individual skills that can drive NSTD towards becoming a K-Organization.*

*There are many opportunities for the NSTD staff and officers to improve their knowledge, formally or informally. Programmes for knowledge enhancement through courses, seminars, workshops and academic learning are implemented continuously.*

*Courses are implemented systematically through annual training plan, which includes career courses, specialist or alternative courses. Implementation of the course is handled either through the Human Resource Department, NSTD or the Department of Human Resource Management, Ministry of Defence.*

Di antara program yang telah dilaksanakan pada tahun 2009 ialah:

*Among the programmes implemented in 2009 are:*

a. Seminar ESQ untuk Pegawai di Ibu Pejabat serta Pegawai dari kem yang diadakan pada 6–9 Ogos 2009 di Hotel Royale Bintang.

*a. The ESQ Seminar for officers at the Headquarters and officers from the Camp, was organized from 6 to 9 August 2009 at Hotel Royale Bintang.*



b. Jabatan juga sering mengadakan taklimat kepada kakitangan berkenaan arahan/pekeliling yang baru dikeluarkan oleh agensi pusat. Pada 20 Oktober 2009, satu taklimat mengenai Laporan Nilaian Prestasi Tahunan telah diadakan di Auditorium Tingkat 1, Bangunan Zetro.

*b. The Department also frequently conducts briefing for the staff regarding new directives/circulars issued by the central agency. On 20 October 2009, a briefing regarding Annual Performance Evaluation Report was held at Level 1 Auditorium, Zetro Building.*

c. Sebagai salah satu acara sambutan Maal Hijrah, Jabatan telah mengadakan ceramah yang disampaikan oleh kakitangan sendiri.

*c. As one of the events in the Maal Hijrah celebration the Department also conducted a talk which was presented by one of its staff.*

d. Untuk meningkatkan kemahiran jurulatih kem, program *training of trainers* dan *refresher course* telah diadakan. Program ini disamping meningkatkan kompetensi jurulatih, ia juga dapat menjimatkan kos.

*d. In order to improve the skills of the camp trainers, the training of trainers and a refresher course were conducted. Apart from improving the competency of the trainers, this programme also contributed toward cost savings, training of trainers dan refresher course*

e. On Job Training (OJT). Untuk melatih kakitangan yang baru menyertai JLKN, Jabatan melaksanakan program ini bagi memastikan kakitangan baru ini mahir dalam melaksanakan tugas di JLKN. Kompetensi kakitangan baru ini akan dipantau oleh pegawai atasan kakitangan terbabit.

*e. On Job Training (OJT). In order to train the new staff who have just joined NSTD, the Department implements this programme to ensure that the new staff are skillful in executing their tasks at NSTD. The top officer of the staff involved will monitor the competency of the new staff.*

**Pengurusan Kewangan Melalui Pembayaran Bil**

***Financial Management Through Bill Payment***

JLKN sentiasa memastikan pembayaran dibuat dengan betul dan tepat selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 103(a) dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 7/2006. Aspek pengurusan pembayaran yang dititik beratkan termasuklah kawalan proses bayaran, bayaran yang memerlukan kelulusan khas, daftar bil, bayaran pukal dan panjar wang runcit.

*NSTD always ensure that payments are made correctly and accurately in line with the requirements of Treasury Instructions 103(a) and Treasury Bill Circular 7/2006. Payment management aspect emphasized includes payment process control, payments which require special approval, bill register, bulk payment and petty cash.*

Laporan Prestasi Bil Sempurna bagi Tahun 2009 telah mecatatkan jumlah bil yang telah diproses adalah sebanyak 2,3291 bil. Sebanyak 22,873 bil atau 98.21% berjaya diproses dalam tempoh 7 hari. 402 bil pula diproses antara 8 hingga 14 hari iaitu 1.73%, manakala sebanyak 16 bil atau 0.07% diproses melebihi 14 hari.

*Perfect Bill Performance Report for 2009 recorded that a total number of bills processed was 23,291. A total of 22,873 bills or 98.21% were successfully processed over a period of 7 days. 40 bills were processed within 8 to 14 days or 1.73% while 16 bills or 0.07% were processed in more than 14 days.*

Secara keseluruhannya JLKN telah menunjukkan prestasi bayaran yang baik dan mencapai 99% terhadap sasaran KPI dan Piagam Pelanggan Jabatan. Namun demikian, Jabatan akan sentiasa mengenalpasti strategi baru bagi mencapai sasaran 100% bayaran dalam tempoh 14 hari. JLKN juga telah mengemaskini dan menambahbaik proses–proses kerja berkaitan bagi persediaan sasaran baru piagam pelanggan Jabatan untuk memproses bayaran dalam tempoh 7 hari mulai tahun 2010.

*On the whole, NSTD has shown a good payment performance and achieved 99% of the targeted KPI and Department Client Charter. Nevertheless, the Department will always identify new strategies to achieve the 100% payment target within 14 days. NSTD has also updated and improved the working processes related to preparation for the Department's new client charter target to process payment within 7 days starting from 2010.*

| Hari / *Days* | Keseluruhan / *Overall* | | |
|---|---|---|---|
| | Bil / *Bills* | RM | % |
| 0 - 7<br>(a) | 22,873 | 506,364,054.31 | 98.21 |
| 8 -14<br>(b) | 402 | 24,830,706.71 | 1.73 |
| < 14 Hari / *Days*<br>(a + b) | 23,275 | 531,194,760.77 | 99.93 |
| > 14 Hari / *Days*<br>( c ) | 16 | 699,944.53 | 0.07 |
| **Jumlah Bil / *Total Bills***<br>(a + b + c) | **23,291** | **531,894,705.55** | **100** |

**Prestasi Keseluruhan Proses Pembayaran Bil Sempurna Bagi Tahun 2009**
***Overall Performance of Perfect Bill Payment For 2009***

## Perolehan

JLKN telah menerima peruntukan bagi perolehan di bawah OS350000 sebanyak RM4,000,000.00. Daripada keseluruhan jumlah tersebut, sebanyak RM3,876,966.80 (97%) telah dibelanjakan dan terdapat penjimatan perbelanjaan sebanyak RM126,033.20 (4%) seperti berikut:–

## *Procurement*

*NSTD has received an allocation for procurement under the OS350000 of RM4,000,000.00. From the total amount, an amount of RM3,876,966.80 (97%) was spent and there was a saving of RM126,033.20 (4%) as follows:*




**Peratusan Perbelanjan Perolehan 2009**
***Percentage of Procurement Expenditure 2009***

## Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Prestasi Perbelanjaan Mengurus Jabatan bagi tahun 2009 sehingga berakhir tempoh Akaun Kena Bayar adalah seperti berikut:

## *Operating Expenditure Performance*

*The Department Operating Expenditure Performance for 2009 up to the end of Accounts Payable period is as follows:*






**Latihan Sumber Manusia**

Satu kaedah komprehensif dan sistematik dalam pelaksanaan latihan Sumber Manusia telah disediakan. Pada tahun 2009 sebanyak 27 kursus telah dianjurkan oleh pihak JLKN.

***Human Resource Training***

*A comprehensive and systematic procedure in implementing Human Resource trainings had been prepared. In 2009, 27 courses were organized by NSTD.*

**Maklumat Dalam Buku Rekod Perkhidmatan**

Pengemaskinian Buku Rekod Perkhidmatan dilaksanakan secara serta merta. Pegawai bertanggungjawab akan membuat pemeriksaan mengejut untuk memastikan buku rekod sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa.

***Information In The Service Record Book***

*Service Record Book is updated promptly. The officer in charge will conduct spot checks to ensure that the book is always updated from time to time.*

**HRMIS – Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia.**

JLKN juga telah melaksana dan menggunakan Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS).

***HRMIS – Human Resource Management Information System***

*NSTD has also implemented and used the Human Resource Management Information System.*




**Maklumat Sumber Manusia Dikemaskini Dalam HRMIS**

Peratusan maklumat yang telah dikemaskinikan dalam HRMIS sehingga 31 Dis 2009 adalah seperti berikut :

a. Rekod Pengistiharan Harta adalah sebanyak 99.03%
b. Rekod perkhidmatan sebanyak 95.26%
c. Rekod Peribadi pula telah dikemaskinikan sebanyak 96.03%

***Human Resource Information Is Updated In HRMIS***

*Percentages of information updated in HRMIS up to 31 Dec 2009 were as follows:*

*a. Asset Declaration Record was 99.03%.*
*b. Service Record was 95.26%.*
*c. Personal Record updated was 96.03%.*




**Penyediaan Perkhidmatan Online**

Terdapat 2 jenis perkhidmatan online yang disediakan iaitu semakan pemilihan pelatih selepas proses balloting dijalankan dan semakan penempatan pelatih ke kem–kem PLKN Semakan ini boleh dibuat dengan hanya menggunakan no. kad pengenalan. Jabatan dalam proses untuk menyediakan pelbagai lagi perkhidmatan online seperti sistem permohonan penangguhan dan pengecualian, sistem permohonan pelatih sukarela online, sistem permohonan jawatan kosong *online*, *customer satisfaction survey online* dan *e–payment*.

Selain daripada itu, laman web ini juga mempromosikan inisiatif e–KL iaitu perkhidmatan Gerbang SMS Kerajaan (mySMS) di mana Jabatan adalah antara agensi awal menyediakan perkhidmatan melalui gerbang ini iaitu perkhidmatan semakan pemilihan pelatih dan semakan penempatan pelatih. Perkhidmatan ini menerima sambutan yang sangat baik daripada orang ramai dan pernah menerima sijil pengiktirafan "Semakan Status Latihan Khidmat Negara Secara Online" pada 21 April 2009 sempena Majlis Pengiktirafan Bintang Agensi Sektor Awam anjuran MAMPU di Pusat Konvensyen Antarabangsa (PICC), Putrajaya.

***Preparation of Online Service***

*There are 2 types of online services provided which are checking for selection of trainees after balloting process and checking for accommodation of trainees at NSTP camps. This checking can be done just by using the identity card number. The department is in the process of preparing other types of online services such as the online application for postponement and exemption system, voluntary trainee application system , online job vacancy application system online customer satisfaction survey and e–payment.*

*Apart from that, the website also promotes the e–KL initiative which is the Government SMS Gateway service (MySMS) where the Department is among the initial agencies to provide services through this gateway which are the trainee selection check and trainee accommodation check. This service received overwhelming response from the public and has obtained a certificate of acknowledgment "online National Service Training Status Check" on 21 April 2009 in conjunction with Public Sector Acknowledgment of Agency Stars Ceremony organized by MAMPU at Putrajaya International Convention Centre.*




**Statistik Hit Keseluruhan mySMS Tahun tahun 2009**
***Overall Annual mySMS Hit Statistics for 2009***




**Statistik Hit mySMS – Semakan Status Terpilih dan Penempatan Kem Tahun 2009**
*MySMS Hit Statistics – Selection Status Check and Camp Accommodation for 2009*

## Kajian Semula Perancangan Strategik

Hasil kajian semula pelan perancangan strategik JLKN telah dilaksanakan bagi penambahbaikan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) untuk memenuhi objektif penubuhan selaras dengan keperluan perubahan yang diperlukan oleh stakeholders dan pelanggan. Namun begitu, kekangan peruntukan kewangan telah diambil kira dalam kajian semula tersebut.

## *Review of Strategic Planning*

*Suggestions as a result of the NSTD strategic planning review have been implemented to upgrade the National Service Training Programme (NSTP) to fulfill the objectives of its establishment in line with the changes required by the stakeholders and clients. However, limitations in the financial allocation were considered in the review.*

- **Kajian Semula Modul PLKN**

  Kajian semula modul PLKN dilaksanakan untuk menambahbaik modul–modul sedia ada iaitu Modul Fizikal, Modul Pembinaan Karakter, Modul Kenegaraan dan Modul Khidmat Komuniti. Kajian ini bertujuan untuk memastikan semua modul latihan yang disampaikan sentiasa berkualiti dan selaras dengan keperluan semasa.

- ***Review of NSTP Module***

  *The NSTP module review was conducted to improve and fine tune existing modules, which are Physical Module, Character Building Module, Nationhood Module, and Community Service Module. The review is done with a purpose of ensuring that all training modules that are executed always reach high quality and meet current requirements.*

- **Pindaan Akta Latihan Khidmat Negara 2003**

  Pindaan Akta Latihan Khidmat Negara 2003 telah diluluskan pada bulan November 2009. Pindaan ini bertujuan untuk mengubah hukuman daripada penjara kepada khidmat masyarakat bagi memastikan masa depan pelatih–pelatih ini tidak terjejas.

- ***Amendments of National Service Training Act 2003***

  *Amendments of the National Service Training Act 2003 were approved in November 2009. The amendments are aimed to change the jail sentence to community service to ensure that the futures of the trainees are not jeopardized.*

- **Penambahan Kategori Pelatih Yang Boleh Mohon Pengecualian**

  Menyenaraikan anggota APMM dikecualikan daripada menyertai PLKN.

- ***Addition of Category For Trainees Eligible To Apply For Exemption***

  *Listing of APMM members who are exempted from attending NSTP.*

- **Kajian Semula Garis Panduan Minimum (GPM)**

  Kajian semula Garis Panduan Minimum (GPM) telah dilaksanakan bertujuan menggunapakai SOC baru yang lebih mantap serta memberi keselesaan kepada pelatih–pelatih.

- ***Review of Minimum Guidelines (GPM)***

  *A review of Minimum Guidelines (GPM) was conducted to make use of the new SOC which is more stable and provide more comfort to the trainees.*

- **Kajian Keberkesanan PLKN**

  Kajian keberkesanan PLKN dengan mengambil

- ***Study on NSTP Effectiveness***

  *The study on the effectiveness of NSTP was conducted by*

responden terdiri daripada alumni, ibu bapa, majikan dan ketua masyarakat setempat melalui pengedaran borang soal selidik. Sebanyak 61,950 responden telah dipilih dan telah memberi maklumbalas. Borang–borang tersebut telah dinilai dan dianalisa oleh badan bebas iaitu pakar kaji selidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Hasil kajian ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk mendapatkan pandangan dan ulasan selanjutnya.

*selecting respondents from alumni, parents, employers and local community leaders by distributing questionnaire forms. 61,950 respondents were selected and had responded. The forms were evaluated and analysed by an independent body comprising of survey experts from Universiti Kebangsaan Malaysia. The results of the study was presented to the Council of Ministers to obtain opinions and further comments.*

- **Kajian Semula Menu Sajian Kem PLKN**

Penyediaan menu sajian yang baru adalah bertujuan untuk memastikan pelatih–pelatih mendapat makanan yang seimbang dengan nutrisi yang diperlukan. Perubahan menu baru ini adalah selaras dengan kenaikan kadar penyediaan sajian makanan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

- ***Review of NSTP Camp Food Service Menu***

*Preparation of the new food service menu is to ensure that the trainees will get a balanced diet and the nutrition needed. The switch to the new menu is in line with the increase in the rate for food preparation that has been approved by the Ministry of Finance.*

**Pencapaian Piagam Pelanggan JLKN Tahun 2009 /** ***Achievement of NSTD Client Charter For 2009***

| Bil<br>*Num* | Elemen<br>*Element* | Pencapaian (%)<br>Jan-Okt 2009<br>*Achievement (%)*<br>*Jan - Oct 2009* |
|---|---|---|
| 1. | Bersedia memberi layanan yang mesra kepada pelanggan di kaunter perkhidmatan tidak melebihi 30 minit<br>*Always ready to provide friendly service to clients at the service counter within not more than 30 minutes.* | 100% |
| 2. | Mengeluarkan Notis Pemberitahuan Pelatih (NPP) sekurang-kurangnya enam (6) minggu sebelum pendaftaran pelatih<br>*Issue the Trainee Announcement Notice (TAN) at least six (6) weeks before trainee registration.* | 100% |
| 3. | Menyampaikan kelulusan sementara bagi Permohonan Pengecualian Penangguhan dan Pembaharuan Penangguhan:<br>*Give out temporary approval for Applications For Exemptions and Postponement and Renewal Of Postponement:*<br>• Sebaik sahaja permohonan lengkap diterima di kaunter dan<br>*As soon as a completed application is received at the counter and*<br>• Tujuh (7) hari permohonan secara bertulis.<br>*Seven (7) days of written application.* | 100%<br>0% |
| 4. | Membuat hebahan pusat berkumpul kemasukan dan menurunkan pelatih tujuh (7) hari sebelum pergerakan.<br>*Make announcement of entrance gathering and drop off centre seven (7) days before moving on.* | 100% |
| 5. | Membayar khairat kematian dalam tempoh 24 jam dan pampasan insurans tidak melebihi tiga (3) minggu setelah menerima permohonan lengkap<br>*Pay for donation (khairat) in case of death within 24 hours and insurance compensation within not more than three (3) weeks after receiving a completed application.* | Khairat kematian<br>*Death donation* : 100%<br><br>Insurans / *Insurance* :<br>0.5 % |
| 6. | Melahirkan remaja mempunyai sifat patriotik, sukarelawan, toleransi dan berkeperibadian murni.<br>*Mould the youths into individuals who possess patriotic, voluntarism, and tolerance attributes with commendable personalities.* | 100% |
| 7. | Memastikan prasarana di kem PLKN sentiasa dalam keadaan selamat dan selesa digunakan<br>*Ensure that the infrastructure at NSTP camps are always safe and comfortable to use.* | 80.72% |
| 8. | Menjelaskan pembayaran bil yang lengkap dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan.<br>*Settle completed bills within fourteen (14) days from the day they are received.* | 99.93% |

| Bil<br>*Num* | Elemen<br>*Element* | Pencapaian (%)<br>Jan-Okt 2009<br>*Achievement (%)*<br>*Jan - Oct 2009* |
|---|---|---|
| 9. | Memastikan respons kepada pertanyaan dan aduan pelanggan adalah cepat, tepat dan mesra dan menepati tempoh-tempoh berikut:-<br>*Ensure that the responses to client enquiries and complaints are provided promptly, accurately and friendly within the following periods of time:*<br>• Akuan penerimaan dalam masa tiga (3) hari<br>*Acknowledgment of receipt within three (3) days*<br>• Maklumbalas awal dalam tempoh empat belas (14) hari<br>*Initial feedback within fourteen (14) days*<br>• Laporan status aduan dalam masa dua (2) bulan<br>*Complaint status report within two (2) months* | 82% |

**Perkhidmatan Yang Ditawarkan Secara Online.**

JLKN menawarkan 8 jenis perkhidmatan secara online. Jenis–jenis perkhidmatan yang ditawarkan:

a. E–mel pertanyaan (ccenter@khidmatnegara.gov.my).

b. Semakan pemilihan dan penempatan PLKN melalui laman web.

c. Semakan pemilihan dan penempatan PLKN melalui Sistem Pesanan Ringkas mySMS 15888.

d. Kajian Kepuasan Pelanggan

e. Permohonan Penangguhan, Pembaharuan Penangguhan dan Pengecualian.

f. Kiosk di Kaunter Khidmat Pelanggan.

g. Muat turun borang–borang di laman web (9 jenis borang).

***Online Services offered***

*NSTD offers 8 types of online services. Types of services offered:*

*a. Email enquiries (ccenter@khidmatnegara.gov.my).*

*b. NSTP selection and accommodation check through website.*

*c. Checking on NSTP selection and accommodation through the Short Message System, mySMS 15888.*

*d. Customer Satisfaction Survey.*

*e. Application for Postponement,Renewal of Postponement and Exemption.*

*f. Kiosk at Customer Service Counter.*

*g. Download forms from the website (9 types of forms).*

**Pengunjung Laman Web**

Statistik pengunjung laman web JLKN pada tahun 2009 seramai 3,604,915 berbanding tahun 2008 seramai 2,356,059 pelanggan.

***Website Visitors***

*Statistics of the NSTD website visitors showed in 2009, there were 3,604,915 clients compared to 2,356,059 clients in 2008.*

**Pengurusan Aduan**

JLKN sentiasa memberi tumpuan terhadap pengurusan aduan yang cekap dan sistematik bagi memberi kepuasan kepada pelanggan. Mekanisme pengurusan aduan telah diwujudkan melalui kaunter, surat, emel, telefon, suratkhabar, sistem pesanan ringkas (sms) dan sistem pengurusan aduan secara online (i–SPAAA) bagi memudahkan pelanggan dalaman dan luaran membuat aduan / cadangan / maklumbalas terhadap sebarang perkara.

Setiap akuan terima aduan akan dimaklumkan kepada pelanggan secara automatic (auto–reply) melalui sistem pesanan ringkas (sms), emel, laman web dan sistem aduan secara online (i–SPAAA). Manakala aduan yang diterima melalui telefon, kaunter dan surat atau suratkhabar pula maklumbalas akuan terima akan diberikan serta–merta atau mengikut kesesuaian dalam tempoh 3 hari bekerja.




***Complaints Management***

*NSTD always focuses on efficient and systematic complaint management to satisfy its clients. A complaint management mechanism was established through counters, letters, emails, telephone, newspapers, short message system and online complaint management system (i–SPAAA) to make it easier for internal and external clients to make complaints / suggestions / feedbacks on any issue.*

*Customers will be informed of every acknowledgment of complaint received automatically (auto–reply) through the short message service (sms), email, website and online complaint system (i–SPAAA). For the complaints received by telephone, counter and letters or newspapers, acknowledgment of complaints received will be given promptly depending on situation within 3 working days.*




Setiap aduan yang diterima perlu diselesaikan dan dimaklumkan kepada pelanggan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. JLKN berusaha untuk menyelesaikan aduan dalam tempoh seperti berikut:

*Every complaint received must be settled or informed to the customers within the determined period of time. NSTD strives to settled complaints within a certain period of time as follows:*

| Status Aduan<br>*Complaint Status* | Tempoh Maklumbalas<br>*Feedback Period* |
|---|---|
| Aduan yang tidak perlukan siasatan<br>*Complaints that do not need an inquiry* | **2–5 hari bekerja**<br>*2–5 working days* |
| Aduan yang memerlukan siasatan<br>*Complaints that require investigation* | **14 hari bekerja**<br>*14 working days* |
| Aduan yang memerlukan siasatan lanjut<br>*Complaints requiring further investigation* | **2 bulan**<br>*2 months* |

Sebanyak 49 aduan yang telah diterima sehingga 31 Disember 2009 dan keseluruhan aduan telah berjaya diselesaikan 100%. Dari 49 aduan, 40 pengadu telah dihubungi dan berpuas hati dengan penyelesaian aduan. Manakala baki 9 pengadu tidak menjawab panggilan telefon atau e–mail.

*49 complaints were received up to 31 December 2009 and 100% of all of the complaints were successfully settled. Out of 49 complaints, 40 complainants were contacted and satisfied with the way the complaints were settled. It was also recorded that the other 9 complainants did not answer phone calls or emails.*




**Kepuasan penyelesaian aduan daripada 49 aduan yang diterima**
***Received satisfaction resolving complaints of the 49 complaints***

Setakat ini JLKN telah menerima satu surat penghargaan daripada Biro Pengaduan Awam, Sarawak bertarikh 27 Ogos 2009.

*Up till now the NSTD has received one letter of appreciation from Public Complaint Bureau, Sarawak dated 27 August 2009.*

**Tahap Kepuasan Pelanggan**

***Customer Satisfaction Level***

Peratus tahap kepuasan pelanggan untuk kajian dilaksanakan pada tahun 2009 adalah:

a. Kajian Kepuasan Pelanggan di JLKN = 96.80 % Memuaskan; 3.20% Tidak Memuaskan

*The percentages of customer satisfaction level for the study implemented in 2009 were:*

*a. Study on Customer Satisfaction at NSTD = 96.80% Satisfactory; 3.20% Unsatisfactory*




b. Maklumbalas Pelanggan melalui Hari Bersama Pelanggan = 85.68% Memuaskan; 0.55% Tidak Memuaskan; 13.75% Tiada Maklumbalas

*b. Customer Feedback through Customer Day = 85.68% Satisfactory; 0.55% Unsatisfactory; 13.75% No Feedback*




**Peratus Tahap Kepuasan Pelanggan di booth HBP**
***Percentage of Customer Satisfaction in the booth HBP***

c. Kajian Persepsi Pelatih Tentang Keberkesanan PLKN = 82.80% bersetuju PLKN meningkatkan semangat patriotisme; 81.80% bersetuju PLKN menggalakkan sifat kesukarelaan; 88.50% bersetuju PLKN membina jati diri dan 86.50% bersetuju PLKN memupuk perpaduan kaum

*c. Study on Trainee Perception on The Effectiveness of NSTP = 82.80% agreed that NSTP strengthened their sense of patriotism; 81.80% agreed that NSTP encouraged volunteerism spirit; 88.50% agreed that NSTP developed their sense of self pride and 86.50% agreed that NSTP nurtured racial solidarity.*



**Usaha–Usaha Promosi**

Dalam usaha untuk mempromosikan PLKN, JLKN menggunakan empat saluran utama sebagai aplikasi sebaran maklumat kepada masyarakat umum khususnya kepada bakal–bakal pelatih PLKN. Saluran utama yang berperanan sebagai platform PLKN adalah melalui media elaktronik, media cetak dan sidang media dan 'roadshow' serta pameran–pameran yang dianjurkan oleh jabatan–jabatan kerajaan, pusat–pusat pengajian tinggi dan sekolah–sekolah.

***Promotional Efforts***

*In promoting NSTP, NSTD uses four main channels as information dissemination application to the general public specifically to would be NSTP trainees. The main channel which functions as government departments, centres of higher learning and schools, through electronic media, print media and media conference and 'roadshow' and exhibitions organize a NSTP platform.*

**Penilaian Keberkesanan Usaha–Usaha Promosi**

Satu kajian keberkesanan promosi telah dijalankan pada Disember 2009 terhadap 1,355 orang responden. Dapatan hasil kajian seperti berikut:–

***Evaluation of Effectiveness of Promotional Efforts***

*A study on the effectiveness of the promotion was conducted in December 2009 among 1,355 respondents. The results of the study is as follows:*




**Saluran promosi yang paling digemari**
***Most favourite promotion channels***

Hasil daripada promosi yang telah dijalankan didapati berjaya memberi pengetahuan dan maklumat–maklumat berhubung PLKN. Hasilnya, PLKN telah menerima banyak permohonan secara sukarela untuk menyertai program ini dan ianya meningkat tahun demi tahun.

*The promotions conducted were found to be successful in providing knowledge and information regarding NSTP. As a result, NSTP received many applications volunteering to participate in this programme and the number of applications increases year after year.*




**Peningkatan permohonan kemasukan pelatih sukarela**
***Voluntary trainee entry application increase***

Di samping itu juga dengan adanya promosi seperti ini ianya dapat mengurangkan persepsi negatif dari masyarakat yang sebelum in tidak dapat menerima anak–anak mereka menjalani latihan khidmat negara.

Kemuncak kepada usaha-usaha promosi yang telah dijalankan, JLKN telah mendapat penghargaan daripada Jabatan Penyiaran Malaysia bagi tahun 2008 dan 2009 sebagai pengiklan terbanyak di Media.

*Besides that, this kind of promotions can alleviate negative perceptions among the public who previously could not accept the fact that their children were going through the national service training.*

*The summit stage of the promotional efforts carried out, was when NSTD obtained appreciations from Malaysian Broadcasting Department for 2008 and 2009 as the biggest advertiser in the Media.*

## Lawatan Menteri Pertahanan ke PLKN Bukit Besar Kulim
*Minister of Defence visiting National Service Training Department at Bukit Besar Kulim*













# INSTITUT PENYELIDIKAN SAINS DAN TEKNOLOGI PERTAHANAN (STRIDE)

*SCIENCE AND TECHNOLOGY RESEARCH INSTITUTE FOR DEFENCE*

**Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE)**

Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) adalah sebuah organisasi di bawah Kementerian Pertahanan bertujuan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan serta memberi sokongan teknikal di dalam bidang teknologi pertahanan untuk keperluan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Peranan STRIDE penting untuk menyokong penggunaan teknologi, meningkat keupayaan dan kesiapsagaan ATM setiap masa.

**Science and Technology Research Institute for Defence (STRIDE)**

*Science and Technology Research Institute for Defence (STRIDE) is an organization in the Ministry of Defence for conducting research and development and to provide technical support in defence technology to the Malaysian Armed Forces (MAF). STRIDE's role is important in supporting the use of technology, and to enhance MAF's capability and readiness.*



Hari STRIDE 2009 telah diadakan di Kompleks Persenjataan Batu Arang
*STRIDE Day 2009 was held at the Weapons Technology Complex Batu Arang*

STRIDE melaksanakan perancangan strategik bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Selaras dengan pelan tersebut, program dan aktiviti utama yang telah disusun dan dilaksanakan pada tahun 2009 adalah berikut:–

*STRIDE implements strategic plans to achieve its prescribed objective. In line with the plans, the main programmes and activities have been scheduled and implemented in 2009 as follows:–*

**Melaksanakan Projek–Projek Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)**

STRIDE melaksanakan 27 projek R&D dengan peruntukan RM 11.8 juta. Kesemua 27 projek berkenaan adalah di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Daripada 27 projek tersebut juga, Projek Field Applied Camouflage Technology System (FACTS) telah memperolehi Pingat Emas dalam Pertandingan Inovasi Antara Sektor Awam Dan Swasta. Disamping itu, sebuah projek yang menempa kejayaan besar pada tahun ini adalah pembangunan prototaip sistem Unmanned Aerial Vehicle (UAV) tempatan dan telah dapat menjimatkan wang Kerajaan dari segi kos pengoperasian kawalan kawasan strategik negara. Kejayaan pembangunan UAV ini telah dapat dicapai melalui perkongsian strategik diantara sektor awam dan swasta.

***Conducting Research and Development (R&D) Projects***

*STRIDE had conducted 27 R&D projects with an allocation of RM 11.8 million. All the 27 projects were and still are in various stages of implementation. One of the 27 projects, Field Applied Camouflage Technology System (FACTS) has won a Gold Medal in the Competition for Innovation Among Public And Private Sectors. Other than that, another project which has been declared a big success is the development of a local Unmanned Aerial Vehicle (UAV) prototype system which would reduce government spending, particularly the operational costs of protecting the country's strategic areas. The success of UAV development was achieved by forging a strategic alliance between public and private sectors.*

**Menyediakan Sokongan Teknikal Dalam Perolehan Pertahanan**

STRIDE turut memberi sokongan teknikal dalam penyediaan dan pengesahan spesifikasi, ujian makmal dan penilaian teknikal ke atas peralatan–peralatan ATM. Pencapaian aktiviti teknikal ke atas perolehan pertahanan adalah berikut:–

***Provide Technical Support In Defence Procurement***

*STRIDE provides technical support in the preparation and verification of military specifications, conducting laboratory tests and technical evaluations on MAF equipment. The following technical activities on defence procurement have been accomplished :–*

| Aktiviti / *Activities* | Pencapaian / *Achievement* |
|---|---|
| • Melaksanakan Penilaian Teknikal bagi menyokong Program Perolehan Pertahanan<br>*Perform Technical Evaluation to support defence procurement programme* | 251 penilaian / *evaluations* |
| • Melaksanakan ujian makmal dan ujinilai bagi menyokong Penilaian Teknikal<br>*Perform laboratory tests and trials to support Technical Evaluations* | 512 pengujian / *tests* |
| • Pembangunan dan Pengesahan Spesifikasi Perolehan Pertahanan iaitu meneliti, melengkapkan dan mengesahkan Spesifikasi Perolehan Pertahanan<br>*Development and Verification of Defence Procurement Specifications by vetting, finalising and endorsing these Defence Procurement Specifications* | 130 spesifikasi / *specifications* |
| • Melaksanakan kes–kes penyiasatan dengan sempurna<br>*Successfully completed investigation cases* | 25 kes / *cases* |

**Pembangunan Organisasi**

Selaras dengan perkembangan ATM yang pesat, STRIDE juga berusaha untuk mempertingkatkan sistem penyampaiannya melalui pembangunan modal insan dengan memberi latihan teknikal dan motivasi. Latihan untuk pegawai dan kakitangan STRIDE bagi mengikuti kursus–kursus teknikal dan motivasi telah dapat dicapai sepertimana yang disasarkan iaitu sebanyak 98% dan hampir kesemuanya telah dapat menghadiri kursus selama 7 hari yang telah ditetapkan.

***Organization Development***

*Keeping abreast with MAF's rapid development, STRIDE has undertaken to enhance its delivery system through human capital development by providing technical and motivation training. STRIDE's officers and staff are required to attend technical and motivational courses, and in 2009 it managed to meet its target of 98% attendance ie. nearly all of STRIDE's officers and staff have attended the obligatory 7–day each per year course.*

**Pembangunan Infrastruktur**

Selaras dengan pembangunan modal insan, penyediaan infrasktruktur turut juga diberi pertimbangan saksama dengan mengambilkira perkembangan teknologi semasa dan masa depan. Pembangunan infrasktruktur yang sedang giat dijalankan adalah berikut:–

- Pembinaan Kompleks Induk STRIDE fasa ke II.
- Pembinaan Makmal Bahagian Teknologi Maritim, Lumut.
- Peningkatan Makmal Bahagian Teknologi Persenjataan di Batu Arang.

***Infrastructure Development***

*Together with human capital development, infrastructure provision was also given equal consideration by taking into account current and future technology development. Infrastructure developments which were, and are actively being pursued currently are:–*

- *Construction of the Second Phase of STRIDE Main Complex*
- *Construction of Maritime Technology Division Laboratory at Lumut*
- *Upgrading of Weapons Technology Division Laboratory at Batu Arang*

**Kesedaran Teknologi Pertahanan**

Dalam usaha untuk menjadikan STRIDE organisasi yang dinamik, perubahan–perubahan yang berlaku seperti dalam teknologi dan juga geopolitik perlu diambil kira untuk menuntukan arah tuju teknologi pertahanan negara. Bagi mencapai hasrat tersebut beberapa seminar telah diadakan berikut:–

- **Defence Research Convention**

  Konvensyen ini telah diadakan pada 25–27 Februari 2009 di Hotel Mahkota, Melaka. Konvensyen anjuran STRIDE ini telah dihadiri oleh 59 pegawai penyelidik STRIDE. Tujuan konvensyen ini sebagai platform untuk warga penyelidik STRIDE berkongsi pengetahuan mengenai projek–projek R&D Pertahanan RMK–9

- **Bengkel Penentuan Keutamaan R&D Pertahanan RMK– 10**

  Bengkel siri 1/2009 telah diadakan pada 20–21 Julai 2009 di Mines Wellness Hotel, Seri Kembangan, Selangor dan siri 2/2009 pada 1 Oktober 2009 di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET),

***Defence Technology Awareness***

*In its aspiration to be a dynamic organisation and determine the direction of the country's defence technology, STRIDE has to take into consideration all the global changes including technology advancement and geopolitical shifts. To achieve the desired results, STRIDE organised the following seminars:–*

- ***Defence Research Convention***

  *This convention was held on 25–27 February 2009 at Mahkota Hotel, Malacca. 50 STRIDE research officers attended the Convention. The purpose of having the Convention was to make it as a platform for STRIDE researchers to share knowledge on RMK–9 R&D projects*

- ***RMK–10 Defence R&D Prioritisation Workshop***

  *The first Workshop of the year (1/2009) was held on 20–21 July 2009 at The Mines Wellness Hotel, Seri Kembangan, Selangor and the second (2/2009) was on 1 October 2009 at Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET),*

Kajang, Selangor. Bengkel anjuran STRIDE ini telah dihadiri 120 pegawai Kementerian Pertahanan. Tujuan bengkel ini untuk menentukan bidang–bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) pertahanan RMK–10 yang akan bermula pada tahun 2011 bertepatan dengan kehendak ATM dan Negara

*Kajang, Selangor. 120 Ministry of Defence officers attended both the workshops. The purpose of having the workshops was to determine priority areas in defence research and development (R&D) for RMK–10 which will commence in 2011, and also to meet MAF's and the country's requirements.*

- **Bengkel Penulisan Spesifikasi Perolehan Pertahanan 2009**

Bengkel ini telah diadakan pada 14–16 Disember 2009 di Genting View Resort, Genting Highland, Pahang. Bengkel anjuran STRIDE ini telah dihadiri oleh 40 pegawai Kementerian Pertahanan. Tujuan bengkel ini untuk memberi pendedahan secara spesifik dalam tatacara penyediaan dan penulisan spesifikasi mengikut garis panduan yang lebih sistematik dan berkesan.

- ***Defence Procurement Specification Writing Workshop 2009***

*This workshop was held on 14–16 December 2009 at Genting View Resort, Genting Highland, Pahang. 40 Ministry of Defence officers attended this workshop. The purpose of this workshop was to specifically expose the officers to the procedure of preparing and writing specifications according to a more systematic and effective guidelines.*



Para peserta bengkel semasa sesi soal jawab bersama penceramah
*Workshop's participants during the question and answer session*



Para peserta konvensyen terdiri dari Pegawai–Pegawai Penyelidik STRIDE
*STRIDE Research officers as Convention participants*




Ketua Pengarah STRIDE semasa ucapan perasmian bengkel tersebut
*The Director–General of STRIDE at the Workshop's opening ceremony*

# DEPOT SIMPANAN PERTAHANAN

*DEFENCE RESERVE DEPOT*








Depot Simpanan Pertahanan (DSP) adalah sebuah organisasi yang terletak di bawah Sektor Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan – TKSU (P). Objektif umum DSP ialah untuk menyimpan peralatan bagi melengkapkan 2 Kumpulan Briged dan memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan siapsiaga (Evereadiness) untuk kegunaan semasa negara berada dalam keadaan darurat dan juga aman. Pada masa yang sama DSP juga telah diberi tugas baru untuk menguruskan keperluan Stok Bantuan Kemanusiaan (SBK) bagi tujuan bantuan kemanusiaan sama ada di dalam atau di luar Negara.

*The Defence Storage Depot (DSP) is an organization placed under Deputy Development Chief Secretary Sector - Deputy Secretary General (P) The general objective of DSP is to store equipments in order to complete 2 Brigade Groups and ensure that it is always in a state of readiness to be deployed whenever the nation is in an emergency or peaceful situation. At the same time DSP has also been given new tasks to manage the Humanitarian Aid Stock (SBK) for the purpose of humanitarian aid either within the country or out of the country.*

## 1. Sumber Manusia Depot Simpanan Pertahanan

## *1. Defence Storage Depot Human Resource*

### 1.1 Perjawatan dan Pengisian

### *1.1 Personnel and Employment*

Perjawatan di DSP adalah terdiri daripada perjawatan awam dan perjawatan tentera. Jumlah keseluruhan perjawatan di DSP adalah sebanyak 286 perjawatan. Jumlah perjawatan awam adalah sebanyak 140 jawatan, daripada jumlah tersebut sebanyak 116 (82.86%) perjawatan telah diisi manakala 24 perjawatan masih kosong. Bagi perjawatan tentera pula adalah sebanyak 146 perjawatan, daripada jumlah itu sebanyak 90 (61.64 %) perjawatan telah diisi manakala 56 perjawatan masih kosong. Kedudukan perjawatan–perjawatan di DSP adalah seperti di **Jadual 1.**

*Personnel in DSP consist of public personnel and military personnel. Total personnel in DSP are 286 posts. Total number of public personnel is 140 posts, out of the total, 116 (82.86%) posts have been filled while 24 posts are still vacant. As for the military personnel, there are 146 posts, and out of the total, 90 (61.64%) posts have been filled while 56 posts are still vacant. The position of the posts at the DSP is as depicted in Table 1.*

| **Jenis Perkhidmatan** *Type of Service* | **Perjawatan Yang Diluluskan** *Approved Posts* | **Perjawatan Yang Diisi** *Posts That Have Been Filled* | **Kekosongan** *Vacancies* | **Peratus Pengisian** *Percentage Of Posts That Are Filled* |
|---|---|---|---|---|
| Pegawai dan kakitangan awam *Officers and public staff* | 140 | 116 | 24 | **82.86%** |
| Pegawai dan Lain-lain Pangkat ATM *Officers and Other Ranks at MAF* | 146 | 90 | 56 | **61.64%** |
| **Jumlah** / *Total* | 286 | 206 | 80 | **72.03%** |

**Jadual 1 : Perjawatan DSP Sehingga 31 Disember 2009**
*Table 1 : DSP Personnel Up To 31 December 2009*




**Carta 1 : Perjawatan DSP Sehingga 31 Disember 2009**
***Chart 1 : DSP Personnel Bar Chart***

### 1.2 Kursus dan Latihan DSP

Bagi Tahun 2009, beberapa siri latihan dan pelbagai kursus telah dilaksanakan oleh DSP. Secara keseluruhannya warga awam DSP telah menghadiri kursus–kursus sama ada kursus–kursus anjuran DSP atau anjuran BPSM / INTAN dengan jayanya. Statistik kehadiran kursus mengikut Kategori Jumlah Hari Kursus yang telah dihadiri oleh warga awam DSP sepanjang tahun 2009 adalah seperti berikut:

1.2.1 Lebih 30 hari – 6 orang (5.17%)
1.2.2 Lebih 14 hari – 30 orang (25.86%
1.2.3 Kurang dari 14 hari – 20 orang (17.24%)
1.2.4 10 hari – 31 orang (26.72%)
1.2.5 7 hari – 29 orang (25%).

### *1.2 DSP Courses and Training*

*For the year 2009, a number of training series and various coursed were conducted by DSP. on the whole DSP members of the public attended courses either those successfully organized by DSP or BPSM / INTAN. Statistics on the course attendance according to Total Course Days Categories by the DSP members of the public through out 2009 are as follows:*

*1.2.1 More than 30 days – 6 people (5.17%)*
*1.2.2 More than 14 days – 30 people (25.86%*
*1.2.3 Less than 14 days – 20 people (17.24%)*
*1.2.4 10 days – 31 people (26.72%)*
*1.2.5 7 days – people (25%).*

**Kursus Sepanjang Tahun 2009 / *Courses Throughout 2009***









**Carta 2 : Kehadiran kakitangan Awam DSP untuk kursus dan latihan sehingga 31 Disember 2009**
***Chart 2 : On DSP Public Staff attendance for courses and training up to 31 December 2009***

## 2. Dasar Stok Simpanan Pertahanan (SSP) Dan Stok Bantuan Kemanusiaan (SBK)

Stok Simpanan Pertahanan (SSP) adalah stok keperluan ketenteraan Negara apabila berlakunya darurat. Stok yang dipegang terdiri daripada pelbagai peralatan penting untuk kegunaan Tentera Darat semasa darurat. Manakala Stok Bantuan Kemanusian (SBK) adalah satu program baru yang telah diletakkan di bawah pengurusan DSP sejak September 2008 yang lalu. Program ini selaras dengan keperluan Negara dan juga Negara–negara serantau yang sering dilanda bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, gempa bumi dan lain–lain lagi. Atas keprihatianan Negara peruntukan sebanyak RM 10 juta telah diluluskan khas bagi memulakan simpanan stok bantuan kemanusiaan ini. Barang–barang yang disimpan adalah bertujuan untuk diberikan kepada mangsa–mangsa bencana yang memerlukan sama ada di dalam atau di luar Negara. Ia terdiri daripada barang–barang keperluan asas seperti makanan, minuman, pakaian, khemah, selimut dan lain–lain lagi.

## *2. Policy On Defence storage Stock (SSP) And Humanitarian Assistance Stock (SBK)*

*The Defence Storage Stock (SSP) is the stock required by the Nation military whenever there is an emergency. Stock that is held consists of various important equipments for the use of the Army during the time of emergency. Whereas, the Humanitarian Assistance Stock (SBK) is a new programme which is placed under the DSP management since September 2008. This programme is in line with the needs of the Nation and also other regional Nations which frequently hit by natural disasters such as floods, landslides, earthquakes and so on. Due to the Nation's concern over these issues, an allocation of RM 10 million was specially approved to start up the storage of humanitarian assistance stock. The items stored are for the purpose of helping the victims of the catastrophes whether they are in the country or out of country. The stock consists of items for basic needs such as food, drinks, clothes, tents, blankets and others.*

**Gambar Di Stor Simpanan Pertahanan /** ***Pictures of The Humanitarian Assistance Store***









## 3. Pelbagai Kejayaan Yang Telah Dicapai Oleh DSP Sepanjang Tahun 2009

### 3.1 Memperbaharui Persijilan Ms Iso 9001 : 2008

DSP telah berjaya dianugerahkan Persijilan MS ISO 9001 : 2008 pada 30 Ogos 2009. Kejayaan ini adalah lanjutan daripada pencapaian sebelumnya iaitu Persijilan MS ISO 9001 : 2000 di mana pihak SIRIM telah melaksanakan audit persijilan semula terhadap persijilan yang telah dicapai sebelumnya itu pada 27 hingga 28 Julai 2009. Pelaksanaan MS ISO 9001 : 2008 ini adalah selaras dengan konsep 1 Malaysia yang sedang dilaksanakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia di mana beliau melalui konsep tersebut telah menekankan pencapaian prestasi penjawat awam dan sistem penyampaian perkhidmatan diutamakan.

## *3. Various Achievements By DSP Through Out 2009*

### 3.1 Renewal Of MS ISO 9001 Certification : 2008

*DSP was awarded the MS ISO 9001 Certification:2008 on 30 August 2009. This achievement was a continuation from previous achievement, which was MS ISO 9001 Certification: 2000 where SIRIM implemented a repeat of certification audit on the certification, which was previously achieved from 27 to 28 July 2009. Implementation of MS ISO 9001: 2008 is in line with the 1Malaysia concept that is being implemented by YAB Prime Minister of Malaysia where by through this concept he emphasizes the performance achievement of the civil servants and service delivery system is prioritized.*



**Penerimaan Sijil MS ISO 9001 : 2008**
***MS ISO 9001 : 2008 Certificate acceptence***

### 3.2 Memperolehi Persijilan 5S DSP

DSP telah berjaya dianugerahkan Persijilan 5S pada tahun 2008. Pada tahun 2009 pula DSP telah meneruskan amalan 5S bagi memastikan pencapaian

### *3.2 Obtained DSP 5S Certification*

*DSP was successfully awarded the 5S Certification in 2008. In 2009, DSP continued practising the 5S to ensure that the 5S certification achievement is maintained. Previous successes*

pensijilan 5S dapat dikekalkan. Kejayaan yang lalu dapat dimanfaatkan dan seterusnya dapat dikekalkan pencapaiannya. Kejayaan memperolehi Sijil 5S anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) ini adalah merupakan hasil daripada sokongan dan kerjasama semua warga DSP bermula dari peringkat penubuhan Jawatankuasa 5S Induk DSP hinggalah kepada penubuhan Jawatankuasa 5S di semua Cawangan di DSP. Pada 8 Disember 2009, DSP telah menghantar wakil dan menyertai pertandingan 'National Quality Environment (5S) Convention 2009' peringkat kebangsaan di Grand Dorsett Subang Hotel. Dari maklumat yang disampaikan oleh pihak MPC, DSP Berjaya menduduki tempat ke empat (4) di dalam pertandingan tersebut.

*can be made use of and hence the achievements can be maintained. The success in obtaining the 5S Certificate organized by the Malaysian Productivity Corporation is a result of the support and cooperation from all members of DSP starting from the establishment of the Main 5S Committee stage up to the establishment of 5S Committee at all DSP Branches. on 8 December 2008, DSP sent representatives and participated in the 'National Quality Environment (5S) Convention 2009', at national level competition at the Grand Dorsett Subang Hotel. From the information forwarded by the MPC, DSP managed to secure the forth (4) place in the competition.*







**Majlis Penerimaan Sijil MS ISO 9001 : 2008**

***MS ISO 9001 : 2008 certificate acceptence ceremony***

3.3 Penambahbaikan Sistem Kerja Depot Simpanan Pertahanan

Pada tahun 2009 berlanjutan dengan pelaksanaan amalan 5S, DSP telah memperkenalkan beberapa penambahbaikan Sistem Kerja dan ianya telah mula dilaksanakan Penambahbaikan berkenaan antaranya adalah seperti berikut:

3.3.1 Sistem pengawetan secara Open Loop. Kenderaan SSP tidak perlu dibuat senggaraan dan ini menjimatkan kos senggaraan dan menjimatkan tenaga kerja.

*3.3 Upgrading of The Defence Storage Depot Working System*

*In 2009, as a continuation of the 5S practice implementation, DSP introduced some improvements of the Work System and it has already been implemented. The improvements are as follows:*

*3.3.1 Open Loop Preservation System. The SSP vehicles do not require maintenance and this saves maintenance and labour costs.*





**Sistem Pengawetan Secara Open Loop**

*Open Loop Preservation System*

3.3.2 Label tunjuk arah yang jelas dengan mengamalkan system 5S bagi memberi pandu arah yang jelas kepada pelanggan.

*3.3.2 Clear labels for direction pointing by practicing the 5S to provide clear directions for clients.*




**Tunjuk Arah Dan Sistem Reverse Parking Di DSP**
***Pointers And Reverse Parking System At DSP***

3.3.3 Mengadakan label ke atas peralatan seperti cop, kipas angin, lampu, alat penghawa dingin bagi memudahkan mengesan peralatan dan menjimatkan kos, masa dan tenaga.

*3.3.3 Labeled equipments such as stamps, fans, lights, and air conditioners to make it easier to keep track of the equipments and save costs, time and energy.*



**Pelaksanaan 5S Di DSP**
***5S Implementation At DSP***

### 3.4 Latihan Darurat

DSP telah mengadakan latihan Darurat pada 22 – 24 Disember 2009. Buku Arahan Latihan telah dikeluarkan bertujuan untuk memberikan penjelasan tentang format latihan tersebut yang diadakan selama 36 jam. Latihan Darurat diadakan adalah untuk menguji dan mengukur kecekapan pegawai dan staf DSP di dalam proses pengeluaran SSP sekiranya berlaku Darurat. Latihan pada tahun ini turut disertai oleh Y.Bhg Dato' TKSU (P) untuk memantau dan menyaksikan sendiri perjalanan latihan tersebut. Pencapaian latihan pada tahun ini amat membanggakan kerana DSP telah berjaya mengurangkan jumlah masa yang diperlukan untuk menguruskan pengeluaran SSP yang diperlukan semasa Darurat iaitu daripada 15 jam 53 minit ke 7 jam 30 minit. Latihan Darurat 2009 telah dilaksanakan dengan memperkenalkan beberapa penambahbaikan seperti berikut:

3.4.1 Wakil Cawangan Trafik selaku pengeluar gate pass akan berada di Depot Stor. Ini bertujuan supaya pengeluaran SSP dari Depot Stor tidak perlu dihantar ke Cawangan Trafik. Pengeluaran terus dilakukan dari stor.

3.4.2 Cawangan Depot Kenderaan akan membuat baucer pengeluaran secara berasingan, kenderaan yang digunakan bagi memunggah SSP akan dihantar ke Depot Stor manakala kenderaan yang tidak memungah SSP akan dihantar terus ke Cawangan Trafik.

3.4.3 Pengambilan anggota, tidak dibuat bagi penjawat tentera dimana mereka datang sendiri dengan pakaian celoreng. Pengambilan hanya dilakukan ke atas penjawat awam.

3.4.4 Ketua Zon tidak lagi menjadi pemandu jalan kepada pemandu kenderaan, Ketua Zon berada di zon masing–masing dan mengumpulkan staf di bawah zonnya, pengambilan akan dibuat secara berpusat / setempat.

### *3.4 Training For Emergencies*

*DSP conducted trainings for emergencies from 22 to 24 December 2009. Training Instruction Books were published to provide explanations about the format of the training which would take 36 hours. The Emergency Training is conducted to test and gauge the efficiencies of the DSP officers and staff in the SSP production process if the state of emergency occurs. This year's training was also participated by the Y.Bhg Dato' Deputy Secretary General (P) to monitor and observe the training himself. The achievement of the training was very commendable because DSP succeeded in reducing the total time required to manage the SSP production needed during Emergency from 15 hours 53 minutes to 7 hours 30 minutes. The 2009 Emergency Training was implemented by introducing several improvements as follow:*

*3.4.1 The Representative from Traffic Department as the issuer of the gate pass will be at the Depot Store. This is to ensure that the items taken out by SSP from the Store Depot do not need to be sent to the Traffic Branch. Items are directly taken out from the store.*

*3.4.2 The Vehicle Depot Branch will produce the withdrawal vouchers separately, vehicles, which are used to unload SSP, will be sent to the Store Depot where as the vehicles that are not used to unload SSP will be sent straight to Traffic Branch.*

*3.4.3 Recruitment, is not done for military personnel who come by wearing uniforms. Recruitment is only done on civil servants.*

*3.4.4 Zone Leaders do not function as road guides for the drivers anymore. Zone Leaders will be at their respective zones and assemble the staff under their zones and recruitment is conducted centrally.*



**Pelancaran Latihan Darurat Oleh Y. Bhg Dato' TKSU (P)**
***Launching of Emergency Training By Y.bhg Dato' TKSU (P)***



**Stok Simpanan Pertahanan Yang Siap Untuk Dikeluarkan**
***Defence Storage Stock That Is Ready To Be Taken Out***

### 3.5 Stor Bestari

Pada 22 Januari 2010, Y. Bhg Dato' Seri KSU telah melancarkan Projek Stor Bestari Perintis Peringkat Kementerian Pertahanan. Enam (6) buah stor (Pasukan Tentera dan Bahagian Awam) di Bawah Kementerian terpilih menjadi Pasukan Stor Bestari Perintis kepada lain–lain stor pasukan di dalam Kementerian dan DSP adalah salah satu daripadanya. DSP dan pasukan–pasukan berkenaan terpilih sebagai Stor Bestari Perintis

### *3.5 Smart Store*

*On January 2010, Y.Bhg Dato' Seri KSU launched the First Smart Store Project at the Ministry of Defence Level. Six (6) stores (Military and Public Department) Under The Ministry were selected as the Pioneer Smart Store Team for other store teams in the Ministry and DSP is one of them. DSP and the teams were chosen as the Pioneer Smart Stores because they have several attributes of a Smart Store. Among the attributes of the smart store are Fast Service,*

adalah kerana memenuhi beberapa ciri stor Bestari. Antara ciri–ciri stor bestari adalah seperti Perkhidmatan Yang Cepat, Cekap dan Berkualiti, Kos Bantuan Bekalan Yang Menurun, Kadar Pusingan Stok Yang Tinggi, Pekerja Yang Kompeten, Berintegriti serta Berproduktiviti Tinggi, Penggunaan Teknologi Informasi dan Komunikasi Yang Terkini, Persekitaran Stor Yang Kondusif dan Tahap Keselamatan Fizikal serta Kesihatan pekerja yang terpelihara.

*Efficient and Quality, Declining Costs of Supply Aids, High Stock Turnover Rate, Competent, Integrity and High Productivity Workers, Use of The Latest Information And Communication Technology, Conducive Store Environment and Level of Physical Safety And Health of Workers are taken care of.*







**Gambar Sijil Dan Banner Pelancaran Projek Stor Bestari Perintis DSP**
***Picture of Project Launching Certificate And Banner***

3.6 Pencapaian PTJ Terbaik (4 Bintang)

*3.6 Best PTJ Achievement (4 Stars)*

Berdasarkan *Accountability Index Monitoring Systems* (AIMS) iaitu sistem pengauditan Pengurusan Kewangan secara online yang dijalankan oleh Bahagian Audit Dalam Dan Siasatan Am (BADSA), DSP telah dipilih sebagai salah sebuah PTJ terbaik di Kementerian Pertahanan dengan penarafan Empat (4) Bintang. Sehubungan dengan itu PTJ DSP telah dianugerahkan Sijil Penghargaan dan diberi kebenaran oleh Y. Bhg Dato' Sri KSU untuk melaksanakan perolehan secara pembelian terus/sebutharga sehingga nilai RM 200,000.00.

*Based on the Accountability Index Monitoring Systems (AIMS) which is an online Financial Management Auditing System, which implemented by the General Investigation And Internal Audit Department, DSP was selected as one of the best PTJs in Ministry of Defence with a Four (4) Star rating. Due to that, the DSP PTJ was awarded a Certificate of Appreciation and was given the permission by the Y.Bhg Dato' Sri KSU to implement a procurement by direct purchasing/price quotation up to RM200,000.00 of value.*




Sijil Penghargaan Empat (4) Bintang DSP
***DSP Four (4) Star Certification of Appreciation***

## 4. Aktiviti 5S

Sepanjang Tahun 2009 DSP telah menerima sebanyak 18 lawatan / kunjungan dari Bahagian–bahagian Awan / Tentera di bawah Kementerian Pertahanan. Lawatan tersebut adalah bagi mendapatkan gambaran jelas tentang pelaksanaan dan amalan 5S di DSP sehingga berjaya dianugerahkan Persijilan 5S. Ini sekaligus adalah merupakan pencapaian yang amat membanggakan bagi DSP di mana DSP telah dijadikan sebagai 'role model' bagi Bahagian–bahagian tersebut untuk melaksanakan 5S di tempat mereka. Lawatan Bahagian–bahagian berkenaan adalah seperti berikut:

## *4. 5S Activities*

*Through out 2009 DSP received 18 visits from Public/Military Departments under the Ministry of Defence. The visits were conducted to get a clear picture of the implementation and 5S practices at DSP that leads to their success to be awarded with 5S Certification. This is a commendable achievement for DSP whereby the DSP became a 'role model' for the Departments to implement 5S at their respective places. The Department visits are as follows:*





22.01.2009 – Lawatan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia /
*The Human Resource Management Department Visit*
13.02.2009 – Lawatan STRIDE /
*STRIDE Visit*
24.03.2009 – Taklimat Kesedaran 5S untuk SUB / TSUB oleh MPC di DSP /
*5S Awareness Briefing for SUB/TSUB by MPC at SP*
24.03.2009 – Lawatan JHEV /
*VAD Visit*
30.03.2009 – Lawatan JLKN /
*NSTD Visit*
06.04.2009 – Lawatan Bahagian Pembangunan /
*Development Department Visit*
13.04.2009 – Lawatan Bahagian Kewangan /
*Financial Department Visit*
21.04.2009 – Lawatan Bahagian Industri Pertahanan /
*Defence Industry Department Visit*
28.04.2009 – Lawatan TUDM Subang /
*Subang RMAF Visit*
07.05.2009 – Lawatan Bahagian Pengurusan Maklumat /
*Information Management Department Visit*
12.05.2009 – Lawatan Bahagian Undang–undang dan Bahagian Dasar /
Legal Department and Policy Department Visit
14.05.2009 – Lawatan Bahagian Akaun /
*Account Department Visit*
21.05.2009 – Lawatan MAFCA /
*MAFCA Visit*
09.06.2009 – Lawatan Bahagian Perolehan /
*Procurement Department Visit*
22.06.2009 – Lawatan Bahagian Pentadbiran /
*Administrative Department Visit*
14.07.2009 – Lawatan BADSA /
*BADSA Visit*
04.08.2009 – Lawatan PERHEBAT /
*PERHEBAT Visit*
07.12.2009 – Lawatan PULNORD /
*PULNORD Visit*
08.12.2009 – Lawatan PLKN Princess Heliza, Sepang /
*NSTP Princess Heliza, Sepang Visit*



Gambar Lawatan Stride
*Picture of Stride Visit*



Gambar Lawatan Bahagian Pembangunan
*Picture of Development Department Visit*



Gambar Lawatan TUDM, Subang
*Picture of Subang RMAF Visit*

## 5. Laporan Prestasi Kewangan

DSP telah diberi Peruntukan Belanja Mengurus (OE) berjumlah RM 3,652,570.00 dengan pecahan Objek Am 10000 (Emolumen) RM 60,000.00, Objek Am 20000 (Bekalan dan Perkhidmatan) RM 2,757,570.00 dan Objek Am 30000 (Harta Modal) RM 835,000.00.

Dari jumlah tersebut DSP telah berjaya membelanjakan sebanyak RM3,595,574.55 (98.44%) dan bakinya RM 56,995.45 (1.56%) sahaja.

## 5. Financial Performance Report

DSP was given an Operating Expenditure Allocation which amounted to RM 3,652,570.00 a breakdown of General Object 10000 (Emolument) of RM 60,000.00, General Object 20000 (Supply and Service) of RM 2,757,570.00 and General Object 30000 (Capital Asset) of RM 835,000.00.

Out of that amount, DSP succeeded in spending a total of RM3,595,574.55 (98.44%) with balance of only RM 56,995.45 (1.56%).




Carta Pai menunjukkan jumlah perbelanjaan kewangan DSP sehingga 31 Disember 2009.
*The Pie Chart showing DSP total financial expenditure up to 31 December 2009.*

# KEMENTERIAN PERTAHANAN
# CAWANGAN SABAH & SARAWAK

*SABAH & SARAWAK MINDEF*

## KEMENTAH CAWANGAN SABAH

### 1. Pengurusan Sumber Manusia

1.1 KEMENTAH Cawangan Sabah mempunyai 718 perjawatan kakitangan awam yang ditempatkan di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

1.2 Pada tahun 2009, Kementah Cawangan Sabah telah melaksanakan Kursus Kompetensi Khusus sebanyak 6 siri dengan melibatkan seramai 581 orang kakitangan awam di seluruh Sabah dan W.P Labuan.

### 2. Pengurusan Kewangan dan Akaun, Aset dan Logistik

2.1 KEMENTAH Cawangan Sabah bertindak sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan sebagai Pusat Bayaran Baucer kepada PTJ–PTJ KEMENTAH yang memusatkan bayarannya di Sabah. Pada tahun 2009, peruntukan yang diterima adalah sebanyak RM 31,977,239.00 dan perbelanjaan yang telah dibuat adalah sebanyak RM 29,086,177.43 (90.95%). Prestasi perbelanjaan adalah seperti di jadual 1.

## *MINDEF OF SABAH BRANCH*

### *1. Human Resource Management*

*1.1 Mindef Sabah has 718 public personnel located in Sabah and Federal Territory of Labuan.*

*1.2. In 2009, it has successfully held 6 series of Intensive Competence Course involving 581 participations.*

### *2. Finance and Account Management, Asset and Logistic*

*2.1 Mindef Sabah acts as core payment centre (PTJ) of whole payment centre which centralized in Sabah. In 2009, budget received was RM31,977,239.00 and from that amount, 90.95% had been spent which amounted to RM29,086,177.43. Spending deliberated in such Table 1.*

| Perkara<br>*Title* | Peruntukan<br>*Budget Allocated*<br>(RM) | Perbelanjaan<br>*Spending* | % |
|---|---|---|---|
| Tuntutan / *Claims* | 630,000.00 | 620,545.71 | 98.5% |
| Bil-Bil Pejabat / *Office Bills* | 1,237,524.00 | 726,638.15 | 58.71% |
| Sewaan / *Rental* | 3,333,400.00 | 2,560,173.67 | 76.8% |
| Senggaraan / *Maintenance* | 6,941,926.00 | 6,178,073.00 | 88.9% |
| Rangsum ATM | 11,000,000.00 | 10,998,784.08 | 99.98% |
| Gaji/Elaun / *Salary/Allowance* | 8,384,389.00 | 7,626,888.82 | 90.96 % |
| Kontrak Perkhidmatan / *Service Contract* | 450,000.00 | 375,074.00 | 83.3% |
| **Jumlah / *Total*** | **31,977,239.00** | **29,086,177.43** | **90.95%** |

**Jadual 1: Prestasi Perbelanjaan KEMENTAH Cawangan Sabah**
***Table 1: Spending Report of MINDEF Sabah***

### 3. Terimaan Hasil dan Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan

3.1 Terimaan hasil dari jualan borang tender, jualan barang–barang pelupusan, bayaran sewa bangunan dan bayaran–bayaran balik adalah sebanyak RM389.934.05.

### 4. Pemeriksaan dan Pelupusan Aset

4.1 Lembaga Pemeriksaan Pasukan (LPP) telah bersidang sebanyak 57 kali dengan nilai aset dilupuskan sebanyak RM 8,865,157.95 manakala Lembaga Pemeriksaan Am (LPA) telah bersidang sebanyak 8 kali dan aset dilupuskan bernilai RM 4,373,591.78.

### 5. Pemantauan Projek–Projek Pembangunan dan Pengurusan Tanah di Sabah

5.1 KEMENTAH Cawangan Sabah pertanggungjawabkan

### *3. Revenue and Deposit of Exercise Warranty*

*3.1 Revenue from sales of tender, disposal items, payment of rental and prepaid are amounted to M389,934.05.*

### *4. Inspection and Disposal on Asset*

*4.1 Team of Inspection Board (LPP) met for 57 times whereby General Inspection Board (LPA) met for 8 times. Value of assets disposed are RM8,865,157.95 (LPP) and RM4,373,591.78 (LPA).*

### *5. Supervision of Development Projects and Land Management in Sabah*

*5.1 Ministry of Defence Sabah Branch being responsible*

memantau dan menyelaras pelaksanaan projek–projek Kementerian di Sabah dan W.P. Labuan dan isu–isu berkaitan tanah. Cawangan ini juga membantu Bahagian Pembangunan KEMENTAH dalam menyelesaikan isu–isu berkaitan dengan projek yang ada kaitan dengan agensi–agensi negeri. Projek–projek tersebut adalah seperti berikut:–

i) Projek TLDM Teluk Sepanggar.
ii) Projek Cadangan Membina semula system kumbahan di Kem Lok Kawi.
iii) Projek–projek Perumahan ATM.

*to supervise and coordinate the implementation of Ministry's projects in Sabah dan Federal Territory of Labuan, together with other issues related to land. This branch also helpings Development Department in solving issues related to project which lies with to state agencies. Those projects are as follows:–*

*i) Teluk Sepanggar Naval Base Project*
*ii) Proposal on Rebuilding Sewage System at Kem Lok Kawi.*
*iii) MAF House Projects*

5.2 Cawangan ini juga memantau dan menguruskan isu–isu berkaitan tanah yang melibatkan Kementerian Pertahanan seperti Isu Pewartaan Zon Keselamatan Pangkalan TLDM Teluk Sepanggar.

*5.2. This branch also supervises and manages issues related to land which involving Ministry of Defence for instance gazette of safety zone on Navy Base, Teluk Sepanggar.*

## 6. Pentadbiran dan Perhubungan Awam

## *6. Administration and Public Relations*

6.1 Sebagai sebuah Cawangan Kementerian di Sabah, pejabat ini sering terlibat dengan aktiviti anjuran Setiausaha Persekutuan Sabah, Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah, Kerajaan Negeri dan Markas–Markas ATM sebanyak 80 kali. Antara aktiviti tersebut adalah:

i) Mesyuarat Ketua–Ketua Jabatan / Badan Berkanun Persekutuan Negeri Sabah.
ii) Mesyuarat Penyelarasan Projek Pembangunan Negeri Sabah
iii) Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Tanah Persekutuan Sabah
iv) Lain–lain Mesyuarat

*6.1 As a Mindef branch in Sabah, this office actively participating in 80 activities organised by Secretary of Federal (Sabah), ICU Sabah, state government and MAF. Some of the activities are:–*

*i) Meeting of Heads of Department/Legal Body of Federal State in Sabah.*
*ii) Meeting of State Development Projects Coordination*
*iii) Meeting of Sabah Federal Land Coordination Committee*
*iv) Other meetings*

## 7. Lain–lain Aktiviti

## *7. Other Activities*

7.1 Majlis Pelancaran 5'S Mindef Sabah pada 13 Februari 2009.

*7.1 Launching of Mindef Sabah 5's Programme on 13 February 2009.*

7.2 Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang dan Jasa Mu Di Kenang pada 11 Jun 2009 yang telah disempurnakanoleh YB Datuk Dr Hj Abd Latiff bin Ahmad, Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia di Hotel Pacific Sutera, Kota Kinabalu.

*7.2 Excellent Service Award and "Jasamu Dikenang" programme on 11 June 2009 which attended by YB Datuk Dr Hj Abd Latiff bin Ahmad, Deputy Ministry of Defence at Pacific Sutera Hotel, Kota Kinabalu.*





7.3 Majlis Perjumpaan Kakitangan Awam bersama Y.Bhg. Dato' Hj Ismail bin Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) pada 12 Jun 2009 di Dewan KAKEP Kem Lok Kawi.

*7.3 Civil servant gathering with Y.Bhg. Dato' Hj Ismail bin Ibrahim, Deputy Secretary General (Management) on 12 June 2009 at KAKEP Hall Lok Kawi Camp.*





7.4 Mindef Sabah telah mendapat Sijil Pengiktirafan 5'S pada 24 Jun 2009.

*7.4 Mindef Sabah had successfully awarded certificate of 5'S on 24 June 2009.*

7.5 Majlis Ramah Mesra dan penyampaian Sijil 5'S oleh Y.Bhg. Dato' Hj Ismail bin Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) pada 24 Julai 2009 di Dewan KAKEP Kem Lok Kawi.

*7.5 "Majlis Ramah Mesra" and deliverance certificate of 5'S by Y.Bhg. Dato' Hj Ismail bin Ibrahim, Deputy Chief Secretary (Management) on 24 July 2009 at KAKEP Hall Kem Lok Kawi.*

7.6 Aktiviti–aktiviti lain seperti kebajikan dan persatuan dilakukan melalui Kelab Kakitangan Awam (KAKEP) Sabah. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

i) Khairat Kematian
ii) Sambutan Hari Raya
iii) Sukan Antara Unit–Unit di Kota Kinabalu
iv) Ceramah Agama

*7.6 Other welfare and club activities done through Kelab Kakitangan Awam (KAKEP) Sabah. Some of the activities held are as follows:–*

i) Death and corpse management
ii) Eid celebration
iii) Sports contest between units in Kota Kinabalu
iv) Religion Lectures

## KEMENTAH CAWANGAN SARAWAK

## *MINDEF OF SARAWAK BRANCH*

Pengurusan KEMENTAH Sarawak dibahagikan mengikut 4 fungsi utama iaitu Pentadbiran, Sumber Manusia, Kewangan dan Pemantauan Projek Pembangunan. Pelaksanaan program dan aktiviti bagi tahun 2009 adalah bersandarkan kepada nilai–nilai teras serta objektif yang telah digariskan di dalam Pelan Strategik Kementerian Pertahanan.

*The management of Sarawak MinDef is divided into 4 main functions namely Administration, Human Resource, Finance and Development Project Monitoring. The implementation of programmes and activities for 2009 was based on the core values and objectives mentioned in the Strategic Plan of Ministry of Defence.*

### 1. Pentadbiran / *Adminstration*



Pengurusan aktiviti di bawah skop pentadbiran dilaksanakan secara komprehensif melalui penyampaian perkhidmatan berdasarkan arahan, peraturan dan pekeliling semasa yang berkuatkuasa dan penambahbaikan secara berterusan ke atas prosedur kerja sedia ada.

*The management of activities under the administrative scope was implemented comprehensively through the service delivered based on current effective directives, rules and circulars and continuous improvement of existing work procedure.*

**Mekanisme Penyampaian Perkhidmatan**

a. Pengurusan Mesyuarat
b. Pengurusan Aset & Inventori
c. Pengurusan Logistik
d. Perkhidmatan Kaunter
e. Pengurusan Sewaan Tanah, Kediaman dan Bangunan Pejabat bagi Pasukan ATM
f. Pengurusan Kualiti

***Service Delivery Mechanisme***

*a. Meetings Management*
*b. Assets & Inventories Management*
*c. Logistic Management*
*d. Counter Service*
*e. Rental of Land, Residential and office Building Rental for MAF Management.*
*f. Quality Management*

### 2. Sumber Manusia / *Human Resources*



Dengan jumlah kakitangan awam di MinDef Sarawak seramai 876 orang, Kementah Sarawak berperanan memastikan semua program di bawah pelan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia MinDef yang mensasarkan pembangunan modal insan, pembudayaan nilai–nilai integriti dan aspek disiplin dilaksanakan mengikut dasar dan perancangan yang ditetapkan.

*With a total number of 876 civil servants, Sarawak MinDef plays a role in ensuring that all programmes under the MinDef Human Resource Division plan which targeted human capital development, practice of integrity values and discipline aspect are implemented according to policies and planning that have been planned.*

**Mekanisme Penyampaian Perkhidmatan**

a. Pengurusan Latihan
b. Pengisian Perjawatan
c. Pengurusan Maklumat
d. Pengurusan Tatatertib
e. Urusan Pengisytiharan Harta
f. Urusan Persaraan
g. Urusan Pengesahan Perkhidmatan
h. Pusingan Kerja

***Service Delivery Mechanisme***

*a. Training Management*
*b. Staffing of Personnel*
*c. Information Management*
*d. Discipline Management*
*e. Asset Declaration*
*f. Retirement*
*g. Service Confirmation*
*h. Work Cycle*

## 3. Kewangan / *Finance*



Penambahbaikan operasi kewangan telah dilaksanakan bagi memastikan setiap pembayaran dapat dilaksanakan dalam tempoh tidak lebih daripada 14 hari mencapai tahap 100%. Di samping itu, inisiatif secara pentadbiran turut dilaksanakan bagi menjimatkan perbelanjaan mengurus yang berjumlah RM 2,350,000.00 bagi tahun 2009.
*The upgrading of financial operations was implemented to ensure that the percentage of payments settled within not more than 14 days will achieve 100%. Apart from that, administrative initiative was also implemented to save operations expenditure which amounted to RM 2,350,000 for the year 2009.*

**Mekanisme Penyampaian Perkhidmatan**

a. Perancangan Belanjawan
b. Pengurusan PTJ
c. Pengurusan WPL di bawah Program ATM
d. Pelupusan Aset
e. Terimaan Hasil dan Bukan Hasil

***Service Delivery Mechanisme***

*a. Budget Planning*
*b. PTJ Management*
*c. WPL Management under MAF Programme*
*d. Asset Write off*
*e. Revenue and Non-Revenue Receipts*

## 4. Pemantauan Projek Pembangunan / *Monitoring of Development Projects*



Pemantauan Projek KEMENTAH dilaksanakan ke atas 14 projek di bawah RMK–9, 136 projek di bawah Pakej Ransangan Ekonomi I dan 1 projek di bawah Pakej Ransangan Ekonomi ll di negeri Sarawak.
*Monitoring of MinDef Projects was implemented on 14 projects under the 9th Malaysian Plan, 136 projects under the Economic Stimulation Package I and 1 project under the Economic Stimulation Package II in the state of Sarawak.*

**Mekanisme Penyampaian Perkhidmatan**

a. Mesyuarat dan Lawatan Tapak
b. Penyediaan Laporan dan Maklum balas projek–projek KEMENTAH kepada agensi / jawatankuasa pemantauan di peringkat Kementerian, Persekutuan dan Negeri

***Service Delivery Mechanisme***

*a. Meeting and Site Visit*
*b. Preparation of Report and Feedback on MinDef projects to monitoring agencies/committees at Ministry, Federal and State levels.*

## 5. Lawatan Kerja Pengurusan Tertinggi KEMENTAH Ke Sarawak
***Working Visits of Mindef Top Management To Sarawak***



Lawatan Kerja YB Menteri Pertahanan ke Miri pada 20–21 November 2009
*Working Visit YB Minister of Defence to Miri on20-21 November 2009*





Lawatan Kerja YBhg. Dato' Sri Ketua Setiausaha ke Kuching pada 17 Julai 2009
*Secretary General working visit to Kuching on 17 July 2009*



Lawatan Kerja YBhg. Dato' Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) ke Kuching pada 20 Julai 2009
*Deputy Secretary Gerenal (Development) working visit to Kuching on 20 July 2009*

**6. Aktiviti–aktiviti Luar Tugas Rasmi**

KEMENTAH Sarawak turut terlibat secara aktif dalam program–program sosial, sukan dan acara yang dianjurkan di peringkat negeri dan persekutuan dalam memenuhi tanggungjawab sosial serta mengukuhkan jalinan hubungan di antara kakitangan dan pegawai KEMENTAH dengan agensi–agensi kerajaan dan masyarakat secara umumnya. Penglibatan kakitangan dan pegawai KEMENTAH Sarawak bagi tahun 2009 digerakkan melalui persatuan KAKEP Sarawak, Kelab KEMENTAH Sarawak, KESATRIA, Badan Khairat dan Faedah Bersama KEMENTAH Sarawak, Persatuan PTD Sarawak, Askar Wataniah dan Jawatankuasa Penduduk Kompleks Perumahan KEMENTAH Kuching.

***6. Activities Outside official Duties***

*Sarawak MinDef is also actively involved in social and sports programmes and events organized at state and federal levels in fulfilling social responsibilities and strengthening the ties between MinDef staff and officers and government agencies and society at large. The involvement of Sarawak MinDef staff and officers for 2009 was initiated through the Sarawak KAKEP society, Sarawak MinDef Club, KESATRIA, Sarawak MinDef Khairat and Mutual Benefit Body, Sarawak PTD Society, Reserved Army and Housing Complex Resident Committee of MinDef Kuching.*



Ceramah Ramadhan Anjuran KAKEP Sarawak
*Ramadhan Talk Organized By Sarawak KAKEP*



Aktiviti Ekspedisi Anjuran PPTD
*Expedition Activity Organized By PPTD*

# SEKRETARIAT MAJLIS ANGKATAN TENTERA (SMAT)

*SECRETARIAT OF ARMED FORCES COUNCIL*

## AM

1. Secara umumnya, Sekretariat Majlis Angkatan Tentera (SMAT) bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan yang menjalankan tugas sebagai Setiausaha, Majlis Angkatan Tentera (MAT). Bagi tahun 2009, SMAT telah menyidangkan sebelas Mesyuarat MAT berdasarkan perancangan yang telah dibuat pada akhir tahun 2008.

## MAJLIS ANGKATAN TENTERA

2. MAT telah diwujudkan pada 26 Julai 1956 berikutan dengan perakuan Persidangan Perlembagaan (Constitutional Conference) di London pada Januari/ Februari 1956. Peranan utama MAT ialah untuk mentadbirkan Angkatan Tentera Persekutuan Tanah Melayu yang sebelum tarikh itu telah ditadbirkan oleh Kerajaan British di Kuala Lumpur. MAT ditubuhkan di bawah **Perkara 137 (1) Perlembagaan Malaysia,** menyatakan bahawa "Majlis adalah bertanggungjawab mengenai pemerintahan, tatatertib dan pentadbiran Angkatan Tentera serta semua perkara–perkara lain yang berkaitan dengan Angkatan Tentera kecuali perkara–perkara berkaitan dengan kegunaan operasi". MAT juga melaksanakan kuasa yang telah diperuntukkan dibawah **Akta Angkatan Tentera, 1972**.

3. **Ahli Tetap**. Ahli–ahli Tetap MAT adalah seperti berikut:

a. Menteri Pertahanan (Pengerusi).
b. Ketua Setiausaha, Kementerian Pertahanan (Setiausaha).
c. Penyimpan Mohor Besar Raja–Raja Malaysia (Wakil Raja–Raja) .
d. Panglima Angkatan Tentera (××××).
e. Panglima Tentera Darat (××××).
f. Panglima Tentera Laut (××××).
g. Panglima Tentera Udara (××××).
h. Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan [Operasi], Kementerian Kewangan Malaysia.
i. Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia(×××).
j. Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota (××).

4. **Ahli Turut Hadir**. Di samping Ahli–ahli Tetap, mesyuarat MAT juga turut dihadiri oleh pegawai–pegawai berikut:

a. Timbalan Menteri Pertahanan.

b. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan).

c. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) .

d. Ketua Hakim Peguam (Penasihat Perundangan).

5. **Tarikh Mesyuarat**. Bagi tahun 2009, sebanyak 11 mesyuarat MAT telah diadakan seperti berikut :

## *GENERAL*

*1. Generally, The Armed Forces Council Secretariat (SMAT) is responsible directly to Chief Secretary of Ministry of Defence who functions as the Secretary of Armed Forces Council. For 2009, SMAT organized eleven Armed Forces Council Meetings based on the planning completed at the end of 2008.*

## *ARMED FORCES COUNCIL (MAT)*

*2. MAT was established on 26 July 1956 after the acknowledgment of the (Constitutional Conference) in London in January / February 1956. The main role of MAT is to administer theTanah Melayu Federal Armed Forces which was previously administered by the British Government in Kuala Lumpur. MAT was established under the* ***Article 137 (1) Malaysian Constitution****, which says, "The Council is responsible for governing, discipline and administration of the Armed Forces and all other issues pertaining to the Armed Forces except issues pertaining to the use of operations". MAT also implemented its authority allocated under* ***the Armed Forces Act, 1972.***

*3.* ***Permanent Members.*** *The MAT Permanent Members are as follows:*

*a. Minister of Defence (Chairperson)*
*b. Chief Secretary, Ministry of Defence (Secretary).*
*c. Keeper of The Public Seal of The Malaysian Royalty (Royal Representatives)*
*d. Commander of The Armed Forces (××××).*
*e. Army Commander (××××).*
*f. Navy Commander (××××).*
*g. Air Force Commander (××××).*
*h. Deputy Chief Secretary of Treasury [Operations], Ministry of Finance, Malaysia.*
*i. Chief of Staff of Malaysian Armed Forces Headquarters (×××).*
*j. Assistant Chief of Staff of Member Service (××).*

*4.* ***Members Present.*** *A part from the Permanent Members, the MAT was also attended by the following officers:*

*a. Deputy Minister of Defence*

*b. Deputy Secretary General (Development)*

*c. Deputy Secretary General (Management).*

*d. Chief Judge Advocate (Legal Advisor).*

*5.* ***Date of Meetings.*** *For 2009, a total of 11 MAT meetings were held as follows:*

| Mesyuarat / *Meeting* MAT | Tarikh / *Date* |
|---|---|
| 477 | 12 Jan / *Jan* 09 |
| 478 | 17 Feb / *Feb* 09 |
| 479 | 02 Apr / *Apr* 09 |
| 480 | 24 Apr / *Apr* 09 |
| 481 | 25 Mei / *May* 09 |
| 482 | 25 Jun / *June* 09 |
| 483 | 24 Jul / *Jul* 09 |
| 484 | 27 Ogos / *Aug* 09 |
| 485 | 29 Sep / *Sep* 09 |
| 486 | 31 Okt / *Oct* 09 |
| 487 | 25 Nov / *Nov* 09 |

6. Jumlah keseluruhan Kertas Kerja , Memorandum dan PMAT yang dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera Ke – 477 Hingga Ke – 487 bagi tahun 2009 adalah seperti berikut:

6. *Total Working Papers, Memorandums and PMAT were presented in the 477th – 487th Armed Forces Council Meeting for 2009 as follows:*

| Bil / *Num* | Perkara / *Article* | Jumlah / *Total* |
|---|---|---|
| 1. | **KERTAS KERJA LEMBAGA**<br>***BOARD WORKING PAPER*** | **597** |
| | **ANGKATAN TETAP**<br>***PERMANENT ARMED*** | |
| a. | Persaraan / *Retirement* | 100 |
| b. | PembatalanTauliah / Membersarakan Pegawai / *Nullification Of Authority/Retiring Officer* | 64 |
| c. | Kenaikan Pangkat / *Promotion* | 161 |
| d. | Menyambung Tauliah TJP / *Continuing TJP Authority* | 40 |
| e. | Penganugerahan Tauliah Tetap / *Award Of Permanent Authority* | 43 |
| f. | Pelantikan dan Pembatalan Pegawai Kadet / *Appointment and Annulment Of Cadet Officers* | 17 |
| g. | Menghadiri Kursus/Pengajian Tinggi Di Luar Negara<br>*Attending Courses/Higher Education In Foreign Countries* | 39 |
| h. | Pelantikan Penasihat Pertahanan / *Appointment Of Defence Advisor* | 6 |
| i. | Pinjaman Pegawai / *Officer Secondment* | 35 |
| j. | Pertukaran Kor / *Exchange Corp* | 4 |
| | **ASKAR WATANIAH**<br>***TERRITORIAL ARMY*** | |
| a. | Kenaikan Pangkat / *Promotion* | 14 |
| b. | Menyambung Tempoh Tauliah / *Continuing Period Of Authority* | 27 |
| c. | Penganugerahan Tauliah / *Accreditation* | 13 |
| d. | Penganugerahan Tauliah (Kehormat) / *Accreditation (Honorary)* | 18 |
| e. | Pembatalan Tauliah ( Kehormat) / *Annulment Of Accreditation (Honorary)* | 15 |
| f. | Penyerapan / *Absorption* | 1 |

| Bil / *Num* | Perkara / *Article* | Jumlah / *Total* |
|---|---|---|
| | KERTAS KERJA AHLI<br>*MEMBERS WORKING PAPERS* | 46 |
| a. | Pentauliahan dan Penamaan Kapal / *Accreditation and Naming of Ships* | 8 |
| b. | PMAT | 11 |
| c. | Lain-lain / *Others* | 36 |
| 3. | Memorandum / *Memorandum* | 33 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN**<br>***OVERALL TOTAL*** | **1087** |

7. Pertukaran Ahli. Pertukaran dan pengisian jawatan Ahli Majlis Angkatan Tentera adalah seperti berikut:

a. **Pengerusi**. YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahidi bin Hamidi selaku Pengerusi yang baru menggantikan YAB Dato' Seri Abdullah bin Hj Ahmad Badawi MAT Ke – 477 hingga MAT Ke – 479) berkuatkuasa pada 24 April 2009.

b. **PAT.** Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM menggantikan Jeneral Tan Sri Abdul Aziz bin Haji Zainal (MAT Ke –477 hingga MAT Ke – 484) berkuat kuasa pada 29 Sep 2009.

c. **PTU**. Jeneral Dato' Sri Rodzali bin Daud TUDM menggantikan Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM (MAT ke – 477 hingga MAT Ke – 484) berkuatkuasa pada 29 Sep 2009.

d. **KS MK ATM**. Leftenan Jeneral Datuk Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor menggantikan Leftenan Jeneral Datuk Haji Shahron bin Haji Ibrahim TUDM (MAT Ke – 477 hingga MAT Ke – 485) berkuatkuasa pada 31 Okt 2009.

e. **Ketua Hakim Peguam**. Yang Arif En. Mohd Zulbahrin bin Zainuddin menggantikan Pn. Norizan bte Zakaria (MAT Ke 477 hingga MAT Ke – 485) berkuatkuasa pada 25 Nov 2009.

*7. Exchange of Members Exchange and filling of the Armed Forces Council Member Posts are as follows:*

*a. **Chairperson.** YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahidi bin Hamidi became the new Chairperson replacing YAB Dato' Seri Abdullah bin Hj Ahmad Badawi (The 477th MAT – to 479th MAT) effective on 24 April 2009.*

*b. **PAT.** Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin RMAF took over from Jeneral Tan Sri Abdul Aziz bin Haji Zainal (477th MAT to 484th MAT) effective on 29 Sept 2009.*

*c. **PTU.** Jeneral Dato' Sri Rodzali bin Daud RMAF took over from Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin RMAF (477th MAT to 484th MAT) effective on Sept 2009*

*d. **KS MK MAF.** Leftenan Jeneral Datuk Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor took over from Leftenan Jeneral Datuk Haji Shahron bin Haji Ibrahim RMAF (477th MAT to 484th MAT) effective on 31 Oct 2009.*

*e. **Chief Judge Advocate.** Yang Arif En. Mohd Zulbahrin bin Zainuddin took over from Pn. Norizan bte Zakaria (477th MAT to 485th MAT) effective on 25 Nov 2009.*

# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

*CORPORATE COMMUNICATIONS UNIT*

## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Perbendaharaan Malaysia melalui waren Perjawatan Bilangan K32 Tahun 2009 bertarikh 24 Mac 2009 dan K41 Tahun 2009 bertarikh 14 April 2009 telah bersetuju dengan keputusan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi perjawatan Unit Komunikasi Korporat di Kementerian Pertahanan diwujudkan bagi menggantikan perjawatan Cawangan Perhubungan Awam berkuatkuasa 16 Mac 2009. Objektif Komunikasi Korporat adalah untuk membentuk imej positif Kementerian Pertahanan manakala visi adalah menjadi pusat komunikasi perhubungan awam yang dinamik serta misi adalah merancang dan melaksanakan strategi komunikasi yang efektif dan efisyen.

Unit Komunikasi Korporat di ketuai oleh Ketua Komunikasi Korporat dan terbahagi kepada 3 Seksyen iaitu:

a. Seksyen Pentadbiran Korporat.

b. Seksyen Hal Ehwal Korporat.

c. Seksyen Pengurusan Media.

Sel Khidmat Pelanggan yang di letakkan di bawah Seksyen Pentadbiran Korporat adalah satu sel yang baru diimplimentasikan sejajar dengan pembentukan Unit Komunikasi Korporat. Sebagai sel yang bertanggungjawab terhadap pelanggan Kementerian, sel ini telah mengambil alih aktiviti Hari Bersama Pelanggan (HBP) dan semua aktiviti dan penugasan Pegawai Khidmat Pelanggan (PKP) dari Bahagian Pentadbiran.

Dalam tempoh yang singkat dari April 2009, sel ini telah melaksanakan satu Kajian Kepuasan Pelanggan MinDef yang sebelum ini tidak pernah diadakan dan sebanyak tiga siri program Hari Bersama Pelanggan. Selain daripada itu sel ini juga melaksanakan penyusunan semula penugasan Pegawai Khidmat Pelanggan.

### Hari Bersama Pelanggan.

Sepanjang tahun 2009 sel ini terlibat dengan Hari Bersama Pelanggan sebanyak tiga siri seperti berikut:

a. Pusat Dagangan Terengganu (TTC)
– 30 – 31 Oktober 2009.

b. Bagan Datoh, Perak (Bersama Ekspo Kerjaya ATM)
– 7 – 8 November 2009.

c. Dewan Seroja, MinDef
– 19 – 20 Disember 2009.

Sepanjang program ini dijalankan sel ini lebih bertanggungjawab dalam penerimaan aduan dan kajian kepuasan pelanggan. Disamping dibantu oleh agensi–agensi yang terdapat di Kementerian seperti Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Cawangan Tenaga Kerja dan lain–lain agensi mengikut keperluan semasa.

Program ini adalah sebagai langkah Kementerian menjurus kepada misi perkhidmatan pelanggan "Pertahanan Negara Tanggungjawab Bersama". Selain itu dapat mengeratkan lagi perhubungan Kementerian dangan pelanggannya.

## *CORPORATE COMMUNICATION UNIT*

*Malaysian Treasury through the K32 Personnel Warrant Year 2009 dated 24 Mac 2009 and K41 Year 2009 dated 14 April 2009 agreed with the decisions made by the Department of Public Service to establish the Corporate Communication Unit personnel at the Ministry of Defence to replace the Public Relations Branch personnel effective 16 Mac 2009. The objectives of the Corporate Communication is to build a positive image of the Ministry of Defence whereas the vision is to become a dynamic public relation communication centre and the mission is to plan and implement communication strategy effectively and efficiently.*

*The Corporate Communication Unit is led by a Corporate Communication Head and is divided into 3 Sections namely:*

*a. Corporate Administration Section.*

*b. Corporate Affairs Section.*

*c. Media Management Section.*

*The Customer Service Unit is a newly implemented unit in line with the establishment of the Corporate Communication Unit. As a unit which is responsible to customers of Ministry of Defence, this unit took over the the activities of the Day With Customers and all activities and delegations of Customer Services personnel from the Administration Department.*

*Over a short period from April 2009, this unit had implemented a MinDef Customer Satisfaction Study which was never done previously and three series of A Day With Customers programmes. Besides that, the unit has also implemented a delegation restructuring of Customer Service personnel.*

### *A Day With Customers.*

*Throughout the year 2009, this unit was involved in three series of A Day With Customers as follows:*

*a. Terengganu Trade Centre*
*- 30 – 31 October 2009.*

*b. Bagan Datoh, Perak ( Career Expo With MAF)*
*- 7 - 8 November 2009.*

*c. Dewan Seroja, MinDef*
*- 19 – 20 December 2009.*

*Throughout the implementation of this programme, this unit was more responsible in receiving complaints and conducting customer satisfaction study. This unit is also assisted by agencies in the Ministry such as Veteran Affairs Department, National Service Training Department, Work Force Branch and other agencies according to current needs.*

*This programme is a step taken by the Ministry in moving towards achieving the customer service mission "National Defence Is Our Responsibility". Besides that, it can promote closer ties between the Ministry and its customers.*

**Kajian Kepuasan Pelanggan.**

Berdasarkan hasil soal selidik, petunjuk prestasi indeks keseluruhan bagi kajian yang telah dijalankan adalah seperti di jadual berikut :

a. Indeks Kemudahan : 81.73 %
b. Indeks Persekitaran : 90.35 %
c. Indeks Perkhidmatan Pelanggan : 88.42 %
d. Indeks Keseluruhan : 86.83 %

***Customer Satisfaction Study***

*Based on the findings of the questionnaire, the overall performance indicator index for the study conducted is shown in the following table:*

*e. Facility Index : 81.73 %*
*f. Environmental Index : 90.35 %*
*g. Customer Service Index : 88.42 %*
*h. Overall Index : 86.83 %*

**Ekspo Kerjaya Bersama ATM Di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur Pada 30 Januari Hingga 1 Februari 2009**

***Career Expo With MAF At Merdeka Square, Kuala Lumpur From 30 January To 1 February 2009***






Ekspo Kerjaya Bersama ATM telah diadakan pada 30 Jan hingga 1 Feb 2009 dari jam 10.00 pagi hingga jam 10.00 malam di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Program dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Abdullah bin Hj Ahmad Badawi, Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan Malaysia.

*The Career Expo With MAF was held from 30 Jan to 1 Feb 2009 from 10.00 am to 10.00 pm at the Merdeka Square, Kuala Lumpur. The programme was officiated by YAB Dato' Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi, the Prime Minister cum Minister of Defence.*





Objektif ekspo diadakan adalah seperti berikut:

a. Memberi pendedahan dan menarik minat orang ramai khususnya belia untuk menyertai perkhidmatan ATM atau merebut peluang pendidikan di institusi yang terletak di bawah Kementerian Pertahanan.

b. Memberi pendedahan berkenaan peranan ATM dalam aspek sumbangan terhadap pertahanan dan keselamatan Negara.

c. Memupuk dan menyemai semangat serta cintakan Negara dan kesedaran masyarakat tentang tanggungjawab bersama mempertahankan Negara.

d. Menyalurkan maklumat semasa kepada masyarakat

*The expo was held with the following objectives:*

*a. Provide exposure to the public specifically the youth and get them interested in joining the MAF service or sieze the opportunities for education at institutions under the Ministry of Defence.*

*b. Provide exposure on the roles of MAF in terms of its contribution to the National defence and security.*

*c. Nurture and instill the feeling of love for the Country and awareness of the people on their responsibilities to defend the Country.*

*d. Channel current information to the community*

terutamanya tentang fungsi dan peranan agensi–agensi yang terletak di bawah Kementerian Pertahanan.

*especially on the functions and roles of the agencies under the Ministry of Defence.*

e. Menjadi medium untuk masyarakat menyalurkan cadangan dan aduan menerusi kaunter khidmat pelanggan.

*e. Become the medium for the public to put forward their suggestions and complaints through the customer service counters.*

Selain pameran statik dan kaunter khidmat pelanggan, program dilaksanakan bersama demonstrasi oleh ATM, pemeriksaan perubatan dan pergigian secara percuma dan persembahan hiburan oleh Badan Kesenian Tentera Darat, TLDM dan TUDM selama tiga malam berturut–turut.

*Besides the static exhibition and the customer service counter, the programme was implemented together with the demonstration by MAF, free medical and dental examination and entertainment performance by the Army Artistic Body, RMN, RMAF for three consecutive nights.*

Sebanyak 50 khemah digunakan sebagai ruang pameran (booth) melibatkan ketiga–tiga perkhidmatan ATM dan agensi/ jabatan di bawah Kementerian Pertahanan iaitu Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera Malaysia (PERHEBAT), Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) dan Kaunter Khidmat Pelanggan Unit Komunikasi Korporat (UKK).

*A total of 50 tents were used as booths involving the three MAF services and agencies/departments under the Ministry of Defence which were the Veteran Affairs Department, Ex-MAF Affairs Corporation, National Service Training Department, Defence Science and Technology Research Institute and Corporate Communication Unit Customer Service Counter.*

Berdasarkan hasil maklumbalas daripada petugas ekspo, jumlah pengunjung ekspo yang diadakan selama tiga hari ini dianggarkan seramai lebih 50,000 orang.

*Based on the feedback from the officers in charge of the expo, the total number of visitors of the expo which was held for three days was estimated to be more than 50,000.*

**Mini Ekspo Kerjaya Mindef Di Bagan Datoh, Perak Pada 9 Dan 10 Okt 2009**

***Mindef Mini Career Expo At Bagan Datoh, Perak on 9 And 10 Oct 2009***





Mini Ekspo Kerjaya MINDEF telah diadakan pada 9 dan 10 Okt 2009 dari jam 10.00 pagi hingga jam 6.00 petang di Sekolah Menengah Sains Bagan Dato, Perak. Program ini diadakan bersempena pelancaran Kompeni Askar Wataniah kawasan Parlimen Perak Selatan yang telah dirasmikan oleh Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia. Seramai dianggarkan lebih 5,000 pengunjung telah hadir Mini Ekspo ini.

*The MINDEF Mini Career Expo was held on 9 and 10 Oct 2009 from 10.00 am to 6.00 pm at Sekolah Menengah Sains Bagan Datoh, Perak. This programme was organized in conjunction with the launching of Reserved Army Company for the South Perak Parliament district which was officiated by Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi, Minister of Defence of Malaysia. A total of more than 5,000 visitors was estimated who attended the Mini Expo.*

Sebanyak 12 khemah digunakan sebagai ruang pameran (booth) melibatkan ketiga–tiga perkhidmatan ATM (termasuk pasukan simpanan) dan agensi/ jabatan di bawah Kementerian Pertahanan iaitu Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera Malaysia (PERHEBAT), Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dan Kaunter Khidmat Pelanggan Unit Komunikasi Korporat (UKK).

*A total of 12 tents were used as booths involving the three MAF services and agencies/departments under the Ministry of Defence which were the Veteran Affairs Department, Ex-MAF Affairs Corporation, National Service Training Department, Defence Science and Technology Research Institute and Corporate Communication Unit Customer Service Counter.*





Selain pameran statik dan kaunter khidmat pelanggan, program dilaksanakan bersama pemeriksaan perubatan dan pergigian secara percuma serta permainan interaktif bersama para pengunjung.

**Mini Ekspo Kerjaya Mindef Di Balik Pulau, Pulau Pinang Pada 19 Dan 20 Dis 2009**

Mini Ekspo Kerjaya MINDEF telah diadakan pada 19 dan 20 Dis 2009 dari jam 10.00 pagi hingga jam 6.00 petang di Kompleks Belia dan Sukan Balik Pulau, Pulau Pinang. Program ini diadakan bersempena pelancaran Kompeni Askar Wataniah kawasan Parlimen Pulau Pinang yang telah dirasmikan oleh Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia. Jumlah pengunjung ekspo yang diadakan selama dua hari ini dianggarkan seramai lebih 8,000 orang.

*Besides the static exhibition and the customer service counter, the programme was implemented together with the demonstration by MAF, free medical and dental examination and interactive games with visitors.*

***Mindef Career Mini Expo At Balik Pulau, Pulau Pinang on 19 And 20 Dec 2009.***

*MINDEF Mini Career Expo was held on 19 and 20 Dec 2009 from 10.00 am to 6.00 pm at the Balik Pulau Youth and Sports Complex, Pulau Pinang. This programme was organized in conjunction with the launching of Reserved Army Company for the South Perak Parliament district which was officiated by Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi, Minister of Defence of Malaysia. The total number of visitors to the expo which was held for two days was estimated to be more than 8,000.*





Sebanyak 15 khemah digunakan sebagai ruang pameran (booth) melibatkan ketiga–tiga perkhidmatan ATM (termasuk pasukan simpanan) dan agensi/ jabatan di bawah Kementerian Pertahanan iaitu Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera Malaysia (PERHEBAT), Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dan Kaunter Khidmat Pelanggan Unit Komunikasi Korporat (UKK).

**Pengurusan Aduan Mindef**

Aduan merupakan perkara yang amat diitikberatkan oleh pihak pengurusan MinDef dan perkara ini sering diberi penekanan utama bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan adalah yang terbaik. Setiap

*A total of 15 tents were used as booths involving the three MAF services and agencies/departments under the Ministry of Defence which were the Veteran Affairs Department, Ex-MAF Affairs Corporation, National Service Training Department, Defence Science and Technology Research Institute and Corporate Communication Unit Customer Service Counter.*

***Mindef Complaint Management***

*Complaints is greatly emphasized by the MinDef management and this issue is often given accentuation to ensure that the services rendered to the customers are the best. Every complaints received will be presented in the Mindef Complaint Management*

aduan yang diterima akan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Aduan Mindef yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan.

*Meeting chaired by the Deputy Chief Secretary of Management.*

Mindef menerima aduan daripada beberapa saluran seperti berikut:

- Aduan Biro Pengaduan Awam (BPA)
- Aduan Akhbar / Sistem e–Akhbar
- Aduan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

*Mindef also receives complaints from various channels as follows:*

- *Complaints through Public Complaint Bureau*
- *Complaints through Through Newspaper / e-Akhbar System*
- *Complaints through Malaysian Anti Corruption Commission*

Di samping itu, Mindef juga telah menyediakan beberapa platform penyaluran aduan kepada pelanggan MinDef sekiranya mereka mempunyai sebarang permasalahan berkaitan perkhidmatan di MinDef. Antara saluran tersebut ialah:

- Aduan Surat
- Aduan emel (aduan@mod.gov.my)
- Talian Bebas Tol Aduan MinDef (1–800–222–700)

*Apart from that, Mindef has provided various platforms for the customers to channel their complaints if they have any problem related to services at Mindef. Among the channels are:*

- *Complaint Letter*
- *Complaint Through Email (aduan@mod.gov.my)*
- *Mindef Complaint Toll Free Line (1-800-222-700)*

**Prosedur Penyelesaian Aduan**

***Complaints Settlement Procedure***

Aduan diterima oleh Unit Komunikasi Korporat

*Complaints received by the Corporate Communications Unit*

(Bebas Tol Aduan, Biro Pengaduan Awam, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, Email, Surat dan Akhbar)

*(Toll Free Complaints Line, Public Complaints Bureau, Anti-Corruption Commission, Email, Letters and Newspapers)*

1 hari / ***day***

Surat dihantar kepada bahagian / jabatan untuk mendapatkan maklumbalas
*Letters sent to the division / department to set response*

UKK daftar aduan
*Complaint registered by UKK*

1 hari / ***day***

Surat / emel akuan terima dihantar kepada pengadu dan makluman bahawa aduan akan diambil tindakan
*Acknowledgement of letters / email received will be sent to complainant to inform that the complaint will be taken action*

**3 hari / *days***

Telefon bahagian / jabatan untuk mendapatkan maklumbalas
*Call division / department for response*

**7 hari / *days***

Surat peringatan dikeluarkan oleh UKK
*Reminder letter issued by UKK*

**10 hari / *days***

UKK membuat susulan dengan bahagian / jabatan untuk mendapatkan maklumbalas melalui telefon
*Follow-up with division / department for responses by phone*

**14 hari / *days***

Mesyuarat Jawatankuasa Aduan Mindef Bersidang
*Mindef Complaints Committee Meeting convened*

**15 hari / *days***

UKK akan jawab kepada pengadu (tutup kes)
*UKK will answer to the complainant (case closed)*

**> 15 hari / *days***

Sekiranya aduan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 15 hari, perkara ini akan di maklumkan kepada pengadu kerana aduan ini memerlukan siasatan yang lebih mendalam.
*If the complaint is not resolved within 15 days, the complainant will be informed that complaints would require more investigation*

**berjumlah 193 kes. Keterangan aduan mengikut sumber adalah seperti berikut:**

*For 2009, total complaints received by MinDef was 193 cases. Details of complaints according to sources are as follows:*

| Aduan *Complaints* | Jumlah *Total* | Selesai Dalam Tempoh 1–15 hari *Settled between 1–15 days* (<15 hari / *days*) | Selesai Melebihi 15 hari *Settled more than 15 days* (> 15 hari / *days*) |
|---|---|---|---|
| Biro Pengaduan Awam *Public Complaints Bureau* | 78 | 70 | 8 |
| Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia *Anti-Corruption Commission* | 7 | 7 | 0 |
| Emel / *Email* | 58 | 42 | 16 |
| Surat / *Letters* | 17 | 14 | 3 |
| Talian Bebas Tol Aduan / *Complaints Toll Free Line* | 5 | 3 | 2 |
| Akhbar / *Newspapers* | 28 | 24 | 4 |
| **Jumlah / *Total*** | 193 | 163 | 30 |

**Peratus aduan yang telah selesai (sehingga Januari 2010)** *Percentage of complaints solved (up to January 2010)*






Aktiviti Roadshow Khidmat Pelanggan

*Customer Service Roadshow Activity*









# PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS ANGKATAN TENTERA (PERHEBAT)

## EX-ARMED FORCES AFFAIRS CORPORATION

Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) telah ditubuhkan melalui Perintah Lembaga Tabung Angkatan Tentera, 1994 di bawah kuasa yang diberikan oleh Seksyen 23 Akta Tabung Angkatan Tentera 1973. Penubuhan Perbadanan ini adalah di atas nasihat Panel Pelaburan dengan kelulusan Menteri Pertahanan dan persetujuan Menteri Kewangan. Perintah Lembaga Tabung Angkatan Tentera 1994 ini telah diwartakan pada 25 Ogos 1994 dan berkuatkuasa mulai 30 Ogos 1994. Tumpuan aktiviti operasi PERHEBAT sekarang adalah seperti berikut;

a. Melaksanakan program–program latihan dan pendidikan kepada Personel Akan Bersara serta Personel Bersara di dalam 3 peringkat seperti berikut:

    i. Pra Latihan Peralihan – Kursus–kursus Jangka Pendek tidak lebih 2 minggu.
    ii. Latihan Peralihan – Kursus–kursus selama 3 bulan hingga 18 bulan.
    iii. Pasca Latihan Peralihan – Kursus–kursus yang sediakan kepada personel bersara.

b. Mewujud dan mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti–aktiviti yang menyokong kepada usaha untuk melaksana program latihan seperti menjalin kerjasama dan usaha sama dengan mana–mana pihak yang mempunyai kemahiran dan kepakaran tertentu.

*The Ex–Army Affairs Corporation (PERHEBAT) was established through the Command of Army Fund Board, 1994 under the power authorised by Section 23 Army Fund Act 1973. The establishment of the Corporation was advised by the Investment Panel with the approval of the Ministry of Defence and agreement by the Ministry of Finance. The Command of Army Fund Board 1994 was gazetted on 25 August 1994 and effective starting from 30 August 1994. The focus of PERHEBAT operation activities are as follows:*

*a. Implementing training and educational programmes to the Retiring and Retired Personnel in 3 stages as follows:*

    *i. Pre Transitional Training – Short Term courses which are not more than 2 weeks.*
    *ii. Transitional Training – Courses of 3 to 18 month duration.*
    *iii. Post Transitional Training – Courses prepared for retired personnel.*

*b. Participating actively in activities that support efforts to implement training programmes such as tying together cooperation and joint venture with any party that possess certain skills and expertise.*

## PERUNTUKAN KEWANGAN

Operasi PERHEBAT dibiayai sepenuhnya melalui geran kerajaan. Peruntukan kewangan yang diterima oleh PERHEBAT bagi tahun 2009 adalah seperti berikut:

a. Geran Tahunan – RM26 juta
b. Peruntukan Tambahan – RM 2.9 juta
c. Projek "One Off" JP&P bagi pembangunan prasarana – RM 500,000

## *FINANCIAL ALLOCATION*

*PERHEBAT operations are fully funded by government grants. Financial allocations received by PERHEBAT for 2009 are as follows:*

*a. Annual Grant – RM26 millions*
*b. Additional Allocation – RM 2.9 millions*
*c. JP & P one off project for infrastructure development – RM 500,000*

## PENGURUSAN LATIHAN PERALIHAN ATM

### Program Pra Latihan Peralihan

Kursus–kursus Pra Latihan Peralihan dilaksanakan di Kompleks PERHEBAT dan juga di luar Kompleks PERHEBAT dengan kerjasama agensi–agensi kerajaan dan pusat latihan awam dan swasta. Sepanjang tempoh laporan, jumlah kehadiran keseluruhan kursus Pra Latihan Peralihan adalah seramai 4,415 orang .

### Program Latihan Peralihan

Sepanjang tahun 2009, PERHEBAT telah mengurus seramai 4243 orang Personel Akan Bersara yang mengikuti Latihan Peralihan berdasarkan enam kategori seperti berikut:

**a. Latihan di Kompleks PERHEBAT**

Latihan di Kompleks PERHEBAT lebih menjurus kepada latihan Kemahiran Asas bagi tempoh 6 hingga 18 bulan dengan penekanan kepada aspek tambah nilai, nilai tambah dan penempatan untuk Latihan Industri. Sepanjang tahun 2009 seramai 1160 orang Personel Akan Bersara mengikuti Latihan Peralihan di PERHEBAT.

## *MAF TRANSITIONAL TRAINING MANAGEMENT*

### *Pre Transitional Programme*

*Pre Transitional Training Courses were implemented at PERHEBAT Complex and also outside PERHEBAT Complex in collaboration with government agencies, public and private training centres. Through out the report period, total attendance for the whole Pre Transitional Training was 4,415 people .*

### *Transitional Training Programme*

*Through out 2009, PERHEBAT managed 4243 Retiring Personnel who underwent the Transitional Training based on the following six categories: .*

***a. Training at PERHEBAT Complex***

*Through out 2009, 1160 Retiring Personnel underwent the Transitional Training at PERHEBAT.*

| Bil *No* | Bidang Dan Kursus *Field and Course* | Peruntukan Tempat *Allocated Venue* | Jumlah Kehadiran *Total Attendance* |
|---|---|---|---|
| 1. | **Bahagian Latihan Teknikal Dan Vokasional** *Training Department Technical And Vocational* | | |
| | 1.1 Pusat Kejuruteraan Automotif *Automotive Engineering Center* | 336 | 167 |
| | 1.2 Pusat Kejuruteraan Elektrik & Elektronik *Electric Engineering & Electronic Center* | 256 | 154 |
| | 1.3 Pusat Binaan dan Kejuruteraan *Construction and Engineering Centre* | 320 | 119 |
| | 1.4 Pusat Media & ICT *Media & ICT Centre* | 169 | 118 |
| 2. | **Bahagian Latihan Sektor Perkhidmatan** *Services Sector Training Department* | | |
| | 2.1 Pusat Pengurusan Pelancongan dan Perhotelan *Tourism and Hotel Management Centre* | 570 | 98 |
| | 2.2 Pusat Perkhidmatan Makanan dan Sajian *Food & Serving Service Centre* | 436 | 404 |
| | 2.3 Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SHO) *Occupational Safety and Health Centre (SHO)* | 75 | 41 |
| 3. | **Bahagian Latihan Pengurusan** *Management Training Department* | | |
| | 3.1 Pusat Pembangunan Usahawan *Entrepreneurial Development Centre* | 156 | 54 |
| | 3.2 Pegawai Latihan Vokasional *Vocational Training Officer* | 20 | 5 |
| | **Jumlah Keseluruhan** *Total Amount* | **2338** | **1160** |

**b. Latihan Teknikal dan Vokasional di Institut Latihan Luar**

Latihan ini dilaksanakan di luar Kompleks PERHEBAT iaitu di institusi–institusi awam dan swasta dengan tajaan PERHEBAT. Sepanjang tahun 2009, seramai 431 orang Personel Akan Bersara mengikuti latihan di institut latihan luar.

***b. Technical and Vocational Training at External Training Institute***

*This training was implemented out of PERHEBAT Complex which were public and private institutions sponsored by PERHEBAT. Through out 2009, 431 Retiring Personnel underwent trainings at external training institutes.*

## PUSAT LATIHAN KERAJAAN
## *GOVERNMENT TRAINING CENTRE*

| Bil *No* | Kursus / *Courses* | Institut Latihan *Training Institutes* | Jumlah Peserta *Number of participants* |
|---|---|---|---|
| 1. | Teknikal Dan Vokasional / *Technical And Vocational* | Pusat Giat Mara | 211 |
| 2. | Teknikal Dan Vokasional / *Technical And Vocational* | Institut Latihan Perindustrian (ILP) | 139 |
| 3. | Teknikal Dan Vokasional / *Technical And Vocational* | Institut Kemahiran Belia Negara | 1 |
| 4. | Teknikal Dan Vokasional / *Technical And Vocational* | Kolej Komuniti | 6 |
| 5. | Teknikal Dan Vokasional / *Technical And Vocational* | Institut Kemahiran MARA | 2 |
| | Jumlah / *Total* | | **359** |

## PUSAT LATIHAN SWASTA
## *PRIVATE TRAINING CENTRE*

| Bil *No* | Kursus / *Courses* | Institut Latihan *Training Institutes* | Jumlah Peserta *Number of participants* |
|---|---|---|---|
| 1. | Sijil Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SHO) *Certificate for Occupational Safety and Health Officer* | CONSIST Sdn Bhd | 42 |
| 2. | a. Kontraktor Pemasangan Paip Gas *Gas Pipe Installation Contractor*<br>b. Keselamatan Gas / *Gas Safety* | Amosh | 6 |
| 3. | Jahitan Pakaian / *Clothes Sewing* | Pusat Latihan Jahitan *Sewing Training Center* | 6 |
| 4. | Dandanan / *Make up* | Pusat Latihan Kecantikan *Beauty Training Centre* | 8 |
| 5. | *Airline Transport Pilot Licence* (ATPL) | Pusat Latihan Penerbangan *Aviation Training Center* | 4 |
| 6. | Pelbagai / *Miscellaneous*<br>-*Remote Operating Vehicle* (ROV)<br>-*Standard of Training Certification and watch*<br>- BHPetronas<br>- JPK *Culinary Skills Level 1* (Sarawak) | United Kingdom<br>Pelita Akademi Sdn Bhd<br><br>Boustead Petroleum Marketing<br>JPK Sarawak | 2<br>1<br><br>2<br>1 |
| | **Jumlah / *Total*** | | **72** |

**c. Latihan Pertanian dan Ternakan**

Latihan dilaksanakan di luar Kompleks PERHEBAT sama ada di institusi–institusi awam atau swasta dengan tajaan PERHEBAT. Sepanjang tahun 2009, seramai 196 orang mengikuti Latihan Peralihan dibawah kategori ini.

*c. Agriculture and Livestock Training*

*The trainings were implemented outside PERHEBAT Complex at public or private institutions sponsored by PERHEBAT. Through out 2009, 196 people underwent the Transitional Training under this category.*

**d. Latihan Sambil Kerja (LSK)**

Latihan bagi kategori ini dilaksanakan dengan menempatkan Personel Akan Bersara di agensi kerajaan atau swasta yang dipilih sendiri oleh Personel Akan Bersara terlibat. Sepanjang tahun 2009, seramai 2289 orang mengikuti latihan dalam kategori ini.

*d. Training While Working*

*The training for this category was implemented by placing the Retiring Personnel at government or private agencies which were chosen by the Retiring Personnel involved. Through out 2009, 2289 people underwent the training in this category.*

e. Latihan Bidang Pengurusan

Latihan bagi kategori ini adalah untuk memberi pendedahan dan peningkatan kemahiran kepada Personel Akan Bersara yang akan menceburi bidang pengurusan di agensi kerajaan atau swasta selepas TTP. Sepanjang tahun 2009, seramai 167 orang mengikuti latihan dalam kategori ini.

***e. Training In The Field of Management***

*The training for this category is to provide exposure and skills improvement for the Retiring Personnel who will get involve in the management field at government or private agencies after TTP. Through out 2009, 167 people underwent trainings in this category.*

f. Latihan Secara Persendirian

Latihan bagi kategori ini diberikan kepada Personel Akan Bersara yang tidak mahu terikat dengan majikan dan ingin menghadapi masa depan mengikut minat, pengetahuan dan pengalaman sendiri. Sepanjang tahun 2009, tiada Personel Akan Bersara yang mengikuti latihan dalam kategori ini.

***f. Training Privately***

*Trainings in this category are organized for Retiring Personnel who do not wish to be bound to the employers and prefer to face the future according to their own interests, knowledge and experience. Through out 2009, no Retiring Personnel underwent training under this category.*

### Pasca Latihan Peralihan

Pasca Latihan Peralihan diberikan kepada pesara ATM sebagai usaha untuk **meningkatkan** atau **menambahnilai** atau **mempelbagaikan kemahiran** yang sedia dimiliki oleh mereka. Sepanjang tahun 2009, seramai 544 orang personel bersara telah mengikuti latihan dalam kategori ini.

### *Post Transitional Training*

*Post Transitional Trainings are organized for MAF retirees to* ***enhance*** *or* ***add value*** *or* ***diversify the skills*** *that they presently possess. Through out 2009, 544 retired personnel underwent trainings under this category.*

## PENCAPAIAN PELAKSANAAN LATIHAN

Pada tahun 2009, PERHEBAT telah mengurus seramai 9,202 orang Personel Akan Bersara dan Personel Bersara yang mengikuti latihan/ kursus samada di Kompleks PERHEBAT atau di premis latihan luar.

### Dasar Latihan PERHEBAT

Dasar Latihan PERHEBAT yang digunapakai untuk tahun 2009 yang mana pernyataannya adalah seperti berikut:

"Latihan Peralihan kepada Personel Akan Bersara adalah untuk memberikan pengetahuan, kemahiran dan/atau pengalaman pekerjaan bagi menyesuaikan diri dengan corak penghidupan baru dan latihan kepada Personel Bersara untuk peningkatan atau tambah nilai atau kepelbagaian pengetahuan dan kemahiran".

## *ACHIEVEMENTS OF TRAINING IMPLEMENTATION*

*In 2009, PERHEBAT managed 9,202 Retiring and Retired Personnel who underwent trainings/courses at PERHEBAT Complex or external training premises.*

### *PERHEBAT Training Policy*

*PERHEBAT Training Policy being used for 2009 whereby the statement is as follows:*

*"The Transitional Training for the Retiring Personnel is to provide working knowledge, skills and/or experience to adapt to a new pattern of life and trainings for the Retired Personnel is for enhancement or value added or diversification of knowledge and skills".*





**Majlis menandatangani MOA di antara PERHEBAT dengan NIOSH**
*Signing of MOU Ceremony between PERHEBAT and NIOSH*




**Carta statistik penyertaan peribadi akan bersara dalam program latihan peralihan tahun 2009**
***Personal participation statistic chart will be retiring in transition training programme for 2009***

## PENGIKTIRAFAN SEPANJANG 2009
## *ACKNOWLEDGMENT THROUGH OUT 2009*



PERHEBAT telah dianugerahkan dengan Sijil MS ISO 9001:2000 semenjak 11 Okt 2000. Mulai 12 Nov 2009, PERHEBAT telah berjaya menaik taraf pengiktirafan sistem MS ISO ke Versi 2008 yang dikenali sebagai Sijil ISO 9001: 2008. Sistem Pengurusan Kualiti PERHEBAT adalah menjurus kepada aspek ' Pengurusan Kursus dalam bidang latihan Teknikal dan Vokasional serta Keusahawanan bagi bakal pesara dan pesara tentera'.

*PERHEBAT was awarded MS ISO 9001:2000 Certificate since 11 Oct 2000. Starting from 12 Nov 2009, PERHEBAT succeeded in upgrading the MS ISO system to 2008 Version which is known as ISO 9001 Certificate: 2008. PERHEBAT Quality Management System is focused on 'Course Management in the field of Technical and Vocational training and Entrepreneurship for retiring and retired army'.*




En. Mohd Nor Helmi bin Mohd Nasir Pengajar Seksyen Mekanik Kenderaan Motor, PERHEBAT. Beliau mendapat Anugerah Pingat Emas (Tangan Emas) dalam pertandingan MYSkills 2009 anjuran Jabatan Pembangunan Kemahiran di Kolej WIT, Port Kelang.
*En. Mohd Nor Helmi bin Mohd Nasir Instructor at Motor Vehicle Mechanic Section, PERHEBAT. He won the Gold Medal Award (Golden Hand) in the MYSkills 2009 competition organized by Skills Development Department at WIT College, Port Kelang.*



Adnan Md Taib pengajar dari sekolah fotografi telah meraih Anugerah Penyunting Filem Dokumentari Terbaik dan Anugerah Filem Dokumentari Terbaik dalam pertandingan Combo Movie Blast 2009 peringkat Nasional pada 14 March 2009.
*Adnan Md Taib who is an instructor from the school of photography won the Best Documentary Film Editing Award and the Best Documentary Film Award in the Combo Movie Blast 2009 competition at National level on 14 March 2009.*






Majlis Penyampaian Sijil PERHEBAT Siri 2/2009
*PERHEBAT Certificate Presentation Ceremony Series 2/2009*






Antara Bekas Pelatih PERHEBAT yang berjaya membuka Salon Kecantikan dan Nursery
*Among the PERHEBAT Ex-Trainees who succeeded in establishing Beauty Saloon and Nursery*




# PRESTASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

*PERFORMANCE MALAYSIAN ARMED FORCES*

## AM

1. Sebagai sebuah agensi keselamatan negara, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa komited dengan peranan utamanya iaitu mempertahankan negara dan kepentingan strategiknya dari ancaman luar. Dalam senario dunia yang kian mencabar dan tidak menentu, adalah wajar ATM sentiasa berwaspada menghadapi sebarang kemungkinan samada yang berbentuk tradisional mahupun bukan tradisional. Kepentingan–kepentingan strategik negara terutamanya kedaulatan, keutuhan, kemakmuran dan kesetabilan negara akan sentiasa diberi keutamaan. MK ATM yang bersifat Tiga Khidmat (Tri–Service) diwujudkan untuk melaksanakan fungsinya dengan lebih berkesan dalam membantu Panglima Angkatan Tentera (PAT) dalam aspek pemerintahan dan pengawalan operasi di peringkat tertinggi ATM.

2. ATM telah menyusun semula strategi pertahanan berdasarkan pelan pembangunan keupayaan yang di kenali sebagai 'Fourth Dimension Malaysian Armed Forces' atau singkatnya '4D MAF' 4D MAF adalah merupakan satu tranformasi yang berorientasikan pembangunan keupayaan yang bersepadu sepenuhnya lagi seimbang serta mengekalkan ciri keseragaman dan atur gerak yang menggabungkan ketiga–tiga perkhidmatan ATM dalam 4 domain iaitu bawah permukaan, permukaan, ruang udara dan maklumat. Ia membabitkan penubuhan satu ketumbukan divisyen tempur bercirikan Assingned Force untuk menangani ancaman yang mendesak dan berupaya diaturgerakkan dalam masa yang singkat.

3. 4D MAF dijangka akan meningkatkan lagi keupayaan ATM di masa hadapan dari segi pelaksanaan operasi ketenteraan, penonjolan kesan cegah lintang yang lebih kredibel, memberikannya kelebihan asimetri dan penggandaan kekuatan. Pelaksanaan 4D MAF turut menekankan perolehan aset–aset kapital yang canggih agar kepentingan negara serta kawasan bersempadan negara terutamanya di kawasan ekonomi eksklusif dapat didominasi serta dilindungi dengan lebih berkesan seperti Pesawat Pejuang Sukhoi, Kapal Peronda Generasi Baru, Kapal Selam Scorpene, Kereta Kebal PT–91 dan Sistem Pelancar Roket Berganda Astros.

## *GENERAL*

1. *As a national security agency, the Malaysian Armed Forces (MAF) is always committed playing its main role, which is to defend the country and its strategic interests from outside threats. In the world scenario where there are more challenges and uncertainty, the MAF should always be ready to face any possibility whether in traditional or non–traditional forms. Strategic national interests especially in preserving sovereignty, strength, peace and stability of the country are always the priorities. MK MAF, which is characterized by its Tri–Service,was established to implement its functions more effectively in helping the Commander of the Armed Forces in administrating and controlling the operations of the MAF at the highest level.*

2. *MAF has reorganized its Defence strategy based on the capacity development plan known as the 'Fourth Dimension Malaysian Armed Forces' or in short '4D MAF'. 4D MAF is a transformation which is inclined towards fully integrated and balanced capacity development while maintaining its uniformity and organized movement which combines the three MAF services in 4 domains, namely below surface, on the surface, air space and information. It involves an establishment of a combat division characterized by Assigned Force to handle the pressing threats and able to be organized and moved in a short time.*

3. *4D MAF is expected to upgrade the capability of MAF in the future, in terms of military operations implementation, a more credible deterrence highlight, more asymmetry and double in strength. Implementation of 4D MAF also emphasizes procurement of sophisticated capital assets so that the national interest and the borderline areas especially around the exclusive economic areas can be dominated and protected more effectively such as the Sukhoi Fighter Jet, New Generation Patrol Ship, Scorpene Submarines, PT–91 Tanker and the Astros Double Rocket Launcher System.*

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

4. **Persidangan FPDA Defence Chief Conference (FDCC) ke 12.**

   FPDC merupakan satu forum kerjasama pertahanan yang melibatkan Angkatan Tentera Malaysia dengan empat buah negara yang lain iaitu Australia, New Zealand, Singapura dan United Kingdom. Malaysia telah menjadi tuan rumah untuk persidangan tahun 2009. Persidangan kali ke 12 telah diadakan pada 23 hingga 26 Feb 2009 di Hotel Marriott, Putrajaya.

5. Mantan PAT Jen Tan Sri Abdul Aziz Hj Zainal (Bersara) telah mempengerusikan persidangan kali ini. Persidangan tersebut telah mencapai kesepakatan bahawa FDCC membuka peluang negara–negara yang menganggotainya untuk bertukar–tukar pandangan dan pendapat mengenai cabaran keselamatan dan senario dunia yang tidak menentu. Kumpulan kerja di bawah FDCC telah melaksanakan tugas mereka dengan cemerlang dan berjaya menentukan perjalanan persidangan dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

## *ACTIVITIES AND ACHIEVEMENTS*

4. ***12th FPDA Defence Chief Conference.***

   *FPDC is a collaborative Defence forum involving Malaysian Armed Forces with four other countries namely Australia, New Zealand, Singapore and the United Kingdom. Malaysia was the conference host in 2009. The 12th conference was held from 23 to 26 Feb 2009 at the Marriott Hotel, Putrajaya.*

5. *The former Armed Force Commander, Tan Sri Abdul Aziz Hj Zainal (Retired) chaired the conference this time.The conference unanimously agreed that FDCC would open up opportunities for the member countries to exchange opinions and ideas about security challenges and unstable global scenario.The working group under FDCC has executed its tasks excellently and managed to ensure that the conference went on smoothly and orderly.*

6. Forum Bilateral Training And Consultative Group (BITACG) ke 25. Hubungan pertahanan dua hala di antara Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) telah terjalin sejak tahun 1984. BITACG merupakan forum khusus yang disediakan bagi perbincangan segala aktiviti kerjasama pertahanan yang melibatkan kedua–dua buah negara. Kerjasama yang telah dimeterai adalah dalam bentuk kerjasama sains dan teknologi pertahanan, latihan ketenteraan dan pengurusan logistik bersama. Mesyuarat BITACG ke 25 telah diadakan di Hotel Prince, Kuala Lumpur pada 6 dan 7 Mei 2009.

*6. 25th Bilateral Training And Consultative Group (BITAGG) Forum. Two way Defenceties between Malaysia and the United States has been in effect since 1984. BITACG is a specific forum established for discussion of all Defence cooperation activities involving both countries.The cooperation established in the form of defence science and technology cooperation, military training and joint logistic management. The 25th BITACG Meeting was held at Prince Hotel, Kuala Lumpur from 6 to 7 May 2009.*

7. Mesyuarat pada kali ini telah dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Delegasi Malaysia dan AS. Delegasi Malaysia diketuai oleh AKS Perancang Pertahanan Markas ATM sementara delegasi AS oleh MG Thomas L. Conant, Pengarah Strategik dan Polisi United States Pacific Command (USPACOM) J5. Kumpulan kerja yang digerakkan oleh ATM dan USPACOM telah berjaya menentukan kelancaran perjalanan forum dan berjaya menentukan objektif yang ditetapkan dapat dicapai.

*7. The meeting this time around was jointly chaired by the Malaysian and US Heads of Delegations. The MAF Headquarter Defence Planning AKS headed the delegation from Malaysia while MG Thomas L. Conant, Director of United States Pacific Command (USPACOM) J5 Strategy and Policy headed the US delegation. The Work Group deployed by the MAF and USPACOM managed to ensure the smoothness of the forum and succeeded in ensuring that the objectives set were achieved.*

8. **Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Ruang Udara (JIPRUA) Siri 1/2009.**

JIPRUA ditubuhkan untuk bertindak sebagai satu jawatankuasa induk kerjasama di antara ATM dengan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (JPAM). Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengurus dan menjamin kedaulatan ruang udara negara. Mesyuarat ini dianjurkan bergilir–gilir di antara ATM dengan JPAM dan dipengerusikan bersama oleh AKS PP Markas ATM dan Ketua Pengarah JPAM.

*8. **Air Space Management Main Committee Meeting (JIPRUA) Series 1/2009.***

*JIPRUA was established to function as a cooperative main committee between MAF and Malaysian Civil Aviation Department (JPAM) This committee responsible for management and ensuring the sovereignty of the nation's air space. This meeting is organized by taking turns between MAF and JPAM and is jointly chaired by MAF Headquarters AKS PP and Director General of JPAM.*

9. Mesyuarat turut disertai oleh wakil–wakil dari Kementerian Pengangkutan, Majlis Keselamatan Negara dan Telekom Malaysia. Mesyuarat siri 1/2009 telah diadakan pada 20 dan 21 Okt 2009 di Awana Kijal Golf and Beach Resort, Terengganu. Mesyuarat kali ini telah dianjurkan oleh JPAM.

*9. The meeting was also attended by the representatives from Ministry of Transportation, National Security Council and Telekom Malaysia. Series 1/2009 meeting was held on the 20th and 21st Oct 2009 at Awana Kijal Golf and Beach Resort, Terengganu. The meeting this time was organized by JPAM.*

10. **Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Ruang Udara (JTRUA) Siri 1/2009 dan Siri 2/2009.**

JTRUA merupakan satu badan kerjasama di antara ATM dan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (JPAM). Jawatankuasa ini diwujudkan bagi membincangkan isu–isu ruang udara di peringkat Jawatankuasa Teknikal. Mesyuarat JTRUA diadakan dua kali setahun secara bergilir–gilir di antara ATM dengan JPAM dan dipengerusikan bersama oleh Ketua Pengarah Operasi dan Eksesais (KPOE), Markas Operasi Udara dan Pengarah Trafik Udara, JPAM.

*10. **Air Space Technical Committee Meeting (JTRUA) Series***

***1/2009 and 2/2009** JTRUA is a cooperative body between MAF and Malaysian Civil Aviation Department (JPAM). This committee was established to discuss the air space issues at the Technical Committee level. The JTRUA meeting is held twice a year by taking turns between MAF and JPAM and is jointly chaired by the Chief Director of Operations and Exercise (KPOE), Air Operations Headquarters and Director of Air Traffic, JPAM.*

11. Wakil dari MK ATM – BPP PS 1 Strategik Udara adalah salah seorang AJK dalam mesyuarat tersebut. Mesyuarat siri 1/2009 telah diadakan pada 19 Mac 2009 di Evenly Resort, Melaka dan mesyuarat siri 2/2009 pada 8 dan 9 Dis 2009 di Hotel Bayview, Melaka.

*11. A representative from MK MAF – BPP PS 1 Strategik Udara was one of the committee members in the meeting. The series 1/2009 meeting was held on 19 Mac 2009 at Evenly Resort, Malacca and the series 2/2009 meeting was held on the 8th and 9th December 2009 at Hotel Bayview, Malacca.*

12. **Perancangan dan Prestasi Perbelanjaan RMK–9.**

Peruntukan kewangan asal RMK–9 bagi melaksanakan projek–projek ATM adalah sebanyak RM 14.545 bilion (termasuk projek awam). Bagaimanapun, selepas Kajian Separuh Penggal (KSP), peruntukan sebanyak RM591 juta telah dikurangkan untuk menjadikan siling baru RMK–9 sebanyak RM13.954 bilion sahaja (RM13.570 untuk projek ATM).

*12. **Expenditure Planning and Performance for the 9th Malaysian Plan.***

*The financial allocation for the 9th Malaysian Plan to implement the MAF projects was originally RM14.545 billion (including public projects). However, after the Half Term Analysis, the total allocation of RM591 million was reduced to become a new ceiling of RM13.954 billion only for the 9th Malaysian Plan (RM13.570 for MAF projects).*

13. Bagi tujuan mengatasi kemelut ekonomi yang melanda dunia ketika ini, pihak Kerajaan telah melancarkan dua Pakej Rangsangan Ekonomi dan telah menambah siling RMK–9 sebanyak RM2.029 bilion menjadikan siling baru RMK–9 sebanyak RM15.984 bilion. Peruntukan kewangan yang diberikan kepada Kementerian Pertahanan bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama adalah sebanyak RM250 juta dan Pakej Rangsangan Ekonomi Ke–2 pula sebanyak RM 26.88 juta.

*13. For the purpose of dealing with the economic problem faced by the world currently, the Government launched two Economic Stimulation Packages and has raised the 9th MP ceiling by RM2.029 billion to a new ceiling of RM15.984 billion. The financial allocation provided for the Ministry of Defence for the First Economic Stimulation Package was RM250 million and for the Second Economic Stimulation Package was RM 26.88 million.*

14. Sejumlah 320 projek ATM telah dirancang bagi RMK–9. Daripada jumlah tersebut sebanyak 111 adalah Projek Infrastruktur, 209 adalah Projek Kelengkapan (termasuk 20 Projek Private Finance Initiative (PFI)). Walau bagaimanapun, selepas Kajian Separuh Penggal (KSP), hanya 208 projek sahaja yang dilaksanakan, iaitu 98 Projek Infrastruktur dan 110 Projek Kelengkapan, manakala 112 projek lagi telah ditangguhkan oleh EPU. Jumlah projek mengikut perkhidmatan adalah seperti berikut:

*14. A total of 320 MAF projects have been planned for the 9th MP. Out of the total, 111 were Infrastructure Projects, 209 were Equipment Projects (including 20 Private Finance Initiative Projects (PFI)). However, after the Half Term Analysis, only 208 projects were implemented, which were 98 Infrastructure Projects and 110 Equipment Projects, while another 112 projects were deferred by the EPU. Total number of projects according to service are as follows:*

| Bil *Num* | Perkhidmatan *Services* | Kod Projek *Code Projects* | Jumlah Semua Projek *Total All Projects* | Jumlah Projek Yang Sedang Dilaksanakan *Totalof Project Which Is Being Implemented* | Jumlah Projek Tangguh *Total Of Project Delay* |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Darat / *Land* | Pk 1 (Infra)<br>Pk 2 (Kelengkapan / *Equipment*) | 21<br>54 | 21<br>54 | 0<br>0 |
| | **Jumlah Darat** | ***Total Land*** | 75 | **75** | **0** |
| 2. | Laut / *Marine* | Pk 3 (Infra)<br>Pk 4 (Kelengkapan / *Equipment*) | 21<br>16 | 16<br>10 | 5<br>6 |
| | **Jumlah Laut** | ***Total Marine*** | 37 | **26** | **11** |
| 3. | Udara / *Air* | Pk 5 (Infra)<br>Pk 6 (Kelengkapan / *Equipment*) | 17<br>31 | 17<br>27 | 0<br>4 |
| | **Jumlah Udara** | ***Total Air*** | **48** | **44** | **4** |
| 4. | Mk Atm | Pk 7 (Infra)<br>Pk 8 (Kelengkapan / *Equipment*) | 52<br>108 | 44<br>19 | 8<br>89 |
| | **Jumlah Mk ATM** | ***Total Mk ATM*** | **160** | **63** | **97** |
| | **Jumlah Keseluruhan** | ***Total Overall*** | **320** | **208** | **112** |

15. **Prestasi Perbelanjaan Tahun 2009**.

Sehingga 11 Jan 2010, ATM telah membelanjakan sebanyak RM 2,247,263,656.00 juta (96.65%) daripada RM 2,325,209,442.00 juta aliran tunai tahun 2009 yang diperuntukkan. Peratus perbelanjaan aliran tunai mengikut perkhidmatan adalah seperti di carta pie berikut:

***15. Expenditure Performance for 2009.***

*Up to 11 Jan 2010, MAF had spent a total of RM 2,247,263,656.00 million (96.65%) out of RM 2,325,209,442.00 million. The percentage of cash flow expenditure according to service is depicted in the pie chart below:*



16. **Seminar dan Kursus.**

Sepanjang tahun 2009, Markas ini telah banyak mengkoordinasikan pelbagai kursus dan bengkel serta mencapai kejayaan yang cemerlang dalam meningkatkan imej ATM khasnya dan menjadi yang terbaik di antara agensi sektor awam yang lain. Di antara aktiviti–aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

**a. Pengiktirafan SSR 5 Bintang Ke Atas ATM.**

ATM telah diiktiraf sebagai salah satu agensi sektor awam yang bertaraf 5 Bintang di bawah penilaian SSR. Sempena majlis tersebut mantan PAT telah menerima anugerah dari Tan Sri Ismail bin Adam, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 21 April 2009.

*16. **Seminars and Courses.***

*Through out 2009, this office have often coordinated various courses and workshops and achieved excellence in upgrading the MAF image specifically and became the best among other public sector agencies. Among the activities carried are as follows:*

***a. 5 Star SSR Rating On MAF.***

*MAF has been acknowledged as one of the public sector agencies with a 5 Star rating under the SSR assessment. In conjunction with the ceremony former Commander of the Armed Forces accepted an award from Tan Sri Ismail bin Adam, Chief Director of Malaysian Civil Service at the Putrajaya International Convention Centre (PICC) on 21 April 2009.*




**Mantan Panglima Angkatan Tentera Menerima Anugerah Pengiktirafan 5 Bintang Agensi Sektor Awam.**
*The former Armed Forces Commander Accepted the Public Sector Agency 5 Star Acknowledgment Award.*

**b. Seminar ATM/PDRM.**

Seminar ATM/PDRM telah diadakan di Palace Of The Golden Horses, Sri Kembangan pada 2 hingga 3 Jul 09. Seminar tersebut telah dirasmikan oleh YB Datuk Wira Abu Seman Yusop, Timbalan Menteri Dalam Negeri dan dihadiri oleh pucuk pimpinan kedua–dua angkatan keselamatan.

***b. MAF/RMP Seminar.***

*MAF/RMP Seminar was held at the Palace of The Golden Horses, Sri Kembangan from 2 to 3 July 09. The seminar was officiated by the YB Datuk Wira Abu Seman Yusop, Deputy Minister of Internal Affairs and was attended by the leaders of both security forces.*




**Upacara Perasmian Seminar ATM/PDRM Oleh YB Datuk Wira Abu Seman Yusop.**
*The Opening Ceremony of the MAF/PDRM Seminar By YB Datuk Wira Abu Seman Yusop.*

**c. Retreat Markas ATM di Sheraton Beach Resort, Langkawi.**

Retreat Markas ATM telah dirasmikan oleh YBhg PAT di Sheraton Beach Resort, Langkawi pada 27 Mac 09. Sempena dengan retreat tersebut, Majlis Kecemerlangan ATM telah bermesyuarat bagi membincangkan prestasi pencapaian BSC MK ATM. Retreat tersebut juga melibatkan aktiviti BAKAT MK ATM.

***c. MAF office Retreat at Sheraton Beach Resort, Langkawi .***

*The MAF office Retreat was officiated by YBhg Commander of Armed Forces at Sheraton Beach Resort, Langkawi on 27 Mac 09. In conjunction of the retreat, MAF Excellence Council had a meeting to discuss BSC MK MAF achievement performance.The retreat involved BAKAT MK MAF activities.*



Konsep pembangunan Askar Wataniah sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga Menteri Ke–3/2002 telah menetapkan untuk jangka masa panjang, struktur dan kekuatan Askar Wataniah sewajarnya lebih besar daripada Angkatan Tetap dengan nisbah 3:1. Namun dengan batasan serta kekangan yang sedia ada, nisbah 1:1 lebih sesuai dipraktikkan sehingga tahun 2010 (iaitu 55,000 orang). Manakala nisbah 2:1 akan hanya diimplementasikan mulai tahun 2011 hingga 2020 dan nisbah 3:1 pula akan hanya diimplementasikan mulai tahun 2021.

*14. **Development of Reserved Army.***
*The development concept of Reserved Army as approved by the 3rd Ministrial Board /2002 has decided that over a long term, the structure and strength of the Reserved Army should be larger than the Permanent Troop with a ratio of 3:1. However, with the existing limitation and constraints, the ratio of 1:1 is more appropriate to be practiced up to the year 2010 (that is 55,000 people). While the ratio of 2:1 will only be implemented from 2011 up to 2020 and the ratio of 3:1 will only be implemented starting from 2021.*

15. Kekuatan keseluruhan anggota Askar Wataniah yang berakhir 31 Mac 2010 adalah seramai 56,442 iaitu 4,624 orang pegawai dan 51,818 orang LLP. Pecahan perkhidmatan keanggotaan Askar Wataniah adalah seperti berikut:

*15. The overall strength of the Reserved Army which ended on 31 Mac 2010 was 56,442 that is 4,624 officers and 51,818 LLPs. Breakdown of the Reserved Army membership service is as follows:*

| **Bil** *Num* | Pasukan *Team* | **Peg** | **LLP** |
|---|---|---|---|
| **1.** | Kerahan *Conscription* | 79 | 1075 |
| **2.** | Sukarela *Voluntary* | 1799 | 48128 |
| **3.** | Senarai Simpanan Pegawai Sukarela (SSPS) *Volunteer officer reserve list (SSPS)* | 2601 | - |
| **4.** | PALAPES | 145 | 2615 |
| | **Jumlah** ***Total*** | **4624** | **51818** |



Pelancaran Kompeni Askar Wataniah Rej 503 (Aw) Pada 9 Okt 2009 Di Bagan Datoh, Perak

*The Launching of Regiment 503 (Aw) of The Reserved Army Company on 9 Oct 2009 At Bagan Datoh, Perak*



Pelancaran Kumpulan Kedua Kompeni Askar Wataniah Rej 515 (Aw) Kementerian Pertahanan Pada 15 Dis 2009

*Launching of the Second Group Company Rej 515 Territorial Army (Aw) of the Ministry of Defence on December 15, 2009*



Pelancaran Kompeni Aw Rej 509 (Aw) Pada 19 Dis 2009 Di Pulau Pinang Dan Kedah

*The Launching of Regiment 509 Reserved Army Company on 19 Dec In Penang And Kedah*




Sidang Komander Askar Wataniah (Skaw)siri 20/2009 Di Sutera Harbour Resort Kota Kinabalu Sabah Pada 8 Nov 2009

*Conference of Reserved Army Commanders Series 20/2009 At Sutera Harbour Resort Kota Kinabalu Sabah on 8 Nov 2009*

## PENCAPAIAN SUMBER MANUSIA

## *ACHIEVEMENTS OF HUMAN RESOURCE*



16. Pembangunan Sumber Manusia TDM tahun 2009 sentiasa dipertingkatkan dengan merangkumi pengambilan UPNM, Pegawai Kadet, Pegawai Graduan dan Perajurit Muda TD. Bagi tahun 2009 pembangunan sumber manusia TD telah dipertingkat seiring dengan keperluan perkhidmatan. Beberapa siri pengambilan sumber manusia TDM telah dilaksanakan yang mengikut kategori seperti dibawah:

*16. Malaysian Army Human Resource Development for 2009 was consistently upgraded with the staffing of UPNM, Cadet officers, Graduate officers and the Army Young Soldiers. For the year 2009, the Army human resource development was upgraded in line with the needs of the service. Several series of Malaysian Army human resource staffing were implemented according to the categories below:*

**Jadual Pengambilan Pegawai**
*officer Staffing Schedule*

| BIL NUM | UPNM | | GRADUAN GRADUATES | | KTD | | JUMLAH TOTAL | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | L | W | L | W | L | W | L | W |
| 1. | 151 | 25 | 52 | 13 | 65 | 0 | 268 | 38 |

**Jadual Pengambilan Anggota LLP Lelaki**
*Staffing Schedule For Male LLP Soldiers*

| Bil Num | Tahun Year | Siri Serial | Keperluan Requirements | Menjalani Latihan UndergoTraining | Gagal Latihan Failed Training | Tamat Latihan End of Training |
|---|---|---|---|---|---|---|
| (a) | (b) | (c) | (d) | (e) | (f) | (g) |
| 1. | 2009 | 165 | 1500 | 1313 + 9* | 42 + 1* | 1271 + 9* |
| | | 166 | 1500 | 1536 | 113 | 1423 |
| | | 167 | 1000 | 893 + 22* | 66 + 2* | 827 + 24* |

**Catatan: *Perajurit Muda Kor KAGAT**
*Note: *KAGAT Corp Young Soldier*

**Jadual Pengambilan Perajurit Muda LLP Wanita**
*Staffing Schedule For Female LLP Young Soldiers*

| Bil Num | Tahun Year | Siri Serial | Keperluan Requirements | Menjalani Latihan UndergoTraining | Gagal Latihan Failed Training | Tamat Latihan End of Training |
|---|---|---|---|---|---|---|
| (a) | (b) | (c) | (d) | (e) | (f) | (g) |
| 1. | 2009 | 27 | 100 | 167 | 36 | 131 |
| | | 28 | 100 | 119 | 11 | 108 |
| | | 29 | 100 | 74 | 4 | 70 |

17. **Program Peningkatan Akademik.**
TDM sentiasa menggalakkan anggotanya untuk memiliki kelulusan akademik Pengajian Tinggi bagi merealisasikan TD ke arah Learning Organisation. Bagi Tahun 2009 seramai 160 anggota yang terdiri daripada 108 pegawai dan 52 LLP TDM telah dihantar untuk mengikuti pengajian di peringkat Diploma sehingga Doktor Falsafah. Pecahan pengkhususan jurusan adalah seperti berikut:

17. ***Academic Improvement Programme.***
*The Malaysian Army always encourages its soldiers to possess Higher Learning qualifications to realize the Army's aspirations towards becoming a Learning Organization. For the year 2009, 160 soldiers consisting of 108 officers and 52 Malaysian Army LLP were sent to pursue studies at Diploma level up to the Doctorate level. The breakdown of specializations according to options is as follows:*



| | | |
|---|---|---|
| **a.** | Pengurusan Am, Logistik, Kewangan, Sumber Manusia dan OSHA<br>*General Management, Logistics, Finance, Human Resource And Osha* | 66 (K- Force 18) |
| **b.** | Kejuruteraan<br>*Engineering* | 18 |
| **c.** | Strategik, Pertahanan, Pengajian Ketenteraan dan Keselamatan<br>*Strategic, Defence, Study Military and Safety* | 11 |
| **d.** | Kesihatan, Perubatan dan Psikologi<br>*Health, Medical And Psychology* | 32 |
| **e.** | Pendidikan, Kepolisan, Undang-Undang dan Pengajian Perniagaan<br>*Education, Policing, Law and Business Study* | 21 (K-Force 10) |
| **f.** | Teknologi Maklumat<br>*Information Technology* | 12 (K-Force 11) |
| | **Jumlah Keseluruhan**<br>***Overall Total*** | **160** |



## PENCAPAIAN SUMBER MANUSIA

18. Sehingga akhir tahun 2009, TDM mempunyai sejumlah 6388 pegawai dan anggota LLP yang memiliki kelulusan akademik dari peringkat Diploma sehingga doktor Falsafah. Pecahan kelulusan akademik seperti berikut:

*18. Up to the end of 2009, the Malaysian Army has had a total of 6388 officers and LLP soldiers who possess academic qualification from Diploma level up to Doctor of Philosophy level. Breakdown of academic qualification is as follows:*

**Jadual – Pecahan Kelulusan Akademik Anggota TDM**
***Table – Breakdown of Academic Qualification of Malaysian Army Members***

| **Bil**<br>***Num*** | Kelulusan<br>***Approval*** | **Peg** | **LLP** |
|---|---|---|---|
| **1.** | PhD | 8 | - |
| **2.** | Sarjana<br>***Masters*** | 881 | 1 |
| **3.** | Sarjana Muda<br>***Bachelor*** | 1827 | 29 |
| **4.** | Diploma Lanjutan<br>***Advanced Diploma*** | 15 | - |
| **5.** | Diploma | 2445 | 1182 |
| | Jumlah Keseluruhan<br>***Total Amount*** | **5176** | **1221** |

## PENCAPAIAN KUALITI

19. Pertandingan Anugerah Kualiti TD.

a. Sejumlah 170 penyertaan mengikut kategori telah di terima dan keseluruhan penyertaan ini telah dinilai oleh Panel Pemeriksa yang telah dilantik. Penilaian ke atas setiap penyertaan telah dilakukan dalam dua peringkat iaitu Penilaian Laporan Penyertaan dan diikuti oleh Penilaian Fizikal (dilaksanakan ke atas laporan penyertaan yang memperolehi markah 80% dan ke atas sahaja). Senarai pemenang adalah seperti berikut:

(1) **Anugerah Kualiti Tentera Darat Tahun 2009 (AKTD)**
– Anugerah Kualiti Panglima Tentera Darat (AKPTD) – MK 1 Div.

**(2) Anugerah Khas Tentera Darat (AKHTD).**

(a) Pengurusan Pemerintahan dan Div
– MK 1 Div.

(b) Pengurusan Bgd
– MK 9 Bgd.

(c) Pengurusan Sumber Manusia
– Jab Arah Ordnans.

(d) Pengurusan Kewangan
– IPDA.

(e) Pengurusan Logistik
– 72 BOD.

(f) Pengurusan Inovasi
– 43 Wksp Arti.

**(3) Anugerah Khas (Pengiktirafan)** – 1 RAMD.

**(4) Anugerah Khas (Kesiagaan)** – MK 2 Bgd.

b. Disamping itu juga, TD telah menghantar beberapa penyertaan yang terdiri daripada johan Anugerah Kualiti TD untuk menyertai Anugerah Kualiti Menteri Pertahanan, Anugerah Kualiti Kementerian Pertahanan dan Anugerah Khas Menteri Pertahanan Tahun 2009. Senarai penyertaan adalah seperti berikut:

(1) **Anugerah Kualiti Menteri Pertahanan.**

(a) MK 1 Div
– Pengurusan Pemerintahan dan Div.

(b) MK 9 Bgd
– Pengurusan Bgd.

(2) **Anugerah Kualiti Kementerian Pertahanan.**

(a) Jab Arah Ordnans
– Pengurusan Sumber Manusia.

(b) IPDA
– Pengurusan Kewangan.

(c) 72 BOD
– Pengurusan Logistik.

(d) 43 Wksp Arti, 12 Wksp dan 9 Wksp
– Pengurusan Inovasi.

## *QUALITY ACHIEVEMENT*

*19. The Army Quality Award Competition.*

*a. A total of 170 entries according to categories were received and all entries were assessed by Examination Panel appointed. Evaluation on every entry was done in two stages which are the Participation Report Evaluation followed by Physical Evaluation (implemented on participation report that obtained 80% marks and above only) The list of winners is as follows:*

***(1) Army Quality Award Year 2009 (AKTD)***
*– Army Commander Quality Award – MK 1 Div.*

***(2) Army Special Award .***

*(a) Government and Div Management*
*– MK 1 Div.*

*(b) Bgd Management*
*– MK 9 Bgd.*

*(c) Human Resource Management*
*– Ordinance Direction Department.*

*(d) Financial Management*
*– IPDA.*

*(e) Logistic Management*
*– 72 BOD.*

*(f) Innovation Management*
*– 43 Wksp Arti.*

***(3) Special Award (Acknowledgment)** – 1 RAMD.*

***(4) Special Award (Readiness)** – MK 2 Bgd.*

*b. Apart from that, the Army has also sent in several entries consisting of the winner of Army Quality Award to participate in the Minister of Defence Quality Award, Ministry of Defence Quality Award and the Defence Minister Special Award 2009. The list of entries is as follows:*

***(1) Minister of Defence Quality Award .***

*(a) MK 1 Div*
*– Government and Div Management.*

*(b) MK 9 Bgd*
*– Bgd. Management*

***(2) Ministry of Defence Quality Award .***

*(a) Ordinance Direction Department*
*– Human Resource Management.*

*(b) IPDA*
*– Financial Management.*

*(c) 72 BOD*
*– Logistic Management.*

*(d) 43 Wksp Arti, 12 Wksp dan 9 Wksp*
*– Innovation Management.*

(3) **Anugerah Khas Menteri Pertahanan.**

(a) MK 2 Bgd
– Anugerah Khas (Kesiagaan).

*(3) Minister of Defence Special Award .*

*(a) MK 2 Bgd*
*– Special Award (Readiness).*

20. **Anugerah Kualiti Peringkat Kebangsaan.**
Pada tahun 2009, TD telah menghantar satu penyertaan ke peringkat kebangsaan dalam kategori Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (AIPA). Penyertaan adalah dari 2 Wksp Bgd yang mana merupakan johan AKTD pada tahun 2008 bagi kategori Inovasi. Inovasi yang dilaksanakan ialah 'Mesin Pengemik Peluru'.

*20. **National Level Quality Award.***
*In 2009, the Army sent in an entry at national level in the Civil Service Innovation Award Category. The entry was from 2 Wksp Bgd which was the AKTD winner in 2008 for the Innovation category. The innovation implemented was 'Bullet Flattening Machine'.*

21. **Pertandingan Menulis Esei Peringkat Panglima Tentera Darat.**

a. Pertandingan Esei Peringkat Panglima Tentera Darat adalah acara tahunan Tentera Darat yang bertujuan untuk meningkatkan mutu profesionalisme serta daya intelek yang lebih cemerlang di kalangan Pegawai dan LLP TD. Sebanyak 41 penyertaan dengan pecahan terdiri daripada 26 dari kalangan Pegawai dan 15 dari kalangan LLP telah diterima.

b. Berikut adalah senarai pemenang tempat pertama bagi setiap kumpulan Pertandingan Menulis Esei Peringkat Panglima Tentera Darat Tahun 2009.

(1) **Kumpulan 1 – Lt Kol dan Mej**
– Mej Fazilah bte Mohd Ali (3005935)
– Can China and India Become Threat Power To Be Reckoned in the Space War?
– MK Medan TD – MK 4 Div.

(2) **Kumpulan 2 – Kapt dan Sabaltan**
– Kapt Nurharyanis bte Abu Bakar (3011178)
– Kemahiran Berfikir: Apakah Kepentingannya untuk Diserapkan Di kalangan Warga Tentera Darat
– MK Latihan TD – PULNORD.

(3) **Kumpulan 3 – PTT Kanan**
– 1081650 PW 2 Azmi bin Abdul Manap
– Rasionalnya Amerika di Bumi Arab
– MK Medan Td.

(4) **Kumpulan 4 – Kpl ke bawah**
– 1110555 Kpl Mohd Hazlyzan bin Ab Hamid
– Pengurusan Kewangan Keluarga Menjamin Masa Depan Keluarga
– MK Log TD – 94 DPP.

*21. **The Army Commander Level Essay Writing Competition.***

*a. The Army Commader Essay Writing Competition is the Army annual event with the purpose of improving the professionalisme quality and promoting a more excellent intellectual ability among the Army officers and LLP. A total of 41 entries consisting of 26 from among the officers and 15 from among the LLPs were received.*

*b. The following is the list of the first place winners for each group for the Army Commander Essay Writing Competition 2009.*

*(1) **Group 1 – Lt Kol and Mej***
*– Mej Fazilah bte Mohd Ali (3005935)*
*– Can China and India Become Threat Power To Be Reckoned in the Space War?*
*– MK Medan TD – MK 4 Div.*

*(2) **Group 2 – Kapt dan Sabaltan***
*– Kapt Nurharyanis bte Abu Bakar (3011178)*
*– Thinking Skills: Apakah Kepentingannya untuk Diserapkan Di kalangan Warga Tentera Darat*
*– MK Latihan TD – PULNORD.*

*(3) **Group 3 – Senior PTT Kanan***
*– 1081650 PW 2 Azmi bin Abdul Manap*
*– Rasionalnya Amerika di Bumi Arab*
*– MK Medan Td.*

*(4) **Group 4 – Corporal and below***
*– 1110555 Kpl Mohd Hazlyzan bin Ab Hamid*
*– Pengurusan Kewangan Keluarga Menjamin Masa Depan Keluarga*
*– MK Log TD – 94 DPP.*

22. **Hari Kualiti Tentera Darat Tahun 2009.**
Acara kemuncak adalah sambutan Hari Kualiti TD (Hari Q TD) yang telah dilaksanakan pada 25 Nov 09 di Auditorium Kementerian Pertahanan. Acara itu bertujuan memberi pengiktirafan kepada organisasi dan kalangan Pegawai/LLP yang telah berjaya mencapai kecemerlangan dalam membudayakan pengurusan kualiti dan penulisan esei. Panglima TD, Jen Tan Sri Muhammad Ismail bin Hj Jamaluddin telah merasmikan majlis dan menyampaikan hadiah–hadiah kepada setiap pemenang AKTD dan Pertandingan Menulis Esei Peringkat Panglima TD tahun 2009.

*22. **The Army Quality Day.***
*The biggest event was the Army Quality Day celebration which was carried out on 25 Nov 09 in the Ministry of Defence Auditorium. The event was held with a purpose of acknowledging the organization and among the officers / LLP that succeeded in achieving excellence in making quality management and essay writing a culture. The Army Commander, General Tan Sri Muhammad Ismail bin Hj Jamaluddin officiated the ceremony and presented the prizes to every winner of AKTD and Essay Writing Competition At Army Commander Level for 2009.*

## TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

### PENDAHULUAN

1. TLDM telah mengorak langkah dari sebuah tentera laut pesisiran pantai atau 'brown water navy' ke sebuah tentera laut samudera atau 'blue water navy' dengan kehadiran aset strategik kebanggaan negara iaitu kapal selam KD TUNKU ABDUL RAHMAN. Selain itu, tahun 2009 juga telah menyaksikan TLDM menyambut Sambutan Ulang Tahun Ke–75 dengan pelbagai aktiviti bermakna yang melambangkan kematangan TLDM setelah mencecah usia tersebut.

### OPERASI

2. Tahun 2009 telah menyaksikan permulaan pengoperasian kapal selam oleh TLDM. KD TUNKU ABDUL RAHMAN telah selamat tiba ke tanah air pada 3 September 2009 setelah melakukan pelayaran selama 54 hari. Ini merupakan satu kejayaan yang besar kerana kebiasaannya, kapal selam yang baru dibina akan diangkut pulang dengan kapal pengangkut. Pelayaran tersebut telah membuktikan keupayaan TLDM dalam mengoperasikan sebuah aset yang berteknologi tinggi. KD TUNKU ABDUL RAHMAN kini telah ditempatkan di Markas Wilayah Laut 2, Kota Kinabalu bagi memantapkan lagi pertahanan perairan Laut Cina Selatan. Kapal selam kedua negara iaitu KD TUN RAZAK telah berjaya ditauliahkan pada 5 November 2009 dan dijangka pulang ke Malaysia pada Mei 2010.

3. 2 buah kapal peronda generasi baru (New Generation Patrol Vassel) iaitu KD PERAK dan KD TERENGGANU telah berjaya ditauliahkan masing–masing pada pada 3 Jun 2009 dan 8 Disember 2009. Kedua–dua kapal ronda ini telah ditempatkan di Markas Wilayah Laut 1, Kuantan bagi memperkasakan lagi perairan Pantai Timur. Selain itu, penamaan dan pelancaran PV ke–6 SELANGOR telah disempurnakan pada 23 Julai 2009.

4. Operasi dalam negara merupakan aktiviti utama yang dilaksanakan sepanjang tahun. Pada tahun 2009, sebanyak 4 operasi dalam negara dilaksanakan seperti berikut:

   a. Op KEKAL WARISAN.
   b. Op PEJARAK.
   c. Op SINAR SAKTI.
   d. Op BENUA SENTOSA.

5. Op FAJAR merupakan satu–satunya operasi luar negara yang disertai oleh TLDM pada tahun 2009. Operasi ini diteruskan menggunakan kapal auxillary BUNGA MAS LIMA bagi mengawasi dan mengawal keselamatan kapal–kapal dagang Malaysia yang melalui perairan Teluk Aden.

6. Selain itu juga, TLDM turut menyertai operasi bersama/ gabungan antaranya seperti berikut:

   a. Op PASIR.
   b. Op Patroli Terkoordinasi (PATKOR).
   c. Patroli Terkoordinasi Operasi Tindakan Maritim (PATKOR OPTIMA).
   d. Op SAMUDERA GAGAH.

7. Selain daripada aktiviti operasi, TLDM juga turut terlibat dalam latihan dan eksesais dalam dan luar negara serta gabungan/bersama. Latihan dan eksesais yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

## *ROYAL MALAYSIAN NAVY*

### *INTRODUCTION*

*1. The Royal Malaysian Navy (RMN) had successfully transformed herself from the era of Riverine Navy, or Brown Water Navy to the ocean–going navy, which is also known as the Blue Water Navy. This was achieved with the insertion of the national strategic asset, KD TUANKU ABDUL RAHMAN. In addition, RMN also celebrated her 75th anniversary by organizing various activities. These had proven her maturity through the experience gained throughout 75 years of operation.*

### *OPERATION*

*2. Year 2009 marked a new era in the RMN fleet operations with the arrival of KD TUANKU ABDUL RAHMAN into the fleet's inventory. After successive sea trials, the submarine sailed back to our waters on 3rd September 2009 after 54–days sailing stint from France. It was remarked as a great achievement because newly–built subs would normally be transported to her homeland by carrier ships. This had proved that RMN and its personnel are capable in operating highly–sophisticated asset. KD TUANKU ABDUL RAHMAN is now stationed in HQ COMNAV 2 to ensure the security and sovereignty in the South China Sea. Our second submarine, KD TUN ABDUL RAZAK was successfully commissioned on 5th November 2009 and scheduled to sail home by May 2010.*

*3. Besides the arrival of submarine, RMN also received 2 units of New Generation Patrol Vessel (NGPV) as an addition to its surface fleet. The ships, named as KD PERAK and KD TERENGGANU, was commissioned on 3rd June and 8th December 2009 respectively. Both of these vessels are now stationed in HQ COMVAV 1 to strengthen the maritime enforcement in the Eastern Peninsula. In addition, the naming and launching of the 6th NGPV, which is PV SELANGOR was also conducted on 23rd July 2009.*

*4. Several domestic maritime enforcement operations had been carried out by RMN in 2009 such as:*

   *a. Op KEKAL WARISAN,*
   *b. Op PEJARAK,*
   *c. Op SINAR SAKTI,*
   *d. Op BENUA SENTOSA.*

*5. Furthermore, RMN had also continued its overseas deployment through Op Fajar. After several issues involving the usage of RMN assets and increasing operational costs, the counter piracy patrolling and protection mission of Malaysian ships transiting the Gulf of Aden was assigned to the auxiliary vessel, MV BUNGA MAS LIMA.*

*6. Apart from that also, RMN take part joint operation / combination among them as follows:*

   *a. Op PASIR*
   *b. PATKOR*
   *c. PATKOR OPTIMA,*
   *d. Op SAMUDERA GAGAH.*

*7. It is an undeniable fact that training is important to create good and reliable forces. In ensuring that it's system and personnel are always at the highest level of readiness, RMN had conducted and also involved in various training and exercises, both domestically and also with neighboring regions. They are as follows:*

a. **Latihan dan Eksesais Dalam Negara.**

(1) Latihan Perang Pangkor.
(2) Operational Sea Training Exercise (OSTEX).

b. **Latihan dan Eksesais Luar Negara.**

(1) Eksesais MALPHI LAUT.
(2) Eksesais MALZEA.
(3) Eksesais MASTEX.
(4) Eksesais LATMA MALINDO JAYA.
(5) Eksesais HORNBILL.

c. **Latihan dan Eksesais Gabungan/Bersama.**

(1) Latihan SEAEX THAMAL.
(2) Eksesais BELANGKAS.
(3) Eksesais ANGSA.
(4) Eksesais CARAT.
(5) Eksesais BERSAMA LIMA.
(6) Eksesais BERSAMA SHIELD.

8. TLDM turut berjaya melaksanakan empat misi penembakan misil sepanjang tahun 2009 bagi menguji keupayaan peralatan, sistem dan sumber manusia. Penembakan misil yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

a. Penembakan Misil STARBUST oleh Pasukan Pertahanan Udara TLDM semasa EKSESAIS PANAH JAGUH dari 17 hingga 28 April 2009.

b. Penembakan 2 buah Misil MM38 EXOCET oleh KD PERDANA pada 7 Julai 2009.

c. Penembakan sebuah Misil ASPIDE oleh KD LAKSAMANA HANG NADIM pada 2 Julai 2009.

d. Penembakan sebuah Misil MM38 EXOCET oleh KD GEMPITA pada 12 November 2009.

9. TLDM telah menjadi peneraju dalam bidang hidrografi dengan penganjuran semula Mesyuarat Jawatankuasa Hidrografi Negara pada 17 November 2009. Kali terakhir mesyuarat ini diadakan ialah 11 tahun yang lalu pada tahun 1998. Pusat Hidrografi Nasional (PHN) juga telah menganjurkan Ekspedisi Pelayaran Saintifik Perdana (EPSP) 2009 yang telah berjaya memartabatkan TLDM sebagai peneraju dalam bidang hidrografi dan oseanografi negara.

10. Tahun 2009 juga telah memperlihatkan penggunaan Carta Pandu Arah Elektronik atau Electronic Navigation Chart yang dihasilkan oleh PHN. Sehingga kini, 30 buah kapal TLDM telah dilengkapkan dengan Carta Pandu Arah Elektronik ini.

## KERJASAMA DUA HALA

11. TLDM berjaya mewujudkan beberapa kerjasama baru dengan beberapa agensi dan kementerian. Kerjasama tersebut telah mewujudkan situasi menang–menang (win–win situation) dan secara langsung telah meningkatkan imej serta nama baik TLDM. Kerjasama yang dimeterai antaranya seperti berikut:

a. Memperkenalkan konsep kapal auxiliary dalam sejarah pertahanan negara dengan pelancaran dan pengoperasian Kapal Auxiliary TLDM BUNGA MAS LIMA pada 1 Jun 2009. Idea ini tercetus dalam usaha TLDM untuk mencari penyelesaian jangka panjang bagi menjimatkan penggunaan aset TLDM.

*a. **Domestic Training and Excercises.***

*(1) Pangkor War Excercise.*
*(2) Operational Sea Training Exercise (OSTEX).*

*b. **Foreign Training and Exercises.***

*(1) MALPHI LAUT.*
*(2) MALZEA.*
*(3) MASTEX.*
*(4) LMAFA MALINDO JAYA.*
*(5) HORNBILL Exercise.*

*c. **Joint Training and Exercises.***

*(1) SEAEX THAMAL.*
*(2) BELANGKAS.*
*(3) ANGSA.*
*(4) CARAT.*
*(5) BERSAMA LIMA.*
*(6) BERSAMA SHIELD.*

*8. In addition, RMN had also successfully carried out 4 live missile firing drills. This was done as a part of the assessment on the capabilities of the equipment, system and also the human resource. The missile firing drills conducted in 2009 were as follows:*

*a. STARBURST Missile firing drill by PPU RMN during EKSESAIS PANAH JAGUH from 17th to 28th April 2009.*

*b. 2 EXOCET MM38 Surface Missile firing by KD PERDANA on 7th July 2009.*

*c. ASPIDE Surface to Air Missile firing by KD LAKSAMANA HANG NADIM on 2nd July 2009.*

*d. EXOCET MM38 Surface Missile firing by KD GEMPITA on 12th November 2009.*

*9. Besides playing an active role in operations and exercises, RMN also played an important role in national hydrographic field by hosting the National Hydrographic Board Meeting on 17th November 2009, which was last held in 1998. This status was also achieved through the involvement of the National Hydrographic Centre (PHN) in the Prime Scientific Sailing Expedition (EPSP) in 2009.*

*10. Furthermore, 2009 also saw the emphasized of the Electronic Navigation Chart (ENC) onboard RMN ships. This system was fully developed by PHN and about 30 R MN ships had been installed by using the system.*

## *TWO WAY AGREEMENTS*

*11. In year 2009, RMN had established some agreements with the ministries and government agencies on various aspects, in which had contributed in the improvement on its image. The agreements made were:*

*a. The introduction of the auxiliary ship concept with the conversion of the MISC vessel MV BUNGA MAS LIMA as RMN auxiliary ship. This idea occurred when RMN was looking for a long term solution in reducing the usage of RMN asset, especially during Op FAJAR.*

b. Menerajui Ekspedisi Pelancaran Saintifik Perdana (EPSP) 2009 buat pertama kalinya bersama 3 buah kementerian iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Ekspedisi yang telah dilancarkan oleh YB Datuk Dr Maximus Johnity Ongkili, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi pada18 Jun 2009, telah melakar sejarah baru dalam konteks penyelidikan oseanografi bersama di Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi kerana ia juga melibatkan 54 penyelidik dan pelajar daripada 7 agensi Kerajaan dan 8 Institut Pengajian Tinggi (IPT) bagi memantapkan usaha penyelidikan dan pembangunan dalam bidang oseanografi.

*b. Pioneering the Prime Scientific Launching Expedition (EPSP). This expedition was launched by the Minister of Science, Technology and Innovation, Datuk Dr Maximus Johnity ongkili on 18th June 2009 and marked a new history in joint oceanographic research in the South China Sea, Sulu Sea and also Sulawesi Sea.*

c. TLDM juga merupakan perkhidmatan pertama yang mewujudkan kerjasama dengan Jabatan Arkib Negara melalui Pusat Sumber Maritim dan Sejarah (PUSMAS) TLDM. Kerjasama yang dimeterai pada 27 Ogos 2009 ini bakal memperkasakan PUSMAS TLDM sebagai one stop centre of institutional memory.

*c. Becoming the first maritime enforcement agency to establish cooperation with the National Archieve through the launching of the Maritime and History Library, or also known as PUSMAS. The agreement will make PUSMAS as the one stop centre of institutional memory for RMN in the coming years.*

12. Kerjasama yang telah dibentuk ini merupakan satu manifestasi kepada konsep civil military cooperation dan pertahanan menyeluruh di antara institusi Kerajaan, bukan Kerajaan dan Angkatan Tentera Malaysia.

*12. All of these agreements were made to manifest the civil military cooperation concept, which focuses on total defence among the government, non–government institution and the Malaysian Armed Forces.*

## PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

## *INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT*

13. TLDM sentiasa memberi tumpuan terhadap aspek kesejahteraan dan penambahbaikan kualiti hidup dan tempat kerja. Projek–projek yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2009 adalah seperti berikut:

*13. RMN had also implemented several improvement and maintenance projects in 2009 in order to provide better facilities to the Navy Army.They are as follows:*

a. Penyerahan Pangkalan TLDM Teluk Sepanggar dan pemasangan lampu jalan di jalan masuk Pangkalan TLDM tersebut.

*a. The handing over of the HQ COMNAV 2 in Teluk Sepanggar and the street lighting fixing project along the roads entering the naval base.*

b. Selenggaraan ke atas 2 blok rumah keluarga 10 tingkat di Pangkalan TLDM Lumut.

*b. The maintenance of 10 – storey quarters in Lumut Naval Base.*

c. Kerja–kerja naik taraf Auditorium M Sidek Shabudin yang merupakan Auditorium Serba Guna di Pangkalan TLDM Lumut.

*c. The upgrading and renovation works on the M Sidek Shabudin Auditorium.*

d. Kerja–kerja naik taraf makmal bahasa di KD SULTAN IDRIS 1 yang merupakan Pusat Latihan Asas dan Lanjutan Pegawai TLDM.

*d. The upgrading of the language lab in KD SULTAN IDRIS I.*

e. Kerja–kerja baik pulih bangunan OP CABUT Support Group di Markas Wilayah Laut 1, Kuantan.

*e. The maintenance works in the OP CABUT Support Group building in HQ COMNAV 1.*

14. Projek–projek pembinaan infrastruktur yang baru dilancarkan pada tahun 2009 pula ialah seperti berikut:

*14. Besides upgrading and maintaining the infrastructures, a few new projects had also been launched in 2009 to sustain the growing needs for new infrastructures and facilities. They are as follows:*

a. Projek pembinaan Pusat Latihan Pasukan Simpanan Sukarela (PSS) TLDM KD SRI PINANG yang dijangka siap pada April 2011.

*a. The building of Naval Volunteer Reserve Unit Training Centre, KD SRI PINANG. The project will be completed by April 2014.*

b. Pembinaan Markas Udara TLDM yang melibatkan KD RAJAWALI dan skuadron–skuadron naungan yang dijangka siap pada penghujung tahun 2010.

*b. The building of the RMN Air Headquarters which involves KD RAJAWALI and all RMN Air Squadrons. This project will be completed by the end of 2010.*

c. Pembinaan Pusat Sumber Peperangan Maritim TLDM di Pangkalan TLDM Lumut yang dijangka siap pada tahun 2010.

*c. The building of Maritime Warfare Library in Lumut Naval Base which will be completed in 2010.*

d. Pembangunan semula infrastruktur Pangkalan TLDM Lumut yang melibatkan bangunan prasekolah, pusat komuniti, kompleks memanah dan dewan sukan yang dijangka siap pada tahun 2010.

e. Pembangunan semula KD SRI TAWAU yang dijangka siap pada tahun 2011.

f. Pembinaan bunker dan stor tambahan di Depot Peluru dan Letupan TLDM yang dijangka siap pada awal tahun 2010.

g. Pembangunan semula KD SRI SANDAKAN melibatkan kerja–kerja bangunan dan kemudahan yang dijangka siap pada tahun 2011.

h. Pembinaan 122 buah rumah keluarga pelbagai kelas di Markas Wilayah Laut 3 Langkawi yang dijangka siap pada penghujung tahun 2010.

15. Secara keseluruhannya, sebanyak RM188 juta telah dibelanjakan bagi projek–projek pembangunan TLDM sepanjang tahun 2009.

## SUMBER MANUSIA

16. TLDM turut memberi tumpuan ke arah melahirkan sumber manusia yang cemerlang. Pada tahun 2009 inisiatif–inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

a. Memperkenalkan struktur kerjaya kemahiran pelbagai atau multi–skilling askar lasykar TLDM.

b. Menangguhkan pengambilan Diploma Teknologi Marin (DTM) bagi mengkaji dan merombak semula program ini agar ia mencapai piawaian competency yang diperlukan dan menyelesaikan masalah lebihan anggota DTM berbanding perjawatan.

c. Memansuhkan pelaksanaan struktur kerjaya dwi–laluan pegawai TLDM setelah mengkaji semula kesesuaian dan kekangan yang bakal dihadapi.

d. Menambah tempoh latihan perajurit muda dari 4 ke 5 bulan bagi mempertingkatkan lagi kualiti anggota yang dihasilkan.

e. Memperkenalkan konsep modular training untuk pegawai dan anggota Pasukan Simpanan Sukarela TLDM di mana mereka berpeluang untuk mengikuti kursus–kursus anggota tetap bagi melahirkan anggota PSSTLDM yang berkemahiran.

17. Aspek pembangunan dan kemajuan kerjaya warga TLDM turut diberi tumpuan. Pada tahun 2009, seramai 353 pegawai dan seramai 2077 LLP telah dinaikkan pangkat. Ini merupakan sebanyak 13.5% daripada keanggotaan keseluruhan TLDM. Manakala, seramai 6720 anggota telah dihantar berkursus di dalam dan di luar negara berbanding 5801 anggota pada tahun 2008, iaitu peningkatan sebanyak 5%.

18. TLDM juga sentiasa memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga yang memberikan khidmat yang cemerlang. Seramai 157 pegawai dan anggota TLDM telah dikurniakan dengan pelbagai pingat sama ada di peringkat negeri dan persekutuan yang melambangkan pengiktirafan negara terhadap

*d. The re–development of the infrastructures in Lumut Naval Base which involves pre–school building, Community Centre, Archery Complex and Sports Complex. This project will be completed in 2010.*

*e. The re–development of KD SRI TAWAU. This project will be completed by 2011.*

*f. The building of bunker and additional stores in Naval Explosives and Ammunition Depot which will be completed by beginning of 2010.*

*g. The redevelopment of KD SRI SANDAKAN which consists the building and facilities development. This project will be completed on 2011.*

*h. The building of 122 family quarters from various classes in HQ COMNAV 3. This project will be completed by the end of 2010.*

*15. In total, RM 188 million spent by the government for the development projects in RMN bases and establishments throughout 2009.*

## *HUMAN RESOURCE*

*16. Besides the development of infrastructures and facilities, the development of human resource also important in order to create a well–balanced naval force. Among the initiatives made to improve the human resource aspect in year 2009 are as follows:*

*a. Introducing of the multi–skilling job structure for the other rank.*

*b. Postponement the intakes for Maritime Technology Diploma (DTM) programme. This was done to re–evaluate the DTM programme and also to overcome the excess of DTM graduates.*

*c. Abolishment the multi–function job structure for RMN officers cor.*

*d. Increasing the duration of initial training for the recruits from 4 to 5 months to assure the quality of the output.*

*e. Introduction of the modular training concept for the personnel of the Naval Volunteer Reserve Unit so that they could be given the chance to join the courses that are catered for the regular servicemen.*

*17. Besides developing the human capital, the career developments of the RMN personnel were also taken care. In 2009, a total of 353 officers and 2077 ratings were given promotion, which represents 13.5% of the overall strength. Furthermore, 6720 personnel were sent for various courses domestically and also abroad. This had shown an increase of 5% compared to the total number of personnel attended courses in 2008, which was about 5801 personnel.*

*18. Besides that, RMN also always recognizes the hard work and outstanding performances given by its personnel. In 2009, 157 RMN personnel had been awarded with various federal and state medals as a recognition for their outstanding performance and contributions. Furthermore, 124 officers and 1366 ratings were given Excellent Service Award*

pengorbanan TLDM. Selain itu, seramai 124 pegawai dan 1366 anggota LLP menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Manakala 401 pegawai dan 3230 anggota LLP menerima anjakan gaji. Statistik perbandingan penerima anjakan gaji dan penerima APC bagi warga TLDM adalah seperti berikut:

*(APC) while 401 officers and 3230 ratings received salary increment. This had shown a significant increase of number compared to year 2008 as shown below:*

| Tahun/ *Year* | Pegawai / *Officer* | | LLP | |
|---|---|---|---|---|
| | Anjakan / *Increment* | APC | Anjakan / *Increment* | APC |
| 2008 | 271 | 153 | 3360 | 1177 |
| 2009 | 401 | 124 | 3230 | 1366 |

**Statistik Penerima Anjakan Gaji dan APC Tahun 2009**
***Statistics Receiver Salary and APC in 2009***

19. Hal ehwal disiplin warga TLDM turut diberi perhatian dari semasa ke semasa. Secara keseluruhannya, kes Tidak Hadir Tanpa Cuti (THTC) menunjukkan penurunan pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 dan 2007. Walau bagaimanapun, bagi kes–kes disiplin yang lain, terdapat sedikit peningkatan berbanding tahun 2008. Justeru, beberapa tindakan dan inisiatif baru telah diambil bagi memastikan disiplin warga TLDM sentiasa terkawal. Statistik kes disiplin TLDM adalah seperti berikut:

*19. The disciplinary aspect of the RMN personnel was also given some attention throughout 2009. In general, the Absent Without Leave (AWOL) cases had decreased compared to the years before. However, some of the disciplinary cases had recorded slight increase. Thus, initiatives and actions had been taken to ensure that the disciplinary level within the RMN personnel will be always in a controlled manner. The statistic of the disciplinary cases reported are as follows:*




**Statistik Kes Disiplin TLDM**
***TLDM Disciplinary Statistics***

## PENTADBIRAN

## *MANAGEMENT*

20. Kejayaan TLDM melaksanakan beberapa acara bermakna yang berjaya melakar sejarah tersendiri merupakan pencapaian membanggakan sepanjang tahun 2009. Aktiviti–aktiviti yang telah dilaksanakan antaranya seperti berikut:

a. Pelancaran Persatuan Pesara Pegawai TLDM (RMNOA) pada 17 Januari 2009.

b. Pentauliahan 5 unit ke dalam perkhidmatan TLDM iaitu KD PANGLIMA HITAM pada 15 April 2009, KD SRI KOTA KINABALU dan KD SRI LIKAS pada 4 September 2009, KD SRI GOMBAK pada 15 September 2009 dan KD SULTAN BADLISHAH pada 2 Disember 2009.

*20. 2009 had been flourished with memorable and historical events in RMN history. There were plenty of important events coordinated and organized throughout year, such as:*

*a. The launching of RMN Retired officers Association (RMNOA) on 17th January 2009.*

*b. The commissioning of 5 new unit in RMN, which were KD PANGLIMA HITAM on 15th April 2009, KD SRI OTA KINABALU and KD SRI LIKAS on 4th September 2009, KD SRI GOMBAK on 15th September 2009 and KD SULTAN BADLISHAH on 2nd December 2009.*

c. Majlis Hari Bersama Media pada 15 April 2009 di KD LEKIU dan KD LEKIR. Majlis ini memberi peluang kepada warga media merasai sendiri pengalaman belayar bersama–sama kapal TLDM.

*c. The 'Day With Media' onboard KD LEKIU and KD LEKIR on 15th April 2009, which was held to give a chance for the journalists to feel the sailing experience onboard RMN ships.*

d. Pelancaran album dan CD Koir Suara Warisan (KOSWA) TLDM pada 17 April 2009. Album ini merupakan album sulung yang diterbitkan di bawah naungan komposer terkenal tanah air, Dato' Wah Idris.

*d. The launching of the album and Compact Disc for Koir Suara Warisan (KOSWA) was on 17th April 2009. This it was the first ever album that was produced under the supervision of the famous composer Dato' Wah Idris.*

e. Pengisytiharan Lumut sebagai Bandar Tentera Laut pada 24 April 2009 yang merupakan bandar pertama di Malaysia dan di rantau Asia Tenggara yang diiktiraf sebagai Bandar Tentera Laut.

*e. The naming ceremony of Lumut as Naval Town on 24th April 2009. This ceremony had created a history on its own, as Lumut was the first town in South East Asia to be named as the Naval Town.*

f. Hari Terbuka Armada bersama TV3 Jom Heboh pada 25 hingga 27 April 2009. Seramai lebih 1.1 juta pengunjung telah menghadiri Hari Terbuka Armada sepanjang aktiviti ini diadakan.

*f. The Armada Open Day and 'Jom Heboh' by TV3 from 25th till 27th April 2009, which was hosted in conjunction with the 75th Anniversary of RMN. This event had attracted a total number of 1.1 million visitors.*

g. Penganugerahan Panji–Panji Pasukan kepada KD RAJAWALI, KD SRI SANDAKAN dan KD PANGLIMA HITAM pada 27 April 2009.

*g. The awarding of the Royal Colours for KD RAJAWALI, KD SRI SANDAKAN and KD PANGLIMA HITAM on 27th April 2009. KD SRI SANDAKAN was the first unit in Sabah to be awarded with the Royal Colours.*

h. Pelancaran Buku Brown To Blue – 75 Years of Sacrifice, Jurnal Pelayaran KLD TUNAS SAMUDERA mengelilingi dunia serta setem dan syiling kenangan sempena 75 tahun TLDM pada 27 April 2009.

*h. The launching of the Book Brown to Blue – 75 Years of Sacrifice, Sailing Journal of KLD TUNAS SAMUDERA and the launching of remembrance coin of 75th anniversary of RMN on 27 April 2009.*

i. Pelancaran Pusat Sumber Maritim dan Sejarah (PUSMAS) TLDM pada 27 April 2009.

*i. The launching of Naval Maritime and History Library (PUSMAS) on 27th April 2009.*

j. Persidangan serta pameran Langkawi International Maritime and Aerospace (LIMA) 09 dari 29 Nov hingga 5 Dis 2009.

*j. The coordination and participation in Langkawi International Maritime and Aerospace (LIMA) 09 from 29th Nov till 5th Dec 2009.*

21. Selain itu, TLDM sentiasa prihatin terhadap keperluan masyarakat dengan memberi bantuan yang berterusan kepada agensi–agensi yang memerlukan. Bantuan yang telah dihulurkan sepanjang tahun 2009 antaranya ialah 3 bantuan medical evacuation, 1 bantuan pemindahan organ dan 9 bantuan misi mencari dan menyelamat.

*21. Besides that, RMN also aware of its responsibilities to the social welfare of the citizens and providing aids and assistance to various agencies whenever required. In 2009, RMN had conducted 3 medical evacuations (MEDIVAC), 1 air service for organ transplant and 9 search and rescue missions.*

## PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

## *ACHIEVEMENTS AND RECOGNITIONS*

22. Tahun 2009 juga telah menyaksikan TLDM merangkul beberapa kejayaan yang manis serta pengiktirafan membanggakan seperti berikut:

*22. RMN had achieved various glories and recognitions in various field through 2009, such as:*

a. TLDM telah menerima pengiktirafan daripada International Maritime Organisation (IMO) dengan menerima anugerah Exceptional Service Rendered to Shipping and Mankind pada 23 November 2009 di London sebagai menghargai usaha TLDM dalam menangani kegiatan pelanunan di Teluk Aden.

*a. The Exceptional Service Rendered to Shipping and Mankind award by International Maritime Organization (IMO) on 23rd November 2009 which was awarded as recognition for the proactive effort and assistance provided by RMN in preventing piracy in the Gulf of Aden.*

b. TLDM berjaya memenangi 3 daripada 6 kategori Anugerah Kualiti Kementerian Pertahanan 2009 iaitu Depot Bekalan Armada bagi kategori Teknologi Maklumat, KD SRI SANDAKAN bagi kategori Kewangan dan KD LEKIU bagi kategori Kesiagaan.

*b. Winning 3 out of 6 categories in the Ministry of Defence Quality Award 2009 of Depot Bekalan Armada for category Information Technology, KD SRI SANDAKAN for category Financial and KD LEKIU for category Readiness*

c. 3 buah unit TLDM iaitu Markas Pendidikan dan Latihan TLDM, KD SULTAN IDRIS 1 dan Pusat Kepimpinan TLDM telah menerima persijilan MS ISO 9001:2008 serta menjadikan keseluruhan

*c. The MS ISO 9001:2008 certification for Naval Education and Training Command, KD SULTAN IDRIS 1 and RMN Leadership Centre, which makes the total number of units certified with MS ISO*

markas dan unit TLDM yang mendapat persijilan Sistem Pengurusan Kualiti sebanyak 27 unit. Selain itu, 3 buah unit TLDM iaitu KD DUYUNG, Markas Udara TLDM dan Depot Senggara Armada telah diiktiraf dengan persijilan Occupational Health and Safety Management System atau OHSAS 18001:2007.

*qualification increased to 27. Meanwhile, KD DUYONG, RMN Air Command and Fleet Maintenance Depot had become among the first units in Malaysian Armed Forces to be certified with Occupational Health and Safety Management System, known as OHSAS 18001:2007.*

d. 3 pegawai TLDM telah dilantik sebagai Pengurus Pasukan Sukan SEA Ke–25 yang diadakan di Laos. Selain itu, seorang pegawai TLDM telah dilantik sebagai pegawai koordinasi, 3 orang sebagai jurulatih dan 46 anggota TLDM yang terlibat sebagai atlet negara ke sukan tersebut. 20 daripada 46 atlet TLDM telah berjaya membawa pulang sebanyak 31 pingat iaitu 5 emas, 9 perak dan 17 gangsa.

*d. 3 RMN personnels were appointed as the team managers during the 25th SEA Games in Laos. In addition, 46 RMN personnel involved in the SEA Games as athlete in various sports, in which 20 of them had contributed 31 medals for Malaysian contingent, namely 5 gold, 9 silver and 17 bronze medals.*

e. TLDM berjaya menjadi Johan bagi pertandingan sukan antara perkhidmatan ATM untuk 2 tahun berturut– turut dan 3 kali dalam tempoh 4 tahun kebelakangan.

*e. RMN had emerged as the champion in the Inter Service Sports for the second successive years, and 3rd time in the last 4 years.*

## PRESTASI KEWANGAN

## *FINANCIAL PERFORMANCE*

23. Pada keseluruhannya, prestasi perbelanjaan Program Pertahanan Maritim bagi tahun kewangan 2009 adalah baik kerana berada dalam varian yang dibenarkan. Sebanyak RM1,833,669,504.74 (103.74%) telah dibelanjakan daripada sejumlah RM1,767,608,900 peruntukan Belanja Mengurus diterima. Prestasi perbelanjaan Dasar Sedia Ada yang defisit dan memberi kesan kepada prestasi keseluruhan Program adalah disebabkan pembayaran emolumen dan pembayaran Bantuan Khas sebanyak RM500 untuk setiap anggota tentera dan kakitangan awam yang tidak dibajetkan.

*23. The overall expenditure of the Maritime Defence Programme in the financial 2009 was within the allowed variant. A total amount of RM1,833,669,504.74 (103.74%) was spent from the allowed allocation, which was RM1,767,608,900. The deficit performance of Dasar Sedia Ada which effected to the overall Programme performance are caused by emolument and Bantuan Khas payment which is not budgeted.*

24. Sebanyak 2 Pusat Tanggungjawab (PTJ) TLDM iaitu KD PELANDOK dan KD SRI SANDAKAN telah mendapat penarafan 4 Bintang dalam pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti Secara One–line (AIMS). Selain itu, PTJ KD PELANDOK turut diiktiraf sebagai PTJ Terbaik di peringkat Program.

*24. 2 PTJs in RMN which is KD PELANDOK and KD SRI SANDAKAN were awarded 4 star during the financial audit based on the online Accountability Index. Besides that, KD PELANDOK was certified as the Best PTJ.*

## PENUTUP

## *CONCLUSION*

25. Secara keseluruhannya, prestasi TLDM pada tahun 2009 adalah membanggakan. Pencapaian ini dinilai berdasarkan kepada 10 Objektif Strategik yang digariskan di dalam Pelan Strategik TLDM tahun 2009 di mana 9 daripada 10 Objektif Strategik berjaya dicapai. Walau bagaimanapun, usaha yang berterusan akan terus dilaksanakan demi mencapai visi yang ditetapkan iaitu Menjadi Tentera Laut Berkualiti.

*25. On the whole, the performance of RMN in 2009 was at satisfactory level. This achievement was assessed based on the 10 Strategic Objectives underlined in the RMN Strategic Plan 2009. RMN had successfully achieved 9 out of the 10 Strategic Objectives. However, continuous effort will be implemented so that the organization could meet the vision, which is to become The Quality Navy.*

## TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA

## *ROYAL MALAYSIAN AIR FORCE*

### PENDAHULUAN

Syukur alhamdulillah, dengan izinNya, TUDM telah selamat mengharungi cabaran di dalam tahun 2009 dengan penuh keredhaan dan ketabahan. Berbagai kejayaan yang telah dicapai dan tidak kurang juga dugaan yang menguji kecekalan dan ketahanan. Namun begitu, TUDM yakin bahawa semua itu tidak mungkin dapat mematahkan mahupun meluntukan semangat juang yang dimiliki oleh perwira dan perajurit warga tentera udara.

Tahun 2009 telah menyaksikan peralihan kuasa Panglima Tentera Udara (PTU) yang telah diambilalih oleh Jeneral Dato' Sri Rodzali bin Daud TUDM mulai pada 1 September 2009.

Selaku pemimpin tertinggi beliau telah memperkenalkan cogankata 'satu perkhidmatan, satu visi dan satu misi' atau 'one service, one vision and one mission' yang kini menjadi pegangan dan panduan utama semua warga tentera udara.

### *FOREWORD*

*Thanks to Allah S.W.T., with His Consent, RMAF has overcome all hurdles and challenges in the year 2009 with patience and tenacity. Various successes were achieved and not to mention the challenges which put our determination and endurance to the test. Nevertheless, RMAF is confident that all the challenges and obstacles would not hamper the fighting spirit possessed by the heroes and soldiers from the air force.*

*2009 witnessed a change in power of the Air Force Commander (PTU) which was taken over by Jeneral Dato' Sri Rodzali bin Daud starting from 1 September 2009.*

*As the highest leader, he has introduced a slogan 'satu perkhidmatan, satu visi dan satu misi' or 'one service, one vision and one mission' which has now become the main ideology and guidance for all members of the air force.*



**Majlis serah terima tugas PTU daripada Jen Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM kepada Jen Dato' Sri Rodzali bin Daud TUDM.**
***The PTU duties handover ceremony from Jen Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin RMAF to Jen Dato' Sri Rodzali bin Daud RMAF.***



**Panglima Tentera Udara Jen Dato' Sri Rodzali bin Daud TUDM**
***Air Force Commander Jen Dato' Sri Rodzali bin Daud RMAF***



**Majlis serah terima tugas Timbalan PTU daripada Lt Jen Datuk Seri Bashir Bin Hj Abu Bakar TUDM kepada Lt Jen Datuk Hj Shahron Bin Hj Ibrahim TUDM**
***The handover of Deputy PTU duties ceremony from Lt Jen Datuk Seri Bashir Bin Hj Abu Bakar RMAF to Lt Jen Datuk Hj Shahron Bin Hj Ibrahim RMAF.***

Di sepanjang tahun 2009 TUDM berbangga kerana beroleh kejayaan di dalam melaksanakan tugas–tugas utama meliputi operasi dan latihan. Penglibatan TUDM di dalam pameran Langkawi International Maritime and Aerospace atau lebih dikenali dengan LIMA '09 merupakan kemuncak komitmen dan kesungguhan TUDM.

TUDM turut berbangga di atas kejayaan di dalam bidang sukan. Pencapaian di dalam sukan kriket, hoki, tinju dan ragbi amatlah memberangsangkan sekali di mana TUDM telah menjadi juara bagi beberapa kejohanan di peringkat ATM, dalam negara dan juga antarabangsa.

TUDM akan meneruskan usaha–usaha dengan lebih gigih lagi di tahun–tahun mendatang, baik dari segi perolehan mahupun dalam aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi membangunkan keupayaan. Dengan perancangan strategi yang sistematik, tentera udara kini telah menerima kesemua perolehan pesawat baru seperti yang dihasratkan iaitu SU–30MKM dan Aermacchi MB–339CM sebagai tonggak untuk mempertahankan ruang angkasa Malaysia.

*Through out the year 2009, RMAF was proud to successfully implement its main tasks, which included operations and training. RMAF involvement in the Langkawi International Maritime and Aerospace exhibition or more popularly known as LIMA '09 was the height of RMAF commitment and determination.*

*RMAF was also proud of its successes in the field of sports. Achievements in cricket, hockey, boxing and rugby were very encouraging where RMAF became the champion in various championships at MAF level, locally and internationally.*

*RMAF will continue its effort more intensely in the years to come,whether in terms of procurement or research and development (R&D) aspects to develop its capabilities. With a systematic and strategic planning, the air force recently has received all procurements of new air crafts as intended which are the SU–30MKM and Aermacchi MB–339CM as the main force to defend Malaysian air space.*

## KECEMERLANGAN KAJIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) PUSPEKA

## *EXCELLENCE IN PUSPEKA RESEARCH AND DEVELOPMENT (R&D) STUDIES*

Pusat Perkhidmatan Kejuruteraan Aerospace TUDM (PUSPEKA) telah ditubuhkan pada tahun 1988 menjalankan penyelidikan ke atas kejuruteraan aerospace. Pada masa ini PUSPEKA telah beroperasi penuh di PU Subang semenjak tahun 1999 sehingga sekarang. Dengan tanggungjawab yang diberikan PUSPEKA komited untuk merealisasikan visi dan misi yang ditetapkan sebagai sebuah pusat Kajian R&D TUDM.

*RMAF Aerospace Engineering Service Centre (PUSPEKA) was established in 1988 to conduct researches on aerospace engineering. Currently, PUSPEKA has been in full operation at PU Subang from 1999 until now. With the responsibilities given, PUSPEKA is committed to realize the vision and mission that have been set as a centre for RMAF R & D Studies.*

Tahun 2009 PUSPEKA telah membuktikan kemampuan PUSPEKA terserlah apabila berjaya melaksanakan Perkhidmatan Kejuruteraan Aeroangkasa yang efektif dan efisyen ke seluruh TUDM.

*In 2009, PUSPEKA clearly proven its capability when it succeeded in implementing an effective and efficient Aerospace Engineering Services for the whole RMAF.*

Di antara projek yang dilaksanakan adalah projek peningkatan keupayaan tempur TUDM yang panggil projek Tear Down Inspection (TDI) bagi pesawat Nuri (Sikiorsky S–61–A). Projek TDI tersebut melibatkan pemeriksaan menyeluruh ke atas pesawat Nuri bagi menentukan samada struktur pesawat masih utuh dan dapat menampung kegunaan pesawat tersebut sekurang–kurangnya hingga ke tahun 2020. Projek TDI ini telah bermula pada bulan Jun 2009 dan dijangka selesai pada bulan April 2010. TDI merupakan projek pertama dilaksanakan di Asia Tenggara.



*Among the projects implemented was the RMAF combat capability–upgrading project, which was called Tear Down Inspection (TDI) project for Nuri (Sikiorsky S–61–A) aircrafts. The TDI project involved a comprehensive inspection of Nuri aircrafts to determine whether the aircraft structures were still strong and could support the use of the aircrafts for at least until 2020. The TDI project started in June 2009 and is expected to end in April 2010. TDI was the first project to be implemented in South East Asia.*



Satu lagi kejayaan PUSPEKA adalah menghasilkan rekabentuk bagi payung seret untuk pesawat SU–30MKM dan pesawat Hawk. Projek usahasama dengan industri tempatan ini adalah kesinambungan daripada projek payung seret pesawat MiG29 yang kini telah menembusi pasaran dunia.

*Another PUSPEKA success was the production of drag umbrella design for SU–30MKM and Hawk aircrafts.This joint venture project with local industries is a continuation of the MiG29 aircraft drag umbrella project, which has penetrated the world market.*

Hasil dedikasi dan inovasi warga PUSPEKA telah membolehkan PUSPEKA buat julung kalinya muncul sebagai Johan Anugerah Kualiti Kementerian Pertahanan 2009 dalam Kategori Inovasi. Penghasilan inovasi yang dinamakan Sarfind Universal Adapter Box telah membolehkan alat pengesan SARFIND tersebut digunakan oleh semua pesawat mencari dan penyelamat TUDM dan agensi luar. Rekaan ini adalah yang pertama di dunia dan belum dihasilkan oleh mana–mana pihak sebelum ini.

*The outcomes of the dedication and innovation of the PUSPEKA members have enabled PUSPEKA to emerge as the Winner of the Ministry of Defence Quality Award 2009 for the first time in the Innovation Category. The innovative product, which was named as Sarfind Universal Adapter Box, enabled the SARFIND sensor to be used by all RMAF search and rescue aircrafts and other agencies. This invention is the first in the world and has not been produced by any other party before this.*

Lain–lain kejayaan yang ditempa oleh PUSPEKA di sepanjang tahun 2009 adalah seperti penghasilan (1) Bird Impact Test Gun for F5 aircraft canopy life extension dengan universiti tempatan, (2) usahasama dengan industry tempatan proof of concept integrasi sistem radar tentera darat dan radar pertahanan udara TUDM. (3) menaiktaraf pelancar roket LAU 5003 A/A kepada LAU 5003 D/A dan banyak lagi.

*Other successes achieved by PUSPEKA through out the year 2009 were the production of (1) Bird Impact Test Gun for F5 aircraft canopy life extension with local universities, (2) joint venture with local industries proof of concept integration of army radar and RMAF air Defence radar systems. (3) Upgrade the LAU 5003 A/A rocket launcher to LAU 5003 D/A and many more.*





Kejayaan–kejayaan ini akan terus membakar semangat PUSPEKA untuk terus menyumbangkan khidmat dan kepakarannya untuk meningkatkan daya juang TUDM khasnya dan ATM amnya pada tahun 2010 dan seterusnya bagi menjayakan konsep "1 Perkhidmatan 1 Visi 1 Misi TUDM" tercapai, insyallah.

*These successes shall continue to fire up PUSPEKA's ardour to keep on contributing its services and expertise to spark RMAF fighting spirit in particular and MAF in general in 2010 and so on to ensure the success of "RMAF 1 Service, 1 Vision and 1 Mission", InsyaAllah.*

## PEROLEHAN KENDERAAN DOMESTIK TUDM

## *PROCUREMENT OF RMAF DOMESTIC VEHICLES*

Di sepanjang tahun 2009 TUDM telah memperolehi kenderaan pelbagai guna untuk pengangkutan di pangkalan–pangkalan.

*In the year 2009, RMAF has obtained multi purpose vehicles for transportation at the bases.*



**Bas Coaster /** ***Coaster Bus***
Sebanyak 21 buah bas Coaster telah diperoleh untuk menggantikan Van Isuzu.
*A total of 21 Coaster buses were obtained to replace the Isuzu Vans.*



**Van Toyota Hiace /** ***Toyota Hiace Vans***
Sebanyak 45 buah van Toyota Hiace telah diperolehi untuk menggantikan van Inokom Permas.
*A total of 45 Toyota Hiace vans were received to replace the Inokom Permas vans.*



**Nissan Frontier.**
Sebanyak 20 buah kenderaan ini telah diperolehi untuk kegunaan Provos TUDM bagi melaksanakan tugas rondaan dan kawalan keselamatan.
*20 of these vehicles were obtain for the use of RMAF Provos to carry out patrolling tasks and security control.*




**Trak 3 Ton 4x4 Hicom Handalan (Assault Boat).**
***3 Tonne 4x4 Hicom Handalan (Assault Boat) Truck .***
Sebanyak 3 buah kenderaan ini telah diperoleh untuk kegunaan Pasukan Khas Rejimen TUDM untuk membawa bot tempur.
*3 of these vehicles were received for the use of RMAF Regiment Special Unit to transport combat boats.*

**Trak 3 Ton 4x4 Hicom Handalan.**
***3 Tonne 4x4 Hicom Handalan Truck .***
Sebanyak 7 buah kenderaan ini telah diperoleh untuk menggantikan Trak 3 Ton yang telah dikategorikan sebagai Tidak Ekonomi Dibaiki (TEB) dan yang telah dilupuskan.
*7 of these vehicles were obtained to replace the 3 Tonne Trucks which were categorised as Irreparable and have been written off.*

## OPERASI DAN EKSESAIS TUDM

## *RMAF OPERATIONS AND EXERCISE*

Di sepanjang tahun 2009 TUDM telah menjalankan 17 eksesais utama mengikut perancangan. Eksesais–eksesais berkenaan meliputi Eks. Bersama, Eks. Gabungan dan Eks. Satu Pihak.

*Through out 2009, RMAF conducted 17 main exercises according to planning. The exercises included Eks. With, Eks. Joint and Eks. one Side*

Secara amnya, TUDM telah berjaya melaksanakan semua eksesais berkenaan dengan cekap dan berkesan dengan mengawal tatacara perbelanjaan berhemah tanpa menjejaskan pencapaian objektif eksesais yang telah ditetapkan. Di antara eksesais–eksesais di sepanjang tahun 2009 adalah seperti berikut:

*In general, RMAF has succeeded in implementing all of the exercises efficiently and effectively by controlling the prudent spending procedure without compromising on the achievement of objectives of the exercises that have been set. Among the exercises through out 2009 are as follows:*

(1) **Eksesais CARAT 09.**
Eksesais CARAT 09 adalah Eksesais Tahunan Bersama di antara ATM dan USF anjuran Markas ATM. Eksesais ini dijalankan pada 18 Jun hingga 02 Jul 09 di Kemaman, Kuantan, Kuala Rompin dan Laut China Selatan. Eksesais ini melibatkan ketiga–tiga perkhidmatan TDM, TLDM dan TUDM dengan USN, USMC dan USF. Aset TUDM yang terlibat ialah pesawat MiG–29N, Nuri dan CN235 termasuk Skn Pertahanan Udara dan PASKAU Rejimen TUDM.

(2) **Eksesais AIR THAMAL19/2009.**
Eksesais ini adalah merupakan Eksesais Bersama tahunan. Ia telah dijalankan pada 15 hingga 26 Jun 09 di PU Butterworth. Konsep Eksesais Air Thamal pada kali ini adalah melaksanakan latihan medan khusus kepada latihan udara gabungan tanpa melibatkan sebarang unsur politik antarabangsa. Eksesais ini melibatkan 19 pesawat iaitu 12 pesawat TUDM dan 7 pesawat RTAF. Di antara pesawat TUDM yang terlibat adalah 5 x F/A 18D, 5 x Hawk, 1 x CN 235 dan 1 x S61A–4(Nuri), manakala pesawat RTAF adalah 6 x F–5 E/F dan 1 x BELL 412.

(3) **RODEO 2009.**
RODEO merupakan satu pertandingan anjuran US Air Mobility Command yang melibatkan pelbagai disiplin diantaranya ialah Tactical Air Drop–Personnel, Container Delivery System CDS, Heavy Equipment HE, Short Fileld Landing dan Aircarft Maintenance. RODEO 2009 telah dijalankan pada 19 hingga 24 jul 09 di McChord Air Force Base Washington, USA. TUDM telah menghantar sebuah pesawat C130 beserta anak kapal untuk pertandingan ini. Pengalaman yang diperolehi dari eksesais tersebut amat berguna bagi melaksanakan operasi dalam negara kelak.

(4) **Eksesais Pacific Air Lift Rally 2009 (PAR09).**
Eksesais ini di jalankan di antara TUDM dan Pasific Command dari USAF dan dikenali dengan Ex PAR 09. Eksesais telah dijalankan pada 15 hingga 22 Ogos 2009 di Pangkalan Udara Subang. Di antara pesawat–pesawat yang terlibat adalah 1 x C130 TUDM, 3 x C130 USAF, 1 x C130 RSAF, 1 x C130 RAAF dan 1 x RNZAF.




(5) **Eksesais Pahlawan 14/2009.**
Eks Pahlawan merupakan eks gabungan bersama TDM, TLDM dan TUDM yang telah dikoordinasikan oleh Mk AB. Eks ini telah dijalankan pada 9 hingga 13 Nov 09 di Bilik Kiambang, Pusat Simulasi dan Olah Perang (PSOP) ATM yang merangkumi simulasi dengan menggunakan Sistem JTLS (Joint Theater Level Simulasi).

(6) **Eksesais SARFIND – Siri 01/2009.**
Eksesais SARFIND siri 1/09 telah diadakan di PU Butterworth pada 08 hingga 10 Apr 09. Eksesais ini bertujuan menguji tahap kebaikan dan keberkesanan peralatan SARFIND BE 594 dan PLB G2R dan juga tahap kemampuan operasi peralatan tersebut semasa operasi mencari dan menyelamat (SAR). Pesawat CN 235, C402B dan Nuri telah digunakan sebagai platform

*(1)* ***CARAT Exercise 09.***
*CARAT Exercise 09 is an Annual Joint Exercise between MAF and USF organized by MAF Headquarters.This exercise was conducted from 18 June to 02 July in Kemaman, Kuantan, Kuala Rompin and South China Sea. This exercise involved all the three MA, RMN and RMAF services with USN, USMC and USF. RMAF assets involved were MiG–29N, Nuri and CN235 air crafts including Air Defence Sknand RMAF Regiment PASKAU.*

*(2)* ***AIR THAMAL19/2009 Exercise.***
*This exercise is an annual Joint Exercise. It was conducted from 15 to 26 June 09 in Butterworth Air Base. The concept of the Air Thamal Exercise this time was conducting the field training specifically for joint air training without involving any in ternational political element. This exercise involved 19 air crafts which were 12 RMAF air crafts and 7 RTAF air crafts. Among the RMAF air crafts involved were 5 x F/A 18D, 5 x Hawk, 1 x CN 235 and 1 x S61A–4 (Nuri), while the TAF air crafts were 6 x F–5 E/F and 1 x BELL 412.*

*(3)* ***RODEO 2009.***
*RODEO is a competition organized by US Air Mobility Command which involves various disciplines such as Tactical Air Drop–Personnel, Container Delivery System CDS, Heavy Equipment HE, Short Field Landing and Aircraft Maintenance. RODEO 2009 was held from 19 to 24 July 09 at McChord Air Force Base Washington, USA. RMAF sent a C130 aircraft along with the crew for this competition. The experience gained from this exercise is very useful in carrying out operations in the country in the future.*

*(4)* ***Pacific Air Lift Rally Exercise 2009 (PAR09).***
*This exercise was conducted between RMAF and Pacific Command from USAF and is known as Ex PAR 09, The exercise was carried out from 15 to 22 August 2009 at Subang Air Base. Among the air crafts involved were 1 x C130 RMAF, 3 x C130 USAF, 1 x C130 RSAF, 1 x C130 RAAF and 1 x RNZAF.*



*(5)* ***Pahlawan Exercise 14/2009 .***
*Pahlawan exercise was a joint exercise with TDM, RMN and RMAF which was coordinated by Mk AB. This exercise was carried out from 9 to 13 Nov 09 in Kiambang Room, MAF Pusat Simulasi dan Olah Perang (PSOP) which included simulations using the JTLS System (Joint Theater Level Simulation)*

*(6)* ***SARFINDExercise – Siri 01/2009.***
*SARFIND exercise series 1/09 was held at Butterworth Air Base from 08 to 10 Apr 09. This exercise was conducted to gauge the level of usefulness and effectiveness of the SARFIND BE 594 equipments PLB G2R equipments and operational capability of the equipments during the search and rescue operations (SAR). CN 235, C402B and Nuri air crafts were used as platforms for SARFIND to scan for data from PLB G2R units on land.*

bagi SARFIND untuk mengesan data dari unit PLB G2R di daratan. Matlamat eksesais ini juga ialah untuk melihat keberkesanan operasi SAR dengan mengunakan peralatan SARFIND serta jaringan radio komunikasi taktikal.

*The purpose of this exercise was to see the effectiveness of SAR operations by using the SARFIND equipments and the tactical radio communication network.*

## KEUNGGULAN DIREKTORAT TEKNIKAL AIRWORTHINESS (DTA)

DTA yang merupakan salah satu badan penguatkuasaan *airworthiness*, telah menjalankan tugas bersama–sama dengan lain–lain perkhidmatan TDM, TLDM, TUDM, Unit UdaraBomba Penyelamat Malaysia (UUBPM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritime Malaysia (APMM). Pada 2009 DTA telah melaksana–kan aktiviti–aktiviti seperti berikut:

(1) Odit Authorised Maintenance Organisation (AMO) terhadap syarikat–syarikat senggaraan yang memohon atau sudah mempunyai kontrak senggaraan pesawat atau peralatan aviasi dengan TUDM dan APMM. Audit tersebut melibatkan lima syarikat baru dan juga pemantauan kepada syarikat sedia ada.

(2) Odit Keupayaan Teknikal terhadap empat syarikat di Amerika dan satu syarikat di Rusia untuk menentukan keupayaan syarikat sebelum disokong untuk diberi kontrak senggaraan.

(3) Menguruskan persijilan pesawat oleh Lembaga Airworthiness untuk pesawat Eurocopter Fennec dan Westland Lynx TLDM, Aermacchi MB339CM TUDM dan Bombardier CL145MP APMM.

(4) Audit Kualiti Dalaman ISO 9001–2000 terhadap Cawang Kejuruteraan dan Bahagian Kejuruteraan Skuadron di PU Butterworth, Kuantan, Labuan, Kuching dan Kuala Lumpur. Ini selaras dengan peranan DTA sebagai Quality Management Representative dalam persijilan SIRIM QAS ISO 9001–2000 bagi Cabang Kejuruteraan. Untuk tahun 2010 Bahagian Kejuruteraan akan diodit berdasarkan kepada SIRIM QAS 9001–2008.

## *SPECIALITY OF THE AIRWORTHINESS TECHNICAL DIRECTORATE (DTA)*

*DTA which is one of the enforcement body for airworthiness, has carried out its duties along with other TDM, RMN, RMAF, Malaysian Fire and Rescue Air Unit and Maritime Enforcement Agency of Malaysia (APMM) services. In 2009 DTA implemented activities as follows:*

*(1) Audit Authorized Maintenance Organization (AMO) on maintenance companies that apply or possess aircraft or aviation equipment maintenance contract with RMAF and APMM.The auditing involved five new companies and monitoring of existing companies.*

*(2) Technical Capability Audit on four companies in America and one company in Russia to determine the ability of the companies before recommendations for maintenance contract award were given.*

*(3) Manages the aircraft certification by Airworthiness Board for Eurocopter Fennec and Westland Lynx RMN, Aermacchi MB339CM RMAF and Bombardier CL145MP APMM aircrafts.*

*(4) ISO 9001–2000 Internal Quality Audit on the Engineering Branch and Squadron Engineering Department at Butterworth,Kuantan, Labuan, Kuching and Kuala Lumpur Air Base. It is in line with the role of DTA as Quality Management Representative in the SIRIM QAS ISO 9001–2000 certification for Engineering Branch. In 2010 the Engineering Department will be audited based on SIRIM QAS 9001–2008.*

## ANUGERAH HARI Q KEMENTAH
## *KEMENTEH QUALITY DAY AWARD*



Hari Q Kementerian Pertahanan telah diadakan pada 17 Dis 09 di Oditorium Wisma Pertahanan. Majlis perasmian dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Menteri Pertahanan. TUDM telah menghantar tiga belas penyertaan dalam Pertandingan Anugerah Kualiti Peringkat Kementerian Pertahanan dan dipilih sebagai johan dalah kategori berikut:
*Ministry of Defence Quality Day was held on 17 Dec 09 in Wisma Pertahanan Auditorium. YB DefenceMinister graced the opening ceremony and presentation of prizes. RMAF sent in thirteen entries for the Quality Award Competition at the Ministry of Defence Level and was chosen as champion in the following category:*

(1) Anugerah Khas Kesiagaan (Operasi) – KTU, Alor Setar.
*Readiness Special Award (Operations) – KTU, Alor Setar.*

(2) Kategori Anugerah Inovasi – PUSPEKA
*Innovation Award Category – PUSPEKA*

(3) Kategori Anugerah Pengurusan Logistik – Cawang Materiel, KTU Alor Setar.
*Logistic Management Award Category – Cawang Materiel, KTU Alor Setar.*

## ANUGERAH KUALITI PANGLIMA TENTERA UDARA DAN TUDM

Sebanyak 32 penyertaan telah diterima daripada markas–markas dan pangkalan–pangkalan serta skn TUDM untuk mengambil bahagian di dalam pertandingan ini. Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

**Keputusan Anugerah Kualiti Panglima Tentera Udara (AKPTU).**

(1) Johan – PLKKL.
(2) Naib Johan – PULATIBANG 1, Alor Setar.
(3) Ketiga – PU Kuala Lumpur.

**Keputusan Anugerah Kualiti Tentera Udara Diraja Malaysia (AKTUDM).**

(1) Kategori Pengurusan Sumber Manusia.

(a) Johan – PLPL, TUDM Kinrara.
(b) Naib Johan – Skn 322, TUDM Bukit Ibam.
(c) Ketiga – PU Labuan.

(2) Kategori Pengurusan Kewangan.

(a) Johan – Cawang Materiel PU Gong Kedak.
(b) Naib Johan – Cawang Materiel PU Butterworth.
(c) Ketiga – Skn 323, TUDM Bukit Lunchu.

(3) Kategori Pengurusan Logistik.

(a) Johan – Cawang Materiel, KTU Alor Setar.
(b) Naib Johan – Terminal Peluru 1, PU Kuantan.
(c) Ketiga – Cawang Materiel, PU Labuan.

(4) Kategori Inovasi.

(a) Johan – ITAS, KTU Alor Setar.
(b) Naib Johan – PUSPEKA, PU Subang.
(c) Ketiga – PU Subang.

(5) Kategori Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

(a) Johan – MTU JTMK.

(6) Kategori Pengurusan Projek.

(a) Johan – MTU Perancangan dan Pembangunan.

## *AIR FORCE COMMANDER AND RMAF QUALITY AWARD*

*A total of 32 entries were received from offices and bases and RMAF squadrons to take part in the competition. Results of the competition are as follows:*

***Results for Air Force Commander Quality Award .***

*(1) Winner – PLKKL.*
*(2) Runner Up – PULATIBANG 1, Alor Setar.*
*(3) Third – PU Kuala Lumpur.*

***Results for Malaysian Air Force Quality Award.***

*(1) Management of Human Resource Category.*

*(a) Winner – PLPL, RMAF Kinrara.*
*(b) Runner-Up – Skn 322, RMAF Bukit Ibam.*
*(c) Third – PU Labuan.*

*(2) Financial Management Category.*

*(a) Winner – Cawang Materiel PU Gong Kedak.*
*(b) Runner-Up – Cawang Materiel PU Butterworth.*
*(c) Third – Skn 323, RMAF Bukit Lunchu.*

*(3) Logistic Management Category.*

*(a) Winner – Cawang Materiel, KTU Alor Setar.*
*(b) Runner-Up – Terminal Peluru 1, PU Kuantan.*
*(c) Third – Cawang Materiel, PU Labuan.*

*(4) Innovation Category.*

*(a) Winner – ITAS, KTU Alor Setar.*
*(b) Runner-Up – PUSPEKA, PU Subang.*
*(c) Third – PU Subang.*

*(5) Information Technology and Communication Category.*

*(a) Winner – MTU JTMK.*

*(6) Project Management Category.*

*(a) Winner – MTU Planning and Development.*

## PETINJU TUDM HARUMKAN NAMA NEGARA DI TEMASYA SUKAN SEA LAOS
## *RMAF BOXER LIFT THE COUNTRY'S PRIDE AT LAOS SEA GAMES*

Petinju daripada Tentera Udara Diraja Malaysia, 726260 LU Mohd Fairus Azwan bin Abdullah yang berkhidmat di Regimen TUDM Bukit Jugra telah mengharumkan nama Negara dan juga Angkatan Tentera Malaysia khususnya TUDM apabila berjaya menyumbangkan sebutir pingat emas bagi acara tinju di Temasya Sukan Sea, Laos pada 17 Disember 2009 yang lalu. Dalam acara akhir kategori 81 kg berkenaan, Mohd Fairus telah berjaya mengalahkan seorang petinju berpengalaman daripada Indonesia.
*A boxer from Malaysian Royal Air Force, 726260 LU Mohd Fairus Azwan bin Abdullah who is attached to Bukit Jugra RMAF Regiment has made the Nation and the Malaysian Armed Forces especially RMAF proud when he succeeded in contributing a gold medal through the boxing event at the Sea Games, Laos on 17 December 2009. In the final event for the 81 kg category, Mohd Fairus succeeded in beating an experienced boxer from Indonesia.*





Edisi ke 25 kali ini pasti memberikan kenangan manis kepada anak kelahiran Felda Cini, Pekan, Pahang ini kerana telah berjaya mengharumkan nama negara sekaligus melonjakkan nama TUDM dalam bidang sukan. Kejayaan beliau di peringkat antarabangsa sudah tentu akan menyuntik semangat anggota–anggota TUDM untuk berusaha dengan lebih gigih lagi dalam kerjaya mahupun sukan. Syabas diucapkan dari seluruh warga TUDM.
*The 25th edition this time would surely left a sweet memory in the mind of this man from Felda Cini, Pekan, Pahang for making the country famous and at the same time popularize RMAF in the sports arena. His success at international level surely would boost the morale of RMAF members to strive much harder in their careers as well as sports. Congratulations to all members of RMAF.*

## TUDM JUARA KEJOHANAN KRIKET INTERNATIONAL DEFENCE CRICKET CHALLENGE (IDCC) 09, AUSTRALIA

## *RMAF IS THE WINNER OF INTERNATIONAL DEFENCE CRICKET CHALLENGE (IDCC) 09 CRICKET CHAMPIONSHIP, AUSTRALIA*





Pasukan Kriket Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah menjuarai Kejohanan Kriket International Defence Cricket Challenge (IDCC) 09 yang diadakan di Canberra, Australia bermula dari 15 hingga 28 November 2009.
*Malaysian Royal Air Force (RMAF) Cricket Team has won the International Defence Cricket Challenge (IDCC) 09 Cricket Championship which was held in Canberra, Australia form 15 to 28 November 2009.*

Kejohanan IDCC adalah kejohanan kriket yang melibatkan pasukan kriket yang mewakili perkhidmatan tentera masing–masing. Sebanyak 8 buah pasukan telah menyertai kejohanan IDCC pada kali ini. Pasukan–pasukan berkenaan adalah Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Royal Australian Navy (RAN), Australian Army (AA), Royal New Zealand Airforce (RNZAF), Indian Armed Forces (IAF), Royal Australian Airforce (RAAF), New Zealand Army (NZA) dan Royal New Zealand Navy (RNZN).
*The IDCC championship is a cricket tournament, which involves cricket teams that represent their respective military services. 8 teams participated in the IDCC championship this time. The teams are Royal Malaysian Air Force (RMAF), Royal Australian Navy (RAN), Australian Army (AA), Royal New Zealand Airforce (RNZAF), Indian Armed Forces (IAF), Royal Australian Airforce (RAAF), New Zealand Army (NZA) and Royal New Zealand Navy (RNZN).*



Pada Kejohanan IDCC 09, Pasukan Kriket TUDM telah memenangi 5 daripada 7 perlawanan keseluruhan pusingan awal dan layak ke separuh akhir. Pada separuh akhir, Pasukan Kriket TUDM telah bertemu dengan pasukan Royal New Zealand Air Force dan memenangi perlawanan dengan kiraan 288 larian berbanding 43 seterusnya layak ke perlawanan akhir.

Pada perlawanan akhir, Pasukan Kriket TUDM telah bertemu dengan Pasukan Australia Army dan memenangi perlawanan tersebut dengan kiraan 313 larian berbanding 164 sekaligus menjadi johan kejohanan tersebut.

Pemain Kriket TUDM, Laskar Udara II Mohd Suharril Fetri bin Shuib telah dinamakan sebagai pemukul terbanyak manakala Laskar Udara I Mohd Anwar bin Arudin telah dipilih sebagai pemain terbaik keseluruhan (Man of The Series) pada kejohanan tersebut.

*In the IDCC 09 Championship, RMAF Cricket Team won 5 out 7 matches in the preliminary round and was qualified to compete in the semi finals. In the semi final, the RMAF Cricket Team met the Royal New Zealand Air Force team and won the match with 288 runs compared to 43 and thus, qualified to proceed to the final.*

*In the final match, the RMAF Cricket Team faced the Australian Army Team and won the match with 313 runs compared to 164 and hence, emerged as the winner of the championship.*

*A RMAF Cricket Player, Laskar Udara II Mohd Suharril Fetri bin Shuib was selected as the top batter while Laskar Udara I Mohd Anwar bin Arudin was selected as the best overall player (Man of The Series) at the championship.*

## BUDA CEMERLANG DI DUBAI
## *BUDA WAS EXCELLENT IN DUBAI*





Atlit Bina Badan TUDM Flait Sarjan Buda ak Anchah telah menunjukkan kecemerlangan dengan menduduki tempat ke – 4 dunia kategori Flyweight 60 kg di Kejohanan Dunia Bina Badan 2009.

*RMAF Body Building Athlete Flight Sergeant Buda ak Anchah has demonstrated his excellence by placing himself in 4th place in the world in the 60 kg Flyweight category at the Body Building World Championship 2009.*

Kejohanan yang diadakan pada 3 hingga 8 November 2009 di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) telah disertai sebanyak 75 buah negara. Kejohanan dunia ini adalah yang pertama kali disertai oleh Flait Sarjan Buda bersama–sama dengan Juara Bina Badan Negara Sazali Samad yang memenangi tempat pertama Mr Universe.

*The championship, which was held from 3 to 8 November 2009 in Dubai, United Arab Emirated was participated by 75 countries. This world championship was participated for the first time by Flight Sergeant Buda along with the National Body Building Champion Sazali Samad who won the first place Mr Universe.*

Beliau ketika dihubungi memberi komen “Ini adalah pencapaian yang amat membanggakan saya. Diharap TUDM turut berbangga dengan pencapaian ini dan semoga pucuk pimpinan TUDM dapat menyokong terutama dari segi kos makanan tambahan yang tinggi dan sokongan moral pada masa–masa akan datang”

*When contacted he commented “This is an achievement that makes me very proud. It is hoped that RMAF is also proud with this achievement and hopefully the RMAF top management will give their support especially in terms of the high cost of additional food and moral support in the future”*

## LAWATAN RASMI PERSARAAN MEJ JEN NG CHEE KHERN, PANGLIMA TENTERA UDARA SINGAPURA
## *OFFICIAL RETIREMENT VISIT BY MEJ JEN NG CHEE KHERN, SINGAPORE AIR FORCE COMMANDER*





Satu lawatan rasmi sempena persaraan Mej Jen Ng Chee Khern, Panglima Tentera Udara Singapura ke Malaysia pada 20 Okt 09.

*An official visit in conjunction with the retirement of Mej Jen Ng Chee Khern, Singapore Air Force Commander to Malaysia on 20 Oct 09.*

Semasa berada di Malaysia, Panglima Tentera Udara Singapura telah membuat kunjungan hormat kepada Panglima Angkatan Tentera, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan juga Panglima Tentera Udara.

*When he was in Malaysia, the Singapore Air Force Commander made a courtesy call to the Air Force Commander, Chief Secretary of Ministry of Defence and also the Air Force Commander.*

## MISI MEMBAWA PULANG PELAJAR MALAYSIA DARI PADANG, INDONESIA
## *MISSION TO BRING HOME MALAYSIAN STUDENTS FROM PADANG, INDONESIA*



TUDM telah terlibat dalam misi membawa pulang rakyat Malaysia yang terperangkap di Padang, Indonesia dalam kejadian gempa bumi yang berlaku pada 29 Sep 09. Dalam misi tersebut, TUDM telah menghantar sebanyak 4 buah pesawat pengangkut iaitu 3 buah pesawat C130H dan sebuah pesawat CN 235. Seramai 383 orang rakyat Malaysia yang mana sebahagian besarnya adalah pelajar Malaysia yang sedang melanjutkan pelajaran di universiti–universiti di sana dan selebihnya rakyat Malaysia yang bekerja telah berjaya dibawa pulang.



*RMAF was involved in the mission to bring home Malaysians who were trapped in Padang, Indonesia in the earthquake disaster on 29 Sept 09. In the mission, RMAF sent 4 transportation aircrafts, which were 3 C130H aircrafts and one CN235 aircraft. A total of 383 Malaysians where most of them were students pursuing their studies at the universities over there and the rest were Malaysians who were working were brought home safely.*

Pesawat–pesawat TUDM telah berlepas pada sebelah malam bermula dari kira–kira jam 11.50 malam secara berperingkat yang turut membawa wakil–wakil dari Majlis Keselamatan

*The RMAF aircrafts departed at night starting from 11.50 p.m in stages which also carried representatives from National Security Council, Ministry of Foreign Affairs, Ministry of*

Negara, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Pertahanan Awam dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pesawat–pesawat berkenaan tiba semula bersama–sama 383 pelajar serta rakyat Malaysia yang lain di Pangkalan PU Subang secara berperingkat bermula dari 5.10 pagi dan pesawat terakhir tiba pada jam 8.25 pagi.

*Higher Education, Public Defence Department and Malaysian Ministry of Health. The air crafts arrived back with 383 students and other Malaysian at Subang Air Base in stages starting from 5.10 a.m and the last aircraft arrived at 8.25 a.m.*

## PERBARISAN HUT TUDM KE – 51
## *THE 51TH RMAF ANNIVERSARY PARADE*





Satu perbarisan sempena sambutan Hari Ulang Tahun TUDM ke – 51 telah diadakan pada 01 Jun 2009 bertempat di Pangkalan Udara Subang, Shah Alam. Upacara Perbarisan ini diadakan bagi menyambut kegemilangan TUDM selama 51 tahun berkhidmat dalam menjaga pertahanan ruang udara negara.

*A parade in conjunction with the 51th RMAF Anniversary was held on 1 June 2009 at the Subang Air Base, Shah Alam. This Parade was organized to celebrate the RMAF 51 years of excellent service in looking after the national air defence.*

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al–Musta'in Billah Ibni Al–Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al–Muazam Shah diiringi oleh YBhg Panglima Tentera Udara Jen Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM telah berkenan mencemar duli mengambil tabik hormat dan membacakan Titah DiRaja di perbarisan tersebut.

*The Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al–Musta'in Billah Ibni Al–Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al–Muazam Shah who was accompanied by the YBhg Air Force Commander Jen Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin RMAF received the general salute and read out the Royal Speech at the parade.*

## SIARAN LANGSUNG RANCANGAN 'APA KATA WANITA' DI PANGKALAN UDARA SUBANG

Rancangan terbitan RTM 1, 'Apa Kata Wanita' telah disiarkan secara langsung dari PU Subang pada 31 Mei 2009 jam 10.05 pagi. Rancangan yang diterbitkan khas oleh RTM 1 sempena Hari Ulangtahun TUDM ke 51 ini, telah menampilkan 3 orang Pegawai Wanita TUDM sebagai tetamu jemputan sesi wawancara. Rancangan berkenaan juga turut memfokuskan peranan BAKAT Udara.

## *LIVE COVERAGE OF THE PROGRAMME 'APA KATA WANITA' AT THE SUBANG AIR BASE*

*The programme, 'Apa Kata Wanita' produced by RTM 1 was broadcasted live from Subang Air Base on 31 May 2009 at 10.05 a.m. The programme which was specially produced by RTM 1 in conjunction with the RMAF 51st Anniversary brought forward 3 RMAF female officers as the invited guest for the discussion session. The programme also focused on the roles of BAKAT Udara.*



**Siaran langsung dari PU Subang**
***Live telecast from Subang Air Base***



**3 orang Pegawai Wanita TUDM sebagai tetamu jemputan sesi wawancara**
***3 RMAF Female officers as the invited guests for the discussion session.***

# MARKAS ANGKATAN BERSAMA

# *JOINT TASK FORCE*

## Organisasi Markas Angkatan Bersama

## *Joint Task Forces Organisation*






## OPERASI DALAM NEGARA

Walaupun keselamatan negara ditahap yang baik dan terkawal, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) masih melaksanakan operasi diperbatasan negara bagi menghindar ancaman luar seperti anasir Jemaah Islamiah, kumpulan militan, ancaman tuntutan wilayah serta pelanunan sedang dilaksanakan dengan melibatkan aset dari ketiga–tiga perkhidmatan. Operasi yang telah dilaksanakan sepanjang 2009 adalah seperti berikut:

## *INTERNAL OPERATIONS*

*Even though the national security is at a manageable level, the Malaysian Armed Forces (MAF) still implements operations at the border to keep external threats such as the Jemaah Islamiah, militant groups, regional claim threats and piracy at bay which involve assets from the three services. The operations that were implemented through out 2009 are as follows:*

### OP PASIR.

Ekoran dua kes penculikan yang berlaku di perairan Timur Sabah, kabinet telah mengarahkan pasukan Tentera Darat untuk diaturgerakkan ke semua pulau dan resort di Timur Sabah dan aturgerak Op PASIR mula dikuatkuasakan. Kata kod PASIR yang digunakan bagi operasi ini adalah diambil sempena lokasi kejadian kes penculikan yang berlaku iaitu "Pandanan And Sipadan Island Resort". Markas Angkatan Tugas Bersama 2 (MK ATB 2) telah ditubuhkan di bawah pemerintahan Markas Angkatan Bersama (MK AB) bagi tujuan menyelaras semua penugasan, aturgerak, perintah dan kawalan aset–aset yang dipertanggungjawabkan memikul tugas Op PASIR. Op PASIR mempunyai 2 sektor iaitu sektor utara dan sektor selatan merangkumi kawasan–kawasan pesisiran pantai dan perairan Timur Sabah.

### *OP PASIR.*

*Following the two abduction cases at East Sabah coasts, the cabinet instructed the Army to be deployed to all islands and resorts and operation Op PASIR began to be enforced. Code work PASIR used for this operation was chosen due to the location of the abduction case which were "Pandanan And Sipadan Island Resort". Joint Task Force Headquarters 2 (MK ATB 2) was established under the command of the Joint Task Force Headquarter with the purpose of coordinating all assignments, deployment, commands and control of assets which were used to facilitate OP PASIR. OP PASIR has 2 sectors, namely northern sector and south sector which include areas by the coasts and waters of Eastern Sabah.*



**Timbalan Menteri Pertahanan bersama anggota OP PASIR**
*Deputy Minister of Defence with the members of the OP PASIR*

### OP PADANG.

Op PADANG telah diwujudkankan berikutan berlaku bencana alam gempa bumi di Wilayah Sumatera Barat, Indonesia dengan kekuatan 7.9 Skala Ritcher pada 30 Sep 09. Ekoran dari kejadian gempa bumi di Padang, Indonesia, Tim bantuan kemanusiaan Malaysia telah diaturgerakkan ke Padang untuk misi bantuan. Lt Kol Sabre bin Hassan telah terlibat dengan operasi ini dan dilantik sebagai Pegawai Penyelaras Op PADANG di Padang, Indonesia mulai 03 hingga 13 Okt 09.

### *OP PADANG*

*OP PADANG was established in view of the earthquake disaster in Western Sumatra Province, Indonesia with a force of 7.9 on the Richter Scale on 30 Sept 09. As a result of the earthquake in Padang, Indonesia, Malaysian humanitarian aid Team was deployed to Padang on the aid mission. Lt Kol Sabre bin Hassan was involved in this operation and appointed as the Op PADANG Coordinating officer at Padang, Indonesia from 02 to 13 Oct 09.*

### OP SETIA BERSEPADU Siri 1/2009.

Op SETIA BERSEPADU ini telah dirasmikan pelancarannya oleh PAB pada 12 Okt 09 di Kem Azumi Semporna, Sabah. Operasi ini bertujuan untuk merealisasikan pengimplimentasian kerjasama operasi bersepadu antara semua agensi penguatkuasaan keselamatan khususnya di kawasan perairan Pantai Timur Sabah dan Laut Sulawesi. Operasi telah melibatkan penyertaan daripada Unit Udara dan Marin Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) dan ATM.

### *OP SETIA BERSEPADU Series 1/2009.*

*The launching of Op SETIA BERSEPADU was officiated by PAB on 12 OCT 09 AT Azumi Camp, Semporna, Sabah. This operation was executed to realize the implementation of integrated operation cooperation among all security enforcement agencies particularly in the waters of Eastern Sabah Coasts and Sulawesi Sea areas. The operation involved participation of Air Unit and Malaysian Royal Marine Police, Malaysian Maritime Enforcement Agency and MAF.*

## OPERASI LUAR NEGARA

**Misi PBB.** Kehadiran ATM di luar negara semakin dirasai dunia. Penglibatan anggota ATM dalam misi PBB telah menaikkan imej ATM khususnya dan negara amnya melalui kemampuan, dedikasi serta disiplin anggota ATM yang tinggi semasa penugasan. Secara umumnya, anggota ATM terlibat dengan pelbagai misi PBB secara aktif. Antara misi tersebut adalah seperti berikut:

## *FOREIGN OPERATIONS*

***UN Mission.*** *MAF foreign presence is increasingly noticed in the world. The involvement of MAF in the UN mission has enhanced the image of MAF in particular and the nation in general through the exceptional ability, dedication and discipline of MAF demonstrated during execution of their tasks. In general, MAF is involved in various UN mission actively. Among the missions are as follows:*

| Bil *Num* | Misi (Negara) *Mission (Country)* | Pegawai *Officer* | LLP | Jumlah *Total* |
|---|---|---|---|---|
| 1. | UNIFIL Lubnan | 27 | 713 | 740 |
| 2. | Malaysian Medical Unit | 9 | 11 | 20 |
| 3. | MONUC (Congo) | 17 | 0 | 17 |
| 4. | UNMIS (Sudan) | 8 | 0 | 8 |
| 5. | UNMID (Darfur) | 15 | 4 | 19 |
| 6. | UNMIN (Nepal) | 6 | 0 | 6 |
| 7. | UNMIS (Timur Leste) | 3 | 3 | 6 |
| 8. | MINURSO (Sahara Barat) | 12 | 0 | 12 |
| 9. | Pegawai Staf / *Staf Officer* UNDPKO | 4 | 0 | 4 |
| | Jumlah keseluruhan / *Total Amount* | 101 | 731 | 832 |



Kontinjen MALCON WEST 2 terdiri dari anggota ATM dan ABDB ke Misi PBB UNIFIL Lubnan
*The MALCON WEST 2 consists of members of MAF and ABDB on the Lebanon UNIFIL UN Mission.*

## LATIHAN DAN EKSESAIS

Semua Eksesais yang telah dilaksanakan mengikut jadual yang dirancang dan berikut adalah Eksesais yang dilaksanakan sepanjang tahun 2009:

## *TRAINING AND EXERCISES*

*All Exercises were implemented as scheduled and the following are the Exercises implemented through out 2009:*

### EKSESAIS TAURUS 2009.

Eksesais TAURUS 2009 merupakan satu One Off Eks yang dilaksanakan di antara ATM dan Amphibious Task Group UK. Bahagian J3–Cawangan Eksesais Bersama (J3–CEB) telah bertindak sebagai pengendali untuk pelaksanaan Eksesais ini yang melibatkan aktiviti seperti PASSEX, Latihan Medan di antara UK Marine Corp dengan Elemen Darat di PULADA dan juga aktiviti Port Call di Pulau

### *TAURUS EXERCISE 2009.*

*The TAURUS Exercise 2009 was a one off Eks implemented between MAF and Amphibious Task Group UK.The J3 Department–Joint Exercise Branch (J3–CEB) was appointed as an organizer for the implementation of the Exercise which involved activities such as PASSEX, Field Exercise betweenUK Marine Corp and the Land Element di PULADA and the Port Call activities in Penang, Langkawi, Port Klang, Pasir Gudang*

Pinang, Langkawi, Pelabuhan Klang, Pasir Gudang dan Kota Kinabalu. Eksesais TAURUS 09 telah dilaksanakan mulai 06 Mei 09 hingga 23 Jun 09 di merata tempat di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah.

*and Kota Kinabalu. The TAURUS Exercise 09 was implemented from 06 May to 23 June 09 at various places in Peninsula Malaysia and Sabah.*

**EKSESAIS BERSAMA SHIELD 09.**

Eksesais BERSAMA SHIELD 09 telah diadakan mulai 18 Mei 09 hingga 29 Mei 09. Markas Kawalan Eksesais berada di Butterworth Air Base dan Eksesais dilaksanakan di ruang angkasa dan perairan kawasan latihan FPDA. Eksesais ini telah dikendalikan oleh HQ IADS dan J3–EB bertindak membantu mengendalikan kumpulan pengendali dan pelaku ketiga–tiga perkhidmatan ATM. Secara keseluruhannya, Eksesais ini telah berjaya dilaksanakan mengikut perancangan.

***SHIELD JOINT EXERCISE 09.***

*SHIELD JOINT Exercise 09 was implemented from 18 May to 29 May 09. Exercise Control Headquarter is located at Butterworth Air Base and the Exercise was implemented at the FPDA training area air space and waters. The Exercise was administered by HQ IADS and J3–CEB assisted in handling the operating group and executors from the three MAF services. on the whole, this Exercise was successfully implemented as planned.*

**COMMAND POST EXERCISE (CPX) DI ANTARA SJFHQ DAN JFHQ.**

CPX di antara SJFHQ dan JFHQ telah diadakan pada 8 Jun 09 sehingga 19 Jun 09 di Awana Kijal, Terengganu dan melibatkan seramai 50 pegawai daripada MK AB termasuk dari ketiga–tiga perkhidmatan dan seramai 24 orang pegawai daripada SJFHQ (USPACOM). Tema CPX adalah Peace Support Operation dan fokus Eksesais adalah lebih kepada Combined Joint Operation, Battle Rhythm dan Board, Bureau, Cell, Centres and Working Group (B2C2WG). CPX ini telah memberi peluang yang amat baik kepada peserta berkenaan Combined Joint Operation dan cara–cara sistem pekerjaan Staff di SJFHQ.

***COMMAND POST EXERCISE (CPX) BETWEEN SJFHQ AND JFHQ.***

*CPX between SJFHQ and JFHQ was held from 8 June 09 to 19 June 09 at Awana Kijal, Terengganu involving 50 officers from MK AB including the three services and 24 officers from SJFHQ (USPACOM). The CPX theme was Peace Support Operation and the focus of the Exercise was more towards Combined Joint Operation, Battle Rhythm and Board, Bureau, Cell, Centres and Working Group (B2C2WG). The CPX provides excellent opportunities for the participants regarding Combined Joint Operation and Staff working system procedures at SJFHQ.*

**COMBINED AFLOAT READINESS AND TRAINING (CARAT) 2009.**

CARAT 2009 telah diadakan pada 22 Jun 09 hingga 02 Jul 09 di kawasan perairan, angkasa dan darat sekitar Kijal, Terengganu, Mersing, Pulau Tenggol dan Laut China Selatan. CARAT 2009 melibatkan 10 aktiviti utama yang telah dilaksanakan antara United State Force (USF) dan ATM secara penuh "Full Scale". Tema utama CARAT pada tahun ini adalah EKS PENYU TRIDENT (amphibious) dibantu oleh Eksesais yang lain dan kemuncak Eksesais adalah Amphibious Assault di Pantai Awana Kijal, Terengganu. CARAT 2009 telah memberi peluang yang amat baik untuk peserta bergaul dan menimba pembelajaran daripada USF.

***COMBINED AFLOAT READINESS AND TRAINING (CARAT) 2009.***

*CARAT 2009 was held from 22 June to 02 July 09 at the space, land and waters around Kijal, Terengganu, Mersing, Pulau Tengol and South China Sea. CARAT 2009 involved 10 main activities which were implemented among United State Force (USF) and MAF at "Full Scale". The main theme for CARAT this year was EKS PENYU TRIDENT (amphibious) complemented by other Exercises and the height of the Exercise was Amphibious Assault at Pantai Awana Kijal, Terengganu. CARAT 2009 opened up a great opportunity for participants to mix around and gain knowledge from USF.*



Anggota ATM dan Amphibious Assault milik USF dalam Eks CARAT 09.
*Member of MAF and Amphibious Assault owned by USF in Eks CARAT 09.*

**EKSESAIS BERSAMA LIMA 2009.**

Eksesais BERSAMA LIMA 2009 telah diadakan pada 5 Oktober 2009 sehingga 23 Oktober 2009 di Changi Naval Base dan Singapura adalah sebagai Host Nation pada kali ini. J3–CEB telah bersama membantu merancang Eksesais pada kali ini melalui beberapa siri mesyuarat dan bertanggungjawab sepenuhnya mengurus dan mengendalikan kumpulan pengendali dan peserta–peserta ATM terdiri daripada MK AB dari ketiga–tiga perkhidmatan sepanjang Eksesais dilaksanakan di Singapura. Eksesais BERSAMA LIMA 09 adalah Eksesais kesinambungan kepada Eksesais BERSAMA PADU 2010 di mana Malaysia akan menjadi Host Nation pada tahun 2010.

*JOINT EXERCISE WITH LIMA 2009.*

*JOINT EXERCISE WITH LIMA 2009 was implemented from 5 October 2009 to 23 October 2009 at Changi Naval Base and Singapore was the Host Nation this time. J3–CEB also assisted in planning the Exercise this time through several series of meetings and was fully responsible for managing and controlling the administrating group and the MAF participants consisting of MK AB from the three services through out the Exercise implementation period in Singapore. The BERSAMA LIMA 09 Exercise is a continuation of the BERSAMA PADU 2010 Exercise where Malaysia will be the Host Nation in 2010.*

**COMMAND AND STAFF TRAINING 1 (CAST 1).**

Siri latihan CAST ialah sebahagian daripada persiapan untuk EKS PAHLAWAN. CAST 1 merupakan latihan HQ Staff Training sejajar dengan rancangan Pembangunan Keupayaan (Capability Development) MK AB telah diadakan di A FAMOSA, Melaka pada 10 Ogos 09 hingga 22 Ogos 09 dan melibatkan seramai 64 Pegawai MK AB. Latihan selama 12 hari ini bertujuan untuk melatih staf MK AB dalam proses perancangan dan pelaksanaan Operasi Bersama dalam senario Nasional. Fokus atau penumpuan latihan adalah kepada Joint Operational Planning Process (JOPP) dan Proses Pembangunan Konsep (CONOP).

***COMMAND AND STAFF TRAINING 1 (CAST 1).***

